Sahsiah yang terpuji adalah merujuk kepada keperibadian dan akhlak yang baik. Ia menjadi hasrat dan impian setiap manusia untuk memilikinya. Sahsiah yang cemerlang digambarkan melalui keelokan tingkah laku, keramahan perkataan dan hati yang bersih. Sahsiah juga didefinisikan sebagai akhlak. Akhlak merupakan warisan maknawi daripada Rasulullah s.a.w kepada umatnya yang berperanan melahirkan insan yang cemerlang sama ada di dunia mahupun di akhirat. Kecemerlangan akhlak dan sahsiah akan membawa banyak kebaikan kepada agama, bangsa, individu, masyarakat dan negara.

Menurut Ibn Miskawayh, akhlak merujuk kepada suatu situasi yang terbentuk dalam diri seseorang manusia dan ia berfungsi sebagai kuasa eksekutif yang mengarah seseorang untuk melakukan semua perbuatannya. Al-Ghazali berpandangan bahawa akhlak bukan ilmu atau makrifah tentang kebaikan dan keburukan kerana ilmu tidak semestinya menjamin seseorang itu menjadi baik atau buruk.¹ Pandangan kedua-dua tokoh sarjana dipersetujui oleh Asming Yalawae dan Ahmad Farid Ibrahim (2007) yang menyatakan bahawa akhlak ialah satu kelakuan yang baik yang menggambarkan seseorang itu beragama yang lahir dari watak dan tingkah laku yang baik. Ia bermaksud satu ibarat dari kelakuan diri yang tetap dan terkeluar daripadanya beberapa perbuatan dengan mudah serta tenang tanpa memerlukan kepada pemikiran dan riwayat.²

Secara umumnya, akhlak terbahagi kepada dua bahagian, iaitu akhlak yang terpuji dan akhlak yang buruk. Akhlak yang terpuji merupakan tuntutan utama dalam Islam dan

¹ Mohd Nasir Omar, *Falsafah Akhlak Edisi Kedua* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 40.

² Asming Yalawae dan Ahmad Farid Ibrahim, "Akhlak Warisan Rasulullah s.a.w Membawa Kemuliaan Umat", *Jurnal Usuluddin* 26 (Julai - Disember 2007), 72-73.

merupakan sifat utama para nabi, rasul, sahabat, *tābi'īn*, *siddīqīn*, *syuhadā'* dan *sālihīn*. Akhlak yang baik itu ditegakkan atas dasar membuat perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t, manakala akhlak yang buruk pula ialah kelakuan yang negatif yang menghalang manusia daripada mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t sebagaimana firman-Nya dalam al-Quran:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِمَّا يَبُلُغَنَّ
عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرَهُمَا
وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ
الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Al-Isra' 17: 23-24

Terjemahan: Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya kamu tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah kamu berbuat baik terhadap kedua ibu bapa kamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sampai kepada usia yang lanjut dalam jagaan dan pemeliharaanmu, maka janganlah sekali-kali kamu mengatakan kepada keduanya "ah", dan janganlah kamu membentak mereka, tetapi ucapkanlah kepada mereka perkataan yang sopan dan mulia. Dan hendaklah kamu merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "*Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikkmu semasa kecil*".

Sabda Rasulullah s.a.w pula:

إِنَّمَا بَعَثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Terjemahan: Sesungguhnya Aku diutuskan hanyalah semata-mata untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Demikianlah ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w di atas yang menghuraikan tentang akhlak Islamiah yang merujuk kepada akhlak yang terpuji. Allah s.w.t telah

mengutuskan Rasulullah s.a.w kepada umat Islam dengan tujuan untuk mengabdikan diri kepada-Nya dan memperbaiki akhlak umatnya. Kemuliaan dan penghormatan sesuatu bangsa atau umat adalah bergantung kepada ketinggian akhlaknya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan sesebuah negara, khususnya dalam membangunkan sahsiah dan membentuk tingkah laku manusia. Bagi negara yang bercita-cita untuk menjadi sebuah negara yang cemerlang, ukuran kecemerlangan itu bukan sahaja dinilai dari aspek kemajuan material yang dicapai semata-mata, sebaliknya terdapat beberapa aspek lain yang sangat penting dan perlu diambil kira, seperti pembangunan modal insan, nilai, akhlak, tingkah laku, moral dan sahsiah yang tinggi.

Allah s.w.t meletakkan elemen pendidikan pada kedudukan yang paling tinggi. Pendidikan juga merupakan sebahagian ibadah yang paling utama. Kepentingan pendidikan difokuskan dalam ayat al-Quran yang pertama diturunkan, iaitu surah *al-'Alaq*. Firman Allah s.w.t:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَلَمْ يَكُنْ لَهُ كَلِمٌ إِذْ دَعَاهُ رَبُّهُ مِنْ إِذْنٍ ﴿٣﴾ أَلَمْ يَجْعَلْ يَدَيْهِ عُزْدَةَ لِلْإِنْسَانِ نَسَافٍ ﴿٤﴾ أَلَمْ يَجْعَلْ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٥﴾



Al-,Alaq 96: 1-5

Terjemahan: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dialah yang menciptakan manusia daripada sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dialah yang mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Islam menekankan pendidikan berbentuk duniawi dan ukhrawi. Dalam hal ini, Islam membahagikan ilmu kepada dua kategori, iaitu ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Ilmu fardu ain diwajibkan ke atas setiap muslim supaya mempelajari dan melaksanakan tuntutan agama, sementara ilmu fardu kifayah pula diwajibkan ke atas sekumpulan manusia dalam masyarakat tanpa melihat kepada individu tertentu, seperti dalam bidang kedoktoran, pertanian, perindustrian, kejuruteraan, ekonomi, sains dan lain-lain lagi. Konsep pendidikan bersepadu yang dibawa oleh Islam berlawanan dengan aliran pemikiran Barat yang memisahkan ilmu kepada dua bahagian yang disebut sebagai teologi dan sains atau *religious knowledge*, sedangkan bidang sains dan teologi tidak bercanggah, bahkan saling melengkapi di antara satu sama lain.³

Matlamat pendidikan negara dibangunkan selari dengan tuntutan agama, iaitu untuk melahirkan insan yang baik sebagaimana dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Prinsip Rukun Negara. FPK yang digubal pada tahun 1988 dan disemak semula pada tahun 1996 telah menzahirkan wawasan pendidikan negara sebagai suatu cara perkembangan holistik dalam menjana pembangunan modal insan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.⁴ Ia menitikberatkan kemenjadian insan yang seimbang dan harmonis dari aspek-aspek tersebut yang akhirnya berkeupayaan melahirkan masyarakat yang memiliki sahsiah yang terpuji, berilmu pengetahuan, bertanggungjawab dan berkeupayaan untuk memberikan sumbangan kepada semua pihak. Ia juga berfungsi sebagai penyatu, penyelaras dan penghimpun dari pelbagai aspek pendidikan yang diistilahkan sebagai pengalaman, aktiviti, pengajaran individu, masyarakat, sistem nilai dan sebagainya, iaitu:

³ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam dan j-QAF (Siri Pendidikan Guru)*, ed. ke-2 (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2011), 356.

⁴ Mohd Fathi Adnan, Rohana Hamzah dan Amirmudin Udin, *Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2014), 2.

*”Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.*⁵

Demikianlah pula dengan FPI yang merupakan falsafah pendidikan berteraskan ruh Islam yang menyediakan manusia dengan ilmu pengetahuan yang seimbang agar dapat mengenali diri, tugas dan tanggungjawab serta mengetahui cara untuk menjalankan atau melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah s.w.t di bumi ini. Oleh itu, tidak hairanlah jika perkara penting seperti pendidikan aqidah, pendidikan ibadah, pendidikan akhlak, pendidikan akal, pendidikan jasmani, pendidikan rohani, pendidikan keterampilan, pendidikan keibubapaan, pendidikan kemasyarakatan, pendidikan kepimpinan dan sebagainya difokuskan dalam FPI, iaitu:

*”Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampai ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”.*⁶

Berdasarkan pernyataan di atas, maka jelaslah hasrat dan matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik,

⁵ Pusat Perkembangan Kurikulum, *Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum KPM, 2001), 3; Kementerian Pendidikan Malaysia, “Falsafah Pendidikan Kebangsaan”, laman sesawang *Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia*, dicapai 20 Ogos 2017, <http://moe.gov.my/index.php/my/dasar/falsafah-pendidikan-kebangsaan>.

⁶ Kementerian Pendidikan Malaysia, “Falsafah Pendidikan Malaysia”, laman sesawang *ms.wikipedia.org*, dicapai 21 Ogos 2017, https://ms.wikipedia.org/wiki/Falsafah_Pendidikan_Malaysia.

seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani,⁷ serta selari dengan Prinsip Rukun Negara, iaitu:

Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada raja dan negara
Keluhuran perlembagaan
Kedaulatan undang-undang
*Kesopanan dan kesusilaan*⁸

Kamaruddin Kachar menyatakan bahawa **proses mendidik** seseorang pelajar adalah bertujuan untuk melahirkan manusia yang terdidik dan berhemah tinggi serta mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.⁹ Pelajar yang terdidik akan menghiasi dirinya dengan akhlak yang baik dan tingkah laku yang harmoni. Natijahnya, mereka tidak akan berkompromi untuk melakukan sebarang aktiviti tidak bermoral dan bercanggah dengan norma-norma kehidupan, seperti pecah amanah, rasuah, mencuri dan sebagainya. Ini kerana rohani atau jiwa yang tenang telah memberikan kekuatan kepada mereka untuk menjalani kehidupan yang baik, akal menjadi sihat, emosi menjadi stabil dan fizikal menjadi sejahtera. Kekuatan rohani sebenarnya terletak pada penghayatan dan amalan beragama yang mengukuhkan hubungan manusia dengan penciptanya. Semakin tinggi amalan beragama semakin kukuh rohaninya.¹⁰

Pendidikan bertujuan untuk mendidik dan membangunkan sahsiah, akhlak, tingkah laku, moral dan perangai manusia. **Sahsiah** asalnya daripada perkataan Arab, iaitu *al-syakhṣ* atau jamaknya disebut sebagai *asykhaṣ* yang bermaksud mengandungi sifat-sifat

⁷ Omar Mohd Hashim, *Pengisian Misi Pendidikan*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 251.

⁸ Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, *Rukun Negara* (Kuala Lumpur: Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2013), 10.

⁹ Kamaruddin Kachar, *Perkembangan Pendidikan di Malaysia* (Kuala Lumpur: Teks Publishing, 1989), 83.

¹⁰ Tajul Ariffin Noordin, "Pendidik Bina Kebenaran Universal", *Jurnal Pendidik* 69 (Februari 2010), 55.

yang membezakan seseorang dengan seseorang yang lain sama ada lelaki dan perempuan.¹¹ Daripada perkataan *al-syakhsīyyah* dalam bahasa Arab, maka lahirlah perkataan sahsiah dalam bahasa Melayu dengan erti yang sama.¹² Noresah Baharom (2005) mendefinisikan sahsiah sebagai keperibadian, peribadi.¹³

Wan Azmi Ramli menyatakan bahawa sahsiah menjadi penentu pada tingkah laku berpusat dalam individu daripada persekitaran alam sekeliling.¹⁴ Sahsiyah merupakan gabungan antara zahir dan batin, dan antara mental dan fizikal yang terjalin tanpa dapat dipisahkan dengan penggunaan istilah *psychophysical*. Setiap alam persekitaran seseorang serta penyesuaiannya itu adalah unik baginya bergantung pada corak tanggapannya yang sering berubah-ubah. Proses-proses kesahihan seperti motif, tabiat umum dan sebagainya sering berubah, membentuk dan menyesuaikan supaya mencapai keseimbangan.

Menurut Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad (2013), pembangunan dalam Islam adalah bersifat multi-dimensi yang meliputi aspek fizikal, kerohanian dan moral. Penilaian pembangunan adalah berpusat kepada konsep tauhid, iaitu Allah s.w.t sebagai pemilik mutlak dan manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab membangunkan alam semesta berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.¹⁵ Ini bertepatan dengan pandangan Mizan Hitam yang menyatakan bahawa pembangunan insan seutuhnya yang mencakupi pelbagai bidang yang berpaksikan kepada Tauhid dan bermatlamatkan keredhaan Allah s.w.t serta

¹¹ Luwis Ma'uf dan Firdinan Tawtal, *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'kām* (Beyrut: Dar al-Mashriq, 1982), 386.

¹² Mohammad Ghozali dan Nor "Azzah Kamri, "Keperibadian Islam dan Profesionalisme Dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis", *Jurnal Syariah* 23, no. 2 (2015).

¹³ Kamus Dewan, ed. ke-4, cet. pertama (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1366, entri "sahsiyah".

¹⁴ Noraini Othman, "Pengujian Kebolehpercayaan Instrumen Sikap Dan Persepsi Terhadap Akademik Dan Sahsiyah: Pengaplikasian Model Rasch", *Jurnal Sains Humanika* 10, no. 1, Universiti Teknologi Malaysia (2016).

¹⁵ Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad, "Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awal" (*Development from Islamic Perspective: An Interim Analysis*) (Prosiding PERKEM VIII, 2013), 1: 355.

didasari oleh nilai murni ajaran Islam.¹⁶ Selain daripada pembangunan berbentuk fizikal, material dan duniawi, pembangunan lain yang penting dan menjadi tanggungjawab semua pihak ialah **pembangunan sahsiah**. Pembangunan sahsiah sangat sinonim dengan nama pembangunan spiritual, modal insan, akhlak, nilai, agama, kerohanian dan ukhrawi. Pembangunan ini meliputi segenap lapisan masyarakat tanpa mengira faktor jantina, latarbelakang keluarga, umur, sektor pekerjaan, tahap pendidikan, bangsa, keturunan, tempat tinggal dan sebagainya.

Pembangunan sahsiah dalam kalangan pelajar pula dilakukan bagi memastikan keseimbangan antara tuntutan duniawi dan ukhrawi, berakhlak dengan tingkah laku terpuji, dan pembendungan gejala dan masalah sosial yang boleh merugikan semua pihak termasuklah kerajaan, agama, bangsa, keluarga, masyarakat dan individu itu sendiri. Kecenderungan kepada hanya memfokuskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau kini lebih dikenali sebagai aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berorientasikan peperiksaan semata-mata akan menyebabkan aspek-aspek pembinaan jati diri, sahsiah dan ketakwaan menjadi agenda yang kurang utama. Pihak sekolah dan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) saban tahun berusaha merangka pelbagai strategi terbaik dengan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di sekolah masing-masing. Untuk jangka masa

¹⁶ Mizan Hitam, "Pembangunan Menurut Perspektif Islam", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 10 September 2015, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000 &dt=0204&pub=utusan Malaysia &sec=Rencana&pg=ot_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0204&pub=utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=ot_02.htm) 2000.

panjang, strategi ini telah mengubah persepsi yang salah terhadap pelajar dan ibubapa yang melihat pendidikan hanya diukur dari aspek pencapaian akademik semata-mata.¹⁷

Pembangunan sahsiah pelajar berkait rapat dengan budaya dan iklim sekolah. Kelangsungan budaya ilmu yang positif, keadaan fizikal sekolah yang lengkap, suasana pembelajaran yang kondusif, hubungan komunikasi yang baik dan aspek sosialisasi sekolah yang teguh adalah antara elemen yang dapat merangsang pembinaan sahsiah pelajar yang optimum.¹⁸ Hasrat dan kesungguhan kerajaan dalam membangunkan sahsiah pelajar dapat dilihat menerusi penggubalan dasar-dasar kerajaan, seperti Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.¹⁹

Kerajaan melalui PIPP 2006-2010 telah menggariskan 6 teras strategik dalam melonjakkan pendidikan negara secara menyeluruh dalam tempoh 5 tahun bermula tahun 2006 hingga 2010 sebagaimana di Jadual 1.1. Dalam teras pembangunan modal insan yang merupakan teras yang kedua, kerajaan telah memberikan tumpuan kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar bagi melahirkan tenaga kerja yang kompeten dalam sains dan teknologi, inovatif, kreatif serta boleh dipasarkan.²⁰ Pelan ini secara jelas memperlihatkan keprihatinan kerajaan dalam melahirkan generasi muda yang dilengkapi dengan modal insan melalui strategi-strategi yang telah digubal.

¹⁷ Abdul Ghaffar Surip, *Krisis Akhlak Solusi Islami dalam Koleksi Kertas Kerja Muzakarah Ulama dan Cendekiawan Islam 2005-2012 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan* (Ipoh: Jabatan Mufti Negeri Perak, 2014), 255.

¹⁸ Pusat Perkembangan Kurikulum, *Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Matlamat dan Misi Kementerian Pendidikan Malaysia*, 3.

¹⁹ Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020, 2012, cet. pertama (Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM Malaysia, 12), 15.


²⁰ Kamarol Baharen Mohd Rom dan Johan @ Eddy Luan, *Perkembangan, Cabaran dan Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Sejarah* (Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2011), 3.

Jadual 1.1: Teras Strategik PIPP

Teras Strategik PIPP	
Teras 1	Membina Negara Bangsa
Teras 2	Membangunkan Modal Insan
Teras 3	Memperkasakan Sekolah Kebangsaan
Teras 4	Merapatkan Jurang Pendidikan
Teras 5	Memartabatkan Profesion Keguruan
Teras 6	Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

Sumber: Ringkasan PIPP 2006-2010: “Merintis Pembaharuan – Satu Misi Nasional” (2007, 5)

Kerajaan juga menerusi Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan 2010 telah mewujudkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di Rajah 1.1 bertujuan untuk memastikan perkembangan holistik kanak-kanak yang menekankan 3 amalan bersesuaian perkembangan murid, iaitu pendekatan, tunjang kurikulum dan standart pembelajaran.²¹ Menerusi tunjang kurikulum, murid dididik dengan pembangunan sosio-emosi, kerohanian dan moral, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, bahasa dan komunikasi, dan sains dan teknologi. Begitu juga menerusi standart pembelajaran, murid didedahkan dengan mengamalkan sikap berdikari, bekerjasama dan bertolak ansur; berkeyakinan dan bersikap positif; mempamerkan sifat ingin tahu dan bertanggungjawab; dan lain-lain lagi.²²



Rajah 1.1: Kurikulum Standart Prasekolah Kebangsaan

²¹ Taklimat NKRA Pendidikan (2010), 12.

²² “Bidang Keberhasilan Utama Negara”, laman sesawang *Portal Kementerian Pelajaran Malaysia*, dicapai 14 Januari 2010, <http://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/NKRA/nkrakpm.pdf>, 12.

Sistem pendidikan negara berhasrat untuk memastikan setiap murid mencapai potensi sepenuhnya. Melalui PPPM 2013-2025, kerajaan telah menggariskan 5 aspirasi sistem pendidikan, 6 aspirasi murid dan 11 anjakan yang merupakan tunjang kepada transformasi sistem pendidikan negara. Jadual 1.2 menunjukkan aspirasi sistem pendidikan yang memfokuskan kepada usaha meningkatkan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Dalam aspirasi yang keempat iaitu perpaduan, sistem pendidikan menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian.²³

Jadual 1.2: Aspirasi Sistem Pendidikan

Aspirasi Sistem Pendidikan	
Akses	100 % enrolmen merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020.
Kualiti	Negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMMS dan PISA dalam tempoh 15 tahun.
Ekuiti	50 % pengurangan dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar, sosio ekonomi, gender) menjelang tahun 2020.
Perpaduan	Sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian.
Kecekapan	Sistem yang memaksima keberhasilan murid mengikut peruntukkan sedia ada.

Sumber: Laporan Awal PPPM 2013-2015 (2012, 34)

Melalui PPPM 2013-2025 juga, setiap pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, dan masyarakat mempunyai peranan penting dalam memastikan generasi muda mencapai aspirasi yang diharapkan. Oleh itu, keenam-enam aspirasi murid yang digariskan akan membolehkan setiap murid mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran

²³ Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 (2012), 34.

memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional seperti di Jadual 1.3.²⁴

Jadual 1.3: Aspirasi Murid

Aspirasi Murid	
Aspirasi 1	Pengetahuan
Aspirasi 2	Kemahiran Berfikir
Aspirasi 3	Kemahiran Memimpin
Aspirasi 4	Kemahiran Dwibahasa
Aspirasi 5	Etika dan Kerohanian
Aspirasi 6	Identiti Nasional


Sumber: Teks Ucapan Ketua Setiausaha KPM (2014, 8)

Menerusi aspirasi murid yang kelima, iaitu etika dan kerohanian, PPPM 2013-2025 berhasrat untuk melahirkan murid yang berani menghadapi cabaran masa depan, kebolehan menyelesaikan konflik, berkemampuan membuat keputusan, dan mempunyai keberanian melakukan tindakan yang betul. Fokus diberikan kepada setiap murid dengan mewujudkan satu set prinsip, termasuk nilai bersama yang kukuh yang didukung oleh semua rakyat Malaysia. Pertama, kerohanian: iaitu mempunyai pegangan agama yang kuat dan mengamalkannya sebagai asas hidup, serta mendukung standard moral yang tinggi. Kedua, integriti: iaitu mempunyai keberanian, disiplin, dan semangat untuk melakukan perkara yang betul. Ketiga, tanggungjawab sivik: iaitu bertindak untuk kebaikan negara, mengambil berat terhadap orang lain dan alam sekitar, dan memiliki keupayaan yang mendalam untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat.²⁵

²⁴ *Ibid.*, 37.

²⁵ *Ibid.*, 38.

Jadual 1.4: Anjakan PPPM 2013-2025



Sumber: Utusan Online (2012)²⁶

Jadual 1.4 di atas menunjukkan 11 anjakan PPPM 2013-2025 yang bertujuan untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara. Seiring dengan aspirasi sistem pendidikan negara menerusi anjakan ketiga PPPM 2013-2025, iaitu melahirkan rakyat yang menghayati nilai, pendidikan kebangsaan akan melahirkan rakyat yang menghayati nilai yang seharusnya dihayati bersama dan perlu dipupuk sejak daripada bangku sekolah. Usaha mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum dalam sebuah negara majmuk seperti Malaysia menjadi keutamaan untuk memacu kemajuan negara agar berada pada tahap yang lebih tinggi. Keupayaan untuk membina negara bangsa pula bergantung kepada sejauh mana nilai patriotisme, toleransi serta sikap saling hormat menghormati dapat dikongsi bersama oleh setiap lapisan masyarakat.²⁷ Selaras dengan penghasilan modal insan yang berilmu, beriman dan beramal khususnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

²⁶“Anjakan PPPM 2013-2025”, laman sesawang *Utusan.com*, dicapai 1 April 2017, http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120911/dn_33/11-anjakan-dalam-Pelan-Pembangunan-Pendidikan-Malaysia.

²⁷ Teks Perutusan Hari Guru Tahun 2017 oleh YB Dato“ Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia Dengan Tema “Guru Pembina Negara bangsa”, 3.

(SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), maka Bahagian Pendidikan Islam (BPI) telah diberikan peranan untuk mengendalikan sekolah-sekolah di bawah kawalannya.

1.3 Permasalahan Kajian

Menurut Fatimah Ali (2007), para pelajar terutama yang berada di peringkat awal remaja mengalami pelbagai krisis seperti mengalami perubahan fizikal, emosi dan mencari identiti diri.²⁸ Masa peralihan antara alam kanak-kanak dan alam dewasa ini merupakan tempoh zaman yang penuh dengan cabaran dan tekanan, di mana mereka perlu bijak menyesuaikan diri dengan golongan yang lebih dewasa dan memenuhi harapan masyarakat sekitarnya. Situasi ini berlaku dalam kalangan pelajar peringkat menengah atau matrikulasi, di mana mereka keliru dan kurang memahami peranan diri serta tanggungjawab mereka dalam memenuhi harapan keluarga dan masyarakat.

Pendapat ini disokong oleh Laporan Pembangunan dan Permasalahan Sosial Selangor 2000 yang menjelaskan bahawa umur antara 16 hingga 18 tahun merupakan satu tahap kritikal dalam hidup manusia, iaitu tempoh peralihan daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Pada peringkat ini, seseorang individu itu mula bertindak balas kepada tuntutan emosi untuk mencari gaya penampilan tersendiri. Azizah Lebai Nordin (2002) dalam kajiannya menyatakan bahawa penglibatan pelajar dengan masalah disiplin atau gejala sosial adalah berpunca daripada diri pelajar sendiri. Pada peringkat awal remaja ini, mereka berpendapat bahawa diri mereka telah dewasa dan sudah boleh membuat keputusan sendiri. Hal ini menyebabkan keputusan yang diambil tidak tepat. Mereka

²⁸ Fatimah Ali, "Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya dengan Kemerosotan Pembelajaran", *Jurnal Usuluddin* 25 (Januari - Jun 2007), 149.

sebenarnya masih belum cukup ilmu dan kurang pengalaman. Oleh itu, mereka perlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada orang dewasa.²⁹

Hari ini, sudah menjadi pengetahuan umum krisis akhlak yang berlaku bukan sahaja melibatkan kalangan remaja di bandar, tetapi juga remaja yang tinggal di kawasan luar bandar.³⁰ Menurut Azlina Abdullah (2010), tema dan isu penyelidikan mengenai krisis akhlak remaja pada dekad pertama abad ke-21 di Malaysia berkisar tentang isu dadah, mat rempit dan zina.³¹ Selain itu, terdapat juga krisis akhlak yang melibatkan isu-isu lain seperti vandalisme dan pengaruh budaya Barat, seperti black metal, skinhead, punk dan sumbang mahram.³²

Menurut Zaharah Hussin (2005), penampilan akhlak luaran pelajar sebenarnya semakin parah. Akhbar seringkali memaparkan berita mengenai keruntuhan akhlak pelajar, seperti gangsterisme, pergaduhan melibatkan alatan tajam, dadah, pil ekstasi, ketagihan alkohol dan pergaulan bebas di luar batasan sehingga membawa kepada kes-kes pembunuhan di negara ini.³³ Malah, masalah salah laku dan tindakan ganas yang dilakukan oleh segelintir pelajar masih lagi berleluasa.³⁴ Penampilan akhlak luaran yang negatif adalah berpunca daripada akhlak dalaman yang tidak terdidik dan tiada hubungan dengan

²⁹ Azizah Lebai Nordin, "Masalah Disiplin di Kalangan Remaja" (Tesis Kedoktoran, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 2002), 36.

³⁰ Husin Junoh, *Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 3.

³¹ Azlina Abdullah, "Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial Pada Dekad Pertama Abad 21 di Malaysia", *Jurnal Akademika* 78, Bil. 5 (2010), 3-14.

³² Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Mendepani Krisis Akhlak: Solusi Kekeluargaan dalam Koleksi Kertas Kerja Muzakarah Ulama dan Cendekiawan Islam 2005-2012 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan (Ipoh: Jabatan Mufti Negeri Perak, 2014), 272.

³³ Zaharah Hussin, "Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam", *Jurnal Pendidikan*, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (2005), 82-83.

³⁴ Ismail Zain, "Samseng: Ciri-Ciri Pelajar Bermasalah", *Utusan Malaysia*, Pendidikan Bestari, (12 Januari 2005), 2.

Allah s.w.t, di mana akhlak yang mulia itu sebenarnya berpunca daripada kesucian sifat batin dalaman jiwa seseorang individu.³⁵

Berdasarkan kajian Mohd Najib Najmuddin (2003) terhadap 60 orang pelajar Islam di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur yang menunjukkan masih ramai dalam kalangan pelajar Islam yang tidak menunaikan solat, sangat jarang membaca al-Quran, dan hanya segelintir sahaja yang menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup mereka. Walaupun masyarakat tidak mengklasifikasikan tidak menunaikan solat sebagai sebahagian masalah akhlak yang kronik, tetapi dari sudut pandangan Islam perkara ini boleh meruntuhkan agama yang akhirnya membawa kepada pelbagai gejala sosial dan keruntuhan moral.³⁶

Zulkifle Abd. Ghani (2012) dalam pembentangan kertas kerja di Muzakarah Ulama dan Cendekiawan Islam 2012 telah mengemukakan statistik tangkapan lumba haram berdasarkan bangsa antara tahun 2007 hingga 2009 dengan kes tertinggi melibatkan bangsa Melayu seramai 1881 orang; bangsa Cina seramai 156; bangsa India seramai 137 orang dan lain-lain bangsa seramai 57 orang. Penggunaan dadah dalam lumba haram pula ialah bangsa Melayu seramai 367 orang; bangsa Cina seramai 41 orang; bangsa India seramai 11 dan lain-lain bangsa seramai 6 orang sahaja. Dari jumlah tangkapan lumba haram tersebut, seramai 116 orang adalah remaja berusia antara 16-20 tahun, 187 orang berusia antara 21-30 tahun dan 109 orang lagi berusia antara 31-40 tahun.³⁷ Antara faktor utama yang mendorong mereka terlibat dalam gejala tersebut ialah faktor keluarga yang mengabaikan

³⁵ Tajul Ariffin Nordin, "Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Satu Pendekatan Bersepadu" (Kertas Kerja Sempena Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan Manusia Ke Arah Pembentukan Acuan Pembangunan Negara, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997).

³⁶ Zaharah Hussin, "Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam", 82.

³⁷ Zulkifli Abd. Ghani, "Mendepani Krisis Akhlak: Solusi Dakwah" dalam Koleksi Kertas Kerja Muzakarah Ulama dan Cendekiawan Islam 2005–2012 Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Ke-77, ed. khas, cet. pertama (Ipoh: Jabatan Mufti Negeri Perak, 2012), 284.

tanggungjawab, tingkah laku ingin mengambil risiko, sikap memberontak jika keinginan disekat, status sosio ekonomi yang rendah, pengaruh rakan sebaya, kurang pegangan agama dan tiada kawalan sosial perilaku remaja.

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Kementerian Dalam Negeri melaporkan bahawa bangsa Melayu merupakan penagih paling ramai yang dikesan sepanjang bulan Januari hingga Mac 2012, iaitu sebanyak 1808 orang (79.26%) bersamaan dengan 0.02% daripada jumlah unjuran penduduk etnik Melayu di negara ini yang berusia antara 15-64 tahun (9,583,100 orang).³⁸ Ketagihan dadah dalam kalangan pelajar pula didapati berpunca daripada sikap individu, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga dan pengetahuan yang sederhana terhadap dadah. Mengikut laporan Kedudukan Masalah Dadah dan Kemajuan Tindakan Anti Dadah (1985), perbuatan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah dikesan bermula sejak awal tahun 1970-an lagi. Ekoran itu, pelbagai langkah pencegahan telah diambil oleh pihak kerajaan melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan tindakan disiplin di sekolah. Daripada maklumat yang dikeluarkan, daripada seramai 671 penagih yang pertama kali dikesan adalah terdiri dari pelajar sekolah berumur antara 14 hingga 18 tahun. Senario ini memperlihatkan bahawa penyalahgunaan dadah yang melibatkan golongan pelajar bukan perkara baru, tetapi masih berlanjutan sehingga ke hari ini.³⁹

Kajian beberapa pengkaji dari Universiti Utara Malaysia merumuskan bahawa golongan remaja melayu menjadi pengguna terbesar internet dan dijangkiti penyakit ketagihan yang agak teruk (cyber mania). Mereka mengguna saluran internet bukannya untuk tujuan pendidikan, sebaliknya sebagai sumber untuk mendapatkan hiburan bebas tanpa kongkongan keluarga yang berupa permainan *video games*, pornografi, berkenalan

³⁸ *Ibid.*, 285.

³⁹ Mahyuddin Arsat dan Azizah Besar, *Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Pelajar: Satu Kajian Di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka* (Skudai: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 2011), 1-2.

(*chit-chat, wechat, chat video, whatsapps, telegram, messenger* dan lain-lain) dan mengisi masa lapang dengan kegiatan yang tidak berfaedah.⁴⁰ Oleh itu, tidak hairanlah jika jenayah siber terus meningkat di Malaysia apabila 6,800 kes telah dilaporkan sehingga Julai 2015 dengan penipuan, pencerobohan dan gangguan siber menduduki tiga senarai teratas berbanding 5,069 kes dalam tempoh yang sama pada tahun lalu.⁴¹ Ketua Pegawai Eksekutif Cyber Security Malaysia, Amirudin Abdul Wahab menyatakan sebanyak 2,000 laporan diterima membabitkan penipuan, diikuti pencerobohan dan gangguan siber sebanyak 814 dan 270 aduan. Peningkatan kadar jenayah siber sukar dielakkan berikutan kebanyakan sektor awam dan swasta kini semakin bergantung kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam operasi perniagaan dan perkhidmatan mereka.⁴²

Manakala dalam kes hubungan seks luar nikah dalam konteks negara ini, Maryani Mohd Nor dan Hamidah Sulaiman (2005) menjelaskan trend tersebut begitu berleluasa sama ada di bandar mahupun di kampung. Kajian oleh Gabungan Pelajar Melayu Semanjung (GPMS) Kedah menunjukkan 5% daripada 127 orang pelajar perempuan di sebuah sekolah luar bandar di negeri Kedah yang berusia 14 tahun telah melakukan hubungan seks luar nikah secara sukarela, 30% daripada responden pula mengakui sudah terdedah kepada bahan pornografi atau unsur seks melalui telefon bimbit atau cekera padat video (vcd).⁴³ Manakala kajian terhadap pelajar lelaki tingkatan satu pula mendapati 43% daripada mereka sudah terdedah kepada filem lucah, manakala 61% daripada 67 orang

⁴⁰ Rahimin Affandi Abdul Rahim dan Faizuri Abd latif, "Warisan Karya Ulama" Melayu-Islam Silam dan Kaitannya Dengan Pengajian Moral di Zaman Moden", *Jurnal Usuluddin* 27, Januari – Jun 2008), 185.

⁴¹ Siti Norhawa Mohd Ali, "6,800 Kes Jenayah Siber di Malaysia Boleh Mengancam Ekonomi Negara", *Utusan Online*, dicapai 08 September 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/6-800-kes-jenayah-siber-di-malaysia-1.132952>.

⁴² "6,800 Kes Jenayah Siber Dilapor Sehingga Julai", *Berita Harian, Bisnes*, (08 September 2015), B2.

⁴³ Maryani Mohd Nor dan Hamidah Sulaiman, Seks Bebas: Mengenalpasti Punca Kelakuan, dalam *Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa*, ed. Roziah Omar dan Sivamurugan Pandian (Kuala Lumpur: Unit Penerbitan Institut Sosial Malaysia, 2005), 45.

pelajar lelaki tingkatan dua didapati telah menonton filem lucah dan terdedah kepada gejala seks bebas.⁴⁴ Ini berpunca daripada bahan pornografi yang mudah dibeli dan diakses, trend penggunaan telefon bimbit yang berleluasa dan penjualan video lucah di tempat awam secara terbuka.

Rahimin Affandi dan Faizuri (2008) menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat Melayu moden menghidap penyakit psikologi yang agak kronik, penyakit gelisah dan hilang pertimbangan akal yang kemudiannya membawa kepada pelbagai tindakan buruk seperti bunuh diri, menagih dadah, minum arak, berjudi, bohsia dan mengamalkan *free-sex*.⁴⁵ Akibat daripada pengaruh media massa, mereka lebih mudah terjerumus dengan hiburan yang mementingkan keseronokan yang melampaui batas, sensasi, glamour dan sindrom kurang tahan iman.⁴⁶ Manakala pengaruh rakan sebaya pula menyebabkan mereka terlibat dengan budaya melepak dan pelbagai masalah sosial lain seperti ketagihan dadah, arak, berjudi, menonton video lucah, *free-sex*, dijangkiti penyakit *Acquired Immunodeficiency Syndrome* atau *Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS) dan banyak lagi masalah lain.⁴⁷

Ahmad Nawawi menyatakan berdasarkan *2004 Durex Global Sex Survey* secara puratanya rakyat Malaysia telah melakukan hubungan seks pada usia 19 tahun dan kajian soal selidik oleh *News Straits Times Youth Quake April 2002* terhadap 200 remaja yang berusia antara 15 tahun hingga 19 tahun menunjukkan 44% daripadanya pernah melakukan

⁴⁴ "Seks Bebas Remaja Luar Bandar membimbangkan", Utusan Malaysia, Dalam Negeri, 16 Februari 2010.

⁴⁵ Rahimin Affandi Abdul Rahim dan Faizuri Abd latif, "Warisan Karya Ulama" Melayu-Islam Silam dan Kaitannya Dengan Pengajian Moral di Zaman Moden", *Jurnal Usuluddin* 27, Januari – Jun 2008), 184.

⁴⁶ Rahimin Affandi Abd Rahim dan Nor Adina Abd Kadir, "Wacana Bias Gender Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia: Analisis Kritikal", *The Malaysian Journal of Social Administration* 9, no. 1 (2013).

⁴⁷ Rahimin Affandi Abd Rahim dan Faizuri Abd latif, "Warisan Karya Ulama" Melayu-Islam Silam dan Kaitannya Dengan pengajian Moral di Zaman Moden", 185.

hubungan seks sekurang-kurangnya sekali.⁴⁸ Laporan dari Siti Nor Afzan Kasimin menyatakan terdapat kajian yang lebih terkini menyatakan sebanyak 27% remaja di Malaysia pernah melakukan hubungan seks pranikah.⁴⁹

Pernyataan di atas adalah relevan dengan laporan Hafizah Iszahanid yang menyatakan sejak tahun 2008 hingga bulan Jun 2010, terdapat seramai 768 remaja seawal usia 13 tahun telah melahirkan anak. Sebahagian besar daripada mereka ialah anak luar nikah. Kebanyakan remaja bawah umur ini tidak mengetahui bahawa hubungan seks boleh menyebabkan kehamilan. Mereka melakukannya kerana ingin mencuba dan atas dasar suka sama suka. Bahkan kebanyakan mereka adalah dalam kalangan remaja Melayu dari keluarga berpendapatan rendah dan kurang ilmu tentang sistem reproduktif manusia.⁵⁰

Pada September 2015, masyarakat dikejutkan dengan 2 kes yang melibatkan murid tahun 5 yang mengandung dan melahirkan anak. Kedua-dua kes membabitkan remaja di bawah umur dan belum berkahwin. Berita Harian melaporkan kes pertama di mana seorang murid tahun 5 berusia 11 tahun dan sedang belajar di salah sebuah sekolah kebangsaan telah mengadu sakit perut sebelum dibawa ke sebuah klinik swasta di Bahau, Negeri Sembilan oleh ibunya dan disahkan melahirkan bayi lelaki di sana. Manakala satu kes lagi berlaku di Kuantan, Pahang apabila murid tersebut yang tercidir dalam persekolahan telah dihantar oleh seorang wanita yang dipercayai ibu kepada teman lelakinya telah bersalin di Pusat Bersalin Risiko Rendah, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan. Sehubungan itu,

⁴⁸ Ahmad Nawawi Yaakob, "Pendedahan Seks di Kalangan Remaja Institut Pengajian Tinggi dan Remaja Bandar" (Kertas Kerja Seminar Seksual Kebangsaan, Anjuran Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya, 30 Julai 2005), 5.

⁴⁹ Siti Nor Afzan Kasimin, "Candu Video Lucuh", laman sesawang *Kosmo*, dicapai 28 April 2014, <http://repository.um.edu.my/10103/1/Candu%20video%20lucuh.pdf>.

⁵⁰ Hafizah Iszahanid, "Kes Remaja Hamil Kronik", laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 25 Julai 2010, http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kesremajahamil_kronik/Article/print.html.

pihak berkuasa telah menahan teman lelaki yang berusia 22 tahun dan hasil siasatan mendapati pasangan tersebut pernah terlanjur.⁵¹

Berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2000 hingga 2008, seramai 257,000 orang kanak-kanak yang didaftarkan tidak mempunyai nama bapa. Lebih menyedihkan bagi tempoh 1999 hingga 2003 sahaja, sebanyak 44% daripada anak yang tidak mempunyai nama bapa adalah anak orang Islam, iaitu berjumlah 30,978 orang daripada 70,430 orang yang didaftarkan di JPN.⁵² Statistik JPN bagi tahun 2008 sehingga 2010 pula menunjukkan terdapat seramai 152,182 orang anak luar nikah atau anak tidak sah taraf. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie mendedahkan bahawa negeri Sabah merupakan negeri paling tinggi mencatatkan kelahiran anak luar nikah, iaitu 41,490 orang dan diikuti Selangor (18,983 orang), Sarawak (17,570 orang), Johor (16,298 orang) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (12,095 orang). Terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan berlakunya gejala tersebut. Antaranya ialah menonton video dan laman web lucah, kurang didikan agama, perasaan ingin mencuba, pengaruh rakan sebaya dan rela melakukan hubungan seks. Sementara faktor-faktor lain ialah tidak mempunyai pengetahuan berhubung kesihatan *reproduktif* atau seksual, kurangnya perhatian ibu bapa dan diperkosa saudara sendiri berdasarkan kajian kes oleh pihak Pegawai Kebajikan Masyarakat.⁵³

Kesan daripada fenomena tersebut menyebabkan berlakunya gejala pembuangan bayi. Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Heng Saei Kie menjelaskan dalam tempoh 2004 hingga 2010, sebanyak 571 kes pembuangan

⁵¹ Abnor Hamizam Abd Manap "Budak 11 Tahun Bersalin", *Berita Harian*, 06 Ogos 2015.

⁵² Rozita @ Uji Mohammed, "Kajian Empirikal Keterlibatan Belia Tempatan Dalam Gejala Sosial" (Kertas Kerja Kolokium Pemantapan Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB), Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Sabah, 2014), 55.

⁵³ "152,182 Orang Anak Luar Nikah 2008-2010", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 16 November 2011, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1116&pub=utusan_malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_03.htm&arc=hive.

bayi dilaporkan dan kebanyakan status bayi yang dibuang adalah bayi luar nikah. Negeri Selangor didapati mencatatkan jumlah kes tertinggi, iaitu sebanyak 147 kes diikuti dengan negeri Johor sebanyak 113 kes. Malahan dalam tempoh seminggu sahaja pada awal bulan Januari 2011 terdapat 7 kes baru pembuangan bayi dicatatkan di seluruh negara.⁵⁴

Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula mencatatkan sebanyak 396 kes telah dicatatkan dari tahun 2005 hingga 2009. Data menunjukkan trend peningkatan walaupun ada penurunan pada tahun 2007. Sebanyak 67 kes dilaporkan pada tahun 2005, 83 kes pada tahun 2006 telah menurun kepada 65 kes pada tahun 2007, 102 kes pada tahun 2008, 79 kes pada tahun 2009 dan 91 kes lagi pada tahun 2010. Pada tahun 2011, keadaan semakin parah apabila sebanyak 34 kes pembuangan bayi telah dilaporkan di akhbar-akhbar utama Malaysia dalam bulan Januari sahaja.⁵⁵ Sebahagian besar individu yang terbabit dalam kes pembuangan bayi adalah berusia antara 18 hingga 25 tahun, 20 kes membabitkan individu berusia bawah 18 tahun, 33 dilakukan individu 25 tahun ke atas, manakala 403 individu lagi gagal dikesan peringkat umur mereka.⁵⁶

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ibubapa dan keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri dan pembangunan akhlak setiap individu. Keluarga merupakan institusi sosialisasi pertama yang ditemui oleh anak-anak sejak mereka dilahirkan ke dunia. Golongan ini akan menyesuaikan diri dengan faktor-faktor persekitaran, keluarga dan lingkungan sosial serta budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkah laku mereka. Proses menghasilkan zuriat yang cemerlang sahlah

⁵⁴ Sharizat Abdul Jalil, Kempen Kesedaran di Peringkat Cegah Jenayah Negatif Menular, dalam Rohaniza Idris, Berita Harian, 9 Januari 2011.

⁵⁵ "Statistik Pembuangan Bayi", laman sesawang *Perakini*, dicapai 11 September 2015, <http://www.perakini.net/artikel/statistik/397-statistik-pembuangan-bayi.html>

⁵⁶ Rohayu Jumahat, "Pembuangan Bayi", laman sesawang *Blogspot.my*, dicapai 15 Mac 2013, <http://rohayujumahat.blogspot.my/2013/03/pembuangan-bayi.html>.

dan ketrampilan bermula seawal memilih ibu dan bapa kepada anak tersebut. Ia berterusan kepada bagaimana zuriat mula dirancang, dikandung dan dilahirkan.⁵⁷

Selain itu, pelbagai kes salah laku pelajar terutamanya di sekolah menengah telah dikesan. Kajian Mohammad Khairi Hj. Othman (2011) mendapati jumlah kes salah laku pelajar sekolah menengah pada tahun 2006 hingga Jun 2008 adalah seramai 68,691 orang yang melibatkan kes berunsur jenayah, kelucahan, kemasn diri, ponteng sekolah, tidak mengambil berat tentang masa depan dan kurang sopan.⁵⁸ Manakala Haslinda Abdullah et al. (2009) mendapati seramai 48 orang daripada 270 remaja dan belia berbangsa Melayu di Lembah Klang terlibat dengan pengambilan dadah, malah berani melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama seperti menonton filem lucu (128 orang, 47.4 %), melakukan hubungan seks (124 orang, 45.9 %), minum minuman keras (112 orang, 41.5 %) dan meninggalkan solat (77 orang, 59.2 %).⁵⁹

Masalah dan krisis sahsiah dan akhlak bukan hanya berlaku di sekolah-sekolah harian, malah turut berlaku di sekolah-sekolah agama seperti SMKA dan SABK. Sebagai contoh kejadian buli yang dilaporkan semakin menular di SMKA di Malaysia. Akhbar melaporkan bahawa seorang pelajar tingkatan empat sekolah menengah agama meninggal dunia akibat dibelasah oleh sekumpulan pelajar senior.⁶⁰ Temu bual dengan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK. HEM) sebuah SMKA di Bahagian Kuching pada 10 Oktober 2013 juga tidak menafikan ada kalangan pelajar yang melakukan perkara yang kurang sesuai dalam situasi pembelajaran mereka di SMKA. Menurut beliau, kesalahan pelajar pada tahun 2013 adalah melibatkan kesalahan merokok, iaitu seramai 20 orang,

⁵⁷ Abdul Ghaffar Surip, *Krisis Akhlak Solusi Islami*, 272.

⁵⁸ Mohammad Khairi Hj. Othman, "Hubungan Faktor-Faktor Sosial Dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar: Satu Dapatan Awal" (Prosiding 16th International Conference on Education. Sultan Hassanal Bolkuiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam, 2011).

⁵⁹ Haslinda Abdullah et al., *Belia dan Pembangunan Modal Insan* (Serdang, Universiti Putra Malaysia, 2009).

⁶⁰ Mahadi Hj. Khalid, "Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak" (Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang, 2007), 2.

pengambilan pil khayal melibatkan 10 orang pelajar lelaki dan 7 orang pelajar perempuan, pergaduhan dengan 2 kes yang menjadi kes polis, penglibatan dengan kes ganja seramai 2 orang dan kes minum minuman keras seramai 8 orang.⁶¹

Berdasarkan data salah laku disiplin di SMKA Slim River antara bulan Januari hingga Jun 2017 pula mendapati kebanyakan kes salah laku disiplin yang berlaku seperti tidak solat di surau (55 kes), solat masbuk (40 kes), lambat ke surau (27 kes), tidak memakai kupiah (19 kes), lambat ke perhimpunan (14 kes), bercakap dengan bahasa kasar dan lucah (11 kes) dan lain-lain lagi. Manakala kes-kes berat seperti gejala buli (10 kes), merokok (2 kes), ponteng kelas (4 kes), menceroboh asrama puteri (3 kes) dan membawa telefon ke sekolah (10 kes) turut berlaku dalam bilangan yang kecil.⁶²

Sementara berdasarkan statistik Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid (HEM) 2013, menunjukkan bahawa sebanyak 8,923 orang murid terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah Menengah termasuk SMKA dan SABK di negeri Selangor.⁶³ Walaupun modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) telah dilaksanakan di SMKA dan SABK sejak tahun 2010 lagi, namun pelaksanaannya mungkin tidak secara menyeluruh berdasarkan modul yang telah disediakan.

Berdasarkan kenyataan permasalahan kajian yang dijelaskan, pengkaji melakukan kajian dengan memfokuskan kepada pelaksanaan program sahsiah, khususnya modul SUMUR terhadap pelajar-pelajar di SMKA. Selain daripada peranan dan tanggungjawab ibubapa dalam mencorakkan akhlak dan sahsiah anak-anak, pendidikan juga memainkan

⁶¹ Azmil Hashim et al., "Qudwah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama", *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 2, no. 3 (2016), 28-35.

⁶² Halimi Kasdi (PK. HEM, SMKA Slim River), dalam temu bual dengan penulis, 02 Julai 2017. Data Statistik Salah laku Disiplin Bulan Januari – Jun 2017.

⁶³ Wan Nor Adibah Wan Ahmad, "Pembentukan Jati diri Muslim Melalui Pengamalan Modul Sahsiah Unggul Murid di Hulu Langat dan Sepang, Selangor" (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2015).

peranan yang penting dalam membangunkan sikap dan tingkah laku manusia. Melalui pendidikan, pelajar yang beragama Islam diwajibkan mengambil subjek Pendidikan Islam di sekolah. Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam yang menerapkan nilai-nilai mulia dan murni di sekolah-sekolah,⁶⁴ seperti pelaksanaan modul SUMUR di SMKA membuktikan kesungguhan sistem pendidikan kebangsaan yang ingin melahirkan masyarakat yang baik dan selari dengan tuntutan agama Islam.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan secara umumnya bertujuan untuk meninjau konsep pembangunan sahsiah dari konteks pembangunan insan dan menghuraikan aspek-aspek modul SUMUR sebagaimana saranan daripada BPI, Kementerian Pelajaran Malaysia kepada sekolah-sekolah, khususnya SMKA. Bagi mencapai tujuan ini, beberapa objektif khusus telah ditetapkan sebagaimana berikut:

1. Mengkaji modul SUMUR yang dilaksanakan di SMKA.
2. Menilai pelaksanaan modul SUMUR melalui program *Mutadayyin*, Berbudu Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA.
3. Mengenal pasti perbezaan skor min yang signifikan pelaksanaan modul SUMUR melalui program *Mutadayyin*, Berbudu Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan jantina, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga dan jawatan pelajar.
4. Mengenal pasti perhubungan yang signifikan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dalam membangunkan sahsiah pelajar di SMKA.

⁶⁴ Abdul Munir Ismail, *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam* (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 125-126.

Bagi menghuraikan objektif kajian secara umum, pengkaji menggunakan data yang diperolehi dalam kajian perpustakaan yang bersifat kualitatif. Ia dijelaskan dalam Bab 2 dan Bab 3 kajian. Manakala bagi menjawab soalan kajian kedua hingga keempat, maka pengkaji menggunakan data yang diperolehi daripada kajian lapangan, iaitu kaedah soal selidik yang disokong oleh data kualitatif (temu bual) yang akan dijelaskan dalam Bab 4 kajian.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini dirangka bagi menjawab objektif kajian seperti berikut:

1. Apakah modul SUMUR yang dilaksanakan di SMKA?
2. Sejauh manakah modul SUMUR dapat dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudai Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA?
3. Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan modul SUMUR yang dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudai Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan jantina, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga dan jawatan pelajar?
4. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dalam membangunkan sahsiah pelajar di SMKA?

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian yang dihuraikan secara inferensi (Ujian-T, Ujian Analisis Varian Sehala (Anova Sehala) dan Korelasi Pearson), maka pengkaji perlu menjawab

dengan menguji hipotesis.⁶⁵ Oleh itu, sebanyak 134 hipotesis nol (Ho) telah dibina berdasarkan persoalan kajian ketiga hingga persoalan kajian keempat. Bagi menjawab persoalan kajian ketiga, pengkaji telah membina 133 hipotesis nol (Ho), iaitu Ho₁ hingga Ho₁₃₃. Sementara bagi menjawab persoalan kajian keempat, pengkaji telah membina hanya satu hipotesis nol (Ho), iaitu Ho₁₃₄.

Daripada keseluruhan hipotesis yang dibina, didapati sebanyak 27 hipotesis nol (Ho) sahaja adalah signifikan, manakala selebihnya adalah tidak signifikan, iaitu masing-masing 26 hipotesis nol (Ho) yang menjawab persoalan kajian ketiga dan satu hipotesis nol (Ho) yang menjawab persoalan kajian keempat. Daripada jumlah tersebut juga, sebanyak 21 hipotesis nol (Ho) adalah berkaitan dengan aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dan 7 hipotesis nol (Ho) lagi adalah melibatkan program SUMUR utama.

1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji memilih kajian ini berdasarkan beberapa kepentingan yang dapat dimanfaatkan oleh warga Kementerian Pelajaran Malaysia, iaitu pertama, pihak pentadbiran yang terdiri daripada Pengurusan Dakwah dan Syiar Islam (PDSI) BPI; Unit Operasi Dakwah, Sektor Pendidikan Islam (UOD SPI); dan Unit Pendidikan Islam, Pejabat Pelajaran Daerah (UPI PPD). Kedua, warga sekolah yang terdiri daripada Pengetua, Penolong Kanan, Guru Kanan, Ketua Bidang, Ketua Panitia, Penyelaras, guru-guru, naqib dan pelajar. Selain itu, kajian ini juga sangat penting dan berguna kepada masyarakat dan negara.

1. Bagi pihak Pengurusan Dakwah dan Syiar Islam (PDSI) BPI, kajian ini akan dapat menyumbang kepada penambahbaikan dan nilai tambah kepada modul SUMUR sedia ada, khususnya aspek-aspek yang terkandung dalam keempat-empat program SUMUR utama, iaitu *Mutadayyin*, Berbudu Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri.

⁶⁵ Paharudin Arbain, "Eksplorasi Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran Program j-QAF dan Hubungannya Dengan Pencapaian Murid" (Tesis Kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015), 14.

Ini bersesuaian dengan peranan BPI dan objektif penubuhan SMKA itu sendiri yang berhasrat untuk membangunkan sahsiah pelajar melalui modul yang disediakan.

2. Bagi pihak UOD SPI, kajian ini akan dapat menyumbang kepada kelancaran dan pemantapan dari aspek pemantauan dan penilaian pelaksanaan modul SUMUR yang dijalankan di SMKA. Sumbangan ini secara tidak langsung akan memastikan pelan tindakan modul SUMUR dapat direalisasikan bermula dari penubuhan jawatankuasa, mesyuarat jawatankuasa, perancangan takwim tahunan, pelancaran modul, pelaksanaan modul, penilaian dan pelaporan. Pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan modul SUMUR sekolah dilakukan melalui borang atau rekod penilaian khusus. Sumbangan ini juga secara langsung dapat membantu UPI PPD yang terlibat secara langsung dalam merealisasikan agenda dakwah di sekolah.
3. Bagi warga sekolah yang terdiri daripada Pengetua, Penolong Kanan, Guru Kanan, Ketua Bidang, Ketua Panitia, Penyelaras, guru-guru, naqib dan pelajar, kajian ini secara langsung akan membantu pihak sekolah melaksanakan modul SUMUR secara lebih berkesan dengan menepati aspek-aspek yang terkandung dalam keempat-empat program SUMUR utama, iaitu *Mutadayyin*, Berbudhi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri. Kajian ini akan memberikan pengetahuan kepada warga sekolah tentang kepentingan mereka memahami kepentingan sahsiah pelajar dan keperluan mereka merealisasikan modul SUMUR di sekolah. Penglibatan semua pihak juga akan mendorong modul SUMUR untuk diberi keutamaan dalam aktiviti-aktiviti sekolah.
4. Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak pentadbir sekolah, Ketua Bidang, Ketua Panitia dan para guru Pendidikan Islam (GPI) dalam menguruskan Badan Dakwah terutamanya di SMKA. Kajian ini juga boleh dimanfaatkan bagi sekolah-sekolah yang mempunyai Badan Dakwah dan Rohani (BADAR), samada di Sekolah

Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Agama Menengah (SAM), Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), malahan juga di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) aliran Sains dan Agama, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Sekolah Menengah Sains, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), sekolah menengah harian dan sekolah swasta. Garis panduan dan rujukan ini sesuai bagi GPI dan guru jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) dalam mengurus Persatuan Agama Islam dan kelab atau persatuan Islam di sekolah agar peningkatan sahsiah dan akhlak pelajar seiring dengan kecemerlangan akademik mereka.

5. Golongan pelajar pada hari ini adalah merupakan aset penting dalam penyediaan modal insan negara pada masa akan datang. Kebejatan akhlak dan keruntuhan moral dalam kalangan pelajar sering menjadi isu yang diperdebatkan oleh masyarakat umum. Kajian berkaitan pelaksanaan modul SUMUR akan meningkatkan lagi kualiti dan mutu modul tersebut dalam membangunkan sahsiah pelajar. Segala kelemahan akan dapat ditambahbaik. Oleh itu, kajian terhadap modul SUMUR adalah penting bagi menangani masalah tersebut.
6. Kajian ini penting dalam menyumbang kepada khazanah ilmu, kerana penyelidikan dalam bidang ini akan menambahkan lagi maklumat dakwah semasa bagi mempertingkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap Islam serta menjadi rujukan bagi para *dā`ī murabbī*, *mujāhid* dan *āmilīn* dalam melaksanakan program dakwah. Ia juga penting kerana dapat membantu para pengkaji untuk meneruskan penyelidikan seterusnya dalam bidang ini dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengannya.

1.8 Definisi Operasional Kajian

Definisi operasional kajian akan mengelakkan pembaca daripada memahami persepsi yang berbeza dengan kehendak dan maksud yang ingin disampaikan oleh pengkaji. Ia juga memberikan batasan yang sah kepada kefahaman istilah dan tujuan kajian.⁶⁶ Secara operasional, sesuatu konsep itu didefinisikan agar ia boleh diukur serta dilihat daripada beberapa dimensi, aspek dan sudut.⁶⁷

Kajian ini bertajuk ”*Pelaksanaan Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Hubungannya Dengan Pembangunan Sahsiah Pelajar*”. Dalam menghuraikan istilah-istilah yang terdapat dalam judul kajian ini, pengkaji cuba menonjolkan istilah-istilah utama yang terdapat dalam tajuk kajian.

1.8.1 Pelaksanaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ”**pelaksanaan**” bererti perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dan sebagainya). Contohnya seperti pelaksanaan Kurikulum Standart Sekolah Rendah (KSSR) (5M) tahap pertama sedang dijalankan oleh KPM.⁶⁸ Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendefinisikan pelaksanaan sebagai satu usaha menjalankan modul SUMUR yang bertujuan untuk membangunkan sahsiah, akhlak dan tingkah laku pelajar.

Pelaksanaan adalah suatu tindakan atau pelaksanaan dari sebuah rencana yang sudah disusun secara matang dan terperinci, implementasi biasanya dilakukan setelah perencanaan sudah dianggap siap. Secara sederhana pelaksanaan boleh diertikan sebagai

⁶⁶ Othman Mohamed, *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001), 20.

⁶⁷ Uma Sakaran, *Research Method for Managers: A Skill-Building Approach* (New York: John Wiley & Sons, 1984), 119.

⁶⁸ Kamus Dewan, ed. ke-4, cet. pertama (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 871, entri “laksana”.

penerapan. Majone dan Wildavsky mengemukakan pelaksanaan sebagai evaluasi. Browne dan Wildavsky mengemukakan bahawa pelaksanaan adalah perluasan aktiviti yang saling menyesuaikan.⁶⁹ Antara faktor yang penting dalam pelaksanaan sesuatu program ialah:

- a. Komunikasi, iaitu suatu program dapat dilaksanakan dengan baik apabila jelas bagi para pelaksana. Hal ini berkaitan dengan proses penyampaian informasi, kejelasan informasi dan konsistensi informasi yang disampaikan.
- b. Resouces (sumber daya), yang terdiri daripada empat komponen, iaitu jumlah staf yang berkualiti dan mencukupi, mempunyai informasi maklumat yang jelas, bersikap proaktif dalam melaksanakan tanggungjawab dan fasiliti yang lengkap
- c. Disposisi, iaitu sikap dan komitmen terhadap program, khususnya daripada mereka yang menjadi implementasi program.
- d. Struktur Birokrasi, iaitu *Standard Operating Procedures* (SOP), yang mengatur tata aliran dalam pelaksanaan program.

Keempat-empat faktor di atas dilihat boleh mempengaruhi keberhasilan suatu proses implementasi, namun begitu tidak dinafikan wujudnya hubungan dan pengaruh antara satu sama lain.

1.8.2 Modul

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, "modul" adalah unit atau bahagian tersendiri yang lengkap dengan komponennya yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkaikan dengan unit-unit lain dalam sesuatu yang lebih besar. Modul juga membawa maksud kursus, pelajaran (latihan dan sebagainya) yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah

⁶⁹ Nurdin Usman, *Konteks Implementasi Berbasis Kurikulum* (Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2002), 70.

pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran.⁷⁰ Berdasarkan Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) Online, modul bermaksud komponen dari suatu sistem yang berdiri sendiri, tetapi menunjang program dari sistem itu. Ia juga bererti unit kecil dari satu pelajaran yang dapat beroperasi sendiri.⁷¹

1.8.3 Sahsiah Unggul Murid (SUMUR)

”Sahsiah Unggul Murid” atau ringkasnya ”SUMUR” ialah suatu ungkapan yang terdiri daripada beberapa perkataan, iaitu ”sahsiah”, ”unggul” dan ”murid”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan sahsiah membawa maksud keperibadian atau peribadi.⁷² Siti Fatimah Abdul Rahman (1993) menyatakan bahawa sahsiah merujuk kepada sistem tingkah laku individu. Ini bererti setiap individu memiliki cara bertindak yang tersendiri dan cara bertindak itu adalah lebih kurang sama dari sehari ke sehari.⁷³ Abdul Majid dan Rahil (1995) pula mendefinisikan sahsiah sebagai perkaitan antara penilaian, perasaan, emosi dan perlakuan manusia. Selain itu, sahsiah juga merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan. Ini merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai.⁷⁴ Allport (dalam Cloninger, 2008) menyatakan sahsiah adalah organisasi dinamik sistempisiko fizikal pada seseorang individu yang menentukan tingkah laku dan fikirannya yang khusus. Sahsiah manusia boleh diperhati, dikenalpasti dan diperihalkan.

⁷⁰ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1040, entri “modul”.

⁷¹ Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) Versi Online, dicapai di kbbi.web.id/.

⁷² Kamus Dewan, ed. ke-4, 1366, entri “sahsiah”.

⁷³ Siti Fatimah Abdul Rahman, *Asas-Asas Masyarakat Cemerlang* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1993).

⁷⁴ Sohana Abdul Hamid dan Hairun Najuwah Jamali, “Komunikasi Berkesan Membina Sahsiah Pelajar”, *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies* 1, no. 1 (Januari-Jun 2017).

Mengikuti Gordon W. Allport (1937), sahsiah ialah sesuatu yang sama dengan organisme tingkah laku. Ia dianggap suatu organisme sistem lahir batin psikologikal yang dinamik di dalam diri seseorang yang menentukan penyesuaian dengan alam persekitaran dengan cara unik atau tersendiri.⁷⁵ Al-Maidāni (1999) menjelaskan bahawa sahsiah manusia terbahagi kepada dua jenis, iaitu pertama, sahsiah yang bersifat semulajadi yang dikurniakan oleh Allah s.w.t semenjak dilahirkan sama ada mewarisi genetik ibu atau bapa. Kedua, sahsiah yang boleh dibina dan diusahakan dengan cara dan metode yang tertentu, sama ada baik atau buruk.⁷⁶

Manakala perkataan "unggul" pula membawa maksud melebihi (mengatasi) yang lain (baik, bijak, cekap, tinggi, dan lain-lain), terbaik, teristimewa, terutama.⁷⁷ Manakala menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) Online, unggul bermaksud lebih tinggi (pandai, baik, cakap, kuat, awet, dan sebagainya) daripada yang lain-lain; utama (terbaik, terutama).⁷⁸ Sementara perkataan "murid" menurut Kamus Dewan Edisi Keempat adalah merujuk kepada orang atau anak yang sedang belajar atau berguru, pelajar, penuntut.⁷⁹ Perkataan murid biasanya membawa maksud yang sama dengan pelajar, iaitu orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab, dan sebagainya), orang yang mengaji (menyelidiki ilmu).⁸⁰

Oleh yang demikian, "sahsiah unggul murid" dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada sejenis modul sahsiah yang dilaksanakan di SMKA berpandukan kepada sejenis modul khusus yang dinamakan sebagai modul sahsiah unggul murid atau

⁷⁵ Gordon W. Allport, *Personality: A Psychological Interpretation* (New York: t.p., 1937), 48.

⁷⁶ Abdul Rahman Hassan Hanbakah al-Maidani, *Al-Akhlāq al-Islamiyyāt wa Usūshā*, cet. ke-5 (Damsyik: Dar al-Qalam, 1999), 1: 178-179.

⁷⁷ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1770, entri "unggul".

⁷⁸ Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) Versi Online, dicapai di kbbi.web.id/.

⁷⁹ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1057, entri "murid".

⁸⁰ *Ibid.*, 21, entri "ajar".

ringkasnya SUMUR. Ia adalah sejenis modul sahsiah yang memfokuskan kepada aspek pembangunan sahsiah dan akhlak pelajar, khususnya di SMKA dan SABK. Modul SUMUR terbahagi kepada empat program utama, iaitu program *Mutadayyin*, Berbudi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri, serta dikendalikan oleh Sektor Pembangunan Akhlak dan Syiar Islam (SPASI) BPI KPM. Fokus modul SUMUR adalah tentang aspek solat berkualiti, tadarrus al-Quran, dan amalan zikir dan doa harian (program *Mutadayyin*); aspek laras bahasa, hormat menghormati, tolong menolong, dan mengenang atau menghargai budi (program Berbudi Bahasa); aspek berkeyakinan, sabar dan tabah, tetap pendirian, dan semangat juang (program Jati Diri); dan aspek pemakaian, adab sopan, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif (modul Penampilan Diri).

1.8.4 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)

”Sekolah Menengah Kebangsaan Agama” atau SMKA adalah merujuk kepada sekolah aliran agama yang diletakkan pengurusannya di bawah BPI. BPI telah membahagikan pengurusan bahagian kepada 5 buah institusi, iaitu Pengurusan Pendidikan Islam (PPI), Pengurusan Institusi Pendidikan Agama (PIPA), Pengurusan Dakwah dan Syiar Islam (PDSI), SMKA dan SABK.⁸¹ SMKA adalah berbeza dengan sekolah-sekolah agama yang lain, seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Penubuhan SMKA bermula dengan pengambilalihan sebelas buah SMAN dan SMAR oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada Januari 1977.⁸² Sehingga tahun 2016, bilangan SMKA di seluruh negara telah meningkat kepada 58 buah sekolah tidak termasuk Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), SMAP Labu dan SMAP Kajang yang diletakkan

⁸¹ Portal Rasmi BPI, 29 November 2014.

⁸² Ahmad Sahli Mohd Hasan, “Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di SMKA Falahiah Pasir Pekan: Tinjauan Mengenai Metodologi Pengajaran dan Keberkesanannya” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2008), 42.

di bawah pentadbiran Unit Asrama penuh, Kementerian Pelajaran Malaysia.⁸³ Idea penubuhan SMKA dicadangkan oleh Pengarah Bahagian Agama Kementerian Pelajaran, Nik Mohamad Mohyidden Wan Musa.⁸⁴ Penubuhan SMKA adalah seiring dengan usaha pemodenan sistem pendidikan negara, khususnya penambahbaikan sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama. Cadangan tersebut kemudiannya direalisasikan oleh Abdul Hamid Othman dan Zainal Abidin Abdul Kadir pada tahun 1977.

1.8.5 Pembangunan Sahsiah Pelajar

”**Pembangunan**” adalah merujuk kepada perihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan, perkembangan dan sebagainya; usaha atau kegiatan membangunkan (memajukan dan mengembangkan).⁸⁵ Pembangunan sahsiah pelajar adalah merujuk kepada perubahan tingkah laku seseorang individu sama ada dari segi penampilan fizikal, cara pergaulan dan komunikasi dengan cara yang boleh diterima oleh masyarakat di sekeliling beserta dengan nilai-nilai keagamaan yang dipegang oleh seseorang pelajar. Perubahan ini juga dinilai melalui kekerapan dalam melaksanakan amal ibadat fardu dan sunat yang menjadi rutin harian pelajar, di samping tutur kata, kelakuan, sopan santun dan tatatertib, akal kebijaksanaan dan perbuatan kebajikan yang terangkum dalam kata-kata yang mulia dan terpuji. Pembangunan sahsiah pelajar juga menggambarkan personaliti, penampilan dan pembentukan jati diri seseorang pelajar.

⁸³ Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, cet. ke-2 (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2004), 108.

⁸⁴ *Ibid.* Ahmad Sahli Mohd Hasan, “Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di SMKA Falahiah Pasir Pekan”, 42.

⁸⁵ Kamus Dewan, ed. ke-4, 123, entri “bangun”.

1.9 Skop Kajian

Bagi memudahkan struktur penulisan agar tidak terkeluar dari garis panduan dan lingkungan tajuk kajian, maka skop kajian dibataskan kepada pelaksanaan modul SUMUR di 5 buah SMKA di Malaysia. Pemilihan kelima-lima buah SMKA tersebut adalah mengikut metode persampelan berkelompok mengikut zon dan pemilihan dijalankan secara rawak mudah. Lima zon yang dikenal pasti ialah zon Utara, zon Selatan, zon Timur, zon Tengah dan zon Malaysia Timur. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah SMKA al-Irshad, Pulau Pinang; SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Negeri Sembilan; SMKA Naim Lil Banat, Kelantan; SMKA Slim River, Perak; dan SMKA Tun Ahmad Zaidi, Sarawak.

Manakala untuk responden pula, kajian ini hanya membataskan kepada kelompok pelajar sahaja, iaitu pelajar-pelajar tingkatan empat berdasarkan pemilihan sampel yang akan dihuraikan dalam Bab 3 nanti. Selain itu, pengkaji juga membataskan tajuk kajian kepada pelaksanaan Modul SUMUR di SMKA dan hubungannya dengan pembangunan sahsiah pelajar. Definisi modul dalam tajuk kajian ini adalah merujuk kepada modul SUMUR yang dilaksanakan di SMKA dan perbincangan mengenainya akan dibincangkan di dalam Bab 4.

1.10 Sorotan Kajian Lepas

Pengkaji mendapati tidak banyak kajian yang dilakukan berkaitan dengan Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di SMKA. Namun, banyak pihak berusaha dalam melakukan kajian terhadap untuk kemerosotan sahsiah dan akhlak pelajar. Berikut adalah kajian-kajian yang hampir berkaitan dengan skop kajian ini berdasarkan tema-tema yang digariskan.

1.10.1 Kajian Pembangunan Sahsiah dan Akhlak

Lukman Hakimi Ahmad (2014) dalam tesis beliau yang bertajuk "*Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim: Kajian Terhadap Pelajar di Politeknik Pantai Timur*" menjelaskan kajian ini bertujuan untuk mengkaji kurikulum Pendidikan Islam dalam membentuk pelajar yang bersahsiah muslim, mengenalpasti tahap penghayatan pelajar terhadap sahsiah muslim setelah mengikuti kurikulum Pendidikan Islam dan mengkaji keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam dalam membentuk pelajar yang bersahsiah muslim. Pengkaji juga menghuraikan konsep sahsiah mengikut al-Quran dan al-sunnah, ciri-ciri yang membezakan sahsiah dengan akhlak, ciri-ciri sahsiah dalam Islam, aspek-aspek pembentukan sahsiah muslim dan program bina sahsiah.

Rashidi Abbas (2014) dalam tesis bertajuk "*Pembangunan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah*" menerangkan tentang asas pembinaan akhlak dan pembangunan insan melalui al-Ghazali, Miskawayh, Abu al-*Ala* al-Mawdudi dan Ibn Hazm. Pengkaji mengkaji pembangunan akhlak dalam beberapa elemen kemahiran insaniah, iaitu pembangunan akhlak dalam elemen kemahiran komunikasi, pembangunan akhlak dalam elemen kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, pembangunan akhlak dalam elemen pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, pembangunan akhlak dalam elemen etika dan moral profesional, pembangunan akhlak dalam elemen kemahiran kepimpinan, pembangunan akhlak dalam elemen kemahiran kerja berpasukan, dan pembangunan akhlak dalam kemahiran keusahawanan. Dapatan kajian secara umumnya menunjukkan adanya perkaitan yang signifikan antara pembangunan akhlak Islam dengan penguasaan kemahiran insaniah dalam meningkatkan prestasi dan potensi pelajar.

Mas Mirah Abdul Karim (2015) menghuraikan konsep pembangunan insan dan aspek-aspek pembangunan modal insan dalam disertasi bertajuk "*Pembangunan Insan*

Dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 Negara Brunei Darussalam: Kajian tentang Pelaksanaan dan Kefahaman Penjawat Awam di Kementerian Hal Ehwal Ugama". Pengkaji mengaitkan pembangunan insan dengan *tazkiyat al-nafs*, iaitu merujuk kepada usaha untuk membersihkan diri daripada sifat *mazmumah*.

Mohd Yusri Ngah (2004) dalam disertasi bertajuk *"Latihan Dalam Pembangunan Kerjaya Dari Perspektif Pengurusan Islam: Kajian di Institut Latihan Kakitangan MARA (ILHAM), Majlis Amanah Rakyat, Kuala Lumpur"* pula menjelaskan tentang aspek pembangunan insan yang perlu dimiliki oleh setiap pekerja di ILHAM. Dapatan kajian mendapati wujud keseimbangan antara kehendak luaran dan dalaman mereka dan seterusnya mencapai matlamat *"al-falāh"* yang merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi.

Asmida Awang (2010) pula menulis tentang *"Program Pembangunan Insan di Masjid Daerah Kuching, Sarawak"*. Pengkaji membincangkan tentang program pembangunan insan di enam buah masjid dalam daerah Kuching, Sarawak yang terpilih dalam kajian. Melalui kajian ini, pengkaji terlebih dahulu mengemukakan konsep pembangunan insan, matlamat pembangunan insan, dan bentuk serta peranan pembangunan insan dalam Islam. Pengkaji turut menghuraikan konsep masjid, peranan masjid dan strategi pembangunan masjid secara mendalam. Berdasarkan kajian, pengkaji telah mengenalpasti program pembangunan insan yang dilaksanakan di enam buah masjid yang terpilih dalam kajian dan mengenalpasti masalah-masalah yang wujud dalam program pembangunan insan yang dilaksanakan.

Azizah Zakaria (2004) melalui disertasi yang bertajuk *"Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam Falsafah Etika al-Ghazali: Kajian di Kalangan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan"* menjelaskan bahawa penghayatan terhadap nilai-nilai etika yang berasaskan *Islamic values* merupakan keperluan mendesak dalam menyelesaikan masalah sosial yang kian mencabar kehidupan ummah

pada hari ini. Kajian membincangkan beberapa aspek tentang falsafah etika menurut pandangan al-Ghazali.

Abdul Jalil Borham (2008) melalui buku bertajuk *"Asas Pembangunan Modal Insan"* membicarakan mengenai pembangunan insan dan proses pembinaannya. Pengkaji menyatakan bahawa diri manusia yang merupakan khalifah Allah s.w.t mestilah diurus dan disempurnakan pembangunan dirinya agar dapat menyumbang ke arah kebaikan dan kesejahteraan sejagat. Semua usaha dan program yang dijalankan dalam proses pembangunan insan adalah bertujuan untuk melahirkan insan yang siap dibangunkan dengan akhlak Islam.

Kajian yang dilakukan oleh Abd Rahman Hj. Yusof (2001) tentang *"Program Bina Sahsiah Belia Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kajian Tentang Keberkesanannya"* adalah menghuraikan tentang program-program bina sahsiah belia masa kini yang terdiri daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO), seperti Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) dan Gerakan Belia 4B. Selain itu, pengkaji juga menyenaraikan beberapa contoh program Jabatan Belia dan Sukan wilayah tersebut dan diakhiri dengan perbincangan tentang keberkesanannya. Antaranya ialah kursus asas kefahaman Islam, seminar pembangunan insan, kem bina diri, program bina keluarga, bengkel sehari nilai murni, kursus kader murni, kursus qiadah remaja, program sambutan hari-hari kebesaran Islam dan lain-lain lagi.

Dalam buku *"Pembangunan Dari Perspektif Islam"* yang dihasilkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) (2007) menjelaskan tentang maksud sebenar pembangunan menurut perspektif Islam. Ia bukan sahaja menghurai tentang konsep

pembangunan, tetapi juga menyentuh pelbagai aspek yang berkaitan seperti pengukuran dan pengurusan pembangunan serta beberapa perkara lain yang perlu ada dalam agenda pembangunan sesebuah negara termasuklah pembangunan modal insan dan sahsiah.

1.10.2 Kajian Sahsiah Dalam Kalangan Pelajar

Dzul kifli Hj. Hasanuddin (2004) menghuraikan definisi sahsiah menurut perspektif Islam dan Barat dalam kajiannya bertajuk "*Sahsiah Pelajar Kelas Aliran Agama dan Bukan Aliran Agama di Sekolah Menengah Seremban, Negeri Sembilan*". Pengkaji menyatakan bahawa tujuan kajian tersebut dilakukan adalah untuk mencari persamaan dan perbezaan sahsiah di antara pelajar Kelas Aliran Agama (KAA) dengan pelajar Kelas Bukan Aliran Agama (KBA) di lima buah sekolah menengah di daerah Seremban. Dapatan kajian membuktikan bahawa pembangunan akhlak dan sahsiah pelajar dapat dilakukan oleh faktor persekitaran, seperti ibubapa dan institusi kekeluargaan, persekitaran sekolah dan pergaulan dengan rakan sebaya.

Hajar Opir (2006) dalam disertasi bertajuk "*Metodologi Pembangunan Akhlak di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Kajian Khusus di Sekolah Menengah Islam al-Amin, Gombak, Selangor*" menulis tentang metode pembangunan akhlak oleh tokoh-tokoh akhlak Islam. Metode pembangunan akhlak menurut pandangan Abdullah Naseh Ulwan terbahagi kepada pengikatan akidah, contoh teladan, kebiasaan, bimbingan dan kaunseling, dan pengamatan atau observasi. Manakala menurut al-Ghazali pula, metode pembangunan akhlak terbahagi kepada *tazkiyyah al-nafs* (pembersihan jiwa), *mujāhadah* (melawan hawa nafsu), amal kebaikan dan membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlaknya. Sementara menurut Luqman al-Hakim pula, metode pembangunan akhlak terbahagi kepada doktrin akidah, melazimi ibadah dan *murāqabatullah* (pengawasan diri terhadap Allah s.w.t). Pengkaji juga menjalankan kajian ini bagi mendapat gambaran sebenar mengenai

metode atau kaedah pembangunan akhlak dan pengaruhnya dalam kurikulum dan kokurikulum terhadap pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima di Sekolah Menengah Islam (SMI) al-Amin, Gombak.

Norhapizah Mohd Burhan (2006), dalam disertasi bertajuk "*Pembangunan Akhlak Pelajar Islam di Triang, Pahang*" mengupas tentang punca permasalahan akhlak dalam kalangan pelajar di Triang, Pahang. Dalam kajiannya, beliau juga membincangkan tentang sambutan dan keberkesanan usaha-usaha pembangunan akhlak yang dijalankan, di samping masalah-masalah yang dihadapi dalam membangunkan akhlak pelajar. Dapatan kajian menunjukkan akhlak pelajar-pelajar Islam di Triang berada pada tahap yang kurang memuaskan. Pengkaji turut menyenaraikan punca kepada masalah akhlak pelajar yang terbahagi kepada beberapa kategori, iaitu faktor keluarga, guru, rakan-rakan, diri sendiri, persekitaran, dan media.

Mazlan Ismail (2011) dalam disertasi bertajuk "*Unsur-Unsur yang Mempengaruhi Akhlak Pelajar Islam di Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Selatan, Cheras, Kuala Lumpur*" menjelaskan tentang unsur-unsur yang mempengaruhi akhlak pelajar, jenis salah laku dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam menangani akhlak pelajar di sekolah tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa langkah untuk mengatasi masalah salah laku dan pembentukan akhlak yang mulia dalam kalangan pelajar adalah dengan cara mengelakkan diri daripada bersahabat dengan golongan yang mempunyai sifat dan tingkah laku yang tidak baik dan menahan diri daripada mengambil bahan-bahan yang boleh menyebabkan gangguan emosi dan rohani. Kajian membuktikan ibubapa juga berperanan memantau tingkah laku anak-anak dan memberikan didikan agama yang sempurna dengan secukupnya.

Manakala Wan Norasiah Wan Ismail (2003) dalam disertasi bertajuk "*Akhlak Remaja di Felda Ulu Belitong, Kluang, Johor: Kajian Tentang Masalah*" pula

mendedahkan faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya salah laku akhlak di felda tersebut. Kajian mendapati kebanyakan remaja lelaki yang masih bersekolah tetapi mempunyai pencapaian akademik yang rendah telah terlibat dalam pelbagai masalah akhlak, seperti ponteng sekolah, berfoya-foya dan melepak. Jenayah-jenayah berat pula banyak dilakukan oleh golongan remaja yang menganggur dan sudah bekerja. Faktor utama yang menyumbang kepada gejala keruntuhan akhlak ialah kerana kesibukan ibubapa bekerja sehingga mengabaikan kasih sayang, kurang berkomunikasi dan kurang prihatin dengan ilmu agama. Di sini, pengkaji mengemukakan beberapa pendekatan yang sesuai dan berkesan untuk diaplikasikan bagi membangunkan sahsiah remaja, khususnya golongan pelajar dengan memberikan nasihat yang baik, pendekatan melalui teladan, galakan dan pujian, latihan yang berterusan dan hukuman yang sewajarnya.

Fathiyah Mohd Fakhruddin (2003) dalam kajian beliau bertajuk "*Pembangunan Akhlak Remaja Menurut al-Quran: Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah-Sekolah Menengah di Ampang, Selangor Darul Ehsan*" pula cuba untuk mengenalpasti metode atau pendekatan bagi membangunkan akhlak remaja menurut al-Quran. Pengkaji juga cuba mengenalpasti metode pembangunan akhlak yang diberi oleh ibubapa dan guru-guru kepada pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di Ampang dan sejauh mana keberkesanan metode tersebut. Penulis juga turut melihat contoh-contoh pendekatan akhlak menurut al-Quran yang sesuai diaplikasi bagi membangunkan akhlak pelajar. Aspek-aspek perkembangan remaja seperti fizikal, emosi, sosial, intelek dan moral amat perlu dititikberatkan. Tinjauan secara umum tentang contoh masalah akhlak yang berlaku juga dilakukan dan faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah tersebut, seperti faktor persekitaran, media massa, rumah tangga, rakan sebaya dan sikap segelintir guru yang tidak mementingkan akhlak pelajar juga dikenalpasti.

Nor Azlina Mat Jusoh (2004) dalam kajian tentang "*Keberkesanan Pembangunan Sahsiah Remaja Jabatan Belia Besut, Terengganu Darul Iman*" adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pembangunan sahsiah remaja Jabatan Belia Besut (JBB), Terengganu Darul Iman sebagai pusat penyelidikan. Mustafa Haji Daud berpendapat bahawa terdapat beberapa cara bagaimana hati dan jiwa diasuh, dibina dan dibentuk agar menghasilkan sahsiah yang mulia dan terpuji. Antaranya melalui ilmu, latihan, pengawalan nafsu dan syahwat, niat, *muhāsabah* dan *murāqabah*. Pengkaji turut menghuraikan sistem pembentukan sahsiah yang bermula daripada keluarga, masyarakat, rakan sebaya, institusi pendidikan, media massa dan institusi.

1.10.3 Kajian Tentang Masalah Pelajar di SMKA

Kajian yang dijalankan oleh Mahadi Hj. Khalid (2010) bertajuk "*Tingkah Laku Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sarawak*" adalah bertujuan untuk mengenal pasti tingkah laku buli dalam kalangan pelajar SMKA di Sarawak. Hasil kajian mendapati bahawa punca tingkah laku buli fizikal yang sering dilakukan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli adalah untuk menunjukkan dirinya kuat, manakala dalam kalangan pelajar yang menjadi mangsa buli adalah kebanyakan umurnya yang lebih muda. Kejadian ini didapati telah berlaku di SMKA.

Mohd Subri Mohd Noor (2005) dalam disertasi beliau bertajuk "*Pendidikan Akhlak Menerusi Seni Gamelan: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang Lima, Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor*" yang bertujuan untuk melihat keberkesanan pendidikan akhlak menerusi seni gamelan di sekolah tersebut dari tiga aspek, iaitu tenaga pengajar, guru pembimbing kelab dan ibubapa atau penjaga. Kelab Gamelan SMKA Simpang Lima telah ditubuhkan di sekolah ini sejak beberapa tahun lepas dan merupakan satu-satunya SMKA yang mempunyai kelab tersebut daripada keseluruhan SMKA dalam

negara. Terdapat beberapa rasional ditubuhkan kelab tersebut, iaitu keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajarkan di bilik darjah amat terbatas sekiranya hanya bergantung kepada peruntukan masa dan mata pelajaran itu sahaja. Pelajaran Pendidikan Islam akan menjadi lebih berkesan sekiranya ajaran dan nilai-nilai murni yang dipupuk dan diterapkan kepada para pelajar itu disokong bersama mata pelajaran lain termasuk menerusi aktiviti kokurikulum seperti kelab gamelan. Elemen Merentasi Kurikulum (EMK) dalam pembelajaran amatlah digalakkan dalam PdPc.

Aerisuli Awang (2011) pula melalui kajian beliau bertajuk "*Penghayatan Ibadat dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*" cuba untuk mengetahui latarbelakang agama dan hubungan sosial di kalangan pelajar serta peranan yang telah dijalankan oleh pihak sekolah dalam mencapai matlamat tersebut. Di samping itu, ia juga dilakukan untuk membandingkan pencapaian sahsiah antara pelajar asrama dan luar. Pengkaji mendedahkan bahawa penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar ini sebenarnya lemah. Pada pandangan mereka, ibadah hanyalah suatu kewajipan seorang muslim dan tiada hubungkait dengan hubungan sosial mereka seharian. Ibu bapa yang kurang memberikan penekanan agama terhadap anak-anak juga merupakan penyumbang kepada kegagalan tersebut. Jika di sekolah dan di asrama, para pelajar ditekankan dengan disiplin dan program rutin ibadah yang maksimum dan tersusun, keadaan adalah sebaliknya apabila mereka pulang ke rumah. Peluang memasuki sekolah ini lebih tertumpu kepada pencapaian akademik dan bukan untuk kecemerlangan sahsiah diri.

Azmil Hashim et. al. (2016) menerusi kajian bertajuk "*Qudwah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*" menyatakan bahawa hasil temu bual dengan PK HEM sebuah SMKA di Bahagian Kuching pada 10 Oktober 2013 menunjukkan kesalahan pelajar pada tahun 2013 melibatkan pelbagai kesalahan

sebagaimana telah dinyatakan oleh pengkaji tentang masalah dan krisis sahsiah yang turut berlaku di sekolah-sekolah agama termasuk SMKA dan SABK dalam bab permasalahan kajian.

Norhisham Muhamad (2011) dalam kajian "*Biah Solehah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)*" menjelaskan bahawa dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan *biah solehah* berada pada tahap sederhana tinggi bagi pelajar tingkatan empat SMKA di Malaysia. Dapatan strategi pelaksanaan Biah Solehah dengan strategi *ansyitah, qudwah, "amali, talqin dan takrir* pada tahap tinggi, kecuali *taqlid* pada tahap sederhana tinggi. Dapatan persepsi terhadap pembudayaan *biah salehah* pada tahap sederhana tinggi. Dapatan persepsi pelajar terhadap penghayatan akhlak di dalam sekolah dan asrama pada tahap tinggi dan penghayatan akhlak pelajar di luar sekolah dan asrama juga pada tahap tinggi. Dapatan temu bual menunjukkan pembudayaan *biah salehah*, strategi pelaksanaan *biah salehah* dilaksanakan di sekolah dan pelajar mengamalkan akhlak yang baik walaupun terdapat segelintir pelajar yang bermasalah. Ini menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang melakukan salah laku disiplin di SMKA.

Tinjauan dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di SMKA Slim River pada bulan September 2016 hingga Ogos 2017 juga mendapati terdapat pelajar yang bermasalah dari aspek sahsiah dan akhlak. Kes seperti bercakap bahasa lucu, vandalisme, tidak menjaga kebersihan, tidak menepati masa, melanggar peraturan sekolah dan seumpamanya sering kali berlaku di sekolah.

1.10.4 Kajian Tentang Modul atau Program SUMUR

Dari tinjauan yang dilakukan, pengkaji hanya menemui satu kajian khusus berkaitan modul SUMUR, iaitu kajian Wan Nor Adibah Wan Ahmad bertajuk "*Pembentukan Jati Diri Muslim Melalui Pengamalan Modul Sahsiah Unggul Murid di Hulu Langat dan Sepang*,

Selangor”. Lain-lain kajian dalam bidang ini masih kurang dilakukan oleh pengkaji walaupun modul SUMUR telah diperkenalkan oleh KPM di SMKA dan SABK seluruh negara sejak tahun 2010 dan dilaksanakan sepenuhnya di semua sekolah kelolaan BPI KPM, iaitu sebanyak 56 buah SMKA dan 159 buah SABK pada tahun 2013. Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baru yang dapat dimanfaatkan untuk pembangunan sahsiah pelajar.

Kajian-kajian lain yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu berkaitan program usrah seperti kajian yang dijalankan oleh Kamarul Hazani Yusof dan Ummu Hani Abu Hassan (2011) tentang *”Usrah Teras pembangunan Insan: Tinjauan Pelaksanaannya Dalam Kalangan Para Pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS)”* adalah bertujuan untuk menyingkap peranan usrah yang dianggap sebagai teras pembangunan modal insan dalam kalangan pelajar sekolah, khususnya KISAS. Pengkaji terlebih dahulu menghuraikan definisi dan sejarah usrah yang sinonim dengan aktiviti saling ingat-mengingatkan, berpesan-pesan dan nasihat-menasihati bagi memenuhi tuntutan agama dan diharap dapat memenuhi harapan kerajaan dalam merealisasikan pembangunan modal insan terutamanya dari aspek pembangunan akhlak dan sahsiah. Kajian juga membincangkan tentang sejarah pelaksanaan program usrah, bentuk-bentuk pelaksanaan program usrah di KISAS serta pandangan pelajar terhadap pelaksanaan dan permasalahannya.

Muhammad Nordin, Jamil Ahmad dan Ab Halim Tamuri (2011), dalam jurnal bertajuk *”Pelaksanaan Program Usrah Badar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Haji Mohd Said”* menjelaskan tentang penggunaan sukatan usrah yang seragam di SMKA sejak tahun 2006. Bermula tahun 2010, BPI KPM telah memperkenalkan modul SUMUR yang terdiri daripada 4 program utama dan program usrah BADAR merupakan antara program yang dijalankan di bawah program Jati Diri. Jurnal juga memaparkan pelaksanaan program usrah BADAR di SMKA Sheikh Haji Mohd

Said (SHAMS) yang telah dijadikan program kebitaraan (*niche area*) setelah sekolah ini dipilih sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) KPM.

Safwan Ahmad (2013), menulis tentang ”*Amalan Program Usrah di Sekolah Agama Menengah: Kajian Kes di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor*”. Usrah merupakan sebuah program pembangunan insan yang bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan akhlak. Pengamalan program ini di SAM Bestari, Subang Jaya, Selangor yang merupakan sebuah SKK KPM adalah untuk melihat dengan lebih dekat amalan program usrah yang telah lama dilaksanakan di sekolah cemerlang ini. Selain itu, ia juga cuba mengenal pasti adakah terdapat masalah dalam melaksanakan program Usrah. Usrah merupakan satu program utama dalam pembentukan sahsiah dan kerohanian pelajar yang mana hanya pelajar cemerlang dan terpilih sahaja dapat belajar di sekolah ini. Terdapat tiga aspek utama yang dikaji, iaitu untuk mengetahui sejarah program usrah, mengenalpasti bentuk amalan usrah dan perjalanannya serta mengenalpasti permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan program ini.

Mohd Ismail Mustari dan Salini Mohd Salleh (2010) dalam kajian rintis bertajuk ”*Persepsi Pelajar Terhadap Program Usrah di SMKA (P) Al-Mashoor*” pula mengkaji keberkesanan program usrah dalam membentuk peribadi pelajar. Kajian yang menggunakan kaedah soal selidik tersebut mengandungi 60 soalan dan terbahagi kepada bahagian A dan B. Hasil dapatan menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap keberkesanan program usrah adalah tinggi, di mana min keseluruhan bahagian ialah 3.75. Ini berpunca daripada faktor dalaman seperti pelajar merasakan perlu mengikuti aktiviti usrah untuk memantapkan keimanan kepada Allah s.w.t dan usrah juga merupakan salah satu jalan dakwah. Pelajar juga sedar usrah membantu meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan agama Islam dan isu-isu semasa. Manakala faktor luaran pula seperti berpunca

daripada latarbelakang keluarga yang cenderung kepada program usrah dan peranan rakan sebaya.

1.11 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kerja merupakan suatu perancangan dan strategi yang menjadi landasan kepada penilaian kajian. Ia merupakan garis panduan tentang apa yang akan dilakukan oleh pengkaji dari peringkat pengolahan sehingga kepada analisis data. Menurut Ahmad Sunawari (2014), kerangka teoritik adalah satu pemikiran yang digagaskan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji. Untuk menyelesaikan permasalahan kajian, idea dalam bentuk teori tertentu dirujuk berdasarkan al-Quran atau al-Sunnah.⁸⁶ Justeru itu, pengkaji merujuk al-Quran berpandukan pandangan Ibn Kathīr, Sayyid Quṭb dan Hamka berkaitan teori pembangunan sahsiah. Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran:

الْم ﴿١﴾ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا
أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى
مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Al-Baqarah 2: 1-5

Terjemahan: Alif, Laam, Miim. Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa; iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab "al-Quran" yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad), dan kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari Akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya.

⁸⁶ Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Penerbitan UKM, 2014).

Menurut Ibn Kathīr (1986), takwa ialah satu sifat berhati-hati bagi seorang muslim supaya tidak tergelincir kepada kemurkaan dan azab Allah s.w.t dalam kehidupannya. Orang-orang yang bertakwa sentiasa mencari keredaan dan rahmat Allah s.w.t serta menjauhi larangan-Nya.⁸⁷ Hamka (1984) menyatakan takwa diambil daripada kalimah *wiqāyah* yang bererti memelihara, iaitu memelihara hubungan yang baik dengan Allah s.w.t dan memelihara diri daripada terjebak ke dalam perkara maksiat dan larangan-Nya.⁸⁸ Manakala sayyid Qutb (2010) menyatakan takwa ialah kesedaran dan sikap yang mendorong kepada ketaatan serta perasaan waspada, berhati-hati dan takut dalam tindakannya supaya tidak terjebak ke dalam larangan-Nya. Sikap dan perasaan takwa adalah sifat orang-orang mukmin yang mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat.⁸⁹

Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
 إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Al-Hujurat 49: 13

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari kalangan lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu secara pelbagai bangsa dan puak, supaya kamu saling berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah s.w.t ialah orang yang lebih takwanya dalam kalangan kamu, (bukan orang yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Menurut Ibn Kathīr (2008) dan Sayyid Qutb (2010), ayat ini menjelaskan bahawa penciptaan manusia adalah untuk berkenal-kenalan tanpa mengira bangsa, kaum dan darjat.

⁸⁷ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, terj. Abdul Ghoffar dan Abu Ihsan, jil. 4, 9 (Jakarta: Pustaka Imam Syafie, 2009).

⁸⁸ Hj. Abdul Malik Karim Amrullah, *Tafsir al-Azhar* (Surabaya: Yayasan Latimojong, 1984).

⁸⁹ Sayid Qutb, *Tafsir fi Zilal al-Quran*, terj. Yusoff Zaky Yacob (Terengganu: Pustaka Darul Iman, 2010), 1,5,9: 493.

Perbezaan warna kulit, bahasa, bangsa, dan negara bukan menjadi ukuran di sisi Allah s.w.t kerana hanya neraca takwa sahaja yang menentukan nilai dan kelebihan manusia. Manusia yang paling bertakwa adalah manusia yang paling mulia di sisi Allah s.w.t. Ini menunjukkan bahawa manusia yang mentaati perintah-Nya ialah manusia yang bertakwa dan mulia di sisi Allah s.w.t. Nilai takwa itu mendorong seseorang itu untuk bertindak dan melaksanakan mengikut apa yang telah ditetapkan syarak.⁹⁰ Manakala Najati (1902) pula menyatakan bahawa takwa mampu membentuk keperibadian dan pembangunan sahsiah diri yang mulia. Justeru, berdasarkan tafsiran ayat-ayat di atas, pengkaji merumuskan bahawa nilai takwa menepati maksud sahsiah yang unggul dalam kajian ini, iaitu suatu sifat atau ciri-ciri yang mendorong seseorang itu melaksanakan ketaatan dan kepatuhan kepada Allah s.w.t serta berwaspada dalam kehidupannya supaya tidak terjerumus kepada kemurkaan Allah s.w.t.

Sahsiah yang unggul dan cemerlang juga dapat dibina melalui pengamalan seseorang. Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيِّنِينَ بِمَا كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

Ali, Imran 3: 79

Terjemahan: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama, hikmat dan pangkat kenabian, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "*Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah*". Tetapi (sepatutnya ia berkata): "*Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbāniyyīn (yang hanya menyembah Allah Taala dengan ilmu dan amal yang sempurna)*", kerana kamu sentiasa mengajarkan kandungan Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.

⁹⁰ *Ibid.*; Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, 2009.

Ayat ini menerangkan bahawa hakikat ketaatan dan kepatuhan manusia adalah kepada Allah s.w.t. Menurut Ibn Kathīr (2008) dan Sayid Quṭb (2010), Allah s.w.t mengkehendaki umat-Nya menjadi “*rabbāniyyīn*”, iaitu hamba yang menghubungkan dirinya kepada Allah s.w.t selaku hamba Allah dan bertawajjuh hanya kepada-Nya sahaja melalui pengamalan ibadat. Hamba yang membulatkan ketaatan hanya kepada Allah s.w.t, menerima dan melaksanakan undang-undang dan peraturan dari Allah s.w.t semata-mata. Ini menunjukkan bahawa manusia beriman kepada Allah s.w.t dengan sebenar-benarnya dan mentaati segala perintah-Nya. Keimanan seseorang hamba bukan dilihat kepada angan-angan dan ungkapan kata-kata sahaja, malah dinilai dari aspek amalan dan tindakannya dalam kehidupan.⁹¹ Dalam kajian ini, pengkaji merumuskan bahawa berdasarkan teori Islam, pembangunan sahsiah dan akhlak bukan sahaja terbentuk melalui nilai takwa semata-mata, tetapi juga melalui pelaksanaan amalan seseorang.

Sehubungan dengan itu, modul SUMUR yang menjadi kerangka konseptual kajian ini menekankan pembentukan sahsiah pelajar melalui pelaksanaan aspek-aspek dalam program *Mutadayyin*, Berbudi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri sebagai program amali. Menurut Zakaria et al. (2013), pelaksanaan aspek kerohanian adalah hasil daripada ketakwaan dan keimanan kepada Allah s.w.t. Al-Ghazali (1997) juga menegaskan bahawa perubahan seseorang hamba bergantung kepada perubahan diri sendiri melalui pendidikan dan *mujāhadah*.⁹² Oleh itu, instrumen modul SUMUR dibentuk mengikut kesesuaian dengan empat program SUMUR utama, iaitu program *Mutadayyin*, Berbudi bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri. Pelaksanaan program *Mutadayyin* ditinjau dari aspek solat berkualiti, amalan zikir dan doa, dan tadarus al-Quran. Manakala program Berbudi Bahasa

⁹¹ Hasnan Kasan, “Pembentukan Personaliti Menurut Islam” dalam Khairul Anwar Mastor, *Personaliti dan Pembangunan Insan* (Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM, 2009).

⁹² Didi Supardi, Abdul Ghofar dan Mahbub Nuryadien, “Konsep Pendidikan Moral Imam al-Ghazali dan Relevansinya Dengan Pendidikan Agama Islam di Indonesia”, *Jurnal al-Tarbawi al-Haditsah* 1, no. 2 (2016), 5.

dinilai dari aspek laras bahasa, hormat-menghormati, tolong-menolong, dan mengenang dan menghargai budi. Sementara program Jati Diri dilihat dari aspek berkeyakinan, sabar dan tabah, tetap pendirian dan semangat juang. Seterusnya program Penampilan Diri dari aspek pemakaian, adab sopan, kepemimpinan dan sikap positif dan proaktif.

Pelaksanaan modul SUMUR juga dilihat sebagai penyediaan *bīah ṣaleḥah* dan *iqlīm dīmī* kepada pembangunan sahsiah pelajar. Perubahan seseorang bukan sahaja berlaku melalui pendidikan dan hasil usaha yang dilakukan, tetapi juga melalui persekitaran atau *bīah ṣaleḥah* dan peranan ibubapa.⁹³ Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran:

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ تَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ ۗ وَالَّذِي خَبثَ لَا تَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا ۚ

كَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾


Al-A'rāf 8: 58

Terjemahan: Dan negeri yang baik (tanahnya), tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan terbantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekuasaan) Kami dengan pelbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur.

Ibnu Kathir dalam menghuraikan ayat di atas menyatakan bahawa sesuatu tempat atau persekitaran yang subur dan baik akan melahirkan hasil yang baik. Manakala Ibn Abbas dalam tafsir al-Azhar (1984) menjelaskan bahawa budaya atau persekitaran yang baik dapat melahirkan ruh atau jiwa yang baik. Oleh itu, pembangunan sahsiah yang cemerlang hanya akan dapat dibangunkan melalui kehidupan beragama (jalan takwa) dan pelaksanaan amalan dalam kehidupan. Manakala aspek persekitaran atau *bīah ṣaleḥah* juga turut membantu membentuk jati diri dan penampilan diri pelajar.

⁹³ Sayid Qutb, *Inilah Islam*, terj. Solehan Ayub (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2000).

Berdasarkan pandangan yang diketengahkan ini, maka pengkaji telah membina satu kerangka kajian yang bertepatan dengan objektif dan persoalan kajian seperti dalam Rajah 1.2 di bawah. Kerangka kajian ini juga turut menggambarkan pelaksanaan modul SUMUR menerusi aspek-aspek dan program SUMUR utama yang dilaksanakan di SMKA dengan pembangunan sahsiah pelajar. Secara prinsipnya, kajian ini melibatkan empat program SUMUR utama (dipecahkan kepada lima belas aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR) sebagai pemboleh ubah utama dalam kajian ini, iaitu program *Mutadayyin* (solat berkualiti, amalan zikir dan doa, dan tadarus al-Quran), program Berbudi Bahasa (laras bahasa, hormat-menghormati, tolong-menolong, dan mengenang dan menghargai budi), program Jati Diri (berkeyakinan, sabar dan tabah, tetap pendirian dan semangat juang) dan program Penampilan Diri (pemakaian, adab sopan, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif).



Rajah 1.2: Kerangka Kajian Pelaksanaan Modul SUMUR Dan Hubungannya Dengan Pembangunan Sahsiah Pelajar di SMKA

Melalui kajian ini, analisis inferensi dirangka bagi melihat perbezaan lima belas aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dan empat program SUMUR utama (sebagai pemboleh ubah bersandar) berdasarkan tujuh faktor profil pelajar, iaitu jantina pelajar, jawatan pelajar, aliran pendidikan pelajar, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, pendapatan bulanan keluarga dan tahap pendidikan keluarga (sebagai pemboleh ubah bebas). Seterusnya pada masa yang sama, kajian ini juga dirangka untuk menilai perkaitan hubungan dan faktor yang menyumbangkan aspek-aspek dan program SUMUR utama (sebagai pemboleh ubah bebas) terhadap pembangunan sahsiah pelajar (sebagai pemboleh ubah bersandar).

1.12 Struktur Penulisan Tesis

Penulisan dalam tesis ini dibahagikan kepada lima bab. Bab 1 ialah pendahuluan yang mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, definisi operasional kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas, kerangka konseptual kajian, struktur penulisan tesis dan juga kesimpulan di bahagian akhir.

Manakala dalam Bab 2, pengkaji membincangkan kajian literatur berkaitan tentang pembangunan sahsiah. Perbincangan dimulakan dengan pengenalan, perbincangan tentang definisi dan konsep pembangunan sahsiah, pembangunan sahsiah dari perspektif Barat, pembangunan sahsiah menurut tokoh-tokoh Islam, model pembangunan sahsiah, faktor-faktor yang mempengaruhi sahsiah dan program-program pembangunan sahsiah. Dalam Bab 2 juga, perbincangan berkaitan sejarah penubuhan SMKA didahului dengan sejarah Pendidikan Islam di Malaysia yang bermula daripada pelbagai institusi, seperti rumah imam, pondok dan madrasah sehinggalah berlaku perkembangan Pendidikan Islam pada zaman sekular, zaman penjajah dan zaman pasca merdeka. Pengkaji juga turut

membicarakan tentang sekolah-sekolah agama masa kini seperti SAN, SAR, SMKA dan SABK, sejarah dan FPI sehinggalah tertubuhnya SABK dan SMKA. Pengkaji turut membahaskan tentang modul SUMUR dan pelaksanaannya secara terperinci, seterusnya dibahaskan tentang pelaksanaan modul SUMUR yang menyentuh tentang rangkaian penggerak dan jawatankuasa pelaksana SUMUR sekolah, aspek pelaksanaan modul SUMUR, pelan tindakan dan medium pelaksanaan modul SUMUR yang merupakan kerangka perbincangan utama dalam kajian ini dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab 3 berkaitan metodologi kajian. Dalam bab ini, pengkaji memulakan perbincangan dengan pengenalan dan diikuti dengan perbahasan reka bentuk kajian; lokasi kajian; dan metode pengumpulan data (penyelidikan perpustakaan dan lapangan). Pengkaji juga memperincikan perbincangan populasi dan sampel kepada sub tajuk yang lebih kecil, iaitu populasi kajian, penentuan sampel kajian dan kaedah persampelan kajian; instrumen kajian (soal selidik temu bual), kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian (kesahan kandungan dan muka, pengesahan pakar, kajian rintis dan nilai kebolehpercayaan instrumen); metode analisis data kuantitatif (analisis deskriptif, analisis inferensi dan ujian normaliti bagi taburan data) dan data kualitatif; kerangka operasi, prosedur kajian dan diakhiri dengan kesimpulan.

Pada Bab 4, pengkaji meneruskan perbahasan dengan membincangkan dapatan kajian, iaitu pelaksanaan modul SUMUR di SMKA dan hubungannya dengan pembangunan sahsiah pelajar. Ia mengandungi pengenalan, profil responden kajian, dapatan kajian dan kesimpulan. Pengkaji menganalisis dapatan kajian secara deskriptif dan inferensi. Melalui analisis deskriptif (pelaksanaan modul SUMUR di SMKA menurut respon pelajar), data dihuraikan mengikut program-program SUMUR utama dan berdasarkan aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR, iaitu program *Mutadayyin* (solat berkualiti, tadarus al-Quran, dan amalan zikir dan doa harian), program Berbudu Bahasa

(hormat menghormati, tolong menolong, mengenang atau menghargai budi, dan laras bahasa), program Jati Diri (berkeyakinan, sabar dan tabah, tetap pendirian, dan semangat juang), dan program Penampilan Diri (pemakaian, adab sopan, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif). Manakala melalui analisis inferensi pula, analisis dilakukan untuk melihat perbezaan skor min yang signifikan pelaksanaan modul SUMUR berdasarkan jantina, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan pelajar, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga dan jawatan pelajar; dan analisis hubungan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR di SMKA.

Seterusnya dalam bab yang terakhir iaitu Bab 5, pengkaji membuat rumusan ke atas perbincangan yang dibuat sebelum ini, iaitu dalam bentuk rumusan umum dan khusus. Di sini, pengkaji membawakan rumusan hasil kajian dan saranan-saranan yang boleh diketengahkan bagi membantu proses pembangunan sahsiah pelajar di SMKA. Beberapa cadangan yang dikenal pasti dan bersesuaian juga akan dikemukakan bagi mengatasi beberapa kelemahan modul SUMUR sedia ada dalam membangunkan sahsiah dan akhlak pelajar di SMKA, walaupun modul tersebut telah dilaksanakan sejak tahun 2010, dan dilaksanakan sepenuhnya di 57 buah SMKA dan 159 buah SABK pada tahun 2013.⁹⁴

1.13 Kesimpulan

Secara umumnya sub tajuk yang dikemukakan dalam bab ini memberikan gambaran kasar berkaitan kronologi kajian bermula dengan latar belakang kajian dan permasalahan kajian. Bab ini juga turut membentangkan persoalan dan objektif kajian dan seterusnya kepentingan kajian ini dilakukan memandangkan masalah yang menjadi tumpuan dalam kajian ini kurang dibahaskan dan belum menemui jalan penyelesaian. Sub tajuk lain yang

⁹⁴ Surat Arahan: KP BPI(OD)5206/3/5.10 (3) bertarikh 09 April 2010.

dikemukakan ialah hipotesis kajian, definisi operasional kajian, skop kajian, kajian lepas, kerangka kerja kajian, struktur penulisan tesis dan diakhiri dengan kesimpulan.

Dalam Bab 2, perbincangan tentang kajian literatur adalah berkaitan dengan pembangunan sahsiah. Pengkaji akan mengemukakan definisi pembangunan sahsiah, pembangunan sahsiah dari perspektif Islam, model pembangunan sahsiah, faktor-faktor yang mempengaruhi sahsiah, program-program pembangunan sahsiah, sejarah penubuhan SMKA, modul SUMUR dan pelaksanaannya.

University of Malaya

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini terbahagi kepada sepuluh bahagian yang utama. Bahagian pertama akan dimulakan dengan pengenalan dan diikuti dengan perbincangan pada bahagian kedua mengenai definisi pembangunan sahsiah. Pemahaman mengenai pembangunan sahsiah ini akan memudahkan untuk memahami latar belakang sahsiah pelajar dari konteks pembangunan insan. Bahagian ketiga akan memfokuskan terhadap pembangunan sahsiah dari perspektif Islam yang merangkumi peribadi Rasulullah s.a.w, teladan Luqman al-Hakim, wasiat Nabi Adam a.s dan *khulafā' al-Rāsyidīn*. Bahagian keempat pula akan memberi tumpuan terhadap model pembangunan sahsiah menurut tokoh-tokoh Islam, iaitu Ibn Miskawayh, al-Ghazali, Ibn Khaldun, Abdullah Nasih Ulwan dan Luqman al-Hakim. Pada bahagian kelima dan keenam pula, kajian akan membicarakan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan sahsiah pelajar dan program-program pembangunan sahsiah. Bahagian ketujuh akan menerangkan tentang sejarah penubuhan SMKA di Malaysia. Modul SUMUR pula akan dibincangkan secara mendalam pada bahagian kelapan, dan diikuti dengan bahagian kesembilan berkaitan pelaksanaan modul SUMUR. Perbincangan bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

2.2 Definisi Pembangunan Sahsiyah

Pengkaji akan menghuraikan definisi pembangunan sahsiah kepada tiga sub bahagian kecil, iaitu definisi pembangunan dan sahsiah, serta pembangunan sahsiah.

2.2.1 Definisi Pembangunan dan Sahsiah

Pembangunan sahsiah terdiri daripada gabungan dua perkataan, iaitu “pembangunan” dan “sahsiah”. Pengkaji akan mendefinisikan pembangunan dan sahsiah secara berasingan sebelum membahaskan definisi pembangunan sahsiah secara umum, dan seterusnya pembangunan sahsiah dari perspektif Islam.

(a) Definisi Pembangunan

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, perkataan pembangunan adalah bermaksud proses ke arah kemajuan dan perkembangan kehidupan. Merujuk kepada definisi tersebut, pembangunan boleh diertikan sebagai satu proses untuk meningkatkan kehidupan manusia ke tahap yang lebih tinggi.⁹⁵ Ia juga ditakrifkan sebagai sesuatu keadaan pengembangan, pembinaan, pembaharuan, dan perbaikan ke arah kemajuan. Wan Azmi Ramli (1978) mendefinisikan pembangunan sebagai perancangan, pertumbuhan dan perubahan.⁹⁶ Sementara menurut Syed Husin Ali (1987) pula, pembangunan merupakan satu proses perubahan masyarakat secara keseluruhannya dan perubahan itu hendaklah membawa kepada pembebasan serta kemajuan manusia.⁹⁷

Dalam bahasa Arab, perkataan pembangunan berasal daripada kata “*qaddama*” dan “*taqaddum*” dengan erti yang sama iaitu maju ke hadapan, bergerak ke hadapan atau ke satu hala yang tertentu.⁹⁸ Dalam bahasa Inggeris, istilah pembangunan disebut dengan perkataan *development*, iaitu diuraikan sebagai *act, process of, improving value of, as by building, causing to become more larger, fuller, more advanced, result of development*

⁹⁵ Kamus Dewan, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 93, entri “bangun”.

⁹⁶ Wan Azmi Ramli, *Masyarakat: Suatu Kajian Ilmiah dalam Konteks Kebajikan Am* (Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd, 1978), 42.

⁹⁷ Syed Husin Ali, “Ke Arah Pembangunan Malaysia”, *Jurnal Persatuan Sains Sosial Malaysia*, (1987), 1.

⁹⁸ Jamil Saliba, *al-Mu’jam al-Falsafī* (Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnan, 1982), 322.

unfolding new fact, event, which is the result of developing. Istilah ini membawa maksud perkembangan, pembinaan dan pemajuan.⁹⁹

Pembangunan dalam *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* ditakrifkan sebagai suatu keadaan pengembangan, pembinaan, pembaharuan, perbaikan ke arah kemajuan.¹⁰⁰ Pengertian ini disokong oleh Kamus Dewan Edisi Keempat yang menegaskan bahawa perkataan pembangunan berkaitan perihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan, perkembangan, perkembangan, dan sebagainya. Ia membawa maksud usaha atau kegiatan membangunkan (memajukan dan mengembangkan).¹⁰¹ Berdasarkan maksud yang dikemukakan jelas memaparkan perkataan pembangunan membawa maksud suatu usaha untuk membangunkan atau meningkatkan sesuatu perbuatan bagi memajukan serta mengembangkan.¹⁰²

Sementara itu, Zainal Abidin Safarwan (1984) mentakrifkan pembangunan sebagai membingkas dengan cepat, membina, membentuk serta membuat, meluas, berkembang, membiak, menjadi banyak serta fikiran menjadi sempurna, pembinaan, pembaharuan dan perbaikan.¹⁰³ Begitu juga dalam *Kamus Am* yang mentakrifkan perkataan pembangunan sebagai suatu pembinaan, berkembang, hal-hal membangun ke arah meningkat maju.¹⁰⁴ Manakala dalam *Kamus Delta Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Dwibahasa* pula, istilah pembangunan didefinisikan sebagai sesuatu usaha membangunkan,

⁹⁹ A. H. Johnd, *Kamus Inggeris-Melayu Dewan (An English-Malay Dictionary)* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 385.

¹⁰⁰ Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 1995), 150.

¹⁰¹ Kamus Dewan, ed. ke-4, 123, entri “bangun”.

¹⁰² Ahmad Mahmood Musanif, *Kamus Pelajar Karisma* (Petaling Jaya: Penerbit karisma Publications Sdn. Bhd, 2001), 38.

¹⁰³ Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Sinonim: Lengkap Dengan Rangkai Kata* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 1984), 64.

¹⁰⁴ *Kamus Am* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1995), 74.

membina serta mendirikan.¹⁰⁵ Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1994) menjelaskan bahawa pembangunan bermaksud kemajuan dan perkembangan. Penambahan imbuhan “pem-an” dalam kata kerja “bangun” membawa erti perihal proses membangun atau proses mencapai kemajuan dan perkembangan. Dengan kata lain, ia bermaksud usaha-usaha atau kegiatan untuk memajukan, mempertingkatkan atau mengembangkan sesuatu hala atau projek.¹⁰⁶

Pembangunan dari kaca mata Islam dan Barat sangat berbeza. Barat menyebut *development* yang menjurus secara khusus kepada pembangunan ekonomi dan *developmental psychology*. Pembangunan ekonomi bermaksud teori ekonomi yang berkaitan dengan langkah menangani masalah negara yang kurang membangun. Manakala *developmental psychology* pula lebih serasi merujuk kepada perkembangan psikologi yang mengkaji perkembangan biologi, sosial dan intelek manusia sepanjang masa. Sementara menurut perspektif Islam pula, pembangunan adalah perubahan dan perkembangan aspek kehidupan ke arah yang lebih baik meliputi semua peringkat berteraskan keimanan kepada Allah s.w.t dan tidak terpesong daripada landasan-Nya. Pembangunan yang berteraskan Islam menjadikan manusia sebagai fokus utama. Oleh itu, pembangunan dari sudut Islam adalah bermaksud pembangunan manusia itu sendiri, iaitu bermatlamat untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan manusia dalam semua aspek demi melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah-Nya di bumi.

Ringkasnya, pembangunan bukan sahaja melibatkan pertumbuhan ekonomi tetapi juga pertumbuhan serta perubahan dalam bidang sosial dan kebudayaan. Oleh itu berdasarkan takrif dan definisi yang dikemukakan, maka dapat disimpulkan bahawa

¹⁰⁵ Lutfi Abas dan Awang Sariyan, *Kamus Delta KBSM Dwibahasa* (Petaling Jaya: Pustaka Delta Pelajaran, 1996), 38.

¹⁰⁶ Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, *Tesaurus Melayu Moden Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 1994), 217.

pembangunan dari segi bahasa dan istilah membawa maksud sesuatu usaha untuk membangunkan atau meningkatkan sesuatu perbuatan bagi memajukan serta mengembangkan. Ia juga boleh didefinisikan sebagai satu proses untuk meningkatkan kehidupan manusia ke tahap yang lebih tinggi merangkumi segenap aspek kehidupan manusia dalam bidang ekonomi, politik dan sosial.

(b) Definisi Sahsiah

Sahsiah berasal daripada perkataan Arab iaitu *syakhṣiyyah*. Kata dasarnya ialah *sakhṣ*, iaitu kumpulan individu manusia, manakala kata jamaknya ialah *syakhṣiyyah* yang bererti identiti.¹⁰⁷ Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, sahsiah membawa maksud keperibadian atau peribadi.¹⁰⁸ Peribadi adalah merujuk kepada manusia sebagai diri sendiri, sifat-sifat (kelakuan, sikap) seseorang yang sudah sehati dengan diri sendiri untuk membentuk watak dirinya. Ia juga menggambarkan sifat personaliti unik individu yang membezakan dirinya dengan individu yang lain (Cloninger, 2008). Menurut Siti Fatimah, sahsiah merujuk kepada sistem tingkah laku individu. Ini bererti setiap individu ada cara bertindak yang tersendiri dan cara bertindak itu adalah lebih kurang sama dari sehari ke sehari.¹⁰⁹

Berbeza dengan Abdul Majid dan Rahil (1995) yang mendefinisikan sahsiah sebagai perkaitan antara penilaian, perasaan, emosi dan perlakuan manusia. Sahsiah merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan. Ini merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai. Allport (dalam Cloninger, 2008) menyatakan sahsiah adalah organisasi dinamik sistempsiko fizikal pada seseorang individu yang menentukan tingkah laku dan fikirannya yang khusus. Sahsiah manusia boleh diperhati, dikenalpasti dan diperihalkan.

¹⁰⁷ Muhammad bin Mukrim ibn Manzur, *Lisān al-ʿArab* (Beirut: Dar Sadir, 1997), 2: 258.

¹⁰⁸ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1366, entri “sahsiah”.

¹⁰⁹ Siti Fatimah Abdul Rahman, *Asas-Asas Masyarakat Cemerlang*, 1993.

Sementara itu, *al-Mu'jam al-Wasī* mendefinisikan *al-syakhsīyyah* sebagai sifat yang membezakan seseorang dengan individu yang lain, iaitu seseorang yang mempunyai sahsiah yang kuat, sifat-sifat istimewa dan kehendak serta keperibadian yang tersendiri.¹¹⁰ Gordon W. Allport menyatakan bahawa sahsiah ialah sesuatu yang sama dengan organisme tingkah laku. Ia dianggap suatu organisme sistem lahir batin psikologikal yang dinamik di dalam diri seseorang yang menentukan penyesuaian dengan alam persekitaran dengan cara unik atau tersendiri.¹¹¹ Al-Maidānī menjelaskan bahawa sahsiah manusia terbahagi kepada dua jenis, iaitu pertama, sahsiah yang bersifat semulajadi yang dikurniakan Allah s.w.t semenjak dilahirkan sama ada mewarisi genetik ibu atau bapa. Kedua, sahsiah yang boleh dibina dan diusahakan dengan cara dan metode yang tertentu, sama ada baik atau buruk.¹¹²

2.2.2 Pembangunan Sahsiah

Pembangunan sahsiah merangkumi penampilan fizikal, sikap, tingkah laku, pemikiran, perasaan, sosial dan rohani individu. Pembangunan sahsiah juga membawa maksud membina akhlak, peribadi dan tingkah laku dengan matlamat menjadikan seseorang itu bertamadun, intelek, murni dan berdaya maju. Berdasarkan kesemua aspek tersebut, seseorang individu boleh dinilai sahsiahnya. Mengikut perspektif Islam, pembangunan sahsiah bukan sahaja dilihat dari aspek jasmani, tetapi juga merangkumi seluruh aspek rohani, naluri dan akal individu.

Menurut Shahabuddin dan Rohizan (2007), sahsiah juga membawa maksud akhlak. Akhlak terbahagi kepada dua bahagian, iaitu akhlak terpuji dan akhlak tercela. Islam memberi penekanan penting kepada kedua-dua akhlak tersebut. Individu yang mempunyai

¹¹⁰ Ibrahim Madkur, *Al-Mu'jam al-Wasī* (Kaheerah: Majma' al-Lughah al-,Arabiah, t.t.), 3: 74-75.

¹¹¹ Gordon W. Allport, *Personality: A Psychological Interpretation*, 48.

¹¹² Abdul Rahman Hassan Hanbakah al-Maidani, *Al-Akhlāq al-Islamiyyāt wa Ususuhā*, 1: 178-179.

sahsiah atau akhlak yang baik kebiasaannya menunjukkan penampilan fizikal yang kemas, sikap yang ramah mesra, tingkah laku yang boleh diterima oleh norma dan nilai masyarakat, dapat mengawal perasaan diri, boleh bergaul mesra dengan orang lain serta memegang kepada nilai agama sendiri. Manakala, individu yang dikatakan mempunyai sahsiah yang bermasalah lebih cenderung kepada masalah disiplin, tingkah laku devian, penyalahgunaan dadah dan memegang nilai-nilai atau budaya yang bercanggah dengan norma masyarakat. Pembangunan sahsiah merupakan satu fokus yang sangat penting terutamanya dalam konteks pendidikan.

Abdul Jalil (1998) menjelaskan pembangunan sahsiah yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran agama dan nilai-nilai budaya dalam masyarakat dengan pembangunan intelektual merupakan kejayaan kepada masyarakat dan negara. Ia merupakan satu wadah pengisian dalam kehidupan individu yang melibatkan aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi, iaitu selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Guru merupakan penggerak utama dalam membangunkan sahsiah pelajar dan murid serta menjadi *role model* dalam membangunkan modal insan yang bersahsiah dan berakhlak mulia.

Konsep pembangunan sahsiah hendaklah diamalkan dalam diri setiap pendidik sebagai satu misi yang penting demi membangunkan potensi diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Sebelum membentuk sahsiah pelajar, pendidik terlebih dahulu perlu mempunyai sahsiah yang baik untuk dicontohi oleh pelajar. Guru berperanan penting dalam mengawal keseimbangan tingkah laku pelajar dan bertanggungjawab dalam mengawasi disiplin mereka agar tidak hanyut dalam arus pembangunan material yang begitu pesat mutakhir ini. Dengan kata lain, guru tidak boleh melayan anak-anak seperti barang yang tidak bernilai seperti sampah atau menyumpah menyeranah mereka. Layanan yang buruk akan menjejaskan maruah, kebanggaan, kehormatan dan harga diri. Justeru mereka akan

merasa tersinggung, marah dan terhina yang mengakibatkan fitrah murninya diselubungi oleh dendam dan benci. Wan Mohd Zahid berpandangan sekolah adalah rumah kedua, dan mungkin bagi sesetengah murid sebagai rumah pertama, iaitu tempat yang membahagiakan diri dan kehidupan mereka.¹¹³

Matlamat Wawasan 2020 yang ketujuh, iaitu untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi amat bertepatan dengan saranan al-Ghazali menerusi karyanya *Ihyā' Ulūmuddīn* mengenai peranan guru dalam pendidikan. Ia merupakan sistem sosial yang mengutamakan kepentingan dan kebajikan masyarakat yang tidak hanya tertumpu kepada seseorang individu tetapi pembentukan sebuah keluarga yang kukuh. Al-Ghazali menegaskan bahawa guru perlu menanamkan rasa kasih sayang dalam kalangan pelajar dan mewujudkan perasaan kasih sayang terhadap mereka. Kesannya, para pelajar akan terdidik untuk saling sayang menyayangi dalam kehidupan bermasyarakat dan tidak mementingkan diri sendiri. Apa yang jelas dalam saranan al-Ghazali ialah kanak-kanak perlu diasuh dengan didikan yang berbentuk duniawi dan ukhrawi sejak kecil lagi. Mereka perlu diasuh dengan didikan yang membangkitkan semangat perjuangan yang tinggi, tidak mudah berputus asa serta tidak mementingkan diri sendiri.

Di sini dapatlah dirumuskan bahawa sahsiah ialah ciri-ciri keseluruhan tingkah laku yang kekal pada diri seseorang individu, tetapi berlainan dengan orang lain. Ia mewakili perwatakan seseorang individu yang dapat diperhatikan dan dinilai melalui tingkah laku yang ditunjukkannya. Oleh itu, pembangunan sahsiah hendaklah dibangunkan dalam diri setiap pelajar oleh para pendidik yang memiliki sahsiah yang mulia agar mereka berpotensi membangunkan keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Usaha-usaha yang dilakukan dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan sahsiah pelajar adalah bagi mencegah masalah-masalah sosial yang berlaku pada masa kini.

¹¹³ Siti Jaharah Muhamad, *KKD 2063: Pembangunan Sahsiyah* (Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012).

2.3 Pembangunan Sahsiah Dari Perspektif Islam

Sahsiah yang dibangunkan adalah merujuk kepada para nabi sebagai model yang terunggul kehidupan manusia. Para nabi dan rasul a.s merupakan insan yang paling baik di atas muka bumi ini. Mereka tidak pernah melakukan dosa dan kesilapan, bahkan kehidupan mereka sentiasa dipenuhi dengan perkara-perkara yang mendatangkan pahala. Mereka adalah golongan yang paling dekat dengan Allah s.w.t, orang yang paling dicintai dan disayangi oleh Allah s.w.t. Mereka adalah golongan yang dijamin oleh Allah s.w.t yang akan dimasukkan ke dalam syurga dan orang yang paling banyak meminta ampun serta bertaubat kepada-Nya. Mereka juga adalah golongan yang melaksanakan ibadat bukan untuk diri sendiri sahaja tetapi juga untuk umat seluruhnya. Mereka sentiasa dalam tangisan dan air mata kerana rindu dan cintakan kepada Allah s.w.t.¹¹⁴

Sebagai contoh, para sahabat r.a pernah suatu ketika melihat Rasulullah s.a.w sujud terlalu lama tanpa bergerak ketika menunaikan ibadat solat. Para sahabat menyangka nabi Muhammad s.a.w telah pun meninggal dunia. Namun, setelah didekati terdengarlah suara beliau sedang berkata-kata memohon taubat dan keampunan dari Allah s.w.t. Antara doa baginda s.a.w ialah:

“Ya Allah, engkaulah tuhan-Ku, tiada tuhan melainkan Engkau. Engkau yang menciptakan akan Daku. Aku adalah hamba-Mu dan Aku berjanji akan menepati segala janji-Mu dan perintah-Mu dengan segenap kemampuan-Ku. Aku bermohon berlindung dengan Engkau dari kejahatan setiap apa yang Aku lakukan. Aku kembali kepada Engkau menyerahkan diri-Ku dengan segenap pemberian-Mu kepada-Ku. Aku kembali kepada Engkau mengakui akan segala dosa-Ku. Aku memohon agar Engkau sudi memberikan keampunan bagi-Ku kerana tidak ada yang dapat mengampuni dosa-dosa selain daripada Engkau”.

¹¹⁴ Naeem Siddiqi, *Muhammad Pembina Umat* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1989); Salim Bahreisy, *Sejarah Hidup Nabi-Nabi* (Surabaya: Pt. Bina Ilmu, 1980); Yusof Mohamad, *Bina Insan* (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1989); Abdullah Nasih Ulwan, *Pembentukan Peribadi Mukmin* (Kuala Lumpur: Syeikh Publisher, 1990).

Dalam hadis lain, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda dalam hadith riwayat Tarmizi daripada Abu Hurairah r.a yang bermaksud:

“Bertaubatlah kamu kepada Allah s.w.t, sesungguhnya setiap hari Aku bertaubat sebanyak seratus kali”.

Nabi Muhammad s.a.w adalah antara nabi dan rasul yang menjadi model dalam membina sahsiah yang unggul dan perlu dicontohi oleh umat Islam. Selain sebagai nabi dan rasul, baginda juga adalah hamba yang terbaik kepada Allah s.w.t dalam menghayati segala prinsip Islam. Sifat-sifat yang terbaik dalam kehidupan ini dimiliki oleh baginda s.a.w. Kandungan model ini terangkum dalam al-Quran dan al-Sunnah. Aisyah r.a. pernah berkata, *“akhlak Rasulullah s.a.w adalah al-Quran”*. Manakala Anas r.a pula pernah berkata:

“Rasulullah adalah hamba yang paling baik, manusia yang paling pemurah dan paling berani. Tidak pernah dalam kehidupannya baginda s.a.w melukakan hati seseorang melainkan di bawah undang-undang Allah dan baginda juga tidak mempunyai perasaan dendam terhadap orang yang memusuhinya. Ini kerana Rasulullah sentiasa bersikap teratur dan tenang kerana itu merupakan peribadinya.”

Berikut adalah beberapa contoh pembangunan sahsiah menurut model atau teladan baginda s.a.w sebagaimana di bawah:

i. Rasulullah s.a.w Seorang Pemaaf dan Tidak Pendendam

Rasulullah s.a.w adalah seorang yang mempunyai sifat positif seperti pemaaf dan penyabar. Sabar bukan sahaja dapat menahan kemarahan seseorang, tetapi ia juga dapat meletakkan kemarahan itu sesuai pada tempatnya. Malah, orang yang mempunyai sifat ini akan dapat mengawal diri daripada desakan menggunakan kuasanya, sehingga kuasa yang ada digunakan pada tempat yang betul dan tidak disalahgunakan. Kisah yang berlaku terhadap Hindun bin Utbah r.a menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w adalah seorang yang pemaaf.

Ini kerana baginda s.a.w telah memaafkan Hindun r.a walaupun beliau ketika itu adalah seorang yang kejam kerana telah membunuh Hamzah r.a dengan merata hati dan merobek-robekkan tubuh Hamzah untuk melunaskan dendamnya di dalam perang Uhud. Bagaimanapun Hindun r.a akhirnya insaf dan memeluk Islam serta melafazkan syahadah di hadapan baginda s.a.w.

Begitu juga kisah yang berlaku di dalam satu peperangan, ketika Rasulullah s.a.w sedang berehat di bawah lindungan sepohon pokok, tiba-tiba muncul seorang musyrik seraya menghunus pedang ke arah baginda s.a.w lalu berkata: *"Siapakah yang dapat menghalang aku daripada membunuh engkau wahai Muhammad?"* Rasulullah menjawab: *"Allah!"* Lelaki itu tersentak dan pedang dipegangnya terjatuh. Lantas Rasulullah s.a.w menyambar pedang itu dan menghunusnya pula kepada lelaki itu sambil bersabda: *"Siapakah yang dapat menghalang Aku daripada membunuh engkau?"* Lelaki itu menjawab: *"Tiada sesiapa"*. Lalu Rasulullah s.a.w dengan penuh sabar dan tanpa rasa dendam telah menurunkan pedang dan memaafkan lelaki tersebut.

ii. Rasulullah s.a.w Seorang Pemurah

Rasulullah s.a.w terkenal sebagai seorang yang pemurah. Baginda tidak pernah menolak untuk membantu orang yang memerlukan pertolongan. Baginda juga tidak pernah membiarkan orang yang meminta pertolongan pulang dengan hampa tanpa mendapat apa-apa yang dihajati selagi tidak bertentangan dengan syariat Allah s.w.t. Sekiranya baginda s.a.w tidak dapat memberikan pertolongan pada masa tersebut, maka baginda s.a.w akan meminta seseorang itu untuk datang lagi pada masa-masa yang lain dan kadang-kadang baginda s.a.w sendirilah yang akan menyedia dan memberi pinjaman untuk membantu orang-orang yang amat memerlukan pertolongan. Ini menunjukkan bahawa baginda s.a.w tidak bersikap berdiam diri atau membiarkannya tanpa sebarang pembelaan. Baginda s.a.w telah

didatangi oleh seorang lelaki yang meminta seekor unta daripadanya pada suatu ketika, lalu baginda bersabda: “*Setiap yang dilahirkan oleh unta betina adalah anak unta.*”

iii. Rasulullah s.a.w. Seorang Penyabar

Para ulama silam telah meriwayatkan dalam kitab-kitab dan sejarah peradaban Islam bahawa Rasulullah s.a.w adalah seorang insan yang amat penyabar. Sifat ini dapat dilihat di dalam kehidupan baginda s.a.w dan sikap baginda bersama-sama pengikutnya dalam menyebarkan dakwah Islam terhadap masyarakat. Ketika itu Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.a sedang bersembahyang secara rahsia di lereng sebuah bukit. Perbuatan tersebut dilihat oleh musuh-musuh Islam lalu mereka menghina dan mengejek-ngejek. Mereka meniru dan mempermain-mainkan setiap pergerakan solat Rasulullah s.a.w dan para sahabat baginda r.a. Apabila mereka mendapati Rasulullah s.a.w tidak menghiraukan segala perlakuan yang dibuat, mereka mula bertindak ganas dengan memukul dan meletakkan pedang di atas badan orang-orang Islam sehingga salah seorang daripada sahabat Rasulullah s.a.w yang bernama Saad bin Abi Waqas telah terluka.

Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.a juga pernah menerima pelbagai jenis seksaan lain yang sangat agresif, seperti propaganda yang bersifat jahat, maki hamun, tuduhan sebagai orang gila, tidak siuman, menerima ilmu daripada jin dan syaitan, dan menyekat orang ramai daripada mendengar dakwah yang disampaikan oleh baginda s.a.w. Walaupun dalam keadaan menderita dan mengalami kesusahan, Rasulullah s.a.w tetap berdiri teguh dan istiqamah dalam berdakwah sebagaimana dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١١٩﴾

Al-A'raf 7: 199

Terjemahan: Jadilah engkau seorang pemaaf dan suruhlah mereka mengerjakan yang makruf dan berpalinglah daripada orang-orang yang jahil.

Selain daripada akhlak Rasulullah s.a.w yang menjadi model pembangunan sahsiah, terdapat beberapa contoh lain yang dapat dijadikan model pembangunan sahsiah adalah menerusi peribadi-peribadi berikut:

i. Nasihat Luqman al-Hakim

Baginda merupakan seorang nabi yang dikurniakan oleh Allah s.w.t dengan kecerdasan akal dan kebijaksanaan. Baginda adalah seorang yang soleh, taat kepada perintah Allah s.w.t, mempunyai ketinggian ilmu, bijak dan mempunyai kefahaman yang mendalam dalam sesuatu perkara. Baginda juga merupakan seorang yang sentiasa bersyukur terhadap Allah s.w.t. Lantaran itu, baginda sentiasa menasihati putera-puteranya supaya sentiasa mensyukuri akan segala nikmat Allah s.w.t dan menjauhi segala larangan yang ditegah oleh-Nya. Ini dapat dijadikan suatu rujukan dan contoh yang baik dalam kehidupan manusia sejagat. Nasihat-nasihat baginda terhadap para puteranya diabadikan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran:

يَبْنِيْ اَقِمِ الصَّلٰوةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوْفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلٰى مَا اَصَابَكَ ۗ اِنَّ ذٰلِكَ مِنْ
عَزْمِ الْاُمُوْرِ ﴿١٧﴾ وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْاَرْضِ مَرْحًا ۗ اِنَّ اللّٰهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ
مُخْتَالٍ فَخُوْرٍ ﴿١٨﴾ وَاَقْصِدْ فِي مَشِيْكَ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ ۚ اِنَّ اَنْكَرَ الْاَصْوَاتِ لَصَوْتُ

الْحَمِيْرِ ﴿١٩﴾

Luqman 31: 17-19

Terjemahan: Wahai anak-anakku, kerjakanlah solat, anjurkanlah perbuatan yang baik, cegahlah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya semua itu merupakan intisari kehidupan yang perlu diambil berat. Dan janganlah engkau memalingkan wajah dengan penuh kesombongan terhadap orang lain dan janganlah engkau berjalan di muka bumi ini dengan angkuh kerana Allah s.w.t tidak suka terhadap orang yang sombong lagi angkuh. Seterusnya berlakulah sederhana dalam perjalananmu dan rendahkanlah suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk adalah suara keldai.

Nasihat di atas perlu dijadikan contoh yang baik agar umat Islam dapat menerapkan nilai-nilai yang baik dalam diri, keluarga dan masyarakat. Nasihat tersebut juga menekankan agar kita sentiasa melakukan kebajikan dan menjauhi segala larangan yang menyimpang daripada ajaran Islam, terutamanya pada aspek-aspek yang boleh meruntuhkan moral dan akhlak seseorang. Penganjuran sesuatu aktiviti kebajikan merupakan suatu bentuk pencengahan terhadap perkara-perkara yang bersifat *mazmūmah*.

ii. Wasiat Nabi Adam a.s

Selain daripada nasihat Luqman al-Hakim kepada anak-anaknya, wasiat Nabi Adam a.s juga dapat dijadikan sebagai suatu pedoman dalam kehidupan. Diriwayatkan bahawa baginda a.s pernah berwasiat tentang lima perkara kepada anak-anaknya dan menyuruh mereka mewasiatkan perkara itu kepada generasi yang terkemudian. Antara kandungan wasiat tersebut adalah sebagaimana di bawah:

- a. Janganlah kamu berasa tenang dan seronok dengan dunia ini kerana ketika Aku berasa tenang dengan syurga Allah s.w.t, Allah s.w.t tidak reda dan mengusir aku kerana keterlanjuran-Ku.

- b. Janganlah menurut hawa nafsu kaum wanita kerana sesungguhnya gara-gara menuruti hawa nafsu kaum wanitalah maka Aku termakan buah larangan di syurga yang menyebabkan Aku sangat menyesal kemudiannya.
- c. Setiap amalan yang akan dikerjakan hendaklah difikirkan akibatnya. Seandainya Aku sedar akan perkara tersebut, nescaya Aku tidak akan menerima akibat daripada tindakan tersebut.
- d. Jika hati merasa tidak tenang, maka hindarilah daripada melakukan perbuatanmu. Ini kerana ketika aku memakan buah larangan tersebut, hatiku bergoncang tetapi Aku tidak menghiraukannya hinggalah akhirnya Aku menemui penyesalan.
- e. Berbincang dan bermusyawarahlah dalam semua urusan. Jika Aku bermusyawarah dengan malaikat terlebih dahulu, nescaya Aku tidak akan menerima akibat daripada tindakan tersebut.

Kelima-lima wasiat di atas adalah bertitik tolak daripada pengalaman yang dilalui oleh nabi Adam a.s sendiri. Wasiat tersebut perlu dijadikan sebagai pengajaran kepada umat manusia kerana ujian dan cabaran demikian akan berterusan dalam kehidupan ini.

iii. Teladan *Khūlafā' al-Rāsyidīn* r.a

Para *khūlafā' āl-rāsyidīn* r.a juga merupakan model yang terbaik dalam membina sahsiah yang sempurna. Ini kerana kehidupan *khūlafā' āl-rāsyidīn* r.a adalah sangat hampir dengan Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.a telah mengamalkan corak kehidupan Rasulullah s.a.w dalam kehidupan seharian mereka. Mereka juga adalah sebahagian daripada sahabat-sahabat yang dijamin memasuki syurga Allah s.w.t.

Umar al-Khattab r.a yang menggantikan Abu Bakar al-Siddiq sebagai khalifah merupakan salah seorang daripada sahabat yang rapat dengan Rasulullah s.a.w. Beliau sentiasa mengamalkan cara hidup yang amat sederhana berlandaskan kepada cara hidup Rasulullah s.a.w. Diriwayatkan bahawa pada suatu hari beliau pernah didatangi oleh Utbah bin Abi Faqah. Ketika itu beliau sedang makan, maka Umar r.a telah menjemputnya masuk dan makan bersama-sama. Umar r.a. telah memberikan Utbah roti yang merupakan hidangannya pada hari itu. Oleh kerana terlalu keras, Utbah tidak dapat menelannya, lalu beliau bertanya kepada Umar: *“Mengapakan tuan tidak menggunakan tepung yang baik untuk membuat roti?”* Maka Umar r.a. berkata: *“Adakah setiap orang Islam itu mampu menggunakan tepung yang baik untuk membuat roti?”* Utbah menjawab: *Tidak*”. Kemudian Umar r.a berkata lagi: *“Kamu nampaknya mahukan Aku menikmati segala jenis kebahagiaan kehidupan di dunia ini.”*

Kisah di atas menunjukkan bahawa para sahabat r.a tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa mengamalkan cara hidup yang sederhana. Kehidupan tersebut dapat mengelakkan seseorang itu daripada terlalu mendambakan kenikmatan dunia yang boleh mendorong seseorang untuk melakukan sifat-sifat *mazmūmah* yang tercela, seperti pecah amanah, penipuan, rasuah dan sebagainya.

Daripada contoh akhlak Rasulullah s.a.w, nasihat Luqman al-Hakim a.s, wasiat Nabi Adam a.s dan teladan daripada *khūlafā’ āl-Rāsyidīn* r.a seperti yang dinyatakan di atas, maka jelaslah bahawa kehidupan berpandukan acuan tersebutlah yang menjadi sumber kebahagiaan abadi kepada diri dan juga umat manusia yang lain.

2.4 Model Pembangunan Sahsiah Menurut Tokoh-Tokoh Islam

Dalam perspektif Islam, pembangunan sahsiah bukan sahaja dilihat dari aspek jasmani, tetapi juga merangkumi aspek rohani, naluri dan akal individu. Ia boleh membina akhlak,

peribadi dan perangai dengan tujuan menjadikan seseorang itu bertamadun, berakal, bersikap nilai murni serta berdaya maju. Menurut Habibah dan Noran Fauziah (1997), sahsiah bermakna personaliti atau secara umumnya dikenali sebagai akhlak. Mereka berpendapat bahawa terdapat beberapa faktor lain yang dianggap penting dalam membangunkan sahsiah, iaitu hubungan manusia dengan Allah s.w.t, interaksi roh dan jasmani, serta peranan akal.

Abdullah Nasih Ulwan berpendapat bahawa pembangunan sahsiah hendaklah berdasarkan empat elemen utama, iaitu pembinaan akidah (kepercayaan), ibadah (ritual), akhlak (etika dan moral) dan penampilan (*mazhar*). Keempat-empat elemen utama ini telah mengaitkan sahsiah dengan aspek kerohanian atau dalaman manusia.¹¹⁵ Mohd Nasir Ripin et. al menjelaskan bahawa aspek dalaman boleh dilihat menerusi *mazhar* atau tingkah laku luaran. *Mazhar* inilah yang dinamakan akhlak, iaitu terjemahan dari akidah dan amalan (ibadah) seseorang. Tingkah laku luaran seseorang individu adalah berasaskan kepercayaan (akidah) yang dikenali sebagai akhlak. Maka, menerusi pembinaan akhlak inilah hakikat manusia itu hendak dibina.¹¹⁶

Menurut al-Ghazali (1989), pembangunan sahsiah merangkumi keseluruhan aspek diri individu, iaitu melibatkan pengetahuan agama, akidah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak, budi pekerti dan pembangunan jiwa serta hati. Ibn Miskawah pula mempunyai takrifan yang berbeza terhadap pembangunan sahsiah, iaitu suatu keadaan (sikap) diri yang mendorong seseorang bertindak melakukan perbuatan serasi dengannya tanpa merenung atau berfikir panjang. Dengan kata lain, sifat yang tertanam dalam diri individu yang dapat mengeluarkan sesuatu

¹¹⁵ Abdullah Nasih Ulwan, *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, terj. Syed Ahmad Semait, Singapore: Pustaka Nasional, 1994), 153.

¹¹⁶ Mohd Nasir Ripin et al., "Kajian Program Bina Sahsiyah Staf di IPTA: Kajian Kes di UTM & USM" (Kertas Kajian, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia, 2006), 21.

perbuatan dengan senang dan mudah tanpa melibatkan pemikiran, penelitian serta paksaan. Pada bahagian kecil di bawah, Pengkaji akan menghuraikan tentang pembangunan sahsiah menurut beberapa orang tokoh Islam. Antaranya ialah Ibn Miskawayh, al-Ghazali, Abdullah Nasih Ulwah dan Luqman al-Hakim.

2.4.1 Pembangunan Sahsiah Menurut Ibn Miskawayh

Pembangunan akhlak Ibn Miskawayh adalah berpandukan kepada kitab karangannya bertajuk *Tahdhīb al-Akhlāq* dan dua buku karangan sarjana awal tentang Ibn Miskawayh, iaitu *The Refinement of Character* dan *The Ethical Philosophy of Miskawayh*.¹¹⁷ Ibn Miskawayh berpendapat akhlak ialah satu keadaan yang wujud dalam jiwa manusia. Ia perlu direalisasikan tanpa menggunakan akal fikiran kerana ia adalah suatu yang tabii dan merupakan adat kebiasaan sama ada bersifat baik atau kurang baik. Menurut beliau akhlak juga adalah satu sifat yang boleh menerima perubahan sama ada perubahan tersebut berlaku dengan cepat atau lambat.

Dalam membincangkan masalah akhlak, perkara penting menurut pandangan beliau ialah tentang jiwa dan ciri-cirinya. Beliau telah mengarang beberapa buah buku, risalah dan makalah yang membincangkan tentang hakikat jiwa manusia dan persoalan akhlak. Antaranya ialah *al-Fawz al-Asghār*, *Tartīb al-Sa'ādāt*, *Tahdhīb al-Akhlāq* dan *Ṭahārāt al-Nafs*.

Untuk mengatasi masalah akhlak di kalangan masyarakat pada zaman tersebut, Ibn Miskawayh telah mengemukakan satu etika tentang contoh hidup yang baik dan murni sebagai hamba Allah s.w.t. Etika hidup tersebut ialah pegangan agama yang mantap, usaha dari individu, mengetahui hakikat jiwa manusia, menjalani hidup bermasyarakat, bersahabat dengan orang yang baik dan mengambil berat terhadap rawatan rohani.

¹¹⁷ Z. Syamsuddin, "Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak Al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam Aspek Intelek", *Online Journal of Islamic Education* (2017).

i. Pegangan Agama Yang Mantap

Ibn Miskawayh berpendapat bahawa matlamat utama setiap agama adalah untuk melahirkan akhlak mulia. Ini tidak akan terhasil melainkan apabila setiap individu percaya bahawa agama adalah sesuatu yang perlu untuk jiwa.

Menurut beliau individu juga seharusnya mendapat sesuatu ganjaran di dunia mengikut taraf dan kedudukannya. Dia tidak berhak meminta sesuatu yang bukan haknya, tidak boleh mengurangkan apa yang telah diberi kepadanya, sentiasa berpandu kepada ajaran agama serta berakhlak dengan akhlak mulia.

ii. Usaha Dari Individu

Menurut Ibn Miskawayh, akhlak merupakan faktor utama yang menjamin kesejahteraan masyarakat. Akhlak amat penting dalam diri seseorang bagi memperbaiki dirinya dan masyarakat. Beliau berpendapat bahawa akhlak yang baik dapat dihasilkan melalui usaha setiap individu di samping latihan dan didikan tertentu.

Ibn Miskawayh juga telah meletakkan satu garis panduan dalam menghayati konsep tolong menolong iaitu: kalau seseorang itu banyak melakukan pertolongan, dia berhak mendapat banyak bantuan. Sekiranya dia melakukan sedikit pertolongan, maka sedikitlah bantuan yang akan diperolehinya.

Beliau juga menasihatkan agar menjauhkan diri dari perbuatan zalim. Setiap individu diseru agar sentiasa berwaspada dalam perbuatannya dengan melatih akal supaya bersikap lemah lembut. Bagi beliau apabila individu memahami konsep kesederhanaan dan mengamalkannya dalam hidup, maka mudahlah untuk merawat setiap penyakit yang wujud dalam masyarakat. Beliau juga mencela sebarang gelaran untuk memuji seseorang kerana ia boleh membawa kepada sifat buruk.

iii. Mengetahui Hakikat Jiwa

Setiap individu juga harus tahu hakikat jiwa manusia, apa itu jiwa, dari apakah ia dijadikan dan kenapa ia dijadikan pada diri manusia. Beliau berpendapat bahawa jiwa bukan satu bentuk jisim yang boleh dilihat dan bukan satu barang yang bernilai atau satu bahagian daripada perkara tersebut. Ini kerana kedua-dua perkara tersebut tidak boleh menerima perubahan sedangkan jiwa menerima perubahan. Jiwa yang ditakrifkan oleh Ibn Miskawayh ialah satu perkara yang dapat dirasai berdasarkan ilmu pengetahuan yang berbagai.

Justeru itu, jiwa mempunyai kekuatan yang tertentu untuk merealisasikan kebaikan yang sesuai dengan tabii manusia untuk memberi kelazatan kepada tubuh badan manusia. Kekuatan jiwa yang perlu ada semuanya berasaskan konsep sederhana. Menurut beliau terdapat 4 kekuatan jiwa pada manusia, iaitu:

- i. Kekuatan akal. Kekuatan ini berpunca dari hikmah, iaitu satu perkara yang terletak di antara cerdik dan bodoh.
- ii. Kekuatan yang berunsur sifat marah, iaitu sifat berani yang terletak di antara berani dan takut. Terlalu berani atau terlalu penakut adalah membahayakan.
- iii. Kekuatan *syahwāniah*. Kekuatan ini perlu berada di tengah-tengah seperti sifat kemuliaan yang terletak di antara sifat gelojoh dan lembab atau jumud.
- iv. Keadilan, iaitu natijah yang lahir dari ketiga-tiga kekuatan di atas. Ia berada di tengah-tengah, tidak melampau dan tidak terlalu kurang.

Dengan lahirnya keempat-empat kekuatan ini, maka terhasillah fadilat-fadilat yang dinamakan fadilat akhlak yang rasional. Ia juga dikenali sebagai fadilat falsafah yang digabungkan antara ilmu dan akal.

iv. Menjalani Hidup Bermasyarakat

Ibn Miskawayh berpendapat bahawa seseorang individu tidak dapat mempraktikkan moral yang baik secara menyeluruh sekiranya beliau tinggal keseorangan. Ini kerana kehidupan bermasyarakat menuntut sikap tolong menolong, berlemah lembut dan berkasih sayang sesama manusia.

Oleh itu, Ibn Miskawayh menentang kehidupan bertapa kerana ia tidak membawa kepada kehidupan berakhlak. Seseorang itu tidak seharusnya memencil diri dari masyarakat kerana kehidupan bermasyarakat akan memberi banyak manfaat kepadanya dalam mengenali kebaikan dan keburukan. Orang yang hidup secara zuhud dan mengenyakan pekerjaan atau usaha, dianggap oleh Ibn Miskawayh sebagai mengamalkan perbuatan jahat kerana ia mengenyakan keperluan orang lain terhadap dirinya. Orang yang mengharapkan pertolongan orang lain sedangkan dia sendiri tidak menolong orang, adalah orang zalim dan musuh kepada masyarakat. Sekiranya dia merasakan keperluan hidupnya hanyalah sedikit sahaja, maka dia harus sedar bahawa manusia lain memerlukan banyak kepentingan daripada dirinya.

v. Bersahabat Dengan Orang Yang Baik

Menurut Ibn Miskawayh, secara realitinya jumlah manusia yang berperibadi baik secara semulajadi adalah sedikit, manakala jumlah yang kurang baik secara tabie adalah ramai. Di antara kedua golongan tersebut ada juga yang bersikap sederhana. Golongan ini akan berubah melalui cara bersahabat dengan orang-orang baik yang menasihati mereka ke arah kebaikan atau bersahabat dengan orang-orang jahat yang mengajak mereka melakukan kejahatan. Pendapat beliau ini adalah selari dengan seorang ahli sufi, Mumsyad al- Dinwari yang telah berkata:

“Berkawan dengan orang baik akan meninggalkan kebaikan dalam hati dan berkawan dengan orang jahat akan meninggalkan kejahatan dalam hati”.

Ikatan persahabatan bagi Ibn Miskawayh adalah satu perkara yang suci dan bermanfaat bagi manusia. Orang yang baik adalah sahabat bagi dirinya sendiri dan juga untuk orang lain. Dia tidak akan mempunyai musuh kecuali orang yang jahat. Orang yang bahagia adalah orang yang mempunyai sahabat dan berusaha agar dirinya bermanfaat bagi sahabatnya. Manusia juga harus bekerja dengan baik untuk membahagiakan orang lain dan selalu berbuat baik tanpa bersifat munafik atau bermuka-muka.

vi. Mengambil Berat Terhadap Rawatan Rohani

Ibn Miskawayh telah mengklasifikasikan rawatan rohani kepada dua cara dan pendekatan yang sesuai, iaitu:

- i) Mengutamakan kesihatan rohani (ketika masih ada pada diri seseorang)
- ii) Mengembalikan semula rohani yang sihat (yang hilang dari dalam diri seseorang)

Apabila seseorang itu mempunyai jiwa yang sihat, maka dia haruslah sentiasa menambahkan lagi kemuliaan jiwa yang ada padanya dengan cara mendalami ilmu hakiki dan pengetahuan yang benar. Ia dapat diperolehi apabila seseorang itu mendampingi orang-orang yang berilmu dan mempelajari daripadanya, di samping sentiasa berwaspada daripada bergaul dengan orang-orang yang jahat, orang gila, orang yang sentiasa melakukan maksiat, orang yang berbangga dengan kejahatannya dan tidak menghadiri majlis-majlis anjuran mereka. Ini disebabkan apabila seseorang itu menghadiri majlis-majlis mereka dan mendengar cerita-cerita tentang kekotoran jiwa dan kelakuan tidak bermoral mereka, maka untuk membersihkan semula perkara-perkara itu daripada dalam

jiwanya adalah amat sukar. Di samping itu, situasi ini juga mungkin akan merosakkan peribadi orang yang baik dan mulia pula.

Kesimpulannya menurut Ibn Miskawayh, sesiapa yang mempunyai disiplin diri yang sempurna, akhlak yang benar dan mampu mengenali musuh kepada jiwanya, dia akan berjaya memimpin rumahtangganya. Sesiapa yang berjaya memimpin rumahtangganya, dia akan berjaya mentadbir sebuah bandar. Sesiapa yang berjaya mentadbir sebuah bandar, dia akan berjaya memimpin sebuah kerajaan.

2.4.2 Pembangunan Sahsiah Menurut Al-Ghazali

Pembangunan sahsiah menurut al-Ghazali telah dinukilkan dalam tiga karya utama beliau tentang akhlak, iaitu *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, *Ayyuhā al-Walad*, dan *Mīzān al-ʿAmal*. Al-Ghazali dalam *Ihyā' Ulūm al-Dīn* memfokuskan kepada keutamaan ilmu dan mengajar. Ilmu yang mendorong seseorang individu ke arah kebenaran. Kewajipan menuntut ilmu telah diberikan penekanan oleh al-Ghazali.

Pandangan al-Ghazali adalah berdasarkan aspek intelek yang mencakupi penekanan kepada hati yang perlu disucikan dan dituntun dengan ilmu pengetahuan. Ilmu diperoleh melalui akal. Manusia mempunyai kemuliaan daya fikir (akal fikiran) yang berperanan sebagai sumber ilmu, tempat berkumpul dan juga dasarnya. Melalui ilmu, manusia memperoleh kemuliaan di dunia mahupun di akhirat. Al-Ghazali juga telah mengklasifikasikan daya fikir kepada empat peringkat, iaitu daya fikir adalah akal yang membezakan manusia dengan haiwan, daya fikir iaitu pengertian yang timbul pada anak-anak dalam usia yang tertentu, ilmu yang diperoleh daripada latihan dan pengalaman, dan

pengetahuan yang berbentuk naluri yang boleh mengetahui sebab dan akibat dari setiap persoalan.¹¹⁸

Lanjutan daripada huraian di atas, al-Ghazali membahagikan akal yang pertama dan kedua sebagai akal *gharẓī* (tabiat semulajadi dalam diri manusia). Manakala akal yang ketiga dan keempat pula adalah akal *muktasab* (pengetahuan yang diusahakan).¹¹⁹ Berpandukan kepada al-Quran dan hadis, al-Ghazali telah memberikan beberapa tumpuan sebagai asas pembentukan sahsiah yang mulia, antaranya:

(a) Ajaran Tentang Kebahagiaan (*al-Sa'ādah*)

Apabila membicarakan tentang kebahagiaan, al-Ghazali (1964) berpandangan bahawa manusia akan memperoleh kebahagiaan yang kekal tanpa ada kehancuran, kelazatan tanpa kesulitan, kegembiraan tanpa kesusahan, kekayaan tanpa kefakiran, kesempurnaan tanpa cacat dan kemuliaan tanpa kehinaan, iaitu dengan cara mencari kebahagiaan yang kekal abadi di akhirat. Kelemahan manusia untuk menempuh jalan kebahagiaan adalah kerana kelemahan iman mereka terhadap hari Akhirat.

Kelemahan iman adalah termasuk dalam kelemahan aspek intelek, lemah yang disebabkan kelalaian dalam menempuh jalan kebahagiaan. Berdasarkan analisis senarai semak didapati bahawa akal yang tidak sempurna menunjukkan intelek yang tidak sihat sehingga ia tidak berkemampuan untuk berfikir mencari kebahagiaan. Unsur intelek yang cerdas otaknya akan tunduk beramal untuk akhirat, manakala unsur intelek yang lemah otaknya akan suka mengikuti perkara-perkara yang tercela.

¹¹⁸ Zulfahmi Syamsuddin dan Wan Hasmah Wan Mamat, "Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh Dalam Aspek Intelek", *Online Journal of Islamic Education* 2, no. 2 (Julai 2014).

¹¹⁹ *Ibid.*

Analisis juga mendapati bahawa al-Ghazali menyatakan jiwa manusia memiliki kekuatan dari aspek kemanusiaannya, iaitu kekuatan mengetahui atau teoritikal (*al-ilm*) dan kekuatan mengamalkan atau praktikal (*al-amal*).¹²⁰ Kedua-dua kekuatan ini bertujuan untuk mendapatkan kesempurnaan rohani dan intelek serta mengetahui perkara-perkara tentang ketuhanan (aqidah) dan syara' (amali dan akhlak).

(b) Ajaran Tentang Keutamaan (*al-Faḍā'il*)

Kebahagiaan dapat dicapai dengan cara menyucikan jiwa dan menyempurnakannya. Proses penyempurnaan jiwa mestilah dengan usaha untuk mencapai seluruh keutamaan. Al-Ghazali telah mengemukakan keutamaan yang penting adalah menerusi akhlak yang dirumuskan dalam empat kekuatan asas, iaitu kebijaksanaan, keberanian, nafsu dan adil.

Kebijaksanaan (*ḥikmah*) adalah keutamaan kekuatan akal (intelek). Kebaikan ilmu akan tercapai melalui kekuatannya untuk mengetahui dan membezakan antara dua perkara, seperti benar dan bohong dalam perkataan.¹²¹ Beliau menekankan kekuatan ini yang menjadi punca utama akhlak yang baik. Apabila kekuatan ilmu itu baik, maka ia akan meningkat kepada peringkat "*ḥikmah*".

Kekuatan hikmah disandarkan kepada kekuatan akal yang memiliki dua kekuatan. Pertama, kekuatan aras tinggi, iaitu kekuatan dengannya hakikat ilmu sama ada ilmu *ḍarūriyyah* (tanpa berdasarkan pemikiran) ataupun ilmu *naẓariyyah* (berdasarkan dalil dan pemikiran) yang diterima dari golongan yang ulama dan penuh keyakinan. Kedua, kekuatan aras bawah iaitu melibatkan badan dan anggota deria (fizikal). Kekuatan bahagian ini, menuntut jiwa menemukan kebaikan-kebaikan amal perbuatan.¹²²

¹²⁰ *Ibid.*

¹²¹ Al-Ghazali, *Mizān al-Amal* (Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1964), 233; Al-Ghazali, *Iḥyā' ulūm al-Dīn* (Qahirah: Mu'assasah al-Halabi wa Syarikah li al-Nasyri wa at-Tauzi', 1967), 69.

¹²² *Ibid.*, 265, *Ibid.*, 11.

Selain itu, kekuatan keberanian juga antara keutamaan yang dikemukakan oleh al-Ghazali. Beliau berpandangan bahawa keberanian ialah keutamaan kuasa “marah”. Kebaikan marah ialah apabila mengecut dan mengembang selaras dengan kehendak hikmah. Kebolehan mengurus marah dikatakan baik dan berani. Jika kemarahan melampaui had dikatakan pengacau, tetapi jika kemarahan lemah dikatakan penakut.¹²³

Selain daripada dua kekuatan di atas, terdapat juga kekuatan lain, iaitu “nafsu” (*,iffah* atau kawalan diri). Kebaikan nafsu akan tercetus apabila berada di bawah arahan hikmah, iaitu arahan akal dan syarak. Kebolehan mengurus nafsu dikatakan baik dan suci. Jika nafsu melampaui batas maka dikatakan sebagai jahat, tetapi jika nafsu kurang (lemah) maka dikatakan sebagai beku.¹²⁴ Nafsu boleh dikawal dengan cara membersihkan jiwa, mensucikan peribadi dan menjauhi hawa nafsu yang merosak akhlak.¹²⁵

Berasaskan tiga keutamaan tersebut, terdapat satu lagi keutamaan iaitu “adil” yang bertindak sebagai titik tengah dalam menjaga keseimbangan antara seluruh keutamaan. Kuasa adil akan mengawalselia nafsu dan marah dibawah arahan akal dan syarak. Jika berlaku perbuatan melampaui batasan, maka ia dikatakan sebagai zalim. Al-Ghazali telah menggariskan bahawa keutamaan adil merupakan suatu keadaan yang teratur sesuai dengan ketenteraman yang sebenar.¹²⁶ Beliau mengemukakan empat kekuatan bersama empat keutamaan yang merupakan punca kepada akhlak manusia (*ummahāt al-akhlāq*), bahawa manusia dengan sebab kekuatan itu dapat bersedia mengamalkan perilaku yang terpuji seluruhnya.¹²⁷

¹²³ *Ibid.*, 266; *Ibid.*, 69.

¹²⁴ *Ibid.*, 269, *Ibid.*, 80.

¹²⁵ Al-Ghazali, *Ayyuhā al-Walad al-Muḥib*, terj Abdullah Ahmad Abu Zinah, Dar al-Syuruq (1980), 45-46.

¹²⁶ Al-Ghazali, *Mīzān al-ʿAmal*, 272; Al-Ghazali, *Iḥyā ʿulūm al-Dīn*, 70.

¹²⁷ *Ibid.*, 286; *Ibid.*, 80.

(c) Ajaran Tentang Kebaikan (*al-Khairāt*)

Cara untuk memperoleh kebahagiaan dan keutamaan seperti pembahasan sebelumnya adalah melalui perbuatan yang baik. Kebaikan akan sentiasa baik, tetap dan tidak berubah. Al-Ghazali menerangkan bahawa terdapat tiga penggerak kebaikan duniawi, iaitu *al-targhīb* dan *al-tarhīb* (dorongan dan pencegahan), *rajāʾ al-mahmūdah* (harapan pujian yang baik) dan *ṭalab al-fadhīlah wa kamāl al-nafs* (keinginan mencapai keutamaan dan kesempurnaan jiwa).¹²⁸

Ketiga-tiga penggerak di atas akan dapat dilalui oleh manusia dengan cara yang berbeza-beza dalam mencapai kebaikan. Justeru itu, tidak ada perbezaan antara kebaikan duniawi dan ukhrawi, kecuali cepat atau lambat (sifat berlumba-lumba) dalam mencapai kebaikan itu. Kebaikan menjadi harapan setiap orang yang berakal, sama ada di dunia mahupun di akhirat.¹²⁹ Ringkasnya, pengkaji mendapati bahawa tiga-tiga penggerak kebaikan bertujuan untuk mencapai kecerdasan rohani. Rohani yang cerdas akan menggerakkan jiwa untuk mencari kebaikan dan kesempurnaan diri seseorang individu.

(d) Ajaran Tentang Kesempurnaan (*al-Kamāl*)

Apabila kesempurnaan diperolehi oleh seseorang individu, maka individu tersebut pasti berperoleh kebahagiaan yang hakiki. Al-Ghazali menggariskan kesempurnaan ini secara menyeluruh menjadi lima bahagian.

Kesempurnaan yang paling utama mengikut al-Ghazali adalah kesempurnaan mendapatkan kebahagiaan akhirat. Kesempurnaan itu tidak akan dapat dicapai kecuali dengan adanya kesempurnaan kedua. Beliau menyebutnya dengan kesempurnaan bagi

¹²⁸ *Ibid.*, 287

¹²⁹ *Ibid.*, 289.

keutamaan jiwa¹³⁰ sebagaimana yang telah dijelaskan, iaitu keutamaan kebijaksanaan (akal), keberanian, nafsu (kawalan diri) dan adil.

Kesempurnaan ketiga, iaitu keutamaan yang ada pada badan seperti kesihatan badan, kekuatan badan, keelokan badan dan panjang usia. Seterusnya kesempurnaan keempat ialah kesempurnaan luaran yang terdapat pada manusia, seperti harta, keluarga, pangkat dan keluarga yang mulia. Semuanya akan dilengkapi oleh kesempurnaan kelima, iaitu taufiq dari Allah s.w.t, melalui hidayah-Nya, pimpinan-Nya, kebaikan daripada-Nya, dan kekuatan daripada-Nya.¹³¹ Pengkaji mendapati bahawa pemikiran al-Ghazali tentang kesempurnaan adalah sebagai pertimbangan dan arahan intelek sehingga boleh mencapai kesempurnaan itu.

2.4.3 Pembangunan Sahsiah Menurut Abdullah Nasih Ulwan

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2002), pembangunan akhlak dalam kalangan kanak-kanak dapat dibuat melalui pendidikan yang dimainkan oleh ibu bapa dan guru-guru. Pendidikan yang diterapkan menurut pandangan ini dapat meningkatkan tahap penghayatan anak-anak terhadap agam Islam itu sendiri. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan terdapat tujuh perkara yang menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak, iaitu :

1. Pendidikan Iman

Menurut Abdullah Nasih Ulwan, yang dimaksudkan dengan pendidikan keimanan adalah penekanan terhadap dasar-dasar keimanan, rukun Islam dan dasar-dasar syariat. Dasar-dasar keimanan yang melibatkan rukun iman dan perkara-perkara ghaib seperti percaya dengan siksaan kubur, dosa dan pahala, serta syurga dan neraka.

¹³⁰ *Ibid.*, 294.

¹³¹ *Ibid.*

Rukun Islam yang dimaksudkan ialah setiap ibadah yang bersifat praktikal dan melibatkan harta seperti puasa, solat, zakat dan haji. Dasar syariat pula membawa maksud segala yang berhubung dengan ajaran-ajaran seperti akidah, ibadah, akhlak, perundangan, peraturan dan hukum-hakam.

Abdullah Nasih Ulwan telah menjelaskan strategi bagi membangunkan aspek keimanan ini dengan cara mengajarkan anak *kalimah tayyibah*, iaitu memperkenalkan hukum hakam halal dan haram, menyuruh melakukan ibadah solat pada usia tujuh tahun, mendidik mereka mencintai Rasulullah s.a.w dan ahli bait baginda serta mengajarkan mereka membaca al-Quran.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan, cara terbaik bagi melatih anak-anak mencintai Rasulullah adalah dengan menceritakan sirah Rasulullah s.a.w dan peperangan-peperangan hebat yang dilalui oleh baginda dan para sahabat r.a. Selain itu, mengajarkan sukan sunnah seperti menunggang kuda, berenang dan memanah kepada anak dapat melahirkan rasa kasih kepada Rasulullah s.a.w.

Dengan penerapan pendidikan iman dan ajaran-ajaran Islam ini, maka akan terbentuklah sahsiah dan keperibadian unggul yang mengenal Islam sebagai *al-Dīn*, al-Quran sebagai panduan dan Rasulullah s.a.w sebagai suri teladan.

2. Pendidikan Akhlak

Menurut Abdullah Nasih Ulwan, perkara yang perlu dibangunkan dalam diri anak-anak ialah dengan memberikan pendidikan mengenai dasar-dasar akhlak, keutamaan perangai dan tabiat yang harus dimiliki dan dijadikan kebiasaan.

Pembangunan akhlak sejak kanak-kanak ini sangat penting kerana akhlak merupakan salah satu interpretasi daripada iman. Orang yang berakhlak mulia pasti memiliki keimanan yang tinggi kepada Allah s.w.t. Dalam usaha menanamkan akhlak

mulia kepada anak-anak, beberapa kaedah dicadangkan oleh beliau, iaitu menjauhkan diri daripada peniruan dan taklid buta, larangan bermewah-mewah, larangan mendengarkan muzik atau hiburan yang melalaikan, larangan menyerupai jantina yang berlainan, larangan bergaul secara bebas serta memandang perkara yang diharamkan.

3. Pendidikan Akal

Pendidikan ini bermaksud membina daya berfikir dan pengetahuan anak dengan segala sesuatu yang bermanfaat. Menurut Abdullah Nasih Ulwan, pendidikan ilmu di kalangan anak-anak harus diterapkan pada masa kanak-kanak. Ini kerana, hati mereka sangat suci, fikiran yang sangat jernih, ingatan yang sangat kuat dan semangat belajar yang tinggi. Selain itu, ilmu yang diberikan semasa kecil akan kekal dalam ingatan dan amalan anak-anak.

Menurut al-Ghazali (1964), ilmu dapat mengenalkan hamba dengan Allah s.w.t, beribadah dan mengagungkan-Nya serta menimbulkan taat dan menghalangi daripada melakukan perkara maksiat. Bagi memastikan ilmu yang diperolehi oleh anak-anak dapat menjadikan mereka insan yang beriman beberapa cara harus diterapkan iaitu mencarikan rakan-rakan sebaya yang baik bagi anak-anak, mengajarkan tentang hakikat Islam, dasar-dasar Islam, ajaranajaran Islam, menjelaskan tentang gambaran yang benar tentang Islam dan mengajarkan tentang susah payah pejuang-pejuang agama mempertahankan syiar Islam daripada diceroboh oleh pihak musuh.

Dengan cara ini, ilmu yang diperolehi oleh anak-anak dapat menjadikan mereka sebaik-baik manusia yang dapat memandu manusia yang lainnya.

4. Pendidikan Fizikal

Pendidikan fizikal diterapkan bagi menjadikan anak-anak membesar dengan sihat dan selamat. Ini sekaligus dapat mengetahui kepentingan menjaga kesihatan diri yang sangat dituntut dalam ajaran Islam.

Oleh itu, cara praktikal yang disarankan ialah dengan memberi nafkah kepada keluarga dan anak, menyeimbangkan makan, minum dan tidur, mencegah diri daripada terdedah kepada sebarang wabak, merawat penyakit dan membiasakan anak-anak bersukan atau melakukan aktiviti sukan. Disamping itu, anak-anak juga hendaklah dibiasakan dengan hidup zuhud dan tidak tenggelam dengan kenikmatan dunia seperti merokok, onani, minum arak, pengambilan dadah, zina dan liwat.

5. Pendidikan Psikologi

Pendidikan psikologi bermaksud mendidik anak supaya bersifat berani, berterus terang, bermotivasi, suka berbuat kebaikan terhadap orang lain dan menahan diri ketika marah. Penerapan pendidikan psikologi ini memberi kesan yang sangat baik terhadap keperibadian dan sahsiah anak-anak.

Bagi memastikan psikologi anak-anak sentiasa positif dan baik, ibu bapa hendaklah mengelakkan daripada menyuburkan sifat antisosial, penakut, rendah diri, dengki dan pemaarah dalam diri anak-anak. Sifat-sifat ini akan menyebabkan sahsiah anak-anak menjadi buruk dan kehidupan mereka menjadi tidak tenteram pada masa akan datang.

6. Pendidikan Sosial

Pendidikan sosial yang dimaksudkan ialah pendidikan bergaul dengan masyarakat yang pelbagai latarbelakang dan umur. Penerapan ke atas pendidikan ini akan membiasakan anak-anak dengan adab sosial yang baik dengan bersumber kepada dasar akidah Islamiah.

7. Pendidikan Seksual

Pendidikan seksual ialah pendedahan dan penerangan tentang hal-hal seksual kepada anak-anak setelah menjangkau usia yang sesuai untuk dijelaskan tentang perkara seksualiti atau telah timbul naluri yang berkaitan dengan perkahwinan.

Di peringkat kanak-kanak berusia sekitar 8 sehingga 14 tahun, penekanan yang harus dibuat adalah dengan mengajarkan tentang bahagian-bahagian dan peranan alat sulit yang ada pada anak-anak. Dalam peringkat ini juga, pemisahan tempat tidur di antara anak lelaki dan anak perempuan hendaklah dilakukan. Selain itu, antara metode pendidikan seksual yang dijelaskan oleh Abdullah Nasih Ulwan ialah mengajar adab meminta izin, adab memandang, menghindarkan anak daripada rangsangan seksual, penjelasan dan peringatan kepada anak-anak akan bahaya pergaulan bebas disamping hikmah perkahwinan yang sah.

Demikianlah kaedah-kaedah yang dinyatakan oleh Abdullah Nasih Ulwan dalam kitabnya *Tarbiyah al-Aulād* bagi membangunkan penghayatan agama dalam diri anak-anak.

2.4.4 Pembangunan Sahsiah Menurut Luqman al-Hakim

Ulama psikologi moden mengumpamakan metode Luqman dengan anaknya sebagai “metode pendidikan dengan nasihat”. Mereka berpendapat bahawa metode ini harus diiringi dengan metode “pendidikan ketauladanan” kerana setiap nasihat yang baik walaupun mampu membangkitkan jiwa, perlukan kepada unsur motivasi dan rangsangan yang mampu mengarahkan dengan sempurna.

a. Pendidikan Akidah

Nasihat pertama yang diberikan oleh Luqman al-Hakim terhadap anaknya ialah agar tidak menyekutukan Allah s.w.t. Nasihat tersebut ialah *“Wahai anak kesayanganku! Janganlah kamu menyekutukan Allah, karena menyekutukan-Nya adalah satu kezaliman yang besar”*. Maka kita wajib mendidik anak-anak supaya mengesakan Allah s.w.t dengan sifat wahdaniyah (keesaan tuhan) dan tidak menyekutukannya dengan sesuatu apapun. Pendidikan tauhid atau akidah ini merupakan pendidikan pertama yang perlu diberikan kepada anak didik yang akan bertindak sebagai benteng bagi dirinya. Apabila berlakunya ancaman-ancaman yang boleh merosakkan, maka ia berkemampuan untuk melawan atau menolak ancaman tersebut.

b. Pendidikan Akhlak

Dalam ayat yang berikutnya, Luqman al-Hakim telah menasihati anak-anaknya dengan perintah berbuat baik kepada kedua ibubapa, iaitu *“Dan Kami perintahkan kepada manusia agar (berbuat baik) kepada kedua ibubapanya; ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusukannya dalam tempoh dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu, hanya kepada Akulah tempat kembalimu”*.

Pembentukan akhlak dalam diri seseorang itu merupakan perkara yang perlu diberi perhatian. Terutamanya terhadap kedua orang tua. Dalam ayat tersebut di gambarkan bahawa *“Ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusukannya dalam tempoh dua tahun”*. Ini merupakan suatu keadaan yang begitu berat dihadapi oleh kaum wanita, iaitu ketika hamil.

Oleh karena itu di dalam hadis ketika Rasulullah s.a.w ditanya oleh seorang sahabat tentang siapakah yang lebih dahulu perlu dihormati, maka baginda menjawab ibu secara

berberturut-turut sebanyak tiga kali, kemudian barulah disebut ayah. Hal ini tidaklah mengurangi rasa hormat terhadap seseorang ayah atau bapa, akan tetapi sebagai tanda penghormatan di atas perjuangan dan pengorbanan seorang ibu yang telah mengandung dan menyusukannya dalam keadaan lemah dalam tempoh yang lama.

Selain itu, pelajaran penting lain yang menjadi akhlak dan pegangan kita ialah ketika ibubapa mengajak kepada kemusyrikan atau kemaksiatan, maka kewajiban seorang anak ialah menolak ajakan tersebut sebagaimana nasihat Luqman al-Hakim yang berikutnya: *“Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya. Bahkan dalam ayat tersebut, ketika seorang anak sudah menolak ajakannya, maka diperintahkan untuk tetap bergaul dan bermuamalat dengan keduanya secara baik di dunia ini sebagaimana nasihat “Dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku”*. Seseorang anak juga dinasihatkan supaya menjadikan Allah s.w.t sebagai tempat kembali dan mengadakan segala rasa penatnya menerusi nasihat *“Kemudian hanya kepada-Kulah kembalimu, maka Aku beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan”*.

Akhlak seseorang merupakan cerminan daripada sahsiah atau peribadinya. Allah s.w.t tidak melihat kepada penampilan atau sesuatu yang bersifat fizikal semata-mata, malah Allah s.w.t melihat kepada isi hatinya atau akhlak yang bersifat dalaman dalam diri seseorang. Selain berakhlak terhadap orang tua sama ada ibu ataupun bapa, akhlak dalam berhubungan sosial juga perlu dididik. Hal ini agar seseorang itu tidak bersifat dengan sifat sombong, takabur, ujub, bangga dan sebagainya secara berlebihan. Ini adalah kerana perilaku tersebut bukanlah perilaku yang baik dalam berhubungan dengan lingkungan sosialnya.


c. Pendidikan Ibadah

Ibadah merupakan tujuan utama dari penciptaan jin dan manusia. Oleh itu, kepentingan ibadah perlu disemai sejak kecil lagi. Setiap perbuatan yang dilakukan oleh manusia akan menjadi ibadah sekiranya dilakukan berdasarkan ilmu dan keikhlasan yang tinggi kepada Allah s.w.t. Manusia akan beroleh ganjaran pahala daripada Allah s.w.t walaupun perbuatan atau amal itu hanya sebesar biji sawi. Antara kata-kata nasihat Luqman al-hakim ialah "*Wahai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) yang seberat biji sawi, dan berada di dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, nescaya Allah s.w.t akan mendatangkannya (membalasinya). Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui*". Begitu juga dengan amalan yang tidak baik yang dilakukan walaupun sebesar biji sawi, maka Allah s.w.t akan membalasnya.

Luqman al-hakim juga memerintahkan anaknya supaya melakukan ibadat solat. Pembudayaan dan penggalakkan ibadah solat hendaklah diberikan kepada anak sejak kecil lagi walaupun belum mencapai usia baligh. Ini akan membiasakan dirinya untuk mendirikan solat sehingga terbiasa dengan solat apabila sudah dewasa. Ini yang perlu diketahui oleh para pendidik bahawa ibadah merupakan sesuatu perkara yang penting dan perlu digalakkan kepada anak-anak.

2.5 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Sahsiah

Sahsiah merangkumi segala aspek seperti jasmani, rohani, naluri dan akal individu. Sahsiah boleh berubah menjadi lebih baik atau pun sebaliknya mengikut peredaran masa, keturunan, individu, persekitaran dan lain-lain. Walau pun pada asasnya semakin sehati sesuatu ciri dalam diri seseorang, maka semakin sukarlah untuk dirinya berubah. Namun terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi dan mendorong perubahan pada sahsiah.



Rajah 2.1: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Sahsiah

Antara faktor yang mempengaruhi sahsiah seseorang individu ialah visi, misi, baka, etika, motivasi, situasi, individu dan organisasi sebagaimana dijelaskan pada Rajah 2.1.¹³² Manakala Kamarulzaman Kamaruddin pula menyatakan bahawa pembentukan sahsiah seseorang individu adalah dipengaruhi oleh dua faktor utama, iaitu baka dan persekitaran. Ini dapat dilihat pada warna rambut, mata, wajah, ketinggian dan ciri-ciri fizikal yang diwarisi daripada ibubapa, dan juga persekitaran di mana individu tersebut dibesarkan.¹³³

2.5.1 Baka

Faktor baka akan mempengaruhi sahsiah seseorang individu secara langsung. Kesemua unsur-unsur di bawah akan mempengaruhi sahsiah individu, seperti saiz badan, penyakit, kecerdasan dan temperamen.

- a. Saiz badan. Saiz badan seseorang akan menentukan kesesuaian untuk melakukan sesuatu aktiviti. Kebolehan melakukan sesuatu aktiviti akan meningkatkan nilai prestij yang tinggi untuk dirinya. Ini menyebabkan

¹³² Rahmatullah Khan (2011), 25.

¹³³ Kamarulzaman Kamaruddin, *Psikologi Perkembangan: Panduan Untuk Guru* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009), 50.

seseorang itu diminati oleh rakan-rakannya dan seterusnya meningkatkan harga dirinya. Harga diri yang meningkat akan membentuk sahsiah yang sihat.

- b. Penyakit. Melalui baka, kemungkinan seseorang itu akan mewarisi penyakit keturunan seperti lelah, barah dan kencing manis. Kanak-kanak yang kurang bertenaga dan kerap sakit akan menyukarkannya untuk menyertai aktiviti-aktiviti sosial yang menyebabkan perkembangannya akan terganggu. Hubungan dengan rakan-rakan yang lain juga akan menjadi kurang. Ini menyebabkan seseorang itu akan merasa sedih, pendiam dan mengalami kesunyian. Perkembangan sahsiahnya akan menjadi tidak sihat kerana perkembangan sosial dan emosinya telah terjejas.
- c. Kecerdasan. Perbezaan kecerdasan yang diwarisi oleh seseorang individu adalah suatu kenyataan yang bersifat realiti. Kecerdasan membantu seseorang individu menyelesaikan masalah seharian mahupun akademik. Kemampuan menjawab soalan di dalam peperiksaan dan juga di dalam bilik darjah akan membentuk sahsiah yang meyakinkan. Sebaliknya, seseorang yang kurang cerdas akan menyebabkan seseorang itu sukar untuk menyelesaikan tugas akademik dan sering mendapat keputusan yang kurang baik dalam peperiksaan. Ini akan menjadikan seseorang itu menarik diri daripada rakan-rakannya dan menjadi pemalu.
- d. Temperamen (sifat semulajadi). Temperamen seseorang individu boleh mempengaruhi interaksinya dengan individu-individu yang lain. Seseorang yang stabil emosinya serta boleh mengawal kekecewaannya meyenangkan orang lain menghampiri dan bergaul dengannya, sebaliknya seseorang yang pemarah, kurang sabar dan gemar mengkritik orang lain biasanya akan dijauhi oleh orang lain.

2.5.2 Persekitaran

Persekitaran juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk sahsiah seseorang individu. Antara faktor-faktor persekitaran termasuklah keluarga, pengalaman awal, kebudayaan, pengaruh sekolah, rakan sebaya, media massa dan masyarakat.

a. Keluarga

- i. Suasana rumah. Dalam ikatan sosial keluarga, terdapat sifat kasih sayang, saling menghormati dan pelaksanaan tanggungjawab oleh setiap anggota keluarga. Bapa sebagai ketua keluarga berperanan memenuhi segala keperluan hidup, memberi perlindungan dan mengembangkan sahsiah ahli keluarga. Manakala ibu pula memainkan peranan yang tersendiri dalam pembentukan sahsiah anak-anak dalam sesuatu keluarga. Ini kerana ibu adalah individu yang paling rapat dengan anak-anak bermula daripada proses kelahiran, menyusui, mengasuh dan melindunginya. Bentuk perhubungan sosial dalam keluarga akan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap anak. Rumah yang mesra dan harmoni akan menggalakkan perkembangan sahsiah yang sihat. Sementara keluarga yang porak peranda dan ibu bapa yang bercerai akan mewujudkan suasana rumah yang dingin dan mengancam perkembangan sahsiah kanak-kanak, terutamanya emosi dan sosial.
- ii. Pemakanan. Pemakanan yang seimbang adalah perlu bagi perkembangan sahsiah kanak-kanak secara menyeluruh. Kekurangan terhadap sesuatu jenis makanan boleh menyebabkan individu akan cepat letih atau mudah terkena penyakit. Ini menyebabkan kanak-kanak tidak dapat hadir ke sekolah atau menyertai aktiviti kokurikulum. Kegagalan hadir ke sekolah dan menyertai

aktiviti ko-kurikulum menyebabkan perkembangan jasmani, intelek dan rohani seseorang pelajar akan terjejas.

- iii. Taraf sosio-ekonomi keluarga. Kedudukan kewangan keluarga yang stabil akan menentukan jenis kemudahan-kemudahan yang boleh disediakan untuk anak-anak. Selain daripada makanan yang seimbang, ibu bapa yang berkemampuan akan menyediakan bahan pengajaran tambahan, seperti buku rujukan, komputer, alatan permainan dan peralatan muzik. Sebaliknya kanak-kanak yang datangnya dari keluarga yang miskin tidak akan dapat menikmati kemudahan tersebut, dan seterusnya menyebabkan perkembangan sahsiah mereka terjejas.

b. Pengalaman Awal

Pengalaman awal kanak-kanak amat mempengaruhi perkembangan sahsiah seseorang individu. Kanak-kanak yang selalu dihukum kerana melakukan kesilapan akan menyebabkan kanak-kanak tersebut sentiasa merasa bimbang dan bersalah. Sementara kanak-kanak yang tidak pernah didedahkan dengan pengalaman prasekolah akan merasa takut, pasif, rendah diri dan terancam apabila tidak boleh mengenal huruf dan nombor. Situasi begini akan menjejaskan harga diri serta konsep sendiri positif seseorang kanak-kanak.

c. Kebudayaan

Kebudayaan yang berbeza mempunyai norma dan nilai yang berbeza. Penekanan terhadap nilai-nilai dalam sesuatu kebudayaan yang tertentu akan mempengaruhi perkembangan sahsiah kanak-kanak. Contohnya, sekiranya budaya sesebuah keluarga menekankan unsur agama, maka individu yang dibesarkan akan menjaga nilai-nilai agama. Sebaliknya, sekiranya sesebuah keluarga yang menekankan kekayaan dan kebendaan sebagai nilai yang

penting dalam kehidupan, maka kanak-kanak yang membesar akan bersifat materialistik. Nilai-nilai murni yang ditekankan kepada kanak-kanak seperti sifat hormat menghormati, tolong-menolong, belas kasihan, bertoleransi, jujur, bersih, rajin, syukur dan sebagainya akan menjadikannya sebagai seorang yang sopan dan menonjolkan sahsiah yang seimbang.

d. Pengaruh Sekolah

Sekolah adalah agen sosialisasi yang berbentuk formal. Ia mengandungi struktur pentadbiran dalam mengurus program pengajian. Kuasa di sekolah terletak kepada individu tertentu seperti pengetua, guru penolong kanan, guru kanan, guru disiplin dan lain-lain lagi. Oleh itu, gaya kepimpinan dan persekitaran sekolah amat mempengaruhi perkembangan sahsiah kanak-kanak. Pengetua sekolah yang tegas akan melahirkan pelajar yang berdisiplin bagi melaksanakan sesuatu tugas. Sebaliknya pengetua yang tidak tegas akan melahirkan pelajar yang pasif, kurang inovatif dan takut membuat sesuatu perubahan. Sifat-sifat kepimpinan pelajar akan terbantut perkembangannya.

Guru adalah agen sosialisasi yang berpengaruh. Guru yang bersifat adil, tidak pilih kasih dan kurang menghukum secara deraan akan mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang sihat. Guru yang penyayang pula akan membentuk emosi pelajar yang stabil. Sifat-sifat yang baik ini akan menjamin sahsiah yang sihat. Sebaliknya guru yang tidak adil, pilih kasih dan suka mendera pelajar akan menjadi ikutan kepada pelajar-pelajar, dan seterusnya akan melahirkan sahsiah pelajar yang negatif. Oleh itu, peranan guru di dalam atau di luar bilik darjah dan semasa mereka berinteraksi dengan pelajar adalah penting.

Persekitaran sekolah merupakan situasi yang menggalakkan perkembangan sikap positif terhadap rakan dan sekolah, kerana pelajar adalah produk sekitarnya. Persekitaran sekolah yang baik atau *bāh ṣāleḥah* dapat membantu pembentukan sahsiah yang sempurna.

Melalui bimbingan guru dan persekitaran yang kondusif, maka pelajar-pelajar yang mengalami masalah sahsiah dan hubungan sosial dapat dipulihkan.

e. Rakan Sebaya

Clark (1969) menyatakan bahawa terdapat empat bentuk budaya pelajar. Bentuk pertama dinamakan sebagai sub-budaya keseronokan yang mengutamakan kecantikan rupa paras, bersukan, berkelah dan sebagainya tanpa menghargai nilai-nilai akademik. Bentuk kedua ialah sub-budaya akademik, iaitu mereka yang berorientasikan pelajaran dan aktiviti-aktiviti yang bercorak akademik. Bentuk ketiga terdiri daripada mereka yang bersifat delinkuen, iaitu pelajar yang suka memberontak, melanggar etika sekolah dan sentiasa melakukan salah laku disiplin. Bentuk keempat ialah kumpulan yang tidak menyebelahi mana-mana pihak. Mereka lebih suka mengasingkan diri dan tidak mengambil tahu apa yang berlaku.

Glidewell (1966) pula mendedahkan terdapat tiga cara utama seseorang kanak-kanak dipengaruhi oleh rakan mereka, iaitu apabila mereka ingin diterima atau disukai oleh kumpulan rakan mereka, terpengaruh dengan kepimpinan dan kemampuan rakan mereka, dan ingin membuktikan kebolehan dan memperolehi pengakuan serta penghargaan rakan. Selaras dengan pengaruh di atas, Rose (1970) membuat kesimpulan seperti berikut:

“It is a matter of gaining acceptance from desirable peers as belonging in the group, which later ripens into the conception of the popular teenager”

f. Media Massa

Pendedahan kepada media massa yang sihat adalah penting bagi perkembangan sahsiah yang sihat. Pelajar yang didedahkan dengan program-program berbentuk keagamaan, *taman esame* dan *info sains* melalui televisyen dan radio secara tidak langsung akan membantu perkembangan intelek seseorang pelajar. Sebaliknya pelajar yang terdedah

dengan tayangan video dan filem yang memaparkan keganasan, pergaduhan, perceraian dan kezaliman akan menyebabkan mereka akan bertendensi untuk memperolehi tingkah laku yang agresif. Begitu juga dengan tayangan yang memaparkan adegan seks, lucah dan pornografi secara tidak langsung akan mempengaruhi pelajar dan menjadi penyumbang kepada gejala rogol, sumbang mahram, bersekedudukan tanpa nikah, khalwat, hamil anak luar nikah dan pembuangan bayi. Boleh dikatakan bahawa media massa seperti televisyen, radio, wayang gambar, video, internet dan sebagainya sedikit sebanyak mempengaruhi cara kanak-kanak berfikir, bertingkah laku, sikap dan kemahiran. Guru dan ibu bapa berhadapan dengan cabaran media massa untuk membangkitkan motivasi dan minat anak-anak terhadap pelajaran sekolah.

g. Masyarakat

Aspirasi, harapan dan nilai-nilai sesuatu masyarakat boleh mempengaruhi seseorang individu. Masyarakat yang mempunyai nilai-nilai dan norma-norma yang sihat akan melahirkan anggotanya yang bertanggungjawab, berdedikasi, rajin dan sedia berkorban untuk menolong orang lain. Masyarakat yang mementingkan kekayaan dan harta benda dengan mengenyepikan nilai-nilai murni pula akan melahirkan masyarakat yang materialistik atau kebendaan. Kanak-kanak yang membesar akan menjadi individu yang sentiasa mengejar harta benda dan kemewahan tanpa nilai-nilai murni. Oleh sebab itu, bagi mencapai tujuan tersebut, maka sebahagian daripada anggota masyarakat sanggup melakukan perbuatan seperti mencuri, merompak, membunuh dan mengamalkan rasuah. Ringkasnya, nilai-nilai masyarakat yang baik boleh mempengaruhi manusia dalam membangunkan sahsiah diri individu.

2.6 Program Pembangunan Sahsiah

Melalui pelaksanaan sesuatu program dan aktiviti, pembangunan sahsiah seseorang individu dapat dibangunkan. Pengkaji akan mengemukakan beberapa contoh program atau aktiviti pembangunan sahsiah yang dapat membangunkan potensi diri, sahsiah, moral dan akhlak seseorang individu menerusi enam program utama, iaitu program keagamaan; dakwah dan tarbiyah; motivasi dan bimbingan; khidmat bakti masyarakat; penampilan dan jati diri; dan sukan, kelab dan persatuan.

2.6.1 Program Keagamaan

Pengkaji telah mengklasifikasi program keagamaan kepada 6 program kecil, iaitu program bestari solat; celik al-Quran; puasa perdana dan *iftār jamā'ī*; khutbah, tazkirah, kuliah dan ceramah; alunan zikir dan doa; dan sambutan hari-hari kebesaran Islam.

(a) Bestari Solat

Solat ialah ibadah fardu yang paling agung dan termasuk dalam rukun Islam yang kedua. Setiap muslim wajib menunaikan solat fardu, di samping melaksanakan solat-solat sunat dalam kehidupan seharian. Hikmah penekanan terhadap solat kerana besarnya ganjaran dan banyaknya kebaikan serta manfaat yang diperolehi sebagaimana disebut dalam al-Quran, hadis Nabi s.a.w, tulisan para ulama dan kajian sains.¹³⁴ Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

Al-Nisa^o 4: 103

Terjemahan: Sesungguhnya ibadat solat itu adalah fardu yang ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman.

¹³⁴ Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Cheok, *Solat: Kebaikan Dari Perspektif Sains*, cet. ke-2 (Kuala Lumpur: Fakulti Kejuruteraan, Penerbit Universiti Malaya, 2009), xiii.

Rasulullah s.a.w juga telah menjelaskan kedudukan solat dalam Islam menerusi sabdanya:

الصلاة عماد الدين

Terjemahan: Solat itu adalah tiang agama.

Jalal Muhammad al-Syafie dalam menghuraikan terapi membina kesihatan jasmani dan rohani melalui gerakan solat, menyatakan bahawa gerakan solat memiliki keistimewaan yang setanding dengan prinsip-prinsip latihan olahraga yang betul. Ia berfungsi menjaga struktur tubuh badan manusia agar kekal stabil dalam bentuk yang asal, melindungi tubuh badan dan mengubati penyakit atau gangguan yang menimpa manusia. Anatomi tubuh badan manusia juga sebenarnya sangat berkait rapat dengan gerakan solat, seperti sistem otot manusia, lengkungan-lengkungan tulang belakang dan tulang-tulang kaki. Keajaiban gerakan-gerakan solat seperti mengangkat kedua belah tangan ketika *takbīrah al-ihrām*, gerakan rukuk, iktidal, sujud, duduk *tasyahhud*, duduk antara dua sujud dan lain-lain bukan sahaja mempunyai kebaikan dari sudut fadhilat solat, bahkan mempunyai hikmah dan manfaat jika ditinjau dari sudut fisiologi. Contohnya posisi rukuk yang meluruskan tulang belakang dan mensejajarkan kepala dengan pinggul bererti tulang belakang seakan-akan rata dan mendatar seperti bumi. Ini bermaksud pergerakan darah dalam tubuh berada di bawah pengaruh dua kekuatan, iaitu kekuatan dorongan jantung terhadap darah (di atas) dan kekuatan graviti bumi atau daya tarik bumi terhadap darah (di bawah).¹³⁵

Oleh itu, dalam konteks pembangunan sahsiah, program bestari solat atau *smart* solat amat sesuai dilaksanakan oleh setiap individu. Disiplin harus dimulakan dengan pelaksanaan ibadat solat secara *istiqāmah* (konsisten). Seseorang yang sentiasa menunaikan

¹³⁵ Jalal Muhammad al-Syafie, *Kuasa di Sebalik Solat (The Power of Solat)*, terj. Norhasannuddin, cet. ke-2 (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, 2008), 140.

ibadat solat secara konsisten sebenarnya menggambarkan tinglah laku seseorang yang berdisiplin. Ini kerana melalui pelaksanaan ibadat solat secara berjamaah, gerakan dalam solat, bacaan pada setiap gerakan solat, menepati waktu solat, solat pada awal waktu, mengikuti jadual tugas bilal atau imam, kebersihan diri dan lain-lain lagi, sahsiah dan tingkah laku seseorang itu dapat dipertingkatkan.

(b) Celik al-Quran

Menurut Subhi al-Salih, al-Quran bererti bacaan, berasal daripada kalimah *Qara'ā*. Al-Quran bermaksud kalam Allah s.w.t yang merupakan mukjizat yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w, ditulis dalam mushaf, diriwayatkan secara *mutawātir* dan menjadi ibadat bagi sesiapa yang membacanya. Manakala kalam Allah s.w.t yang diturunkan kepada para nabi Nabi Musa, Daud dan Isa a.s tidak pula dinamakan sebagai al-Quran, termasuklah hadis Qudsi.¹³⁶ Perkataan al-Quran digunakan sendiri oleh Allah s.w.t dalam surah al-Qiyamah, iaitu:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿١٨﴾

Al-Qiyamah 75: 17-18

Terjemahan: Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkan al-Quran (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacakannya, maka ikutilah bacaannya itu.

Ahmad Mohd Salleh menyatakan bahawa al-Quran merupakan sumber pendidikan Islam yang utama.¹³⁷ Pernyataan ini diakui oleh tokoh-tokoh pendidik seperti *Jamā'ah Min al-Ikhtiṣāsiyyīn* (1978), al-Nadwi (1982) dan Mahmud Syaltut (1972). Menurut *Jamā'ah Min al-Ikhtiṣāsiyyīn* (1978), al-Quran diturunkan semenjak 14 kurun yang lalu, namun

¹³⁶ Teungku Muhammad Hasbi al-Siddiqi et al., *Al-Quran dan Terjemahannya* (Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah dan Pentafsir al-Quran, 1971), 15.

¹³⁷ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*, 364.

masih kekal seperti yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Al-Nadwi (1982) pula berpandangan bahawa al-Quran adalah suatu yang wajib dipelajari sebagai sebuah kitab mukjizat yang abadi, tidak mengandungi kebatilan di dalamnya dan tidak pula terdapat kesalahan dari segi maknanya. Manakala Mahmud Syaltut (1972) menegaskan bahawa al-Quran datang dari sisi Allah s.w.t dan bukan ciptaan manusia. Oleh itu, setiap muslim wajib beriman dengan al-Quran dan isi kandungannya.

Ahmad Shalabi (1978) menjelaskan bahawa al-Quran telah dijadikan satu mata pelajaran dalam semua bidang pengajian semenjak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Hassan Mulla Uthman (1985) menyebut, al-Quran merupakan sumber pendidikan Islam, di mana terkandung di dalamnya ayat-ayat yang mengandungi peraturan-peraturan Allah s.w.t dan hadis Rasulullah s.a.w yang berperanan sebagai pentafsir ayat al-Quran. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hussin dan Abd. Halim Tamuri pula berpendapat bahawa amalan zikir, doa, membaca Al-Quran dan solat didapati menyumbang kepada peningkatan kesedaran diri dan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar.¹³⁸

Ringkasnya, sebarang program, *musabaqah* dan pertandingan yang bersumberkan al-Quran, seperti celik al-Quran, tilawah al-Quran, tadarus al-Quran, halaqah al-Quran, halaqah Yasin, khatam al-Quran, kelas taranum, kelas Qiraat, tafsir al-Quran, hafazan al-Quran, wakaf al-Quran, kelas tajwid al-Quran, teknik belajar al-Quran, kelas kemahiran al-Quran, program persijilan atau diploma tahfiz al-Quran dan lain-lain lagi merupakan program keagamaan yang mulia. Tambah al-Nahlawi (1982), matlamat al-Quran yang paling penting ialah untuk mendidik manusia ke arah pengabdian diri kepada Allah s.w.t dan berakhlak dengan sahsiah yang mulia.

¹³⁸ Fazlina Fadzil, Nurulazidah Jaafar, *Kajian Pengamalan dan Kesedaran Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan* (Negeri Sembilan: Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson, t.t.), 11.

(c) **Puasa Perdana dan *Iftār Jamā'ī***

Tanggungjawab membangunkan sahsiah atau nilai-nilai murni bukanlah satu perkara yang mudah dan dapat dilakukan dalam masa yang singkat. Pembangunan ini bermula sejak di tadika atau prasekolah lagi dan diteruskan di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, kolej, universiti dan sebagainya. Ini kerana mereka yang terlibat dalam proses pembangunan sahsiah ini mestilah mempunyai kesabaran, iltizam dan istiqamah yang tinggi.

Di antara usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan sahsiah diri ialah dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti berbentuk ketahanan dan kesabaran, seperti menjalani ibadah puasa perdana dan majlis *iftār jamā'ī*. Puasa sunat bertujuan untuk mendidik seseorang individu agar sentiasa dalam keadaan bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran. Seseorang muslim memerlukan persiapan yang rapi yang boleh meneguhkan iman mereka dengan pertolongan daripada Allah s.w.t sebagaimana yang dikemukakan oleh Fathi Yakan.¹³⁹ Ibadat puasa boleh memotivasikan diri sendiri dengan menjadi benteng dan perlindungan bagi umat Islam dalam menghadapi hari Kebangkitan. Kegembiraan dan keseronokan ketika berbuka puasa akan meningkatkan lagi motivasi dan pencapaian sahsiah pelajar. Pada zahirnya, program *iftār jamā'ī* bertujuan untuk menzahirkan keseronokan dalam menikmati juadah sahaja, namun sebaliknya falsafah berbuka puasa secara berjamaah dapat meningkatkan keimanan dan mengeratkan hubungan ukhuwwah dalam kalangan masyarakat.

Kesimpulannya, puasa perdana dan *iftār jamā'ī* merupakan aktiviti pembangunan sahsiah yang dapat membentuk akhlak dan tingkah laku seseorang individu selaras dengan tuntutan agama Islam.

¹³⁹ Fathi Yakan, *Qawārib al-Najāḥ fi Ḥayāti al-Du'āh*, terj. Abdul Ghani Shamsuddin dan Zawawi Ali (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2000), 179.

(d) Khutbah, Tazkirah, Kuliah, dan Ceramah

Khutbah, tazkirah, kuliah dan ceramah adalah sebahagian daripada program pembangunan sahsiah berbentuk keagamaan. Dalam konteks dakwah, keempat-empat program tersebut adalah sebahagian daripada teknik berdakwah secara lisan. Ketiga-tiga teknik tersebut membawa maksud dan matlamat yang sama, iaitu untuk menyampaikan dakwah kepada sasarannya. Zaydan menyatakan bahawa khutbah adalah antara bentuk dakwah yang terbaik. Ini kerana semasa penyampaian khutbah, semua individu muslim akan berkumpul di masjid atau sebagainya, dan kesempatan ini akan digunakan oleh pendakwah untuk menyampaikan mesej dakwah terutamanya mengenai aspek-aspek semasa berkaitan umat Islam.¹⁴⁰ Menurut al-Ghazali, para khatib berpeluang menyampaikan dakwah Islamiah yang merupakan seruan untuk memberi peringatan kepada manusia supaya sentiasa bertakwa kepada Allah s.w.t.¹⁴¹ Umat Islam sentiasa perlu diberi bimbingan dan peringatan agar sentiasa menghayati serta mematuhi segala ajaran Islam.¹⁴² Khutbah menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud pidato (biasanya yang mengandungi ajaran atau nasihat keagamaan, syarahan.¹⁴³ Ia bukan sahaja memberi nasihat atau teguran, malah mengandungi perkara-perkara berkaitan isu semasa dan cara penyelesaiannya. Banyak hujah dan dalil daripada ayat al-Quran, hadis Nabi Muhammad s.a.w atau pun kisah para sahabat r.a disebut di dalam khutbah.¹⁴⁴

Menurut Noresah Baharom et al., tazkirah pula bermaksud ceramah ringkas tentang agama Islam sebagai peringatan.¹⁴⁵ Tazkirah biasanya disampaikan dalam bentuk yang tidak formal, jangka masa yang singkat, tidak tergantung pada masa dan tempat serta

¹⁴⁰ Abdul Karim Zaydan, *Usūl al-Da'wah*, cet. pertama (Baghdad: Dar al-Nazir, 1967), 458.

¹⁴¹ Muhammad Ibn Muhammad Ibn Ahmad al-Ghazali, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, juz ke-2 (Beirut: Dar al-Ma'arif, t.t.), 306.

¹⁴² A. Hasjmy, *Dustūr Dakwah Menurut al-Quran* (Jakarta: Bulan Bintang, 1974), 270.

¹⁴³ Kamus Dewan, ed. ke-4, 784, entri "khutbah",

¹⁴⁴ Abdul Karim Zaydan, *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1977), 267.

¹⁴⁵ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1620, entri "tazkirah".

disampaikan secara spontan tanpa menggunakan kitab sebagai rujukan. Ini sedikit berbeza daripada kuliah agama yang dijalankan berkaitan konsep ketuhanan, kebesaran ilmu dan keperibadian mulia di sisi tuhan.¹⁴⁶ Menurut Ghazali, kuliah disampaikan dengan lebih mendalam, meluas dan berkaitan sesuatu tajuk bicara.¹⁴⁷ Rukiah Kamaruddin pula menyatakan bahawa kuliah agama biasanya dijalankan di sekolah, masjid, surau atau di majlis perjumpaan tertentu. Ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Nabi s.a.w atau permasalahan agama akan dibangkitkan dalam kuliah ini dengan dihadiri oleh sasaran tertentu untuk mendalami agama.¹⁴⁸ Tambah Zaydan, pendakwah perlulah mahir dalam mentafsirkan ayat al-Quran dengan ayat al-Quran atau pun dengan hadis Nabi s.a.w dan pandangan para sahabat r.a agar kuliah agama menjadi lebih berkesan.¹⁴⁹ Pengisian dalam kuliah agama biasanya berkaitan ilmu agama yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah, seperti ilmu tafsir al-Quran, tajwid, hadis, fekah, sirah nabi, tasawwuf dan seumpamanya.¹⁵⁰ Setiap pengajaran yang diambil hendaklah bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang merupakan pegangan umat Islam.¹⁵¹

Selain itu, kuliah agama pula dikenali sebagai kelas pengajian agama, *majlis ta'lim* majlis ilmu, kelas *tafaqquh fi al-din* dan seumpamanya. Program pengajiannya adalah lebih rasmi berbanding tazkirah, pengisiannya berkaitan dengan ilmu-ilmu Islam dan disampaikan dalam bentuk kuliah pengajian, sama ada secara tertutup atau terbuka dengan

¹⁴⁶ Khaled Isa et al., "Peranan Kem Motivasi Pelajar Harapan PROPEMP Dalam Membantu Meningkatkan Kecemerlangan Akademik Pelajar FKE" (Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 4.

¹⁴⁷ Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1996), 32-33.

¹⁴⁸ Rukiah Kamaruddin, "Keberkesanan Program Dakwah Kepada Kakitangan Perodua Sungai Choh, Rawang, Selangor" (Disertasi Sarjana, Penerbit Universiti Malaya, 2005).

¹⁴⁹ Abdul Karim Zaydan, *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*, 270.

¹⁵⁰ Fakhru Adabi Abdul Kadir, "Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat", *Jurnal Usuluddin* 29, (Januari – Jun 2009), 190.

¹⁵¹ Jum'ah Amin, *Al-Da'wah Qawā'id wa Usūl*, cet. ke-2 (Iskandariah: Dar al-Da'wah, 1989), 30-31.

menggunakan kitab-kitab tertentu sebagai rujukan. Kuliah lazimnya diadakan secara berkala, sama ada secara mingguan atau bulanan di tempat-tempat yang sesuai dan mudah dihadiri oleh masyarakat, seperti masjid, surau, madrasah, sekolah dan institusi pendidikan. Kuliah agama dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengambil kira fahaman politik.

Sementara ceramah pula merupakan satu aktiviti yang membolehkan pengisian agama dapat diterapkan ke dalam hati, bergerak daripada satu fikiran kepada satu fikiran yang lain, dan berpindah dari satu generasi kepada satu generasi yang lain mengikut masa dan tempat. Inilah antara sebab utama Rasulullah s.a.w mengadakan ceramah pada setiap minggu dan hari perayaan.¹⁵² Kamus Dewan Edisi Ketiga menyebut bahawa ceramah sebagai syarahan, pidato atau ucapan seseorang kepada khalayak ramai dan membicarakan tentang sesuatu perkara.¹⁵³ Al-Alusi pula menjelaskan bahawa ceramah atau syarahan ialah ucapan-ucapan yang bernas yang boleh memberi kesedaran dan dapat menghindarkan manusia dari keburukan.¹⁵⁴ Rauf Syalabi menjelaskan bahawa peristiwa perhimpunan di Bukit Safa, Mekah, iaitu tempat Rasulullah s.a.w mula-mula menyeru kaum Quraisy kepada Islam telah membuktikan kepentingan ceramah dalam Islam. Baginda s.a.w secara terang-terangan berceramah kepada masyarakat Arab Jahiliyah pada waktu itu.¹⁵⁵

Sebagai kesimpulan, khutbah, tazkirah, kuliah, ceramah dan syarahan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan akhlak dan sahsiah masyarakat. Istilah-istilah di atas membawa maksud dan pengertian yang sama, iaitu untuk membentuk generasi muslim agar memahami Islam dengan fahaman yang sahih, menghayati ajarannya serta beramal dengan tuntutannya seiring dengan matlamat Pendidikan Islam."Abrashi

¹⁵² Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, 32.

¹⁵³ Kamus Dewan, ed. ke-3, 1333, entri "ceramah".

¹⁵⁴ Abu al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Baghdadi al-Alusi, *Rūh al-Ma'ānī fī al-Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm wa al-Sab'ā al-Mathānī* (Beirut: Dal-Fikr, 1978), 14: 254.

¹⁵⁵ Rauf Syalabi, *Sikulugiyah al-Ra'i al-Da'wah* (Kuwait: Dar al-Qalam, 1982), 320-340.

menyatakan tujuan utama Pendidikan Islam adalah untuk menghaluskan akhlak dan mendidik jiwa. Akhlak yang dimaksudkan ialah tingkah laku atau amalan manusia dalam kehidupannya sesuai dengan martabat kemanusiaannya, iaitu kedudukan mulia yang telah diberikan oleh Allah s.w.t kepadanya melebihi makhluk-makhluk yang lain.¹⁵⁶

(e) Alunan Zikir dan Doa

Zikir bertujuan untuk mengingati Allah s.w.t dengan menyebut kalimah seperti *Astaghfiru Allah, Allahu Akbar* dan seumpamanya, sama ada dengan lidah (zikir *jāli* atau *jahri*) mahupun dalam hati (zikir *sirrī* atau *khāfī*).¹⁵⁷ Al-Ghazali menegaskan bahawa perkataan zikir disebut secara berulang kali oleh Allah s.w.t dalam al-Quran,¹⁵⁸ antaranya ialah:

فَاذْكُرُونِي أَذْكَرْكُمْ وَأَشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Al-Baqarah 2: 152

Terjemahan: Karena itu, ingatlah kamu kepada-Ku, nescaya Aku pula akan ingat kepadamu, dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat-Ku).

Firman Allah s.w.t dalam al-Quran lagi:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾

Al-Ahzab 33: 41

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah, zikir yang sebanyak-banyaknya.

¹⁵⁶ Muhammad "Atiyyah al-‘Abrashi, *Al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Falsafatuhā* (Kaherah: Matba‘ah al-Halabi, 1976), 10.

¹⁵⁷ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1816, entri “zikir”.

¹⁵⁸ Al-Ghazali, *Bimbingan Mu‘min Pada Mencari Redha Rabbil ‘Ālamīn*, terj. Syed Ahmad Semait, cet. ke-11 (Singapura: Pustaka Nasional Pld. Ltd., 1999), 172-173.

Menurut Ibn Abbas, setiap muslim hendaklah berzikir kepada Allah s.w.t sama ada pada waktu siang atau malan, di daratan atau di lautan, ketika bermusafir atau ketika bermukim, pada waktu kaya atau miskin, ketika ditimpa musibah atau dalam keadaan sejahtera, dan dengan suara yang tinggi yang boleh didengari oleh orang ramai atau dengan suara yang perlahan (dalam hati). Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Ali Imran 3: 191

Terjemahan: (Iaitu) orang-orang yang mengingat Allah s.w.t dalam keadaan berdiri, duduk dan dalam keadaan berbaring serta mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab seksaan api neraka.

Firman Allah s.,w.t dalam surah al-Ra‘du:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Al-Ra‘du 13: 28

Terjemahan: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah s.w.t. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah Taala sahajalah hati akan menjadi tenteram.

Al-Ghazali telah menyusun pelbagai zikir harian yang amat ringan dan mudah serta boleh dilakukan secara berterusan dengan hati yang hadir,¹⁵⁹ seperti zikir harian untuk seminggu bermula hari Ahad hingga Sabtu, iaitu ذُبِقْ ۞ ذُه لاقح إلهل لب ذبِق ۞ ب اللسجذب اللئاع طسجذب الله ثذد أسرفر اللئاعظ ۞ عجدك رسل ل الأ ۞ عي لى صخ ۞ سري ۞ dan لاى إلا الله .

¹⁵⁹ Al-Ghazali, *Bimbingan Mu'min Pada Mencari Redha Rabbil ʿĀlamīn*, 176-177.

Ringkasnya, alunan zikir dan doa harian amat sesuai diamalkan oleh para pelajar. Zikir adalah sebahagian daripada ibadah rutin yang dilakukan oleh para pelajar di asrama dan diamalkan dalam program-program kerohanian. Baginda s.a.w sendiri merupakan seorang manusia yang mempunyai kekuatan peribadi yang sangat hebat disebabkan kuatnya hubungan dengan Allah s.w.t.¹⁶⁰ Waktu-waktu terluang seperti sebelum subuh, waktu dhuha, sebelum maghrib dan sebagainya boleh dipenuhi dengan alunan zikir yang boleh mendekatkan diri kepada Allah s.w.t, seperti zikir munajat, wirid *al-Ma'thūrāt, asmā' al-ḥusnā*, tasbih, tahmid, tahlil, takbir, solawat, istighfar dan taubat. Aktiviti seumpama ini boleh melembutkan hati yang keras dan mudah untuk menerima nasihat, seterusnya dapat membangunkan sahsiah diri.

(f) Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam

Kamus Dewan Edisi Keempat menghuraikan “hari besar” sebagai hari yang dirayakan kerana memperingati sesuatu peristiwa penting.¹⁶¹ Oleh itu, hari kebesaran Islam membawa maksud hari yang dirayakan kerana memperingati peristiwa-peristiwa penting yang pernah berlaku dalam sejarah Islam berdasarkan takwim hijrah, seperti *Ma'āl Hijrah* (Awal Muharram), *Maulid al-Rasūl* s.a.w, Israk dan Mikraj, *Niṣfu al-Sya'bān*, *Ihyā' Ramaḍān*, *Nuzūl al-Qur'ān*, *Badar al-Kubrā*, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

Hari kebesaran Islam disambut oleh seluruh masyarakat Islam, sama ada di Malaysia dan juga di seluruh dunia. Sambutan hari kebesaran ini dilakukan dengan pelbagai cara mengikut tempat, tradisi dan kaedah sambutan. Di Malaysia, sambutan ini dilakukan oleh pelbagai pihak, seperti pihak kerajaan, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Institusi-institusi dakwah, masjid-masjid, persatuan-

¹⁶⁰ Muhammad Jamil Zainu, *Mengenal Peribadi Rasulullah* (Johor Bahru: Jahabersa, 2003), 30.

¹⁶¹ Kamus Dewan, ed. ke-4, 515, entri “hari”.

persatuan dan pertubuhan-pertubuhan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, kolej, sekolah, individu dan masyarakat. Sambutan hari kebesaran ini adalah selaras dengan Perlembagaan Malaysia yang telah meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara dalam Perkara 3 Fasal (1) dan memberi kebenaran dan hak menubuhkan organisasi dakwah dalam Perkara 12 Fasal (2) secara langsung memberi pengiktirafan untuk melaksanakan pelbagai bentuk aktiviti dan program yang berunsurkan dakwah Islamiah.¹⁶²

Antara hari-hari kebesaran Islam yang disambut ialah *Ma'al Hijrah*. *Ma'al Hijrah* atau Awal Muharram adalah antara peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam. Peristiwa ini disambut pada setiap tahun apabila tiba bulan Muharam dengan pelbagai program bagi mengingati semula peristiwa agung ini di samping mengambil pengajaran daripadanya. *Maulid al-Rasul* pula disambut dengan mengadakan perarakan, ceramah dan pelbagai lagi pengisian yang berkaitan dengan peribadi Rasulullah s.a.w. Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا



Al-Ahzab 33: 21

Terjemahan: Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu adalah menjadi contoh tauladan yang baik bagi orang-orang yang mengharapkan akan bertemu dengan Allah Taala pada hari Akhirat, dan berzikir kepada Allah dengan sebanyak-banyaknya.

Sementara Israk dan Mikraj pula disambut pada bulan Rejab pada setiap tahun dengan pelbagai program yang bertujuan untuk memperingati dan mengambil pengajaran daripadanya. Israk bererti perjalanan Nabi Muhammad s.a.w pada suatu malam dari Masjid al-Haram di Mekah ke Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis, Palestin. Manakala Mikraj pula

¹⁶² Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*, cet. pertama (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 243.

bermaksud perjalanan baginda s.a.w ke langit sehingga sampai ke *Sidratul Muntahā*. Dalam peristiwa ini, baginda s.a.w menerima perintah agar menunaikan ibadat solat fardu lima waktu sehari semalam. Sambutan ini diadakan bertujuan untuk menyedarkan umat Islam akan kewajipan solat fardu, dan gambaran-gambaran baik dan buruk yang bakal diterima oleh manusia di akhirat nanti. Peristiwa ini dirakamkan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي
بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١٧﴾

Al-Ahzab 17: 1

Terjemahan: Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang telah Kami berkati di sekelilingnya, agar kami dapat memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Nisfu al-Sya'ban pula disambut pada pertengahan bulan Sya'ban. Sambutannya adalah lebih kepada persediaan mental, fizikal dan rohani setiap umat Islam sebelum menyambut ibadah puasa pada bulan Ramadan. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan sebuah hadis daripada Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

“Telah datang Jibril a.s pada malam Nisfu al-Sya'ban dan berkata: “Ya Muhammad, pada malam ini pintu-pintu langit dan rahmat dibuka, maka berdirilah dan kerjakanlah sembahyang dan angkatlah kepalamu dan kedua tanganmu ke langit”.

Seterusnya Jibril a.s berkata lagi:

“Pada malam ini juga telah dibuka tiga ratus pintu rahmat, maka Allah Taala mengampuni orang-orang yang tidak menyekutukannya kecuali ahli sihir, bomoh hitam, pemakan riba, orang-orang yang suka membuat permusuhan, peminum arak, orang yang berzina, pemakan riba, orang yang derhaka pada orang pada orang tua, orang yang suka mengadu domba dan orang yang memutuskan tali persaudaraan. Maka sesungguhnya mereka itu tidak akan diampuni kesalahannya sehingga mereka mahu bertaubat dan tidak akan mengulangi lagi perbuatannya itu.”

Sementara sambutan *Ihyā' Ramaḍān al-Mubārak* pula dilakukan sepanjang bulan Ramadan. Ramadan ialah penghulu bagi segala bulan yang merupakan bulan yang diberkati, bulan ibadat, bulan kebajikan dan ihsan, bulan keampunan dan keredaan-Nya. Kewajipan berpuasa sepanjang bulan Ramadan akan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada-Nya sebagaimana dinyatakan oleh Allah s.w.t menerusi firman-Nya:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَتَّقُونَ

Al-Baqarah 2: 183

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu menjalani ibadah puasa sebagaimana yang telah diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.

Selain daripada berpuasa, umat Islam juga diperintahkan supaya mendirikan ibadah solat terawih; mengadakan majlis berbuka puasa; beriktikaf di masjid; bersedekah kepada orang yang memerlukan; memperbanyakkan membaca, tadarus dan tadabbur al-Quran; menunaikan solat-solat sunat dan lain-lain lagi.

Sementara itu, *Nuzūl al-Qurʿān* pula disambut pada 17 Ramadan setiap tahun dengan tujuan untuk mengamalkan al-Quran dan menghayati isi kandungannya, di samping mengetahui proses penurunannya daripada Allah s.w.t sehinggalah kepada umat manusia. Penurunan al-quran juga adalah sebagai mukjizat untuk membuktikan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w dan diturunkan secara beransur-ansur dalam tempoh 23 tahun. Al-Quran yang diturunkan ini mengandungi pelbagai hikmat, petunjuk, hukum-hakam, pendidikan, penjelasan, peristiwa dan ikutan untuk amalan dan bacaan umat manusia, khususnya umat Islam. Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ...

Al-Baqarah 2: 185

Terjemahan: Bulan Ramadan ialah bulan yang di dalamnya diturunkan kitab al-Quran yang menjadi petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu serta pembeda (antara yang hak dan yang batil)....

Manakala sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha pula diraikan oleh seluruh umat Islam dan merupakan dua hari kebesaran bagi umat Islam. Aidilfitri disambut pada 1 Syawal setiap tahun selepas umat Islam menjalani ibadah puasa selama sebulan sebagai tanda kemenangan melawan hawa nafsu dan kejayaan membentuk peribadi mulia melalui ibadah puasa. Aidiladha pula disambut oleh umat Islam pada 10 Zulhijjah setiap tahun. Aidiladha dinamakan sebagai Hari Raya Haji kerana umat Islam menunaikan ibadah Haji dengan menjadi tetamu Allah s.w.t di tanah suci Mekah al-Mukarramah. Sejak dari sembilan Zulhijjah mereka telah berhimpun atau wukuf di padang Arafah dengan pakaian yang sama yang melambangkan persamaan, tiada jurang perbezaan di antara golongan kaya dan miskin, tinggi dan rendah darjat, semuanya sama di sisi Allah s.w.t melainkan orang yang bertakwa. Dalam masyarakat Melayu, hari raya ini dikenali dengan dua nama, iaitu Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban.

Kesimpulannya, sambutan hari kebesaran Islam adalah sebahagian daripada ibadat dan menjadi syiar Islam kepada umat manusia. Sambutan hari-hari kebesaran tersebut yang penuh dengan peraturan, adab dan hukum-hakam secara langsung akan melatih dan membentuk tingkah laku seseorang individu menjadi lebih bersahsiah dan berakhlak dengan akhlak yang mulia.

2.6.2 Program Dakwah dan Tarbiyah

Pengkaji telah memperincikan program dakwah dan tarbiyah kepada program usrah; tamrin; pembudayaan *bi'āh sālīhah* dan *iqlīm dīmī*, dan penerbitan buletin dakwah.

(a) Usrah

Usrah ialah salah satu daripada aktiviti pembangunan dan pembentukan modal insan. Melalui usrah, keperibadian dan sahsiah seseorang individu akan dapat dibentuk berdasarkan sifat-sifat yang dikehendaki berdasarkan al-Qurān dan al-Sunnah.¹⁶³ Ahmad Syalabi menjelaskan bahawa usrah dipimpin oleh seorang *naqīb* atau *naqībāh* (ketua) yang mengajak ahlinya ke arah kebaikan dan diperkukuhkan dengan ikatan *ukhuwwah Islāmiyyah* dalam kalangan mereka. Ikatan persaudaraan ini sebagai mencontohi akhlak Rasulullah s.a.w yang telah mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar sewaktu pertama kali sampai di kota Madinah.¹⁶⁴ Sementara Idris Ahmad (2005) mendefinisikan usrah sebagai kumpulan individu Islam yang beriman kepada Allah s.w.t dan berusaha untuk saling tolong-menolong antara satu sama lain untuk memahami dan menghayati Islam.¹⁶⁵ Tambah Sulaiman Ibrahim lagi, usrah sebagai sekumpulan orang yang beriman dengan agama Islam yang saling bantu-membantu di antara mereka untuk memahami agama dan beramal dengannya.¹⁶⁶

Dari aspek tarbiyah pula, usrah dikenali sebagai satu perjumpaan khusus yang diadakan secara tertutup dan dihadiri oleh ahli dalam bilangan yang terhad. Setiap usrah

¹⁶³ Kertas Kerja Konsep Tarbiyah dan Pelaksanaannya Dalam Gerakan Islam: Satu pengenalan Ringkas, Jemaah Islah Malaysia (JIM), t.tp, t.t.

¹⁶⁴ Ahmad Shalabi, *Al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah Nuzūmuhā wa Falasifatuhā* (Mesir: Maktabah al-Nahḍah al-Misriyyah, 1978), 85.

¹⁶⁵ Idris Ahmad, *Panduan Usrah* (Kuala Lumpur: Sarjana Media, 2005), 1.

¹⁶⁶ Sulaiman Ibrahim, *Tarbiyah Da'awiah Untuk Golongan Remaja: Suatu Tinjauan Terhadap Manhaj al-Ikhwān al-Muslimīn dalam Dakwah dan Perubahan Sosial* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2000), 75.

mempunyai silibus yang tertentu di setiap peringkat. Dalam konteks gerakan Islam, usrah membawa maksud satu unit keluarga yang diikat oleh kesatuan aqīdah, kesatuan pemikiran, kesatuan kesedaran tentang persamaan sejarah dan kesatuan cita-cita perjuangan untuk bekerjasama dalam memperkukuhkan jamaah Islam bagi membolehkan gerak kerja “*amal jamā’ī*” dan “*amal Islāmī*” serta dilaksanakan secara tersusun sehingga tertegaknya *daulah* dan *khilāfah Islāmiyah*.¹⁶⁷ „Ali Abdul Halim Mahmud menyatakan bahawa usrah diibaratkan seperti sebuah keluarga. Usrah merupakan kumpulan yang terikat oleh kepentingan yang sama, iaitu bekerja, mendidik dan mempersiapkan kekuatan untuk Islam. Usrah menjadikan ahlinya lebih kuat kerana sentiasa bersama-sama dengan ahli yang lain.¹⁶⁸

Namun dalam konteks pendidikan, usrah lebih memfokuskan kepada kemenjadian pelajar dalam semua aspek menerusi pengisian-pengisian yang telah disediakan dan dilaksanakan oleh BADAR sekolah. Bakat, kemahiran, minat dan cita-cita pelajar akan dicungkil dan dibangunkan oleh para pendidik dan naqib yang bertindak sebagai fasilitator atau pemudahcara sehingga seseorang pelajar tersebut berpotensi untuk menyertai pelbagai program, aktiviti, pertandingan dan kejohanan di dalam mahupun di luar sekolah.

(b) *Tamrīn*

Tamrīn dalam bahasa Arab bermakna latihan. Ia juga membawa maksud melatih atau membiasakan.¹⁶⁹ Terdapat pelbagai jenis tamrin mengikut jenis organisasi, pertubuhan dan

¹⁶⁷ Ya‘qub Muhammad Hussin, *Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah*, cet. pertama (Kedah: Dewan Pustaka Fajar dan Dewan Ulama PAS Negeri Kedah, 2001), 10; Hussain Unang, *Kamus al-Ṭullab Arab-Melayu*, cet. pertama (Kuala Lumpur: Dar al-Fikir, 1994), 81; Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat, *Manhaj Usrah PAS Peringkat Ta‘rīf 1*, cet. pertama (Kuala Lumpur: Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat, 2006).

¹⁶⁸ „Ali Abdul Halim Mahmud, *Wasā’il al-Tarbiyyah „Inda Ikhwān al-Muslimīn (Dirāsah Tahlīiyah Tārīkhiyyah)* (Al-Mansurah, Mesir: Dar al-Wafa‘ li al-Tiba‘ah wa al-Nasr wa al-Tauzi‘, 1990), 114.

¹⁶⁹ Hussain Unang, *Kamus al-Ṭullab Arab-Melayu*, 918.

kumpulan. Dalam gerakan Islam seperti PAS contohnya, *tamrīn* dikenali juga sebagai *tamrīn tarbawī* yang bertujuan untuk mentarbiyah dan membimbing ahli usrah dalam menghuraikan sesuatu tajuk yang sesuai di setiap peringkat. *Tamrīn tarbawī* dalam manhaj tarbiyah PAS ini melibatkan ahli pada setiap peringkat. Ia diadakan untuk menghuraikan pengisian usrah menerusi kuliah dasar, latihan amali dan modul yang bersesuaian¹⁷⁰ secara bulanan atau setiap tiga bulan sekali mengikut tujuan dan matlamat sesuatu *tamrīn* itu diadakan, seperti *tamrīn* kefahaman Islam dan *tamrīn* pembentukan fikrah.¹⁷¹ *Tamrīn tarbawī* terbahagi kepada empat jenis, iaitu *tamrīn harakī*, *tamrīn siyāsī*, *tamrīn thaqāfī* dan *tamrīn riyādī*.¹⁷²

Dalam konteks pembangunan sahsiah pelajar, program *tamrīn* biasanya dijalankan oleh BADAR yang memainkan peranan penting dalam menggalakkan penglibatan pelajar ke dalam program usrah. Ahli usrah akan mengikut program *tamrīn* mengikut marhalah yang telah ditetapkan, seperti *tamrīn nuqabā'* dan rohani. *Tamrīn nuqabā'* diadakan dengan tujuan untuk melatih para naqib dalam memimpin dan membimbing sesebuah kumpulan usrah. Manakala *tamrīn* rohani pula diadakan secara umum untuk pelajar atau secara khusus untuk pelajar-pelajar baru.

Berdasarkan huraian di atas, maka jelaslah bahawa pembangunan sahsiah melalui program *tamrīn* adalah berbeza-beza mengikut matlamat sesuatu *tamrīn* itu diadakan dan dilaksanakan oleh BADAR di sekolah.

¹⁷⁰ Kertas Kerja Manhaj Tamrin Kampus, t.tp, t.t., 1.

¹⁷¹ Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Perak, *Manual Tarbiyah Ahli-Ahli PAS Perak (MATAR)* (Ipoh: Badan Perhubungan PAS Negeri Perak, 2008).

¹⁷² Dewan Ulama PAS Pusat, *25 Tahun Kepimpinan Ulama*, cet. pertama (Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd, 2009), 122.

(c) **Pembudayaan *Bī'ah Sāleḥah* dan *Iqlīm Dīmī***

Bī'ah sāleḥah atau *iqlīm dīmī* membawa maksud suasana keagamaan yang berlaku di sesebuah tempat atau komuniti. Ia merujuk kepada amalan dan kebiasaan seseorang atau masyarakat setempat yang mengamal dan mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian, terutamanya dalam menghayati akhlak yang mulia, dengan suasana fizikal yang bersih, ceria dan menyenangkan. Di sekolah, *iqlīm dīmī* merupakan manifestasi amalan dan penghayatan Islam oleh warga sekolah yang terdiri daripada para guru, pelajar, kakitangan dan seluruh warga sekolah.

Bagi mewujudkan suasana ini, pihak pentadbir sekolah perlulah merancang, mengatur dan melaksanakan aktiviti-aktiviti rutin berbentuk Islamik di sekolah dalam kalangan guru, pelajar, kakitangan dan seluruh warga sekolah. Berbeza dengan program-program utama seperti program masjid dan sambutan hari kebesaran Islam yang melibatkan guru dan pelajar secara berkala, aktiviti yang mencorakkan suasana ini dilakukan secara rutin dan berterusan oleh semua pihak, seperti membudayakan salam, bertegur sapa, bertanya khabar, menjaga kebersihan, solat berjamaah, hormat-menghormati, tolong-menolong, *amar ma'rūf nahi munkar*, menutup aurat, pergaulan yang baik, mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat, menjaga adab sopan, menceriakan kawasan sekolah, meletakkan papan tanda berbentuk nasihat dan sebagainya. Iklim ini dapat dibentuk di sekolah sekiranya mendapat kerjasama yang baik daripada seluruh warga sekolah, terutamanya mereka yang beragama Islam.

Ringkasnya, *bī'ah sāleḥah* atau *iqlīm dīmī* dapat membantu meningkatkan motivasi dan personaliti diri dalam kalangan pelajar. Sahsiah pelajar akan terjaga dan akhlak mereka bertambah unggul kerana berada dalam lingkungan pelajar-pelajar yang berakhlak dan warga sekolah yang baik.

(d) Penerbitan Buletin Dakwah

Buletin bererti surat khabar atau risalah (yang dikeluarkan dari masa ke semasa) oleh sesuatu pertubuhan dan sebagainya.¹⁷³ Selain daripada buletin, terdapat beberapa istilah lain yang membawa maksud yang hampir sama, iaitu risalah. Risalah menurut Kamus Dewan Edisi Keempat membawa maksud surat edaran (siaran), atau karangan (rencana) ringkas mengenai sesuatu perkara, atau menyebarkan (menyampaikan) seruan agama (rasul-rasul).¹⁷⁴

Buletin dari perspektif pembangunan sahsiah ialah buletin ilmiah yang diterbitkan secara berkala, sama ada secara mingguan, bulanan, dwibulanan atau dwitahunan. Dalam buletin tersebut dimuatkan artikel-artikel, rencana, karangan atau pengisian-pengisian ilmiah yang menjadi bahan bacaan yang relevan dan berinformasi, khususnya kepada ahli. Bahan-bahan yang dimuatkan dalam buletin atau risalah adalah berkaitan aspek pembangunan, pembinaan dan pembentukan modal insan, jati diri, penampilan diri, sikap dan emosi, sahsiah, akhlak, moral, tingkah laku, kemenjadian pelajar, kecemerlangan akademik, etika dan disiplin, bimbingan dan kaunseling, *bi'ah sālēhah* dan nilai-nilai murni, di samping turut menyentuh tentang ibadat harian, pergaulan (antara lelaki atau perempuan), etika pemakaian secara Islam, batas-batas sosial dan lain-lain lagi.

Penerbitan buletin ilmiah dan bermaklumat ini merupakan salah satu metode dakwah menerusi penulisan. Metode dakwah melalui kaedah ini menumpukan usaha menyampaikan mesej Islam melalui tulisan atau karya. Karya-karya dakwah yang dihasilkan boleh disebarkan kepada masyarakat, khususnya warga pelajar bagi memberikan galakan kepada mereka. Ini secara tidak langsung dapat memberikan peluang kepada pelajar yang berbakat untuk berkarya dan pihak sekolah sewajarnya menghargai hasil penulisan mereka dengan menganjurkan pertandingan atau sayembara penulisan. Selain

¹⁷³ Kamus Dewan, ed. ke-4, 218, entri “buletin”.

¹⁷⁴ *Ibid.*, 1335, entri “risalah”.

daripada penulisan secara ilmiah, penulisan dakwah secara kreatif juga boleh dilakukan hasil cetusan pengalaman, rekaan atau khayalan pelajar itu sendiri, sama ada dalam bentuk antologi puisi, pantun, sajak, syair, cerpen, novel dan lain-lain.¹⁷⁵ Rasulullah s.a.w sendiri pernah mengutuskan surat kepada Kisra di Iraq, Herculus di Syam dan Muqauqis di Mesir. Al-Auza'ī juga pernah mengutuskan surat kepada pemerintah Abbasiyyah di Syam yang menyentuh tentang masalah penduduk *zimmī* dan kewajipan pemerintah. Zaydan menyatakan bahawa sesuatu penulisan dakwah itu akan menjadi lebih bermanfaat sekiranya bahan-bahan ini diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, khususnya bahasa *mad'ū* yang akan diajak kepada Islam.¹⁷⁶

Ringkasnya, penerbitan buletin ilmiah merupakan sebahagian daripada program pembangunan sahsiah yang bertujuan untuk melahirkan insan yang berpengetahuan, berpendidikan, bermaklumat, berkemahiran, berinformasi, terlatih, kreatif dan inovatif, di samping memiliki ciri-ciri sahsiah yang unggul, berakhlak, beretika, bermoral, memiliki jati diri, mempunyai nilai-nilai murni, bersifat kerohanian dan beragama.

2.6.3 Program Motivasi dan Bimbingan

Pengkaji telah menghuraikan program motivasi dan bimbingan kepada empat program kecil, iaitu program motivasi; minggu orientasi atau transisi pelajar; kursus dan seminar; dan inovasi, pameran dan forum.

¹⁷⁵ Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*, 103.

¹⁷⁶ Abdul Karim Zaydan, *Usūl al-Da'wah: Islam dan Dakwah*, terj. Solehan Ayub (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2002), 537.

(a) Program Motivasi

Motivasi ialah proses psikologi atau kognitif yang bersifat subjektif yang paling asas. Daripada proses kognitif yang aktif dan positif akan diikuti dengan pelbagai aspek yang lain seperti kebolehan, potensi, semangat dan kesungguhan.¹⁷⁷ Menurut Steers dan Porter, motivasi berasal dari perkataan Inggeris iaitu “*motivation*” yang diambil daripada perkataan Latin “*movere*” bermaksud menggerakkan. Ia merupakan satu dorongan untuk membangkitkan, menguatkan dan mengarah kelakuan seseorang.¹⁷⁸ Jerald Greenberg dan Robert A. Baron berkata motivasi adalah satu proses yang menghasilkan, mengarah dan mengekalkan tingkah laku individu bagi mencapai sesuatu matlamat.¹⁷⁹

Motivasi akan hadir apabila kognitifnya berfungsi dengan baik dan sihat, berkeupayaan untuk memikirkan sesuatu perkara, berkeyakinan menjalankan tugas, berdaya untuk membuat keputusan dan mampu untuk bekerja secara ikhlas tanpa paksaan. Setiap individu perlu merangsang dirinya agar sentiasa mempunyai motivasi yang tinggi untuk berjaya dalam melakukan apa sahaja pekerjaan demi mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat sebagaimana difirmankan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran:

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِ آتَنَّاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا
أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Al-Qasas 28: 77

Terjemahan: Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan oleh Allah Taala kepadamu (kebahagiaan) di negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) dunia, dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah yang telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.

¹⁷⁷ Ahmad Shukri Mohd Nain, *Tingkah Laku Organisasi, Pengenalan Tingkah Laku Individu* (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002), 226.

¹⁷⁸ Jaafar Muhamad, *Kelakuan Organisasi*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Leeds Publications, 2000), 119.

¹⁷⁹ Ahmad Shukri Mohd Nain, *Tingkah Laku Organisasi, Pengenalan Tingkah Laku Individu*, 227.

Tengku Sarina Aini dan Fadillah Mansor menjelaskan bahawa terdapat beberapa langkah yang boleh diamalkan untuk merangsang motivasi dalam diri, sama ada motivasi intrinsik (wujud secara semulajadi dalam diri seseorang, di mana individu itu sendiri yang melahirkan kesungguhan tanpa mengharapkan sebarang ganjaran) mahupun motivasi ekstrinsik (berkait dengan faktor luaran dan dirangsang dengan memberikan pujian, insentif, hadiah, keuntungan, pengiktirafan dan lain-lain).¹⁸⁰ Antaranya ialah membantu menjadikan sesuatu perkara itu seronok, menulis matlamat dan objektif sesuatu program pembangunan sahsiah itu dengan jelas, membetulkan matlamat diri, menyucikan jiwa, membina kehendak diri yang tinggi, memantapkan keyakinan diri, menyokong segala usaha positif yang cuba dilakukan oleh individu, menyediakan maklumat perkembangan sebagai maklum balas, mengiktiraf segala kemajuan dan pencapaian individu, menyakini pertolongan Allah s.w.t, meneruskan usaha walaupun menghadapi kesukaran dan kegagalan, menetapkan diri agar sentiasa berada dalam persekitaran bermotivasi, meletakkan diri agar sentiasa bergaul dengan orang yang bermotivasi, mewujudkan suasana persaingan yang sihat dan memberi ganjaran untuk diri sendiri.

Berdasarkan teori hierarki Maslow pada Rajah 2.2, setiap individu perlu memenuhi segala keperluan asas untuk mencapai kesejahteraan dalam hidup. Lima keperluan ini harus dipenuhi oleh individu untuk mengelak diri daripada mengalami perasaan kekurangan berbanding individu lain. Lima asas tersebut disusun dalam bentuk hierarki yang bermula daripada aspek fisiologi, keselamatan, sosial, nilai diri dan pencapaian hasrat diri. Setiap individu hanya mempunyai satu keperluan hidup dalam satu masa yang tertentu. Setelah satu-satu keperluan tersebut berjaya dipenuhi, keperluan tersebut tidak dapat lagi memberikan semangat dan dorongan kepada seseorang individu untuk belajar atau bekerja

¹⁸⁰ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fadillah Mansor, "Keperluan Motivasi Dalam Pengurusan Kerja Berkualiti dan Perspektif Pemikiran Islam", *Jurnal Usuluddin* 25 (Januari – Jun 2007), 118, 121-124.

dengan lebih gigih.¹⁸¹ Berbeza dengan Suppiah et al. (2008) yang menyatakan terdapat dua tahap keperluan. Empat tahap pertama dalam hierarkinya, iaitu keperluan kekurangan perlu dipenuhi sebelum bergerak ke tiga tahap yang seterusnya, iaitu keperluan pertumbuhan.¹⁸²



Rajah 2.2: Hierarki Keperluan Maslow

Ringkasnya, pembangunan sahsiah pelajar adalah berkait rapat dengan motivasi diri dan usaha-usaha yang dijalankan di sekolah. Oleh yang demikian, pihak sekolah adalah wajar melaksanakan program pembangunan sahsiah menerusi program bimbingan, kaunseling dan motivasi. Motivasi dianggap penggerak utama dalam menstruktur tingkah laku, pemikiran, emosi, hala tuju dan minat pelajar untuk mencapai sesuatu matlamat pembentukan sahsiah dan tingkah laku pelajar.

(b) Minggu Orientasi atau Transisi Pelajar

Minggu orientasi atau transisi pelajar adalah salah satu daripada siri motivasi dan bimbingan di bawah program pembangunan sahsiah. Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan suasana baru, khususnya bagi pelajar-pelajar yang baru

¹⁸¹ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fadillah Mansor, "Keperluan Motivasi Dalam Pengurusan Kerja Berkualiti dan Perspektif Pemikiran Islam", 113.

¹⁸² Suppiah Nachiappan et al., *Psikologi Pendidikan* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2008), 243.

memulakan alam persekolahan di sesebuah sekolah. Ia juga bertujuan untuk membantu pelajar menghadapi perubahan dan tekanan daripada kehidupan harian kepada kehidupan berasrama tanpa keluarga.

Program ini membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, umur, kaum, budaya, fizikal, minat, pengetahuan, kebolehan dan kemahiran untuk terus belajar dalam satu komuniti sekolah. Slot-slot dalam minggu orientasi dan transisi boleh membentuk pelajar agar mampu berdikari, berkemahiran berfikir, kreatif, boleh bekerja dalam kumpulan, bersaing, saling bantu membantu dan lain-lain lagi.

(c) Kursus dan Seminar

Kursus, bengkel, seminar dan persidangan membawa pengertian yang hampir sama. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, kursus bermaksud pelajaran mengenai sesuatu perkara (kepandaian, pengetahuan dan sebagainya) yang diberikan dalam jangka masa yang singkat. Bengkel pula bererti mesyuarat (perbincangan dan sebagainya) secara berkelompok untuk mengkaji sesuatu atau bertukar-tukar pendapat (idea dan sebagainya) tentang sesuatu. Sementara seminar pula memberi maksud perjumpaan untuk berbincang atau bertukar-tukar pendapat tentang perkara-perkara tertentu. Manakala persidangan ialah perjumpaan (untuk membincangkan sesuatu), mesyuarat, rapat.¹⁸³

Ghazali Darussalam menyatakan bahawa pelaksanaan program pembangunan sahsiah menerusi kursus adalah lebih berkesan dan bermanfaat kerana ia dikehendaki melalui satu jangka masa yang panjang. Pengisian kursus yang banyak dengan slot ceramah, syarahan, latihan dan lakonan memberikan peluang kepada peserta untuk

¹⁸³ Kamus Dewan, ed. ke-4, 857, 162, 1440, 1488, entri “kursus”, “bengkel”, “seminar” dan “persidangan”. Kamus Dewan, ed. ke-3, 1233, entri “seminar”.

meneroka dan mencari kefahaman.¹⁸⁴ Terdapat juga pengisian lain seperti *public-speaking*, *team-building* dan komunikasi efektif dalam kursus. Elaine Higgleton et al. (2004) pula menyatakan kursus sebagai *a series of lessons and study assignments on a particular subject*.¹⁸⁵ Antara kursus yang biasa diadakan dalam konteks pembangunan pelajar ialah kursus kepimpinan dan pengurusan, kursus kepimpinan pengawas, kursus pengurusan kelab dan persatuan, kursus dimensi etika dan moral, dan sebagainya.

Bengkel pula biasanya diisi dengan slot ceramah, forum, perbincangan dalam kumpulan dan sesi pembentangan. Bengkel diadakan bertujuan untuk memberi penerangan, pendedahan dan berkongsi maklumat tentang sesuatu maklumat, ilmu atau kemahiran sesama ahli, seperti bengkel kemahiran sosial, bengkel bijak al-Quran, bengkel tarannum al-Quran, bengkel kepimpinan pelajar, bengkel kepimpinan dan pengurusan organisasi, bengkel teknik menjawab PT3 Bahasa Arab, dan seumpamanya.

Seminar pula merujuk kepada seorang atau lebih yang bercakap tentang sesuatu tajuk dalam satu perkumpulan besar manusia. Pemilihan orang yang bercakap berdasarkan kriteria-kriteria tertentu seperti golongan profesional atau pakar dalam sesuatu perkara bersesuaian dengan tajuk yang diberikan.¹⁸⁶ Seminar yang diadakan akan memberi peluang kepada masyarakat umum untuk mendapatkan penjelasan yang sewajarnya mengenai sesuatu isu. Contohnya seperti seminar pendidikan Islam, seminar pendidikan Melayu antarabangsa, seminar pendidikan fatwa, seminar pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, seminar kaedah pengajaran dan tahfiz al-Quran, seminar pengajaran dan pembelajaran berkesan, seminar pemantapan dakwah, seminar sahsiah diri remaja, seminar

¹⁸⁴ Ghazali Darusalam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, 38.

¹⁸⁵ Elaine Higgleton et al., *Advanced English Dictionary, English-Bahasa Malaysia Edition* (Singapura: Federal Publications Sdn. Bhd, 2004), 250.

¹⁸⁶ Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini: Sikap dan Pendekatan* (Kuala Lumpur: YADIM, 1996), 161.

diri dan sahsiah, seminar pembangunan sahsiah dan karnival sukan pelajar dan lain-lain lagi.

Sementara persidangan pula adalah mirip kepada seminar, tetapi dijalankan lebih daripada satu hari dan perjumpaan diadakan sebanyak beberapa kali. Teuku Iskandar menyatakan bahawa persidangan ialah sebarang perjumpaan untuk membincangkan sesuatu.¹⁸⁷ Pembentang seminar atau persidangan mestilah terdiri daripada pakar rujuk seperti ahli fiqh, pakar perubatan, tokoh dakwah, pengamal media, pengamal undang-undang dan lain-lain. Walau bagaimanapun, dakwah yang dijalankan mestilah melalui cara atau keadah yang sesuai agar sasaran boleh menerima konsep yang dibawa oleh pendakwah.¹⁸⁸ Antara ialah seperti persidangan kelestarian insan, persidangan pendidikan (penyelidikan dan inovasi) dalam pendidikan, persidangan pendidikan awal kanak-kanak, persidangan pembangunan pelajar, persidangan inovasi pendidikan Islam, persidangan tamadun Melayu, dan persidangan bahasa dan jati diri.

Berdasarkan penjelasan tersebut, maka dapatlah disimpulkan bahawa kursus, bengkel, seminar dan persidangan adalah sebahagian daripada program pembangunan sahsiah yang sesuai dilaksanakan dalam kalangan pelajar, di mana matlamat pelaksanaannya adalah untuk mendedahkan sesuatu maklumat secara mendalam.

(d) Inovasi, Pameran dan Forum

Antara program motivasi dan bimbingan yang boleh membangunkan sahsiah pelajar ialah inovasi, pameran dan forum. Menurut kamus Dewan Edisi Keempat, inovasi didefinisikan sebagai sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat, dan lain-lain yang baru; perihal (tindakan dan sebagainya) mengadakan, memulakan, dan sebagainya sesuatu

¹⁸⁷ Kamus Dewan, ed. ke-3, 1276, entri “persidangan”.

¹⁸⁸ Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini*, 161.

yang baru.¹⁸⁹ Pameran pula bermaksud pertunjukan (hasil seni, buku dan lain-lain).¹⁹⁰ Manakala forum membawa maksud perjumpaan untuk perbincangan terbuka tentang perkara yang menjadi kepentingan awam; perantaraan untuk perbincangan terbuka; tempat perjumpaan umum untuk perbincangan terbuka.¹⁹¹

Inovasi akan melatih pelajar untuk berfikir dan mencapai tahap mahir. Melalui inovasi, pelajar yang kurang berminat dalam bidang akademik tetapi lebih cenderung dalam bidang teknikal dan kemahiran akan berpeluang untuk menyahut seruan kerajaan yang berhasrat untuk merealisasikan matlamat sistem pendidikan yang menerapkan kemahiran kompeten, kreatif dan inovatif dalam kurikulum sekolah.

Kesemua elemen di atas memerlukan sokongan, bimbingan dan tunjuk ajar daripada para pendidik dalam melahirkan pelajar yang mampu menghasilkan reka cipta, kreatif, inovatif dan berdaya saing. Kecenderungan pelajar dalam bidang tersebut boleh menjauhkan pelajar daripada terlibat dalam gejala sosial dan aspek-aspek yang negatif.

2.6.4 Program Khidmat Bakti Masyarakat

Pengkaji juga telah menghuraikan program khidmat bakti masyarakat kepada beberapa program kecil, iaitu program gotong royong perdana; tayangan ilmiah; kempen kesedaran; dan khidmat sosial dan bakti masyarakat.

(a) Gotong-royong Perdana

Menurut Noresah Baharom et. al, gotong royong membawa maksud tolong-menolong (bantu-membantu) atau kerja sama-sama.¹⁹² Gotong royong adalah salah satu daripada sifat

¹⁸⁹ Kamus Dewan, ed. ke-4, 580, entri “inovasi”.

¹⁹⁰ *Ibid.*, 1122, entri “pamer”.

¹⁹¹ *Ibid.*, 415, entri “forum”.

¹⁹² *Ibid.*, 482, entri “gotong”.

yang mulia lagi terpuji dan disukai oleh masyarakat. Sifat ringan tulang atau suka membantu orang lain, seperti sahabat handai, jiran tetangga, kaum keluarga atau sesiapa sahaja akan menyebabkan seseorang individu itu disukai dan dihormati oleh orang lain. Gotong royong dikenali juga sebagai program khidmat masyarakat. Terdapat dua jenis gotong royong yang sentiasa berlaku dalam masyarakat, iaitu gotong royong yang dirancang mengikut ketetapan bersama dan gotong royong yang memerlukan tindakan segera akibat daripada bencana alam. Gotong royong yang senantiasanya berlaku dalam masyarakat seperti gotong royong membersihkan persekitaran masjid, taman permainan, tanah perkuburan, balai raya dan dewan serbaguna; gotong royong memasak kenduri kendara, majlis perkahwinan, pertunangan, kenduri tahlil dan arwah; gotong royong melaksanakan program kebajikan masyarakat dan sosial seperti membersihkan rumah yang dilanda banjir kilat, membaik pulih rumah warga tua, orang kelainan upaya atau fakir miskin, memperbaiki jalan yang rosak dan bermacam-macam lagi.

Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ

Al-Maidah 5: 2

Terjemahan: ...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (melakukan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. dan bertakwalah kamu kepada Allah Taala, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.

Program khidmat masyarakat ini adalah komponen amali dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang memerlukan penglibatan pelajar secara berkumpulan dalam aktiviti sekolah dan komuniti. Penglibatan dalam bentuk projek atau kajian boleh membantu dan meningkatkan imej diri, sekolah dan komuniti. Melalui

program khidmat masyarakat ini, pelajar akan dapat mengaplikasikan pengetahuan kemahiran, nilai sivik dan kewarganegaraan yang dipelajari di sekolah. Pelajar juga akan merasai dirinya sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat yang peka, bertanggungjawab dan prihatin. Dengan ini seseorang pelajar itu akan dapat membina sahsiah diri yang positif kerana dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa, sekolah dan masyarakat

Ringkasnya, program gotong royong atau khidmat masyarakat ini wajar dilakukan secara berkala dalam tempoh yang tertentu agar sifat ini dapat dipupuk dan dibudayakan dalam kalangan pelajar. Gotong royong yang dijalankan merupakan sebahagian daripada sifat atau amalan yang mulia yang akan membentuk sahsiah yang terpuji. Hubungan silaturahim sesama pelajar juga semakin erat, kukuh serta penuh kasih sayang.

(b) Tayangan Ilmiah

Video merupakan sebahagian daripada komponen teknologi pendidikan yang memaparkan gambar-gambar bergerak seperti peristiwa-peristiwa tertentu, cerita, dokumentari dan sebagainya. Kebiasaannya video dibangunkan melalui gabungan video dengan unsur-unsur multimedia, seperti visual, interaktif, animasi dan permainan.¹⁹³

Tayangan video dan filem ilmiah merupakan salah satu pendekatan *dakwah bi al-hāl* melalui penerapan nilai bermasyarakat.¹⁹⁴ Menurut Semrau dan Boyer (1994), pelajar dapat mempelajari sesuatu konsep dari video pembelajaran yang difokuskan dalam pelbagai kesan bunyi, penceritaan dan muzik. Justeru itu, video dianggap dapat memperkukuhkan lagi pembentukan konsep di samping menghasilkan pembelajaran yang lebih luas dan

¹⁹³ Normah Dali, *Kesan Penggunaan Video dan Buku Teks Terhadap Pencapaian, Minat, dan Motivasi Pelajar Dalam Topik Putaran dan Peredaran Bumi* (Tanjong Malim: Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia UPSI, 2012), 22.

¹⁹⁴ Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*, 107.

mendalam. Misalnya dalam tajuk proses kehidupan haiwan, cara haiwan membiak dan membesar dapat ditunjukkan melalui media bergerak dan ini dapat mengekalkan ingatan murid. Video juga sangat digemari, diminati dan menyeronokkan bagi pelajar untuk mempelajarinya. Melalui video, sekurang-kurangnya dapat menarik minat pelajar dalam pengajaran Sains.¹⁹⁵ Ini secara tidak langsung akan meningkatkan jati diri dan keyakinan pelajar.

Penggunaan video boleh menggalakkan perkembangan kreatif dan kritikal. Melalui video, murid-murid boleh membayangkan sesuatu yang berlaku dalam realiti kehidupan. Misalnya perubahan fizikal sesuatu haiwan, cara haiwan membiak dan sebagainya. Ia dapat merangsang deria-deria individu di samping menyediakan pengalaman sebenar. Penggunaan video dapat disaksikan secara berulang kali sehingga ke peringkat penguasaan. Menurut Baharuddin et al. (2000), terdapat beberapa kebaikan dan faedah menggunakan video, seperti mudah dirakam dan dimainkan semula. Oleh itu, pelajar yang lemah dapat dibantu dengan mengimbas kembali pembelajaran tersebut pada bila-bila masa sahaja.

Ringkasnya, tayangan video atau filem ilmiah berinformasi dan bermaklumat dapat meningkatkan kecenderungan, minat dan motivasi belajar dalam kalangan pelajar. Tayangan ilmiah juga dapat membangkitkan sahsiah pelajar melalui pelbagai kaedah seperti kaedah pandang dengar (audio visual). Ini dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran:

سُبْحٰنَ الَّذِيْ اَسْرٰى بِعَبْدِهٖ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ اِلَى الْمَسْجِدِ الْاَقْصَا الَّذِي
بَرَكْنَا حَوْلَهٗ لِنُرِيَهُ مِنْ اٰيٰتِنَا ۗ اِنَّهٗ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيْرُ ﴿١٧﴾

Al-Isra" 17: 1

¹⁹⁵ P. Semrau and B. A. Boyer, *Using Interactive Video in Education* (Boston: Allyn and Bacon, 1994).

Terjemahan: Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjidil al-Haram ke Masjidil al-Aqsa yang telah Kami berkati di sekelilingnya agar Kami dapat memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

(c) Kempen Kesedaran

Kempen bererti segala usaha (kegiatan dan tindakan) yang dirancangan dan dilaksanakan dengan menggunakan penerangan (rayuan dan lain-lain) untuk mempengaruhi pendapat umum atau mendapatkan sokongan umum terhadap sesuatu (matlamat dan lain-lain).¹⁹⁶ Menurut Mohd Yusof Hj. Abdullah,¹⁹⁷ perkataan kempen sememangnya tidak asing bagi kebanyakan orang. Di Malaysia, kempen sudah menjadi suatu kelaziman bagi kerajaan, parti-parti politik, peniaga dan khidmat sosial. Agensi-agensi kerajaan, sama ada di peringkat kementerian, jabatan atau kerajaan negeri sering menganjurkan kempen, seperti kempen keselamatan jalan raya, kempen gaya hidup sihat, kempen derma darah, kempen penjagaan alam sekitar, kempen cintai sungai kita, kempen menutup aurat, kempen solat berjamaah, kempen tangani buli, kempen solat subuh berjamaah, kempen *bi'ah sāleḥah*, kempen akhlak mulia dan kempen jom baca al-Quran.

Sebagai contoh, parti politik menggunakan kempen bagi meraih sokongan terutamanya pada musim pilihanraya. Ahli perniagaan pula menggunakan kempen komersial untuk menjual produk atau perkhidmatan. Manakala dalam konteks pendidikan, pihak sekolah menganjurkan kempen kesedaran bagi meningkatkan motivasi, potensi, kesedaran, penampilan dan jati diri. Para pelajar di sekolah khususnya perlukan penerangan tentang akhlak yang mulia menerusi kempen memberi salam, etika berpakaian menurut Islam, kempen 5S dan sebagainya. Kempen yang dilakukan perlu dirancang agar kumpulan

¹⁹⁶ Kamus Dewan, ed. ke-4, 733, entri “kempen”.

¹⁹⁷ Mohd Yusof Hj. Abdullah, “Merancang Kempen Komunikasi Berasaskan Penilaian Formatif”, *Jurnal Komunikasi* 17, (2002), 43-44.

sasaran dapat dikenal pasti dan hala tuju sesuatu kempen dapat dibentuk, di samping sikap, pengetahuan dan kelakuan pengguna dapat dinilai.¹⁹⁸

Sebagai rumusan, kempen kesedaran amat diperlukan dalam membangunkan sahsiah diri yang cemerlang. Kempen kesedaran perlu diperhebatkan kepada segenap lapisan masyarakat, seperti menerusi poster, banner, banting, sepanduk, media cetak, media massa, media elektronik dan medium-medium yang lain.

(d) Khidmat Sosial dan Bakti Masyarakat

Khidmat sosial atau khidmat bakti masyarakat ialah satu program kesukarelaan berbentuk kebajikan dan kemasyarakatan yang dilakukan dengan tujuan untuk membantu atau menghulurkan bantuan kepada insan yang memerlukan. Khidmat sosial bermaksud perkhidmatan (seperti perkhidmatan perubatan, pelajaran, dan lain-lain) untuk kebajikan rakyat.¹⁹⁹ Khidmat masyarakat dengan definisi yang hampir sama membawa maksud kerja-kerja kemasyarakatan yang dilaksanakan secara berkumpulan dan mempunyai matlamat serta tujuan tertentu.²⁰⁰

Dalam konteks pendidikan, khidmat sosial dan masyarakat adalah suatu aktiviti yang amat penting untuk memupuk perasaan muhibah dan kasih sayang antara guru, pelajar dan masyarakat. Khidmat masyarakat adalah pembelajaran secara praktikal di luar bilik darjah yang memberikan pengalaman yang sebenar kepada pelajar. Konsep pembelajaran dalam abad ke-21 bukan sekadar teori dan retorik sahaja, malah memerlukan kepada kajian,

¹⁹⁸ P. Kotler and L. R. Roberto, *Social Marketing: Strategies for Changing Public Behavior* (New York: The Free Press, 1989).

¹⁹⁹ Kamus Dewan, ed. ke-4, 783, entri “khidmat”.

²⁰⁰ “Kertas Kerja Perkembangan Profesionalisme Keguruan”, laman sesawang *Open University Malaysia Official Site*, dicapai 26 Mac 2017, http://epic.oum.edu.my/epic_upload/resources/HBEF2803/20140529074354_Khidmat%20Masyarakat.pdf.

pengamatan, pemerhatian, amali dan praktikal oleh pelajar itu sendiri. Aktiviti ini secara tidak langsung membantu pelajar membina sahsiah diri mereka.

2.6.5 Program Penampilan dan Jati Diri

Pengkaji telah mengklasifikasikan program penampilan dan jati diri kepada program malam kesenian Islam; pengucapan awam dan pidato; program penampilan diri; kem jati diri; dan lawatan sambil belajar.

(a) Malam Kesenian Islam

Salah satu program pembangunan diri dan sahsiah pelajar ialah malam kesenian Islam. Melalui malam kesenian Islam, para pelajar berpeluang membina kemahiran diri, meningkatkan keyakinan diri dan mengembangkan bakat sedia ada dengan menyertai aktiviti-aktiviti seperti persembahan nasyid, sajak, pantun, syair, lakonan, komping, pengacaraan, pengurusan dan pelaksana majlis. Program ini pasti akan memberikan impak yang positif kepada mereka.

Seni membawa maksud kebolehan mencipta sesuatu (lukisan, ukiran, dan lain-lain) yang indah-indah. Kesenian pula bermakna perihal seni, yang berkaitan dengan seni, keindahan (kehalusan). Contohnya seni bahasa, seni bina, seni drama, seni foto, seni halus, seni kata, seni khat, seni kraf, seni kreatif, seni lakon, seni murni, seni muzik, seni pahat, seni rupa, seni sastera, seni suara, seni silat, seni tari, seni ukir dan sebagainya.²⁰¹ Sabda Rasulullah s.a.w menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mas‘ud:

²⁰¹ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1452-1453, entri “seni”.

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ ، قَالَ رَجُلٌ : إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبُهُ حَسَنًا ، وَنَعْلُهُ حَسَنَةً ، قَالَ : إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

Terjemahan: Tidak akan masuk ke dalam syurga orang yang di dalam hatinya ada sifat takabbur, lalu berkata seorang lelaki: Sesungguhnya seorang lelaki suka memiliki pakaiannya dengan baik, dan sepatunya juga baik. Berkata rasulullah s.a.w: Allah Maha Indah dan sukakan keindahan.

(b) Pengucapan Awam dan Pidato

Pengucapan awam adalah satu proses berkomunikasi antara seorang pengucap, pendengar atau hadirin. Pengucapan awam melibatkan penghantaran mesej dalam bentuk lisan dan bukan lisan. Ia bukan sekadar menyampaikan mesej daripada maksud percakapan sahaja, tetapi juga melalui bahasa badan, penampilan dan tingkah laku serta etika.

Pengucapan awam yang baik mampu membolehkan perpindahan idea dan perasaan secara berkesan daripada pengucap kepada pendengarnya. Kemahiran dalam memastikan penyampaian idea dan perasaan begini merupakan satu kelebihan kepada pengucap kerana berjaya mempunyai kebolehan dan keupayaan dalam mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku pendengar terhadap apa yang ingin disampaikan oleh pengucap.

Dalam konteks pelajar, pengucapan awam merupakan satu medan latihan untuk melatih seseorang individu untuk bercakap dan berkomunikasi serta kemampuan berhadapan dengan khalayak. Begitu juga dengan pidato yang merupakan pengucapan yang disampaikan secara individu kepada khalayak ramai untuk menghuraikan dan menjelaskan sesuatu tajuk. Berpidato merupakan aktiviti berkomunikasi secara sehalu, di mana pemidato akan menjelaskan tentang sesuatu tajuk dalam masa yang ditentukan untuk mempengaruhi para pendengar supaya bersetuju dengan apa akan dipidatikan.²⁰²

²⁰² Idris Mohamad, "Pengucapan Awam Berkesan", laman sesawang *Blogspot.my*, dicapai 10 Julai 2017, <http://djidrismohamad.blogspot.my/2012/12/pengucapan-awam-berkesan.html>.

(c) Program Penampilan Diri

Penampilan bermaksud perihal (tindakan, usaha) menampilkan (mengemukakan) seseorang atau sesuatu.²⁰³ Penampilan diri pula membawa maksud usaha yang dilakukan oleh seseorang untuk memperlihatkan, mempamer atau menunjukkan tentang kekemasan dan kesempurnaan diri kepada khalayak. Menerusi program penampilan diri, seseorang itu berusaha untuk mempersembahkan kebolehan dan kelebihan diri kepada orang lain menerusi tutur kata, tingkah laku dan penampilan diri seperti cara berpakaian, cara berjalan, cara menyambut melayan dan tetamu, dan sebagainya.

Antara program penampilan diri yang diadakan seperti kuliah tiga minit (kultim), juru hebah, pengacara majlis, pembaca doa, penyambut tetamu, qari atau qariah, pengerusi perjumpaan atau mesyuarat, dan lain-lain lagi.

(d) Kem Jati Diri

Kem bermaksud kawasan perkhemahan atau kumpulan bangsal (rumah pondok dan sebagainya) yang dijadikan tempat tinggal sementara untuk satu atau beberapa kumpulan orang (seperti tentera, pekerja lombong, ahli sukan dan lain-lain).²⁰⁴ Dalam bahasa Arab, kem dikenali sebagai *mukhayyam*. Tujuan sesebuah kem diadakan adalah untuk membina jati diri seseorang menerusi pelbagai aktiviti luar yang lasak dan memerlukan kekuatan fizikal yang kuat.

Dalam konteks gerakan Islam, kem dinamakan sebagai *mukhayyam tarbawī* yang bermaksud program perkhemahan bermalam²⁰⁵ yang diadakan sama ada di kawasan pulau, pantai, hutan atau gunung dengan disertai oleh beberapa orang ahli daripada kumpulan-

²⁰³ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1589, entri “tampil”.

²⁰⁴ Kamus Dewan, ed. ke-4, 727, entri “kem”.

²⁰⁵ Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Negeri Perak, *Manual Tarbiah Ahli-Ahli PAS Perak (MATAR)* (Ipoh: Badan Perhubungan PAS Negeri Perak, 2008), 13.

kumpulan usrah²⁰⁶ dalam tempoh dua hingga tiga hari atau lebih.²⁰⁷ Ia bermatlamat untuk melatih dan membiasakan ahli dengan latihan berbentuk fizikal agar mampu memikul tugas dakwah dan tarbiyah dengan baik; menyemai semangat kerjasama, ukhuwwah, disiplin dan akhlak dalam jamaah,²⁰⁸ menyempurnakan tanggungjawab dakwah dengan kekuatan rohani dan jasmani; membina kemahiran dalam kalangan ahli agar sentiasa bersiap sedia untuk hidup dalam keadaan susah dan bersiap siaga untuk berhadapan dengan pelbagai ujian.

Kesimpulannya, kem jati diri adalah sebahagian daripada program pembangunan sahsiah. Kem memerlukan kepada kekuatan mental dan kecergasan fizikal, seperti kawad kaki, perkhemahan, *tracking*, kraf kaki, pertolongan cemas, merempuh halangan, aktiviti air, merentas desa dan pertandingan. Pelaksanaan kem secara tidak langsung membina aspek-aspek positif dalam diri seseorang individu seperti sifat keyakinan diri, semangat juang, kerjasama, sabar, berdikari, bekerja dalam pasukan, saling bantu membantu dan sebagainya.

(e) Lawatan Sambil Belajar

Menurut Ahmad Mohd Salleh, program rehlah atau lawatan sambil belajar bermaksud kaedah pembelajaran yang dilaksanakan dengan cara melakukan kunjungan atau lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang tertentu. Seseorang guru dapat memberikan gambaran yang jelas tentang apa yang dilihat dan dialami sendiri oleh para pelajar. Para pelajar yang terlibat dalam program tersebut akan menyediakan laporan tentang pengalaman yang dialami sepanjang lawatan tersebut.²⁰⁹ Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran:

²⁰⁶ Kertas Kerja Manhaj Tarbiyah IPT, t.tp, t.t., 3.

²⁰⁷ Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Negeri Perak, *Manual Tarbiyah Ahli-Ahli PAS Perak (MATAR)*, 13.

²⁰⁸ *Ibid.*

²⁰⁹ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*, 114, 116.

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَكَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعْجِزَهُ مِن شَيْءٍ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ إِنَّهُ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴿٤٤﴾

Fatir 35: 44

Terjemahan: Dan apakah mereka tidak berjalan di atas muka bumi, sambil melihat bagaimana kesudahan orang-orang yang sebelum mereka, sedangkan orang-orang itu adalah lebih besar kekuatannya dari mereka? Dan tiada sesuatu pun yang dapat melemahkan Allah Taala sama ada di langit mahupun di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa.

Berdasarkan ayat di atas, Allah s.w.t telah menjelaskan tentang pengembaraan atau lawatan, dan dipraktikkan sendiri oleh Rasulullah s.a.w untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Kaedah ini juga telah diteladani oleh para sahabat, *tabi'in*, *salaf al-Sāliḥ*, ulama-ulama muktabar sejak daripada dahulu hingga sekarang. Mereka menganggap cara mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan menerusi kaedah tersebut adalah sangat berkesan, terutama dalam pembelajaran ilmu hadis, sejarah, bahasa dan kesusasteraan. Said ibn al-Musayyab telah mengembara ke pelbagai tempat untuk mendapatkan ilmu hadis. Begitu juga dengan al-Syafie, al-Nawawi dan al-Ghazali yang mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain bagi mendapatkan ilmu pengetahuan.

Oleh itu, lawatan sambil belajar amat wajar dijadikan sebagai salah satu kaedah untuk membangunkan sahsiah. Akhlak, tingkah laku dan sahsiah para cendekiawan Islam pada zaman silam sangat unggul berpunca daripada hasil pendidikan yang diterima atau dipelajari sepanjang proses pengembaraan dan menuntut ilmu pengetahuan.

2.6.6 Program Sukan, Kelab dan Persatuan

Pengkaji akan menghuraikan program sukan, kelab dan persatuan yang dapat membangunkan sahsiah pelajar, iaitu pertandingan dalaman (*indoor game*), pertandingan

luaran (*outdoor game*) dan sukaneka; kegiatan koakademik dan kokurikulum; dan riadah harian.

(a) *Indoor Game, Outdoor Game* dan Sukaneka

Pertandingan membawa maksud perihal bertanding, perlawanan (bola dan lain-lain), perlumbaan (berlari, berenang, dan lain-lain), peraduan; perihal bersaing, perlumbaan (untuk mencapai kejayaan dan lain-lain), persaingan; perbandingan.²¹⁰ Pertandingan dikategorikan kepada dua jenis, iaitu pertandingan dalaman (*indoor game*) dan luaran (*outdoor game*).

Antara contoh pertandingan dalaman ialah seperti pertandingan reka cipta, inovasi dan kreativiti; gubahan bunga dan hantaran; mencipta blog dan laman web; sahiba, saidina dan monopoli; boling, ping pong; dart, catur dan congkak, dan lain-lain lagi. Manakala pertandingan luaran pula seperti pertandingan bola sepak, bola jaring, bola baling, bola keranjang, sepak takraw, futsal, badminton, tenis, skuasy, hoki dan lain-lain lagi.

Manakala pertandingan sukaneka pula adalah merujuk kepada sukan yang pelbagai jenis.²¹¹ Permainan ini dikenali juga sebagai sukan rakyat. Pelaksanaan sukaneka adalah bergantung kepada pihak penganjur, namun tujuan utama pelaksanaannya adalah untuk memupuk semangat muhibah, kasih sayang, persaudaraan, persahabatan dan keseronokan. Contohnya seperti lari dalam guni, boling kelapa, galah tinggi, bawa bola ping pong dalam sudu, lari ikat kaki dengan kawan, pijak dan pecah belon, makan buah epal, isi air dalam botol, dan banyak lagi.

²¹⁰ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1596, entri “tanding”.

²¹¹ *Ibid.*, 1535, entri “sukaneka”.

(b) Kegiatan KoAkademik dan KoKurikulum

Kegiatan koakademik dan kokurikulum merupakan antara kegiatan utama di sekolah. Dalam aspek koakademik, para pelajar akan menyertai pertandingan berbentuk akademik atau ilmiah, seperti pertandingan tilawah al-Quran, hafazan al-Quran, syarahan agama, syarahan bahasa Melayu, syarahan bahasa Arab, syarahan Bahasa Inggeris, khutbah, nasyid, tulisan jawi, *ḥiwār* bahasa Arab, *kalām jamāʿī*, pidato, *kalimah al-Ṣobāh*, kuiz ilmu wahyu, kuiz bahasa Arab dan lain-lain lagi.

Manakala dari aspek kokurikulum pula, pelajar-pelajar akan terlibat dengan aktiviti-aktiviti sukan seperti olahraga, bola tampar, bola jaring, bola sepak, bola baling, sepak takraw, badminton, futsal, ragbi, tenis, hoki dan lain-lain lagi. Termasuklah juga dalam kategori kokurikulum ialah aktiviti memamah, berenang, petanque dan lain-lain lagi. Kegiatan ini secara tidak langsung melatih pelajar membina kemahiran diri, semangat berpasukan, merancang strategi dan menguruskan pertandingan.

(c) Riadah Harian

Riadah ialah gerak badan, senaman; segala kegiatan yang dilakukan pada waktu lapang untuk menyihatkan badan dan fikiran (seperti bersenam, bermain, dan sebagainya), rekreasi.²¹² Sebagaimana kegiatan kokurikulum, riadah dapat memenuhi masa lapang pelajar sama ada pada waktu pagi atau petang. Pelajar yang aktif dalam kegiatan riadah akan terhindar daripada terlibat dengan gejala sosial kerana banyak masa mereka digunakan untuk aktiviti riadah di sekolah. Oleh itu, masa lapang dapat diisi dengan kegiatan yang lebih berfaedah.

Selain itu, kegiatan riadah juga akan dapat melatih seseorang pelajar untuk menjadi pemimpin muda di sekolah. Di samping beriadah, mereka juga perlu merancang dan

²¹² *Ibid.*, 1328, entri “riadah”.

menguruskan jadual dan peraturan riadah harian agar tersusun dan sistematik. Oleh itu, jawatan-jawatan seperti pengerusi, setiausaha, bendahari, ahli jawatankuasa dan ahli biasa diwujudkan. Apabila seseorang pelajar menjawat jawatan sebagai pengerusi, ini bermakna mereka akan belajar menjadi seorang ketua atau pemimpin. Ini secara langsung akan membangunkan sahsiah seseorang pelajar.

Di samping itu, dengan menyertai kegiatan riadah juga seseorang pelajar akan dapat membentuk disiplin diri. Kegiatan-kegiatan riadah yang dijalankan adalah mengikut peraturan dan jadual yang telah ditetapkan agar dapat dijalankan dengan tersusun dan lancar. Oleh itu, pelaksanaan program riadah secara tidak langsung akan menjadikan seseorang pelajar itu lebih berdisiplin dan seterusnya dapat meningkatkan sahsiah diri.

Melalui kegiatan riadah juga, perpaduan antara pelajar dapat diperkukuhkan. Riadah yang disertai oleh kebanyakan pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi akan menjadi medan yang terbaik untuk berkumpul dan bertukar-tukar pendapat. Dengan ini akan mengeratkan hubungan sesama mereka dan seterusnya akan mewujudkan perpaduan antara kaum.

2.7 Sejarah Penubuhan SMKA

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama atau SMKA telah ditubuhkan oleh KPM pada bulan Januari 1977. Penubuhan SMKA adalah seiring dengan usaha pemodenan sistem pendidikan negara, khususnya penambahbaikan sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama. Penubuhan SMKA juga sangat berkaitan dengan perkembangan agama Islam di Malaysia. Oleh itu, pengkaji membahagikan bahagian ini kepada empat bahagian, iaitu sejarah perkembangan pendidikan Islam di Malaysia yang bermula sejak kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu; sekolah-sekolah agama masa kini yang terdiri daripada SAN, SAR

dan SMKA; falsafah dan sejarah pendidikan Islam, dan seterusnya sejarah penubuhan SMKA.

2.7.1 Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia

Menurut Muhammad Hamid al-Afendi (1990), sejarah pendidikan Islam telah bermula pada zaman Rasulullah s.a.w kerana baginda merupakan pendakwah Islam yang pertama. Semasa berlakunya perang Badar pada tahun 624H terdapat ramai tawanan perang yang terdiri daripada orang-orang Quraisy yang kenal huruf. Tawanan ini dibenarkan membayar tebusan perang dengan cara mengajar kanak-kanak Islam menulis dan membaca. Penurunan ayat al-Quran yang pertama surah al-,Alaq kepada Rasulullah s.a.w di gua Hira²¹³ merupakan titik tolak bermulanya pendidikan Islam. Individu pertama yang mendirikan sekolah ialah Nizam al-Mulk. Sekolah ini didirikan semasa pemerintahan kerajaan Saljuk (456-485 H) di Baghdad, Balkh, Naisabur, Bahrat, Asfahan, Basrah, Meru, Tibrastan dan Mousal. Bahkan hampir setiap bandar di Iraq dan Khurasan terdapat binaan sekolah untuk kemudahan kanak-kanak Islam menuntut ilmu.²¹⁴

Seterusnya kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu adalah berkait rapat dengan aktiviti perdagangan di nusantara sejak tahun 630, iaitu pada zaman Rasulullah s.a.w masih hidup atau pada pertengahan abad ke-7 yang dibawa oleh para pedagang Arab. Para pedagang ini turut memperkenalkan agama Islam di rantau ini atas tuntutan dakwah Islamiah sebagai muslim.

Dalam satu seminar bertajuk “Masuknya Islam ke Indonesia” yang diadakan pada 17-20 Mac 1963 di Medan, para Sejarawan Indonesia telah merumuskan satu resolusi yang

²¹³ Abd. Kadir Arifin, “Kesan Pendekatan Pengalaman Penghayatan Islam Terhadap Pemikiran Peringkat Tinggi di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua” (Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2003), 27.

²¹⁴ Ahmad Shalaby, *Sejarah Pendidikan Islam (History of Muslim Education)*, terj. H. Muchtar Jahju dan M. Sanusi Latif (Singapura: Pustaka Nasional), 5.

penting, iaitu “bahawa menurut sumber yang kita ketahui, Islam untuk pertama kalinya telah masuk ke Indonesia pada abad pertama Hijrah (abad ke-7 atau ke-8) secara langsung dari Tanah Arab. Bahawa daerah yang pertama didatangi oleh Islam ialah pesisir Sumatera dan setelah terbentuknya masyarakat Islam, maka raja Islam daripada keturunan Melayu yang pertama berasal dari Aceh”.

Jika ditinjau sejarah kedatangan Islam ke Nusantara amnya dan ke Tanah Melayu khususnya, para Sejarawan berselisih pendapat tentang tarikh tepat kedatangannya. Begitu juga daerah di Tanah Melayu yang pertama menerima Islam. Antara kurun ke-10 hingga ke-15 Masihi, kebanyakan pedagang Arab telah sampai ke kepulauan Melayu. Bertitik tolak dari sinilah maka sejarah pendidikan Islam telah tercatat di Tanah Melayu.

Pendidikan awal di Malaysia bermula sejak abad ke-14. Pedagang Arab dan India muslim telah datang ke Asia Tenggara. Pada waktu itu institusi pendidikan yang bernama “sekolah pondok” telah dibangunkan oleh masyarakat tempatan. Pada abad ke 18 dan 19, sekolah pondok dibangunkan dengan meluasnya di negeri Terengganu, Kelantan dan Kedah, seperti pondok Kubang Bemban, pondok Sungai Budor, pondok Kampung Banggol, pondok Tuan Padang dan pondok Tok Semian di Kelantan. Di Terengganu pula pondok Tuan Tebal, pondok Tok Kotan dan lain-lain lagi. Manakala di Kedah pula terdapat pondok Haji Muhammad Taib Titi Gagah, pondok Haji Muhammad Noor Langgar, pondok Haji Muhammad Salleh Penaga dan lain-lain.²¹⁵ Ramai pendakwah telah menyebarkan agama Islam di Tanah Melayu. Pendidikan tidak formal ini berterusan sehingga akhir abad ke-19.

²¹⁵Abdullah Ishak, “Pengajian Pondok dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam di Malaysia” dalam *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah* (Bangi, Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1994).

William R. Roff (2005) mencatatkan bahawa institusi pendidikan berbentuk sekolah pondok, madrasah, sekolah kebangsaan Melayu dan sekolah kebangsaan Inggeris telah dibangunkan untuk orang Melayu menjelang akhir kurun ke-19. Sekolah-sekolah Melayu telah dibangunkan di kawasan Barat dan Selatan Tanah Melayu sejak tahun 1880-an lagi. Penubuhan sekolah Melayu oleh British bukanlah bermatlamat untuk melahirkan masyarakat Melayu yang bijak pandai, bahkan sekadar untuk menguasai kemahiran membaca dan mengira sahaja. Manakala anak-anak golongan bangsawan yang belajar di sekolah Inggeris pula hanya sekadar untuk dijadikan sebagai pegawai dan pentadbir bawahan oleh British. Oleh itu, buku teks dan kurikulum yang sesuai tidak terdapat di sekolah-sekolah tersebut. Maka surat khabar terbitan orang Melayu telah dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran, seperti "Jawi Peranakan", "Khazanah al-Ilmu" dan "Taman Pengetahuan".²¹⁶

Selain itu, sekolah-sekolah Agama atau Arab juga memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan dakwah Islamiah. Sekolah ini berkembang pada kurun ke-19, iaitu selepas penjajah Inggeris menubuhkan sekolah vernakular Melayu pada tahun 1856. Kebanyakan orang Melayu enggan memasuki sekolah vernakular Melayu kerana mata pelajaran al-Quran tidak diajarkan di sekolah ini. A.M. Skinner kemudiannya telah menubuhkan kelas al-Quran di sekolah Melayu pada tahun 1871, namun orang Melayu tetap dengan pendirian mereka untuk tidak meneruskan pembelajaran di sekolah tajaan penjajah.²¹⁷ Justeru, sekolah-sekolah Agama atau Arab seperti Madrasah al-Mashoor telah ditubuhkan oleh Syeikh Ahmad al-Hadi di Pulau Pinang; Madrasah Hamidiah (kini dikenali sebagai Ma'ahad Mahmud) ditubuhkan di Limbong Kapal, Kedah; Madrasah al-Khairiyah

²¹⁶ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, terj. Ahmad Boestaman (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 51.

²¹⁷ Mohd Salleh Lebar, *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia* (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992).

pula ditubuhkan di Seberang Prai; Madrasah Muhammadiyah ditubuhkan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1915 dan Madrasah Arabiyah (kini dikenali sebagai UniSZA) ditubuhkan di Terengganu pada tahun 1925. Kurikulum di sekolah ini agak berbeza dengan sekolah-sekolah pondok yang berbentuk *umumi*,²¹⁸ di mana sistem pengajian di sekolah Agama atau Arab diadakan di dalam kelas sebagaimana pembelajaran di sekolah vernakular.

Kegiatan dan perkembangan dakwah selepas kemerdekaan memfokuskan kepada golongan muda, terutamanya pada tahun 1970-an. Ab. Aziz Mohd Zin et al. menjelaskan bahawa kegiatan dakwah selepas kemerdekaan adalah melibatkan parti politik, jentera kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan.²¹⁹ Dakwah melalui parti politik di Malaysia dilakukan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)²²⁰ dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS).²²¹ UMNO sebagai parti pemerintah di Malaysia telah menubuhkan beberapa institusi dan badan berkaitan hal ehwal Islam,²²² manakala PAS pula menggerakkan dakwah melalui penerbitan bahan media cetak,

²¹⁸ Abdullah Ishak, "Pengajian Pondok dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam di Malaysia".

²¹⁹ Ab. Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 46-48.

²²⁰ UMNO adalah singkatan daripada *United Malays National Organisation* (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu). UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru setelah diasaskan pada bulan Mac 1946 dalam satu Kongres Persatuan Pertubuhan Melayu di Kuala Lumpur. Dato" Onn Jaafar adalah Presiden UMNO yang pertama. Ainol Jamal, *Melayu Berpecah Dalam UMNO Kerana Pemimpin Tamak* (Kuala Lumpur: Percetakan Berpadu Sdn. Bhd, 1988), 4 & 11; Ismail Awang, *Zulkifli Muhammad: Sejarah dan Karyanya* (Kelantan: Mahlidhi Press, 1982), 139; Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19* (Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985), 252.

²²¹ PAS pada peringkat awal, dikenali sebagai Persatuan Alim Ulama Se-Malaya sebelum ditukar kepada Persatuan Islam Se-Malaya dalam Mu'tamar Ulama Ke-3 di Butterworth pada 23 November 1951. Persatuan ini didaftar dengan nama *Pan Malayan Islamic Party* (PMIP) pada 14 Jun 1955, sehari sebelum penamaan calon Pilihan Raya Persekutuan yang pertama. Dalam Muktamar PAS pada 25-27 Disember 1958, nama PAS ditukar kepada Persatuan Islam Se-Tanah Melayu, dan sejak tahun 1971, nama PAS kekal sebagai Parti Islam Se-Malaysia. Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS, *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan* (Selangor: Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd., 1999), 7.

²²² Ab Aziz Mohd Zin et al., *Dakwah Islam di Malaysia*, 46.

memperkembangkan institusi pendidikan agama dan penubuhan koperasi.²²³ Dakwah melalui jentera kerajaan pula dilakukan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Dakwah oleh Kerajaan Pusat tertumpu kepada pentadbiran hal ehwal agama yang diselenggarakan oleh JAKIM dan dakwah oleh Kerajaan Negeri pula diserahkan kepada JAIN atau Hal Ehwal Islam Negeri masing-masing.²²⁴

Ringkasnya, berdasarkan kenyataan yang disebutkan dalam dokumen Sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah, perkembangan Pendidikan Islam di Tanah Melayu telah bermula sejak abad ke-15 lagi. Kajian yang dibuat menunjukkan bahawa pendidikan Islam di negara ini bermula dari rumah Imam atau guru, kemudian berkembang menjadi pondok, madrasah dan akhirnya berubah menjadi sekolah Arab atau Agama.²²⁵ Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Haron Din dan Sobri Salamon (1988) yang menyatakan bahawa perkembangan pendidikan agama Islam di Tanah Melayu telah mengalami empat tahap, iaitu institusi rumah imam atau guru, institusi pondok, institusi madrasah dan sistem sekular.²²⁶

(a) Institusi Rumah Imam atau Guru

Sebelum wujudnya sistem persekolahan, Pendidikan Islam telah berlangsung di rumah guru. Mereka yang berkebolehan dalam bidang agama akan menjadi tumpuan untuk proses sosialisasi kanak-kanak dan orang dewasa berasaskan ajaran Islam. Menurut Zawawi Hj. Ahmad (1994), pada peringkat awal imam atau guru terdiri daripada ulama dari Tanah

²²³ *Ibid.*

²²⁴ Mohamed Suffian Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, terj. Abdul Majid Abdul latif dan Ridzuan Omar (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 345-347.

²²⁵ Zawawi Hj. Ahmad, *Pendidikan Islam: Kaedah dan Teknik Pengajaran* (Petaling Jaya: International Book Service, 1994).
1984).

²²⁶ Haron Din dan Sobri Salomon, *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, 1988).

Arab, Parsi, India dan lain-lain. Ini bermakna pendidikan tersebut merupakan pendidikan rasmi pada peringkat awal yang bermula sejak usia enam tahun. Imam akan mengajar tentang adab, akhlak, bacaan doa dan pengajian al-Quran.²²⁷

Mohd Yusuf Mahmud (1986) berpendapat bahawa pendidikan Islam di rumah guru diadakan selepas solat fardu Subuh, Zohor atau Maghrib. Pelajar-pelajar diajar untuk mengenali huruf-huruf jawi sebagai panduan untuk membaca al-Quran. Melalui penghafalan dan kemahiran mengenal huruf, pelajar akan dapat membaca al-Quran dan mempraktikkan bacannya dalam ibadat solat. Selain daripada al-Quran, kitab-kitab agama juga turut diajar untuk golongan dewasa.²²⁸

Menurut Awang Had Salleh (1977), pelajaran yang diajar di rumah imam atau guru adalah pelajaran asas, seperti membaca al-Quran, tatacara solat, hukum hakam berpuasa dan perkara asas fardu ain, seperti tatacara bersuci dan hukum berkaitan halal dan haram atau dosa dan pahala.²²⁹ Hindun Lidin (1986) pula menyatakan bahawa selain daripada belajar al-Quran, ilmu-ilmu agama yang diajar adalah seperti kitab-kitab Usul (membicarakan tentang zat, sifat dan nama Allah s.w.t), kitab-kitab Fekah (membincangkan tentang hukum hakam Islam, solat, puasa, haji dan sebagainya) dan ilmu-ilmu atau hikayat-hikayat yang boleh mendatangkan pengajaran dan menambahkan ilmu pengetahuan.²³⁰

Memandangkan sistem pendidikan yang wujud pada masa itu hanyalah bertempat di rumah guru yang terhad, maka keadaan menjadi sesak kerana bilangan pelajar yang belajar semakin meningkat dari masa ke semasa. Apabila surau atau masjid didirikan bagi mengatasi masalah tersebut, maka pembelajaran juga turut berpindah dari rumah guru ke

²²⁷ Zawawi Hj. Ahmad, *Pendidikan Islam: Kaedah dan Teknik Pengajaran*.

²²⁸ Mohd Yusuf Mahmud, *Negara Islam, Pendidikan, Cabaran dan Pembentukan* (Shah Alam: NASA, 1986).

²²⁹ Awang Had Salleh, *Institusi Pondok Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden* (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1977).

²³⁰ Hindun Lidin, "Kesan Pendidikan Islam Terhadap Perubahan Sikap Pelajar-Pelajar Universiti Teknologi Malaysia" (Disertasi M.Ed, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986).

surau atau masjid. Mahmood Yaakob (1974) menyatakan bahawa terdapat pelajar yang datang dari jauh. Pelajar-pelajar ini akan berhadapan dengan masalah berulang alik atau tempat tinggal. Apabila para pelajar yang datang dari jauh semakin bertambah, maka pondok-pondok kecil mula didirikan di sekitar rumah guru. Oleh itu, maka wujudlah sistem pondok dalam pendidikan Islam di Tanah Melayu.²³¹

(b) Institusi Pondok

Pondok menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bererti madrasah dan asrama tempat mengaji (belajar agama dan lain-lain).²³² Istilah “pondok” berasal dari perkataan Arab yang bermaksud tempat menginap atau hotel. Di Indonesia terdapat beberapa nama yang sama maksud dengan pondok, seperti “pasantren” yang berasal dari perkataan santri yang bermaksud “pelajar agama”. Pasantren ialah tempat berkumpul dan menginap bagi para santri atau asrama bagi menerima pelajar agama. Pasantren merujuk kepada sekumpulan rumah yang terletak di sekeliling masjid atau rumah tuan guru.²³³

Maziah Yunus (1988) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pendidikan pondok merupakan satu pengajian agama berbentuk institusi yang terawal di negeri Kelantan dan juga di negeri Melayu yang lain.²³⁴ Muhammad Salleh Samat (1990) menambahkan bahawa sistem pengajian pondok dikatakan lebih teratur daripada pembelajaran di rumah guru atau di surau. Negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu merupakan antara negeri yang paling banyak menubuhkan sekolah-sekolah pondok. Di Kelantan, sekolah pondok mula

²³¹ Mahmood Yaakob, “Masyarakat Pondok di Pasir Mas” (Kertas Penyelidikan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1974).

²³² Kamus Dewan, ed. ke-4, 1224, entri “pondok”.

²³³ Abdul Samat Musa, “Sistem Pendidikan Islam di Kelantan Selepas Merdeka” (Latihan Ilmiah, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974).

²³⁴ Maziah Yunus, “Yayasan Islam: Sejarah dan Peranannya Dalam Pendidikan Islam di Negeri Kelantan” (Latihan Ilmiah, Penerbit Universiti Malaya, 1988).

diperkenalkan pada awal abad ke-19. Pada tahun 1870-an terdapat sekurang-kurangnya lapan buah pondok di Kedah.²³⁵

Kemunculan institusi pondok berkait rapat dengan peranan para ulama yang mahir dalam pengajian Islam. Kemunculan institusi ini juga adalah pengaruh daripada Tok Kenali. Pada kurun ke-20, Kelantan mendahului negeri-negeri Melayu lain sebagai pusat pengajian pondok walaupun sekolah pondok terawal dibangunkan di Terengganu. Sistem Pendidikan Islam ini mencapai zaman kegemilangannya pada permulaan abad ke-20 hasil daripada peranan para ulama yang berjaya melahirkan pelajar yang berkebolehan dan menanamkan semangat cintakan agama Islam dalam kalangan masyarakat. Ini diikuti pula dengan kegiatan penterjemahan dan usaha mengarang kitab-kitab agama oleh guru-guru yang bertaraf ulama. Kitab-kitab jawi karangan Tuan Tabal, Tok Wan Ali Kutan dan lain-lain lagi telah menambahkan lagi kemudahan bagi para pelajar agama apabila kitab-kitab tersebut dicetak.

Berbeza dengan Abdul Samat Musa (1976) yang berpandangan bahawa sistem pengajian pondok tidak mempunyai matlamat yang jelas. Penubuhan sekolah pondok ini mempunyai tujuan yang tersendiri, namun matlamatnya sahaja yang agak kabur jika dilihat dari perspektif semasa.²³⁶ Syafei Ahmad (1974) pula berpandangan bahawa terdapat beberapa faktor utama yang mendorong orang Islam untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah pondok, iaitu disebabkan kekurangan sekolah yang mempunyai sistem pendidikan, sama ada sekolah Melayu atau Inggeris sebagaimana hari ini dan perasaan khuatir kesucian agama Islam akan dirosakkan oleh sistem pengajian moden.

Struktur pendidikan pondok adalah berbentuk tradisional, di mana para pelajarnya tidak dihadkan umur dan syarat kemasukkan hanyalah berkebolehan membaca tulisan jawi dan al-Quran. Jangka masa pengajian pula bergantung kepada kemahuan pelajar itu sendiri

²³⁵ Muhammad Salleh Samat, *Ilmu Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).

²³⁶ Abdul Samat Musa, "Sistem Pendidikan Islam di Kelantan Selepas Merdeka".

tanpa dikenakan sebarang bayaran pengajian, sama ada bayaran bulanan atau tahunan. Peperiksaan bulanan atau tahunan juga tidak diadakan, malah kenaikan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi adalah berdasarkan kepada kemampuan dan kebolehan seseorang memahami pelajaran atau kitab yang dipelajari.²³⁷

Menurut Alias Deraman (1976), kebanyakan tenaga pengajar di institusi pondok adalah pelajar yang pernah menuntut di Pattani, Makkah dan Mesir selepas mendapat pendidikan asas di tempat mereka. Para pengajar ini tidak mempunyai kelulusan akademik dari universiti atau pun kolej, seperti diploma, sarjana muda, sarjana dan sebagainya, sebaliknya mempunyai kefahaman Islam yang tinggi, kuat beribadat dan memiliki sahsiah yang terpuji. Sifat-sifat tersebut mencerminkan ketokohan dan kealiman mereka. Sehubungan itu, masyarakat sangat menghormati mereka. Penghormatan dan kewibawaan para guru ini merupakan kuasa tertinggi dan alat penggerak bagi kesinambungan institusi pondok pada zaman silam.

Ahmad Mohd Salleh (2011) menyatakan bahawa sistem pembelajaran di institusi pondok adalah berbentuk *umūmī*, iaitu para pelajar duduk dalam halaqah dengan mengelilingi guru sambil menggunakan kitab. Guru akan membaca kitab dan memberikan huraian. Selain daripada itu, kaedah lain yang digunakan di institusi pondok ialah hafalan. Guru akan menetapkan kandungan atau potongan ayat yang perlu dihafal oleh pelajar secara bergilir-gilir di hadapan guru. Mata pelajaran yang diajar dengan kaedah tersebut ialah nahu, saraf, tauhid dan ayat-ayat al-Quran.²³⁸

Kesimpulannya, kurikulum di institusi pondok tidak mempunyai bentuk yang selaras. Setiap pondok mempunyai bentuk kurikulum yang tersendiri berbeza dengan

²³⁷ Abdullah Ishak, "Perkembangan Pelajaran Agama Islam di Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan Selepas Merdeka Hingga 1980: Satu Tinjauan Mengenai Kurikulumnya" (Disertasi M.Ed, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982).

²³⁸ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*.

pondok-pondok yang lain mengikut budi bicara para guru yang bertindak sebagai tenaga pengajarnya. Perbezaan ini berdasarkan kemampuan guru dan pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa persamaan dari segi jenis mata pelajaran yang diajar, iaitu kurikulum yang berbentuk keagamaan sahaja.

(c) Institusi Madrasah

Madrasah bermaksud tempat belajar (terutama berkenaan dengan agama Islam), sekolah, perguruan.²³⁹ Madrasah berasal daripada perkataan Arab, iaitu „*darasa*“ yang bermaksud mengajar, dan madrasah pertama dalam sejarah Islam adalah rumah Abu Abdillah al-Arqam bin al-Arqam.²⁴⁰

Pada awal abad ke-20, gerakan islah yang dipelopori oleh Sayid Jamaluddin al-Afghani (1839-1897) dan Muhammad Abduh (1849-1905) telah muncul di Timur Tengah. Gerakan ini dibawa masuk ke Semenanjung Tanah Melayu oleh Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falak, Syed Syeikh al-Hadi dan Dr. Burhanuddin al-Helmi. Pada akhir abad ke-19, terdapat ratusan pelajar-pelajar dari Tanah Melayu yang menuntut ilmu agama di Makkah. Terdapat sebahagian daripada mereka yang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di Universiti al-Azhar, Mesir seperti Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin. Apabila kembali ke Tanah Melayu, mereka menjalankan tugas dakwah dengan mengubah sikap orang Melayu ke arah memahami Islam dalam konteks yang syumul. Syed Syeikh al-Hadi telah menerbitkan majalah al-Imam pada tahun 1906 yang bertujuan untuk menyedarkan masyarakat Islam di rantau ini supaya mengubah sistem pendidikan yang sedia ada agar menjadi sebuah institusi yang dapat mendidik masyarakat menentang pengaruh sekularisme dan mengambil alih pentadbiran negara daripada penjajahan Barat.²⁴¹

²³⁹ Kamus Dewan, ed. ke-4, 973, entri “madrasah”.

²⁴⁰ Azizan Baharuddin, “Menghadiri Madrasah Ramadan”, Sinar Harian, 25 Jun 2014.

²⁴¹ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*.

Sistem pendidikan berbentuk madrasah adalah lebih formal dan sistematis berbanding pendidikan pondok. Kurikulumnya merangkumi kombinasi antara ilmu fardu ain dan fardu kifayah, seperti bahasa Arab, ilmu Hisab, ilmu Alam dan beberapa mata pelajaran lain yang dianggap penting dalam pendidikan Islam.²⁴² Mata pelajaran yang diajar bukan sahaja memfokuskan kepada aspek berkaitan ibadat dan tauhid semata-mata, malahan lebih komprehensif dengan memasukkan beberapa mata pelajaran lain seperti bahasa Arab, ilmu Hisab, Geografi dan lain-lain lagi.²⁴³

Ahmad Mohd Salleh (2011) menyatakan bahawa dalam tempoh 40 tahun, institusi pendidikan berbentuk madrasah telah berkembang dengan pesatnya di Semenanjung Tanah Melayu, seperti Al-Madrasah al-Misriyyah, Bukit Mertajam, Seberang Prai (1906), Madrasah Iqbal, Singapura (1908), Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang (1919), Madrasah al-Idrisiyyah, Kuala Kangsar, Perak (1922), Madrasah Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu (1925), Ma'ahad Ihya al-Syarif, Gunung Semanggol, Perak (1934), Al-Madrasah al-Mahmud, Alor Star, Kedah (1934) dan Al-Madrasah al-Alawiyyah al-Diniyyah, Arau, Perlis (1937).²⁴⁴

Sebagai rumusan, pentadbiran madrasah-madrasah di atas masih dijalankan secara bersendirian. Namun mata pelajaran dalam kurikulumnya adalah sama, iaitu kombinasi antara ilmu fardu ain dan fardu kifayah dengan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Kedua-dua sistem pengajian pondok dan madrasah yang berjalan sejak sekian lama di Tanah Melayu telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan agama Islam di rantau ini.

²⁴² Mohd Yusuf Mahmud, *Negara Islam, Pendidikan, Cabaran dan Pembentukan*.

²⁴³ Haron Din dan Sobri Salomon, *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*.

²⁴⁴ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*.

(d) Sistem Sekular

Pada era pasca kemerdekaan, institusi madrasah (sekolah Agama atau Arab) telah berhadapan dengan cabaran baru dalam meneruskan survival perkembangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Cabaran tersebut ialah kelahiran dasar pelajaran kerajaan Malaysia yang sekular yang mengakibatkan sekolah-sekolah agama atau madrasah ini menjadi lumpuh. Ini kerana dasar pelajaran yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia melalui Penyata Razak 1956 dan Penyata Abdul Rahman Talib 1960 telah membantutkan usaha-usaha untuk memartabatkan agama Islam dari aspek prospektus, iaitu jaminan ekonomi bagi lulusan daripada sekolah kerajaan.

Kebanyakan rakyat Malaysia menyedari faktor ekonomi merupakan satu keperluan asas dalam kehidupan manusia. Maka ibubapa lebih cenderung untuk menghantar anak-anak mereka untuk belajar di sekolah-sekolah kerajaan. Sekolah-sekolah agama menjadi lumpuh disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu kekurangan pelajar dan sumber kewangan. Pada peringkat inilah kerajaan mengambil kesempatan untuk campur tangan dengan mengambil alih sekolah-sekolah agama atau madrasah yang lumpuh dengan mengubahsuai kurikulumnya agar selaras dengan dasar Kerajaan Malaysia.

(e) Pendidikan Islam Pada Zaman Penjajah

Penjajah cuba menghapuskan pendidikan Islam di Tanah Melayu melalui pengenalan pendidikan sekular bermula dengan penubuhan *Penang Free School* (1816), *Raffles Institution* (1823), *Malacca Free School* (1878), *Victoria Institution* (1894) *King Edward VII*, Taiping (1906) dan beberapa buah sekolah *missionary* yang lain. Pada peringkat awal, penubuhan sekolah-sekolah Inggeris tidaklah dirasai oleh orang Islam kerana pengaruh pendidikan madrasah atau sekolah agama yang begitu kuat. Sekolah-sekolah Inggeris di bawah kendalian kerajaan dan mubaligh Kristian kemudiannya telah membuka pintu

seluas-luasnya kepada anak-anak Melayu, terutamanya anak-anak golongan berada di bandar.²⁴⁵

Apabila proses pensekularan pendidikan anak-anak orang Melayu berlaku secara berterusan, maka perkembangan institusi madrasah mula terancam dan terbantut. Dalam bidang pengajian Melayu, Bahagian Vernakular Melayu telah diwujudkan di bawah *Malacca Free School*. Kelas pengajian agama dan al-Quran pula telah diketepikan daripada jadual rasmi persekolahan dan diarah supaya diajar pada waktu petang sahaja. Pihak penjajah juga turut menubuhkan sekolah khas untuk anak-anak raja atau pembesar Melayu agar golongan elit Melayu tersebut akan meneruskan pendidikan sekular dan kesinambungan kepimpinan penjajah di Tanah Melayu. Natiujahnya, kebanyakan masyarakat Islam mula menerima pandangan yang memisahkan agama daripada urusan dunia dan wujudnya jurang pemisah antara golongan moden yang meneruskan sistem pendidikan sekular (Barat) dengan golongan tradisional (pendidikan Islam). Penjajah juga membiarkan sekolah-sekolah agama yang lumpuh tanpa pembelaan dengan alasan “hal ehwal agama adalah hak raja-raja negeri” dan membangunnya institusi ini adalah melalui pembiayaan MAIN atau JAIN masing-masing.

Ringkasnya, pendidikan Islam pada zaman ini menghadapi tekanan yang amat berat, seperti kemudahan belajar yang terhad dan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar Negara yang tidak disediakan. Tambahan pula kurikulum antara sesebuah negeri dengan negeri yang lain pula cukup berbeza dan system peperiksaannya dikendalikan sendiri oleh negeri masing-masing yang menyebabkan pengiktirafan sijilnya juga berbeza-beza. Keadaan ini berterusan sehinggalah ke zaman ini, di mana sekolah-sekolah agama dibiayai oleh kerajaan negeri dan kurikulumnya sukar untuk diselaraskan, kecuali beberapa buah

²⁴⁵ *Ibid.*

sekolah agama yang diserahkan kepada KPM pada tahun 1977 untuk dijadikan sebagai SMKA.²⁴⁶

(f) Pendidikan Islam Pasca Kemerdekaan Hingga Kini

Menurut Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), pendidikan Islam telah beroperasi di bawah zaman penjajahan selama lebih 400 tahun sehinggalah wujudnya Penyata Razak 1956 dan Penyata Abdul Rahman Talib 1960. Berdasarkan kedua-dua penyata tersebut, pendidikan Islam telah diletakkan bersama dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta Pelajaran 1961 telah memasukkan mata pelajaran Agama Islam di dalam jadual waktu dengan peruntukkan masa belajarnya hanya 120 minit seminggu.²⁴⁷

Pada akhir tahun 1960-an dan awal 1970-an, segolongan pelajar Islam yang menerima pendidikan dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) khususnya dari sekolah berasrama penuh telah menuntut agar masa untuk mata pelajaran Agama Islam ditambah dan pendidikan Islam perlu diajar di maktab-maktab perguruan. Mata pelajaran Agama Islam dan Tamadun Islam juga perlu diajar di pusat-pusat pengajian tinggi. Universiti Islam juga hendaklah diwujudkan dan mata pelajaran Agama Islam wajib diambil dalam peperiksaan awam. Cadangan untuk mengembalikan Islam yang syumul dalam masyarakat Melayu semakin bersemarak dan diterjemahkan dalam bentuk tunjuk perasaan di institusi-institusi pengajian tinggi, terutamanya dengan tertubuhnya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Desakan tersebut mencapai kemuncaknya dengan penubuhan Maktab Perguruan

²⁴⁶ Zainal Abidin Abdul Kadir, *Ke Arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam: Satu Pendekatan Bersepadu dalam Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*, ed. Abdul Halim El-Muhammadi (Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1994).

²⁴⁷ *Ibid.*

Islam (MPI)²⁴⁸ dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)²⁴⁹ pada awal tahun 1980-an. Pengajian Islam (Tamadun Islam) juga telah dijadikan sebagai satu mata pelajaran wajib di universiti. Pada tahun 1988, peruntukkan masa belajar bagi mata pelajaran Agama Islam telah ditambah dari 120 minit kepada 240 minit seminggu.

Pada akhir tahun 1980-an, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah menjadikan “kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan” sebagai dasar pendidikannya dan mendokong hasrat FPI. FPN telah meletakkan pembinaan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani ke arah melahirkan insan yang sepadu yang tunduk dan patuh kepada Tuhan. Keseluruhan struktur kurikulum pendidikan kebangsaan telah dipinda agar setiap mata pelajaran yang diajar sama-sama mendokong cita-cita FPN dengan menerapkan nilai-nilai murni sejagat. Penubuhan SMKA, kewujudan KAA di SMK dan juga mata pelajaran elektif seperti Tasawwur Islam, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (PQS), dan Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) di peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) dan Usuluddin dan Syariah di peringkat menengah tinggi (Tingkatan 6) membuktikan bahawa sistem pendidikan kebangsaan telah mendokong pembangunan pendidikan Islam.

Bermula tahun 2005, kerajaan telah memperkenalkan program jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) di sekolah rendah. Program j-QAF bertujuan untuk memperkukuhkan penguasaan tulisan jawi, memastikan murid-murid khatam al-Quran di sekolah rendah, mewajibkan pelajaran bahasa Arab, dan memantapkan amalan dan penghayatan fardu ain. Program ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkukuhkan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan dan memperkasakan sekolah kebangsaan. Terdapat 4 model utama dalam pelaksanaan program

²⁴⁸ “Maktab Perguruan Islam Kini dikenali Sebagai Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam”, laman sesawang *Portal Kementerian Pendidikan Malaysia*, dicapai 23 Februari 2017, <http://ipgkpi.moe.edu.my>.

²⁴⁹ “Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia”, laman sesawang *Website UIAM*, dicapai 17 April 2016, <http://www.iium.edu.my/about-iium/iiumhistory>.

j-QAF, iaitu Model Pemantapan Jawi (Model Kelas Pemulihan Jawi dan Model Pengukuhan Jawi), Model Khatam al-Quran (Model Tasmik, Model 6 Bulan, Model Integrasi dan Model Kelas Khas al-Quran), Model Bahasa Arab Wajib (Model Perluasan Bahasa Arab Komunikasi) dan Model Fardu Ain (Model PAFA-KAFA, Model Kombinasi j-QAF dan Model Bestari Solat).²⁵⁰

Kerajaan di bawah pimpinan Abdullah Haji Ahmad Badawi²⁵¹ telah melancarkan PIPP 2006-2010 pada 16 Januari 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.²⁵² Pelancaran tersebut bertujuan untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama yang merupakan salah satu kunci utama untuk membolehkan negara mencapai Wawasan 2020. Agenda membina dan memupuk modal insan generasi masa depan ini amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara. Justeru itu, PIPP 2006-2010 telah dirangka untuk melaksanakan dan merealisasikan satu sistem pendidikan yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia. PIPP 2006-2010 telah menggariskan enam teras utama, iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan Sekolah Kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Sistem pendidikan negara melangkah ke satu fasa baru apabila PPPM 2013-2025 diperkenalkan oleh kerajaan. Seajar dengan FPK, PPPM 2013-2025 menekankan aspirasi-aspirasi seperti pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional untuk setiap pelajar. Melalui aspirasi etika dan kerohanian, sistem pendidikan negara akan mendidik setiap pelajar supaya berani menghadapi cabaran masa depan, menyelesaikan konflik secara aman, membuat keputusan

²⁵⁰ Kertas Kerja Konsep Pelaksanaan j-QAF, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), KPM.

²⁵¹ Abdullah Haji Ahmad Badawi ialah Perdana Menteri Malaysia ke-5, 31 Oktober 2003 hingga 3 April 2009.

²⁵² Kertas Kerja Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010.

yang wajar dalam situasi kritikal, dan mempunyai keberanian melakukan perkara yang betul. Penekanan diberikan kepada setiap pelajar dengan mewujudkan satu set prinsip, termasuk nilai bersama yang kukuh yang didukung oleh semua rakyat Malaysia, iaitu kerohanian (mempunyai pegangan agama yang kuat dan mengamalkannya sebagai asas hidup, serta mendukung standard moral yang tinggi); integriti (mempunyai keberanian, disiplin, dan semangat untuk melakukan perkara yang betul); dan tanggungjawab sivik (bertindak untuk kebaikan negara, mengambil berat terhadap orang lain dan alam sekitar, dan memiliki keupayaan yang mendalam untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat).²⁵³

2.7.2 Sekolah-Sekolah Agama Masa Kini

Institusi pendidikan agama pada masa kini dibiayai oleh KPM, JAIN, MAIN atau pun pembiayaan sendiri. Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) (1988) dalam satu kajiannya melaporkan bahawa keseluruhan sekolah agama di Malaysia terletak di bawah tanggungjawab pihak-pihak berkuasa yang berlainan. Dari segi pentadbiran, sekolah agama pada masa kini adalah diklasifikasikan kepada empat jenis, iaitu SAN, Sekolah Agama Rakyat (SAR), SMKA dan SABK.

(a) Sekolah Agama Negeri (SAN)

Sekolah Agama Negeri (SAN) terletak di bawah pengurusan dan kelolaan MAIN atau JAIN. Walau bagaimanapun, di sesetengah negeri SAN diletakkan di bawah badan tertentu yang bertanggungjawab menggubal dasar serta mentadbir sekolah-sekolah tersebut. Contohnya, SAN di Kelantan dan Melaka diselenggarakan oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Lembaga Pendidikan Islam Melaka (LPIM).

²⁵³ Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 (2012), 37-38.

Memandangkan SAN ditadbir oleh kerajaan negeri, maka terdapat perbezaan antara sesebuah sekolah di sesebuah negeri dengan negeri yang lain dari segi pentadbiran dan sukatan pelajaran. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1963, sekolah-sekolah ini telah pun menerima sukatan pelajaran KPM, di mana sekolah-sekolah ini telah mengadakan peperiksaan Sijil Rendah pelajaran (SRP) pada tahun 1963 dan peperiksaan SPM pada tahun 1965. Mulai tahun 1968, sekolah-sekolah ini mewujudkan Tingkatan 6 aliran agama dan sastera bagi membolehkan murid-muridnya mengambil peperiksaan STPM serta berpeluang melanjutkan pengajian di Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang ditubuhkan pada tahun 1970.

Pentadbiran SAN yang terletak di bawah MAIN atau JAIN juga adalah berbeza mengikut negeri. Jawatankuasa Kemajuan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia dalam mesyuaratnya yang ke-12 dan ke-13 telah bersetuju untuk membuat penyeragaman antara MAIN atau JAIN sebagaimana cadangan MAMPU dalam Kajian Penyusunan Semula Majlis Agama Islam Negeri pada 5 Mei 1984.

(b) Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Sekolah Agama Rakyat (SAR) ialah sekolah agama atau Arab yang dikendalikan oleh rakyat dari segi pentadbiran, kewangan, perjawatan, sukatan pelajaran dan lain-lain lagi. SAR terletak di bawah kelolaan lembaga atau jawatankuasa pengelola sekolah masing-masing. Pentadbirannya dijalankan oleh Pengetua dan dipantau oleh lembaga atau jawatankuasa pengelola sekolah. Tidak terdapat sebuah badan berkuasa yang mewakili kerajaan dalam menjalankan peranan sebagai penentu dan mengawal perjalanan sekolah-sekolah tersebut.²⁵⁴

²⁵⁴ Ahmad Mohd Salleh, Kurikulum, *Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*, 415.

Walaupun SAR berada di bawah kuasa persendirian, tetapi menurut Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam di sesetengah negeri, MAIN atau JAIN yang bertanggungjawab terhadap pelajaran Agama Islam. Oleh itu, SAR digalakkan supaya berdaftar dengan majlis atau jabatan tersebut. Tujuan pendaftaran bagi memudahkan pihak kerajaan sama ada kerajaan negeri atau pusat menyalurkan bantuan dan nasihat kepada sekolah-sekolah berkenaan.

Kurikulum bagi mata pelajaran akademik antara SMKA, SAN dan SAR adalah sama. Boleh dikatakan semua sekolah ini menggunakan kurikulum KPM. Ini bertujuan untuk membolehkan para pelajar mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), SPM dan STPM yang dikeluarkan oleh KPM. Manakala kurikulum bagi mata pelajaran Agama Islam pula disediakan oleh MAIN atau JAIN berbanding kurikulum di SMKA yang disediakan oleh KPM. Perbezaan kurikulum ini turut menyebabkan penggunaan buku teks yang berbeza-beza antara sekolah-sekolah dalam negeri-negeri yang tertentu. Namun begitu, terdapat beberapa buah negeri yang menyamai kurikulum mata pelajaran Agama dengan negeri yang lain kerana sijil yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah berkenaan telah diiktiraf oleh beberapa buah institusi pengajian agama dari dalam mahupun luar negeri.

Kesimpulannya, pengurusan dan pentadbiran SMKA adalah lebih baik dan tersusun daripada SAN. Manakala pentadbiran SAN pula lebih tersusun daripada SAR. Pada asasnya, SAN dan SAR menghadapi masalah yang hampir sama, iaitu bentuk dan keupayaan pentadbiran yang berbeza antara negeri.

(c) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) terletak di bawah pengawasan dan kelolaan BPI KPM. SMKA dikhususkan untuk peringkat menengah sahaja, iaitu bermula

dari tingkatan satu. Urusan pentadbiran dan keperluan SMKA adalah sebagaimana sekolah-sekolah lain, iaitu di PPD dan JPN. Keputusan-keputusan utama dan dasar-dasar dibuat oleh kementerian. Di samping itu, terdapat pegawai-pegawai yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan sekolah-sekolah ini. Manakala Pengetua sekolah-sekolah tersebut juga diberi latihan bukan sahaja dalam bidang PdP atau PdPc, tetapi juga dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Pengkaji akan melanjutkan perbincangan tentang SMKA di bab 2.7.4 di bawah.

(d) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ialah sekolah agama rendah dan menengah yang terletak di bawah kerajaan negeri yang berdaftar dan ditadbir oleh KPM. KPM hanya membantu pihak sekolah dari segi kemudahan prasarana, bantuan kewangan dan menguruskan penjawatan guru. Manakala pengurusan akademik (kurikulum), pemilihan bangunan atau tanah, dan sebagainya masih di bawah bidang kuasa JAIN. Ini bermakna sebelum dinaiktaraf menjadi SABK, sekolah ini pada asalnya ialah SAN atau SAR. Apabila sesebuah SAR dan SAN berdaftar sebagai SABK, maka kerajaan akan mempertingkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran, kualiti pengajaran dan pembelajaran, kualiti pengurusan sumber manusia dan kualiti prasarana dan kemudahan persekolahan.

Antara kelebihan pendaftaran SAR dan SAN sebagai SABK ialah sekolah akan menerima bantuan sumbangan bagi urusan pentadbiran sekolah, menerima bantuan modal bagi menampung keperluan pembangunan fizikal sekolah, menerima bantuan insentif (khusus untuk SAR) setelah memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani, menerima guru terlatih sekiranya guru sedia ada tidak mencukupi, dan kurikulum agama serta pelaksanaan STAM dikekalkan. Manakala kelebihan kepada guru dan staf ialah berpeluang

untuk diserapkan ke dalam perkhidmatan kerajaan, menikmati gaji dan elaun yang setaraf dengan kelayakan, berpeluang mendapat kenaikan pangkat, mendapat kemudahan kerajaan, mengikuti kursus ikhtisas, melanjutkan pelajaran dan menyertai aktiviti anjuran KPM. Bagi pelajar pula, mereka berpeluang mendapat bantuan, berpeluang bersaing dengan murid atau pelajar daripada aliran perdana, berpeluang untuk menyertai dalam aktiviti anjuran KPM, berpeluang melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah KPM yang terbaik dan berpeluang mendapat pendidikan yang lebih berkualiti.²⁵⁵

2.7.3 Sejarah dan Falsafah Pendidikan Islam

Pelaksanaan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan adalah berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung dalam Penyata Razak 1956, Penyata Abdul Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Perakuan bagi ketiga-tiga penyata atau akta tersebut memperuntukkan supaya mata pelajaran Pendidikan Islam atau Agama Islam diajar di mana-mana sekolah yang didaftarkan apabila terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar yang beragama Islam.

Pada peringkat awal, mata pelajaran Agama Islam diajar di luar jadual waktu persekolahan (waktu petang). Sehingga tahun 1962, barulah mata pelajaran Agama Islam atau Pengetahuan Agama Islam dimasukkan ke dalam jadual rasmi persekolahan dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran sebanyak 120 minit seminggu. Kurikulum pelajaran memfokuskan kepada asas-asas agama Islam, seperti aspek akidah, ibadah, sirah, akhlak dan pengajaran daripada al-Quran dan Hadis pilihan. Pada peringkat ini, guru hanya menumpukan PdP sebagai proses penyampaian ilmu tentang agama Islam seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran berbanding pencapaiannya dalam aspek amalan dan penghayatan Islam. Oleh itu, mereka lebih banyak menghafal fakta daripada

²⁵⁵ Portal Rasmi KPM, 01 Disember 2014.

menghubungkan dengan amalan dan penghayatan Islam yang sebenar. Mata pelajaran Agama Islam hanyalah untuk mengenal asas agama dan sekadar untuk lulus dalam peperiksaan PMR dan SPM sahaja.

Menyedari kelemahan-kelamahan yang berlaku dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, maka Jawatankuasa Mengkaji Mata Pelajaran Agama Islam di sekolah telah dibentuk pada tahun 1974 untuk mengkaji aspek kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta penyeliaan ke atas mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam. Hasil kajian ini telah dilaporkan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 yang antara lainnya menyatakan:

Mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah sekarang belum lagi mencapai satu peringkat yang diharapkan. Keadaan ini timbul kerana kebanyakan guru-guru agama ini tidak mempunyai kelayakan ikhtisas yang diperlukan. Di samping itu, mereka juga tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya.

(Perkara 29)

Pendidikan Agama Islam seperti yang dijalankan pada masa itu kurang menitikberatkan aspek-aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki.

(Perkara 348.3)

Ringkasnya, pendidikan Islam merupakan suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan cara hidup sebagai hamba Allah s.w.t yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.

2.7.4 Sejarah Penubuhan SMKA

Penubuhan SMKA bermula dengan pengambilalihan sebelas buah SMAN dan SMAR oleh KPM pada Januari 1977.²⁵⁶ Pada tahun 2016, bilangan SMKA telah meningkat kepada 58 buah sekolah tidak termasuk KISAS, SMAP Labu dan SMAP Kajang yang diletakkan di bawah pentadbiran Unit Asrama penuh KPM.²⁵⁷ Penubuhan SMKA adalah cadangan daripada Nik Mohamad Mohyidden Wan Musa yang merupakan Pengarah Bahagian Agama KPM pada ketika itu.²⁵⁸ Penubuhan tersebut adalah seiring dengan usaha pemodenan sistem pendidikan negara yang bertujuan untuk menambahbaikkan sistem pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama. Abdul Hamid Othman dan Zainal Abidin Abdul Kadir telah melaksanakan cadangan tersebut pada tahun 1977.²⁵⁹

Pengurusan SMKA telah diletakkan di bawah BPI. BPI juga turut menguruskan empat buah institusi yang lain, iaitu Pengurusan Pendidikan Islam (PPI), Pengurusan Institusi Pendidikan Agama (PIPA), Pengurusan Dakwah dan Syiar Islam (PDSI) dan SABK. Untuk memudahkan pengurusan, institusi-institusi BPI ini telah dipecahkan kepada 7 buah sektor dan 2 jenis sekolah, iaitu Sektor Operasi Pendidikan Islam (SOPI), Sektor Khidmat Pengurusan (SKP), Sektor Pembangunan Profesionalisme dan Penyelidikan (SPPP), Sektor Kemajuan Sekolah Agama (SKSA), Sektor Penyelarasan Bantuan Sekolah Agama (SPBSA), Sektor Dakwah dan Kepimpinan (SDK), Sektor Pembangunan Akhlak dan Syiar Islam (SPASI), SMKA dan SABK.²⁶⁰

Selain daripada menguruskan institusi-institusi di atas, BPI juga turut menyelia beberapa program khas pendidikan Islam, seperti program jawi, al-Quran, bahasa Arab dan

²⁵⁶ Ahmad Sahli Mohd Hasan, "Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di SMKA Falahiah Pasir Pekan", 42.

²⁵⁷ Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, 108.

²⁵⁸ Ahmad Sahli Mohd Hasan, "Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di SMKA Falahiah Pasir Pekan", 42.


²⁵⁹ "Latarbelakang SMKA Kedah", laman sesawang *Blogspot.com*, dicapai 25 Julai 2016, http://smka.kedah.edu.my/?page_id=5.

²⁶⁰ "Pengurusan SMKA", laman sesawang *Portal Rasmi BPI*, dicapai 29 November 2014, <https://www.moe.gov.my/index.php/my/korporat/jabatan-dan-bahagian/bahagian-pendidikan-islam>.

Fardu Ain (j-QAF); penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA); Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ); program kecemerlangan dan pembangunan sahsiah murid, dan program SUMUR. Program j-QAF adalah suatu usaha memperkasakan pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain yang dilaksanakan di peringkat persekolahan rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum, model dan modulnya yang tersendiri. Sementara PAFA pula merupakan suatu pentaksiran berterusan berasaskan sekolah yang terkandung dalam Kurikulum Standart Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standart Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam yang ingin dipastikan benar-benar diketahui, difahami, diamalkan dan dihayati oleh setiap murid Islam dengan betul dan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh hukum syarak.

KKQ pula adalah suatu aktiviti untuk memperkasakan kemahiran al-Quran melalui penekanan khusus dalam bidang tajwid, *rasm Uthmani*, hafazan, ulum al-Quran, *qira'atal-Sab'i* dan tarannum yang dilaksanakan di SMKA, SBP (Agama), SBPI, SABK dan KAA. Selain itu, program kecemerlangan dan pembangunan sahsiah murid pula merupakan program membentuk modal insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek, seperti debat bahasa Arab, program kecemerlangan akademik SMKA dan SABK, Majlis Tadarus al-Quran Sekolah-Sekolah (MTQSS), Majlis Ihtifal Sekolah-Sekolah (MISS), Festival Nasyid Sekolah-Sekolah (FNSS), Nadwah Kepimpinan Islam (NKI), sambutan hari kebesaran Islam, khemah ibadat dan lain-lain lagi. Modul SUMUR pula bertujuan untuk melahirkan pelajar yang memiliki personaliti terpuji, boleh dicontohi oleh pelajar-pelajar lain, sentiasa menuntut ilmu dan mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi cabaran globalisasi.²⁶¹

²⁶¹ Pamphlet Informasi Bahagian Pendidikan Islam (BPI), 2014.



Rajah 2.3: Kedudukan SMKA di Bawah Kendalian BPI²⁶²

Objektif utama penubuhan SMKA adalah bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dalam kurikulum dan kokurikulum, melahirkan pelajar yang mengamalkan akhlak mulia, membentuk generasi pelajar sebagai pemimpin yang boleh diteladani, melahirkan pelajar yang mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi cabaran budaya yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam, dan menyediakan pelajar yang dapat memberi sumbangan yang berkesan bagi memenuhi keperluan negara dan ummah.²⁶³

Kewujudan SMKA adalah lebih istimewa berbanding dengan sekolah-sekolah agama yang lain, seperti SABK, SAN atau pun SAR. Persekitaran sekolah yang *mutadayyinah* banyak membentuk pelajar untuk mengamalkan budaya hidup Islam; pelajar-pelajar juga diberikan pelbagai peluang untuk melanjutkan pelajaran sama ada di dalam mahupun di luar negeri; para pelajar berkemampuan untuk menguasai bahasa Arab, tulisan jawi dan kemahiran al-Quran sesuai dengan kepakaran yang dimilikinya; para pelajar berpotensi untuk menjadi tenaga pakar yang mempunyai kefahaman Islam; dan seterusnya berkemampuan untuk melahirkan pendakwah, ulama dan umarak yang bertanggungjawab, adil dan berhikmah.

²⁶² Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Islam (30 Oktober 2014).

²⁶³ “Objektif Penubuhan SMKA”, laman sesawang *Portal Rasmi KPM*, dicapai 30 November 2014. <https://www.moe.gov.my/index.php>.

Sebagai kesimpulan, dalam membincangkan sejarah penubuhan SMKA, pengkaji terlebih dahulu mengemukakan sejarah perkembangan pendidikan Islam di Malaysia yang bermula di rumah imam atau guru, kemudiannya diteruskan di institusi pondok dan madrasah sehinggalah pada zaman sekular, zaman penjajah, zaman pasca kemerdekaan sehingga kini. Perbincangan juga berkaitan tentang jenis-jenis sekolah agama yang terdapat pada masa kini, seperti SMKA, SABK, SAN dan SAR. Sejarah dan falsafah pendidikan Islam pula dihuraikan dengan terperinci dan akhirnya pengkaji membicarakan tentang sejarah penubuhan SMKA yang bermula dengan pengambilalihan SMAN dan SMAR oleh KPM pada tahun 1977.

2.8 Modul SUMUR

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan tentang definisi modul SUMUR, seterusnya diikuti dengan sejarah pengubalan dan rintis modul SUMUR, matlamat dan objektif modul SUMUR, dan sukatan modul SUMUR yang digunakan di SMKA di Malaysia

2.8.1 Definisi Modul SUMUR

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, modul bermaksud unit atau bahagian tersendiri yang lengkap dengan komponennya yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkaikan dengan unit-unit lain dalam sesuatu yang lebih besar. Modul juga membawa maksud kursus, pelajaran (latihan dan sebagainya) yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran.²⁶⁴

Manakala SUMUR pula adalah ringkasan daripada ungkapan “Sahsiah Unggul Murid”. Ia adalah sejenis modul sahsiah yang memfokuskan kepada aspek pembangunan

²⁶⁴ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1040, entri “modul”.

sahsiah dan akhlak pelajar, khususnya di SMKA dan SABK. Modul SUMUR terbahagi kepada empat program SUMUR utama, iaitu program *Mutadayyin*, Berbudi Bahasa, Penampilan Diri dan Jati Diri, serta dikendalikan oleh SPASI BPI.

2.8.2 Sejarah Pengubalan dan Rintis Modul SUMUR

Modul SUMUR adalah cetusan idea daripada Hishamuddin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia. Hasrat ini telah disambut baik oleh JAPIM KPM dengan mencetuskan Modul 5C, iaitu Murid Contoh, Murid Cerdas, Murid Cerdik, Murid Cergas dan Murid Ceria. Modul SUMUR berhasrat untuk melahirkan pelajar yang memiliki akhlak yang terpuji, boleh menjadi *role model* kepada para pelajar, cemerlang dalam menuntut ilmu, mengamalkan kesihatan yang baik dalam kehidupan seharian; mempunyai jati diri dalam menghadapi cabaran hidup, berkarisma dan memiliki daya kepimpinan, dan bersemangat patriotisme.

Modul SUMUR yang dibangunkan oleh Hj. Zulkarnain, Penolong Kanan SMKA Maahad Muar telah dilancarkan oleh Noh Omar, Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia pada 29 Oktober 2007 di SAM Tanjung Karang, Kuala Selangor, Selangor.²⁶⁵ Susulan daripada itu, sebanyak sepuluh buah sekolah rintis dipilih bagi melaksanakan modul tersebut iaitu;

²⁶⁵ Suhaimi Hamid (Penolong Pengarah Pengurusan Kepimpinan, Sektor Pendidikan Islam JPN Perak), dalam temu bual dengan penulis, 8 Februari 2017.

- i. SMKA Maahad Muar, Johor;
- ii. SMKA Sultan Muhammad, Melaka
- iii. SMKA Nibong Tebal, Pulau Pinang
- iv. SMKA Naim Lil-Banat, Kelantan
- v. SMKA Sheikh Hj Othman Wahab, Sarawak
- vi. SABK Imtiaz Dungun, Terengganu
- vii. SABK SAM Tanjung Karang, Selangor
- viii. SABK Maahad Al-Aziz, Parit Perak
- ix. SABK SMA Al-Maarif, Kuantan, Pahang
- x. SABK SMA Al-Nahdah, Yan, Kedah

Mesyuarat pemurnian modul SUMUR telah diadakan pada 12-15 Mac 2008 di Hotel Quality, Shah Alam dan dihadiri oleh guru-guru dari sekolah rintis tersebut. Mesyuarat Pengurusan BPI Bil.2/2010 pada 8 Februari 2010, pula memutuskan bahawa modul SUMUR hendaklah diserahkan kepada Operasi Dakwah (OD) BPI dan dilaksanakan mulai tahun 2010 di semua SMKA dan SABK seluruh negara.²⁶⁶ Aktiviti pelaporan berpusat dilaksanakan di semua SMKA dan SABK pada tahun 2012, iaitu di zon utara, tengah, selatan, timur, Sabah dan Sarawak. Menurut Salehuddin Hj. Arshad, semenjak tahun 2013 modul SUMUR telah berjaya dilaksanakan di 56 buah SMKA dan 159 buah SABK kelolaan BPI. Pelaksanaan modul SUMUR pula terus meningkat di SABK pada tahun 2014 sehingga mencecah 226 buah sekolah. Pihak BPI menjalankan aktiviti

²⁶⁶ Surat Arahan: KP BPI(OD)5206/3/5.10 (3) bertarikh 09 April 2010.

pemantauan di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara bagi memastikan pelaksanaan modul ini berjalan sebagaimana dirancang.²⁶⁷

2.8.3 Matlamat dan Objektif Modul SUMUR

Modul SUMUR digubal dengan matlamat dan objektif yang jelas. Antara matlamat tersebut ialah:

- i. Untuk melahirkan pelajar yang memiliki personaliti yang terpuji dan boleh dicontohi oleh pelajar-pelajar lain.
- ii. Untuk menggalakkan pelajar agar sentiasa menuntut ilmu demi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.
- iii. Untuk melahirkan pelajar yang boleh mempraktikkan amalan penjagaan kesihatan yang cemerlang dalam kehidupan seharian.
- iv. Untuk melahirkan pelajar yang sentiasa berusaha meningkatkan daya kepimpinan dan bersemangat patriotisme.
- v. Untuk melahirkan pelajar yang mempunyai ketahanan dan jati diri dalam menghadapi cabaran hidup.

2.8.4 Sukatan Modul SUMUR

Silibus atau *silyabus* bermaksud sukatan pelajaran. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, sukatan pelajaran bererti butir-butir ringkas daripada mata pelajaran yang diberikan (di sekolah dan lain-lain).²⁶⁸ Rajah 2.4 di bawah adalah sukatan dan perincian bagi modul

²⁶⁷ Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR), Sektor Pembangunan Nilai dan Akhlak (SPASI) BPI KPM 2014. Salehuddin Hj. Arshad (Penolong Pengarah Pengurusan Dakwah, Sektor Pendidikan Islam JPN Perak), dalam temu bual dengan penulis, 2 Februari 2017.

²⁶⁸ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1536, entri “silibus”.

SUMUR, dan diikuti dengan aspek-aspek yang terkandung dalam keempat-empat program SUMUR utama, iaitu program *Mutadayyin*, Berbudi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri.

Program Mutadayyin (FEB – MAC)	Program Berbudi Bahasa (APRIL – MEI)
1. Solat Berkualiti 2. Tadarrus al-Quran 3. Amalan Zikir dan Doa Harian	1. Laras Bahasa 2. Hormat Menghormati 3. Tolong Menolong 4. Mengenang Budi
Program Jati Diri (JUN – JULAI)	Program Penampilan Diri (OGOS – SEPT)
1. Berkeyakinan 2. Sabar dan Tabah 3. Tetap Pendirian 4. Semangat Juang	1. Pemakaian 2. Adab Sopan 3. Kepemimpinan 4. Sikap Positif dan Proaktif

Rajah 2.4: Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR)²⁶⁹

2.9 Pelaksanaan Modul SUMUR

PK. HEM, penyelaras dan murabbi (guru) adalah antara individu yang bertanggungjawab secara langsung dalam menjayakan pelaksanaan modul SUMUR di sekolah. Sebelum dilaksanakan, pelajar perlu diperjelaskan secara terperinci tentang pelaksanaan setiap program supaya mereka memahami dan menyedari bahawa modul tersebut sedang berlangsung dan mereka terlibat dalam pelaksanaan modul tersebut, di samping pernyataan-pernyataan berbentuk banner dan bunting yang dipamerkan sepanjang modul itu berlangsung. Proses penilaian bagi setiap program SUMUR utama adalah mengikut kumpulan usrah BADAR yang dilaksanakan sekali sebulan. Menurut Heder Hamzah,

²⁶⁹ Sumber: Kertas Makluman Mesyuarat BPI Bersama KS SPI JPN Bertajuk Pelaksanaan Program SUMUR di SMKA dan SABK (2014, 8).

penilaian pelajar perlu dibuat sebanyak empat kali dalam setahun, iaitu dua minggu sekali bagi tempoh dua bulan setiap modul itu berlangsung.²⁷⁰

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan pelaksanaan modul SUMUR secara terperinci bermula dengan rangkaian penggerak dan jawatankuasa pelaksanaan SUMUR sekolah; aspek pelaksanaan modul SUMUR; pelan tindakan pelaksanaan modul SUMUR; dan medium pelaksanaan modul SUMUR.

2.9.1 Rangkaian Penggerak dan Jawatankuasa Pelaksana SUMUR Sekolah


Pengkaji akan menghuraikan tentang rangkaian penggerak SUMUR sekolah yang terdiri daripada Pengetua, PK. HEM, Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) Pendidikan Islam, penyelarass SUMUR, murabbi, naqib dan naqibah serta pelajar; dan seterusnya diikuti dengan ahli jawatankuasa SUMUR sekolah.

(a) Rangkaian Penggerak SUMUR Sekolah

Antara faktor penting yang menentukan kejayaan sesuatu modul yang dijalankan ialah kewujudan pasukan penggerak. Mereka berperanan penting dalam menggerakkan sesuatu modul sebelum peranan mereka diteruskan oleh jawatankuasa pelaksana modul.

Rajah 2.5 di bawah menunjukkan rangkaian penggerak dalam menjayakan modul SUMUR di sekolah.

²⁷⁰ Heder Hamzah (Penolong Pengarah Penyelarasan Bantuan Sekolah Agama, Sektor Pendidikan Islam JPN Perak), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2017.



Rajah 2.5: Rangkaian Penggerak SUMUR Sekolah²⁷¹

i. Pengetua, PK HEM dan Guru Kanan Mata Pelajaran

Pengetua berasal dari perkataan “ketua”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pengetua ialah orang yang mengetuai (mengepalai), ketua.²⁷² Dengan kata lain, pengetua merupakan individu yang berpengaruh kerana peranannya yang penting dan tanggungjawabnya yang besar dalam mengetuai dan menjadikan sesebuah sekolah, kolej, institut dan sebagainya sebagai sesebuah institusi pendidikan. Sesebuah dasar yang dicetuskan oleh kerajaan atau kementerian tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa mendapat arahan, dokongan, pemantauan dan penilaian secara langsung daripada pengetua. Oleh itu, modul SUMUR perlu mendapat sokongan daripada pengetua untuk memastikan modul tersebut dapat dilangsungkan dengan jayanya di sekolah.

PK. HEM juga antara individu yang bertanggungjawab menggerakkan pelaksanaan modul SUMUR di sekolah. Ini kerana tanggungjawab PK HEM di sekolah adalah berkaitan secara langsung dengan pelajar, seperti pengurusan sistem sahsiah sekolah, badan pengawas sekolah, pendaftaran dan pertukaran pelajar, pengurusan kad 001 atau aplikasi

²⁷¹ Modul Sahsiah Unggul Murid (2013), 22.

²⁷² Kamus Dewan, ed. ke-4, 778, entri “ketua”.

pengkalan data pelajar, buku jadual waktu kedatangan (e-kehadiran), lembaga sahshiah dan tatatertib sekolah, pengurusan sahshiah sekolah, lawatan dan perhubungan, pengurusan asrama, kebajikan, keselamatan, kebersihan, kesihatan, biasiswa, buku teks dan kantin sekolah.²⁷³ Menurut Halimi Kasdi, termasuk juga dalam bidang kuasa tugas HEM ialah menganjurkan program-program pembangunan pelajar, seperti program SUMUR, bimbingan dan kaunseling, kursus dan motivasi, dan program masjid dan sahshiah.²⁷⁴

Begitu juga dengan peranan Guru Kanan Mata pelajaran (GKMP). Terdapat lima orang GKMP di sekolah, iaitu Guru Kanan Bahasa, Kemanusiaan, Sains dan Matematik, Teknologi dan Vokasional, dan Pendidikan Islam. Mereka terlibat secara langsung dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah; pengurusan kurikulum; pengurusan hal ehwal murid, disiplin dan sahshiah; pengurusan ko-kurikulum, pengurusan iklim sekolah atau asrama; pengurusan kebajikan, pengurusan bimbingan dan kaunseling; pengurusan asrama; pengurusan pengiktirafan; dan pengurusan perhubungan dan dokumentasi.²⁷⁵

ii. Guru Kanan Mata pelajaran (GKMP) Pendidikan Islam

Mata pelajaran ialah jenis ilmu pengetahuan yang diajarkan (di sekolah, maktab, dan lain-lain).²⁷⁶ Di antara mata pelajaran yang diajarkan di sekolah termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam. Khurshid Ahmad menyatakan pendidikan Islam sebagai satu latihan *,aqliyah, jasmaniah* dan *rūḥiyah* yang bertujuan untuk melahirkan manusia, sama ada lelaki mahupun perempuan. Manakala Izzuddin al-Tamimi menghuraikan pendidikan Islam

²⁷³ Buku Pengurusan Sekolah dan Takwim SMKA Slim River (2014), 29-32.

²⁷⁴ Halimi Kasdi (PK. HEM, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 17 November 2016.

²⁷⁵ Buku Pengurusan Sekolah dan Takwim SMKA Slim River (2014), 16-48.

²⁷⁶ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1005-1006, entri “ajar/mata”.

sebagai pendidikan yang sebenar yang mampu memperbaiki kehidupan manusia dan mewujudkan keseimbangan peribadi seseorang insan.²⁷⁷

Di sekolah, GKMP Pendidikan Islam bertanggungjawab secara langsung dalam memastikan modul SUMUR dilaksanakan dengan jayanya di sekolah. Ini kerana sekiranya modul SUMUR dilaksanakan dengan baik, ia akan meningkatkan sahsiah dan jati diri pelajar serta mengurangkan salah laku disiplin dalam kalangan pelajar.. Modul SUMUR yang terdiri daripada program *Mutadayyin*, Berbudi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri amat berkait rapat dengan falsafah, matlamat dan bidang Pendidikan Islam. Oleh itu, GKMP Pendidikan Islam antara pihak pentadbir sekolah yang harus memunjukkan komitmen yang tinggi dalam memperjuangkan kemenjadian pelajar menerusi modul SUMUR.

iii. Penyelaras SUMUR

Penyelaras adalah merujuk kepada orang yang kerjanya (ditugaskan untuk) menyelaraskan sesuatu (seperti rancangan, projek, dan sebagainya), koordinator.²⁷⁸ Penyelaras SUMUR antara individu paling penting yang menentukan kejayaan pelaksanaan modul SUMUR di sekolah. Penyelaras SUMUR adalah terdiri daripada GPI dan dilantik dalam mesyuarat SUMUR sekolah.

Abdul Fatah Zakaria menyatakan bahawa penyelaras SUMUR sekolah adalah bertanggungjawab mengadakan mesyuarat Jawatankuasa SUMUR, merancang takwim SUMUR, melancarkan dan melaksanakan program-program SUMUR utama, membuat penilaian terhadap perjalanan program-program SUMUR utama, dan mengadakan mesyuarat penyelarasan penilaian program-program SUMUR utama. Beliau juga


²⁷⁷ Ahmad Mohd Salleh. Kurikulum, *Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*, 362-363.

²⁷⁸ Kamus Dewan, ed. ke-4, 893, entri "laras".

bertanggungjawab menyedia dan menghantar pelaporan program-program SUMUR utama kepada SPI JPN dan pihak BPI pada bulan April, Jun, Ogos dan November setiap tahun.²⁷⁹

iv. Murabbi (Guru-Guru)

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, murabbi merujuk kepada orang yang mendidik atau membimbing, pendidik, pembimbing.²⁸⁰ Ini bermakna murabbi juga membawa maksud sebagai guru, cikgu, pengajar, pendidik, pengasuh, *mu'allim*, *mursyid*, *mudarrib*, *teacher*, orang yang mengajar, orang yang melatih dan sebagainya.



Rajah 2.6: Sahsiah dan Peranan Murabbi²⁸¹

Murabbi dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada GPI, iaitu individu yang bertanggungjawab secara langsung dalam menjalankan modul, program dan aktiviti

²⁷⁹ Abdul Fatah Zakaria (Unit Pengurusan Pendidikan Islam, Sektor Pendidikan Islam JPN Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 12 Jun 2017.

²⁸⁰ *Ibid.*, 1056, entri “murabbi”.

²⁸¹ Ahmad Mohd Salleh (2011), 421.

keagamaan di sekolah. Ideris dan Razaleigh menegaskan bahawa permasalahan pelajar yang semakin serius dan membimbangkan mampu ditangani dengan menerapkan pendekatan agama sama ada secara teori, praktikal dan melalui kesan. Agama sebagai alternatif untuk memberi didikan kepada pelajar tentang perlunya sahsiah yang baik dalam kehidupan. Ajaran Islam menumpukan skop didikan dalaman atau jiwa. Kebanyakan pelajar yang bermasalah sebenarnya berpunca daripada masalah didikan agama atau dalaman. Oleh itu, GPI perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan didikan agama dan kesedaran dalam bertingkah laku dengan akhlak yang terpuji kepada para pelajar.²⁸²

v. Naqib / Naqibah


Naqib ialah individu yang diamanahkan untuk memimpin sesebuah kumpulan usrah. Pemilihan naqib adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang tertentu, seperti mempunyai kefahaman yang baik dalam agama, iman yang mendalam, beramal dengan ilmu, keikhlasan yang tinggi, sahsiah yang terpuji, penglibatan dan berpengalaman dalam kepimpinan, usia yang matang, pergaulan yang baik, dan kemampuan berkomunikasi dalam bahasa Arab dan bahasa-bahasa yang lain.²⁸³ Menurut Hj. Jamaluddin Halid, naqib yang baik ialah naqib yang bertanggungjawab terhadap ahli usrah, memimpin mereka ke jalan yang benar, berusaha menjadi *role model*, bertanggungjawab menyalurkan ilmu dan mendidik mereka ke arah penghayatan agama, fikrah, dakwah, harakah dan wala' kepada

²⁸² Ideris Endot dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit, "Aspek Agama Sebagai Medium Dakwah Kepada Golongan Remaja" dalam *Pembangunan Dakwah Semasa*, cet. pertama (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 73.

²⁸³ Ya'qub Muhammad Hussin, *Beberapa Panduan Asas Usrah dan Harakah*, 25.

pimpinan. Naqib yang baik juga senantiasa membuat persediaan sebelum menghadiri usrah mengikut sukatan dan arahan yang ditentukan.²⁸⁴

Rajah 2.7 menunjukkan kedudukan naqib dalam Islam. Dalam konteks SMKA, naqib adalah individu yang membantu melaksanakan modul SUMUR di sekolah. Tanpa naqib, sesebuah kumpulan usrah tidak dapat dijalankan dengan baik kerana naqib menjalankan tugas GPI dalam kumpulan tersebut. Mereka menyalurkan ilmu, maklumat dan kefahaman yang dipelajari daripada murabbi menerusi taklimat, bengkel dan tamrin.



Rajah 2.7: Kedudukan Naqib Dalam Islam²⁸⁵

vi. Pelajar

Pelajar berasal dari perkataan “ajar” yang bererti orang yang belajar (seperti murid sekolah, penuntut di maktab, dan sebagainya), orang yang mengaji (menyelidiki ilmu).²⁸⁶ Pelajar adalah elemen atau aset penting bagi negara dan bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa hadapan. Pembangunan negara yang pesat dalam sektor ekonomi, sosial dan budaya

²⁸⁴ Hj. Jamaluddin Halid (Guru Cemerlang Pendidikan Islam DG52 Merangkap Guru Penasihat BADAR SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 17 Ogos 2016.

²⁸⁵ Dewan Perwakilan Mahasiswa Tanta (2002), 15.

²⁸⁶ Kamus Dewan, ed. ke-4, 21, entri “ajar”.

serta ledakan teknologi maklumat tanpa sempadan di era globalisasi telah membawa bersama gejala sosial yang negatif dalam kalangan pelajar. Keruntuhan akhlak dan nilai-nilai moral serta gaya hidup yang tidak sihat telah memberi kesan buruk kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Hakikatnya jelas dapat dilihat dengan bertambahnya bilangan pelajar yang terlibat dalam kes-kes salah laku disiplin serta penambahan bilangan jenis salah laku yang dilakukan oleh para pelajar.²⁸⁷

Terdapat banyak faktor yang mendorong salah laku disiplin dan keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Antaranya ialah faktor diri pelajar sendiri, kekeluargaan, persekolahan dan sosial. Menurut Duke (1980), setiap individu bertanggungjawab atas perlakuan sendiri. Kemungkinan sebahagian pelajar menjadi tidak berdisiplin kerana mengikuti kehendak-kehendak diri mereka sendiri tanpa sebarang pengaruh dari luar atau *„the potential influence of the student’s free will“*. Mereka juga melanggar peraturan-peraturan di sekolah atau asrama kerana tidak menyedari bahawa perbuatan mereka telah menyalahi peraturan. Ini menjadi suatu faktor penting punca seseorang pelajar melakukan perbuatan tidak berdisiplin.²⁸⁸

Oleh itu, pelajar adalah sebahagian daripada rangkaian penggerak SUMUR sekolah kerana kesedaran utama yang perlu dipertingkatkan di sini ialah diri pelajar sendiri, dan seterusnya berusaha memperbaiki akhlak dan sahsiah diri ke arah yang lebih baik serta boleh dicontohi oleh para pelajar yang lain.

(b) Jawatankuasa Pelaksana SUMUR Sekolah

Selain daripada rangkaian penggerak SUMUR sekolah, jawatankuasa pelaksana SUMUR sekolah juga memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan modul SUMUR

²⁸⁷ “Pelajar Sebagai Aset Masa Depan Negara”, laman sesawang *Portal IKlik*, dicapai 27 November 2014.

²⁸⁸ Azizi Yahaya dan Rohaya Ahmad, *Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin di Sekolah* (Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, t.t.), 1.

dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jawatankuasa pelaksana SUMUR sekolah adalah terdiri daripada individu-individu sebagaimana di bawah:

Pengerusi	: Pengetua
Naib Pengerusi 1	: PK. HEM
Naib Pengerusi 2	: PK Pentadbiran
Setiausaha	: GKMP Pendidikan Islam
Penolong Setiausaha	: Ketua Panitia Pendidikan Islam
Ahli Jawatankuasa:	
1.	Murabbi
2.	GPI
3.	Kaunselor
4.	Guru-Guru Islam
5.	Pengerusi BADAR
6.	Ketua Naqib / Naqibah

Rajah 2.8: Jawatankuasa Pelaksana SUMUR Sekolah²⁸⁹

Menurut Hj. Ismail Hashim, modul SUMUR sekolah tidak akan dapat digerakkan sekiranya tidak mendapat sokongan padu daripada semua pihak, terutamanya pihak pentadbir sekolah yang terdiri daripada Pengetua, PK HEM, GKMP-GKMP, GKMP Pendidikan Islam, penyelarass SUMUR, murabbi, naqib dan para pelajar. Demikianlah juga modul SUMUR sekolah dapat dilaksanakan dengan jayanya sekiranya murabbi, GPI, kaunselor, guru-guru Islam, BADAR dan kumpulan usrah memainkan peranan yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.²⁹⁰

2.9.2 Aspek Pelaksanaan Modul SUMUR

Modul SUMUR berkait secara langsung dengan aspek dakwah; kaunseling; sukan dan permainan; serta kelab dan persatuan.

²⁸⁹ Dewan Perwakilan Mahasiswa Tanta (2002), 15.

²⁹⁰ Hj. Ismail Hashim (YDP Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan), dalam temu bual dengan penulis, 26 Januari 2017.

(a) Aspek Dakwah

Perkataan dakwah berasal daripada istilah Arab, iaitu "da'ā", "yad'ū" dan "da'wā". Perkataan "da'wā" yang merupakan kata terbitan daripada perkataan "da'd" membawa pengertian meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung.²⁹¹ Menurut *Ensiklopedia Islam*, dakwah membawa maksud setiap kegiatan yang bersifat menyeru, mengajak dan memanggil orang untuk beriman dan taat kepada Allah s.w.t selaras dengan akidah, syariat dan akhlak.²⁹² Perkataan dakwah sering dihubungkan dengan perkataan "ilmu" dan "Islam" menjadi "ilmu dakwah" dan "dakwah Islam" atau *al-da'wā al-Islamiyyah*. *Ensiklopedia Malaysiana* juga mendefinisikan dakwah sebagai menyeru. Dalam konteks agama, dakwah membawa maksud menyeru ke jalan Allah s.w.t. Perkataan dakwah juga bermaksud masyarakat Islam. Pada zaman Fatimiyyah, dakwah bererti doktrin, agama, masyarakat, mazhab dan parti kepada imam.²⁹³ Sementara Idris Ahmad pula menyatakan dakwah sebagai mengajak manusia kepada pengabdian diri kepada Allah s.w.t, suatu tugas yang mulia dan merupakan tugas para nabi dan rasul.²⁹⁴

Dari segi istilah syara', dakwah membawa pengertian yang lebih khusus, iaitu seruan atau panggilan ke jalan Allah s.w.t.²⁹⁵ Menurut Muhammad al-Ghazali, dakwah adalah merujuk kepada satu program (*barnāmij*) yang lengkap, mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia pada semua peringkat bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup yang menjadi petunjuk kepada mereka.²⁹⁶ Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal pula menjelaskan bahawa dakwah ialah usaha golongan yang mempunyai

²⁹¹ Muhammad bin Mukrim ibn Manzur, *Lisān al-ʿArab*, 257-261.

²⁹² *Ensiklopedia Islam*, cet. ke-3 (Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Moeve, 1994), 280.

²⁹³ *Ensiklopedia Malaysiana*, (Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd., 1996), 4: 24.

²⁹⁴ Idris Ahmad, *Teks Usrah Peringkat Pengenalan*, cet. ke-3 (Kuala Lumpur: Percetakan Saufi, 2005), 30.

²⁹⁵ Abu ʿUrwah, *Konsep-Konsep Umum Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1999), 124.

²⁹⁶ Muhammad Al-Ghazali, *Maʿā Allah* (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-ʿArabi, 1981), 17.

kemampuan memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada sasaran untuk membawa mereka kepada Islam dan menjauhkan mereka daripada kepercayaan selain daripada Allah s.w.t berdasarkan cara-cara yang tertentu.²⁹⁷ Ini sesuai dengan pengertian Rauf Shalabi di mana dakwah Islamiah ialah suatu gerakan yang mengubah masyarakat daripada kufur kepada keimanan, daripada kegelapan kepada cahaya dan daripada kesempitan kepada kelapangan di dunia dan di akhirat.²⁹⁸ Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ
هُوَ أَعْلَمُ بِمَن عَن ضَلَّ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Al-Nahl 16: 125

Terjemahan: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau seru itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Firman Allah s.w.t lagi dalam al-Quran:

لِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا هُمْ نَاسِكُوهُ ۗ فَلَا يُنْزِعُ عَنْكَ فِي الْأَمْرِ ۚ وَأَدْعُ إِلَى رَبِّكَ ۚ إِنَّكَ لَعَلَىٰ
هُدًى مُّسْتَقِيمٍ ﴿٦٧﴾


Al-Hajj 22: 67

Terjemahan: Bagi tiap-tiap umat Kami telah tetapkan syariat tertentu yang mereka lakukan, maka janganlah sekali-kali mereka membantah kamu dalam urusan (syariat) ini dan serulah kepada (agama) Tuhanmu. Sesungguhnya kamu benar-benar berada pada jalan yang lurus.

²⁹⁷ Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal, *al-Da'wah ila Allah Ta'ala Khasaisuhā wa Muqawwamatuhā Manāhijuhā* (Misr: t.p., 1977), 18.

²⁹⁸ Rauf Syalabi, *al-Da'wah al-Islāmiyyah fī 'Ahdihā al-Makkī* (Kuwait: Dal al-Qalam, 1982), 49.

Kedua-dua ayat di atas membawa pengertian bahawa dakwah ialah usaha membawa manusia kepada agama Allah s.w.t. Ab Aziz Mohd Zin (1999) menjelaskan bahawa dakwah merupakan satu seruan yang terancang, iaitu melalui pelbagai saluran dan kecanggihan teknologi serta strategi yang sesuai dengan keadaan sasaran. Dakwah bukan semata-mata mengajar ilmu agama, bahkan mengandungi ilmu yang boleh memberi manfaat kepada kehidupan manusia di dunia ini.²⁹⁹ Zulkifli Abd. Ghani (2012) pula menyatakan bahawa dakwah adalah suatu usaha yang bersifat dinamik dan sentiasa berkembang sesuai dengan tabii kejadian manusia. Terdapat beberapa elemen utama yang berkaitan dengan proses dakwah, iaitu pendakwah (*dā'ī*), kandungan (*maudū'*), saluran (*manhaj*), sasaran (*mad'ū*) dan kesan (*athār*). Kelima-lima elemen ini dianggap sebagai keperluan utama dalam proses dakwah sebagaimana yang dikemukakan dalam Rajah 2.9.³⁰⁰



Rajah 2.9: Proses Asas Dakwah³⁰¹

Oleh itu, dalam konteks pembangunan sahsiah pelajar di SMKA, aspek dakwah merupakan aspek utama yang dititikberatkan dan diterapkan ke dalam keempat-empat program SUMUR utama dan aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR. Para guru yang bertindak sebagai murabbi merupakan pendakwah yang berperanan mengajak pelajar ke

²⁹⁹ Ab Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, cet. ke-2 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1999), 4.

³⁰⁰ Zulkifli Abd. Ghani, "Mendepani Krisis Akhlak: Solusi Dakwah", 282-283.

³⁰¹ *Ibid.*, 289.

jalan kebaikan dan kemaslahatan hidup di dunia dan di akhirat. Program-program dakwah anjuran BADAR juga mampu membimbing pelajar ke arah pemantapan akidah dan penerapan nilai-nilai Islam.

(b) Aspek Kaunseling

Kaunseling ialah satu proses interaksi yang menggerakkan pemahaman yang bermakna terhadap diri dan persekitaran, serta menghasilkan pembentukan atau penjelasan matlamat dan nilai terhadap perubahan tingkah laku. Mengikut George & Cristiani (1990), kaunseling melambangkan satu hubungan yang profesional antara seorang kaunselor yang terlatih dengan seorang klien. Hubungan ini kadangkala melibatkan lebih daripada dua individu yang bertujuan untuk membantu klien memahami dan menjelaskan pandangan mereka terhadap ruang kehidupan dan belajar mencapai matlamat yang mereka tentukan sendiri melalui pemilihan yang bermakna dan melalui penyelesaian masalah yang berbentuk emosional. Kaunseling merangkumi aktiviti yang beretika yang dilakukan oleh kaunselor dalam usaha membantu klien melibatkan diri dengan jenis tingkah laku yang akan menghasilkan penyelesaian kepada masalah klien.³⁰²

Menurut Hushim dan Melati, Krumboltz (1965) menyatakan bahawa “*caunseling consists of whatever ethical activities a counselor undertakes in an effort to help the clients engage in those types of behavior that will lead to a resolution of the client’s problems*”. Burch (1981) pula mendefinisikannya sebagai “*psychotherapy is a situation in which two people interact and try to come to an understanding of one another, with the spesific goal of accomplishing something beneficial for the complaining person*”.³⁰³ Berdasarkan

³⁰² Wan Abd. Kader Wan Ahmad & Ismail Abdul Ghani, “Islam dan Kaunseling: Satu Penilaian Kritikal Terhadap Teori dan Pendekatan” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, edisi ke-2 (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 133.

³⁰³ Hushim Hj. Salleh dan Melati Sumari, “Pendekatan Kaunseling Dalam Dakwah” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, ed. ke-2 (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 81-82.

definisi tersebut, kaunseling merupakan salah satu bidang ilmu fardu kifayah dan menjadi perkara yang dituntut dalam Islam. Kaunselor yang menjalankan amalan tersebut mengikut piawaian kaunseling dan etika seorang muslim juga dikira menjalankan kebajikan di sisi Allah s.w.t.

Zainab Ismail (2013) menyatakan bahawa masalah sosial seperti keruntuhan institusi kekeluargaan, penagihan dadah, penderaan kanak-kanak dan gejala lari dari rumah yang sering kali berlaku adalah berpunca daripada pembangunan perindustrian yang pesat, penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar, perubahan gaya hidup dan pengaruh negatif. Masalah sosial ini bukan sahaja merosakkan akhlak, tetapi menggugat keimanan serta menggegarkan keharmonian keluarga muslim. Oleh itu, penerapan nilai dakwah dalam kaunseling adalah suatu saranan terbaik dalam mengatasi kemelut yang berlaku terutamanya melibatkan pelajar.³⁰⁴ Aspek kaunseling dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِيَ إِلَيْهِمْ فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْمُونَ ﴿٤٣﴾
بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ



Al-Nahl 16: 43-44

Terjemahan: Dan Kami tidak mengutus sebelum kamu, kecuali golongan lelaki yang Kami berikan wahyu kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat) dan kitab-kitab. Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran agar kamu menerangkan pada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan.

³⁰⁴ Zainab Ismail, “Keperluan Penerapan Nilai Dakwah Dalam Kaunseling” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, ed. ke-2 (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 92-93.

Allah s.w.t menjelaskan melalui ayat di atas tentang keperluan pendekatan kaunseling dalam dakwah. Sejarah perkembangan dakwah telah membuktikan bahawa amalan memberi dan menerima nasihat, pandangan, berinteraksi dan berbincang adalah suatu perintah daripada Allah s.w.t kepada setiap individu muslim. Allah s.w.t memerintahkan agar setiap individu yang menghadapi masalah yang tidak diketahuinya secara pasti merujuk kepada orang yang pakar mengenainya. Demikian juga hadis di bawah yang diriwayatkan daripada Abu Ruqayyah Tamim bin Aus al-Dārī bahawasanya Rasulullah s.a.w telah bersabda:

الدين النصيحة. قلنا لمن؟ قال: لله, و لكتابه, و لرسوله, و لأئمة المسلمين, و عامتهم
(رواه مسلم)

Terjemahan: “Agama itu adalah nasihat”. Kami berkata: “Untuk siapa?” Baginda s.a.w bersabda: “Untuk Allah, untuk kitab-Nya, untuk Rasul-Nya, untuk para imam kaum muslimin dan untuk umat Islam seluruhnya” (Hadis riwayat al-Imam Muslim).

Sejak tahun 1996, KPM telah melantik guru kaunseling sepenuh masa di sekolah menengah di seluruh negara.³⁰⁵ Walau bagaimanapun, perlantikan kaunselor dengan nisbah seorang kaunselor kepada 1000 orang pelajar amat tidak mencukupi. Bakal guru kaunselor yang tamat kursus pula perlu melalui tempoh percubaan sekurang-kurangnya setahun dan kerja-kerja mereka perlu diselia oleh seorang yang pakar sebelum bergelar guru kaunseling.³⁰⁶ Perlantikan ini merupakan penambahbaikan kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang sedia ada dalam sistem persekolahan pada tahun 1960-an. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) menegaskan

³⁰⁵ Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI), Bil. 3/ 1996 bertarikh 11 Julai 1996.


³⁰⁶ Mohammed Ghazali Hamzah, “Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah: Realiti dan Harapan” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, ed ke-2 (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 165, 169.

pentingnya perkhidmatan bimbingan dipertingkatkan lagi di sekolah-sekolah seperti dinyatakan dalam Perakuan 79:

Adalah diperakukan Perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Kerjaya hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perkhidmatan ini hendaklah menitikberatkan kegiatan-kegiatan bimbingan dan tidak semata-mata kegiatan panduan kerjaya sahaja.

(Mohammed Ghazali Hamzah, 2013: 164)

Keperluan dunia pendidikan kepada khidmat kaunselor memang tidak dipertikaikan lagi. Peranan mereka dalam membantu meningkatkan prestasi, jati diri, akhlak dan tingkah laku pelajar di sekolah amatlah besar. Oleh itu, para kaunselor turut memainkan peranan penting dalam membantu melaksanakan modul SUMUR menerusi *wasīlah* yang sesuai. Khidmat kaunseling yang disampaikan oleh kaunselor adalah selaras dengan matlamat dan objektif modul SUMUR yang memfokuskan kepada pembangunan sahsiah pelajar. Dalam menjalankan amalan kaunseling, terdapat beberapa kemahiran yang perlu dipelajari dan dipraktikkan oleh kaunselor. Kemahiran ini amat diperlukan bagi membantu seseorang kaunselor meneroka masalah kliennya dan menggalakkan klien bercakap hal yang sebenar supaya perkara yang membelenggu emosinya dapat dileraikan.



Rajah 2.10: Peringkat Dalam Sesi Kaunseling³⁰⁷

³⁰⁷ Sulaiman Endut (2013), 174-175.

Oleh itu, aspek dakwah dan kaunseling saling berkaitan antara satu sama lain. Di samping menjalankan proses kaunseling, seseorang kaunselor juga boleh bertindak sebagai seorang pendakwah melalui hubungan yang dibina dengan orang yang dikaunselingkan sebagaimana di Rajah 2.10 di atas.

Kesimpulannya, aspek kaunseling merupakan aspek utama yang terkandung dalam modul SUMUR. Kemahiran melayan, mendengar dan bertindak yang dipraktikkan dalam amalan kaunseling akan membolehkan seseorang guru mengenali seseorang pelajar dengan lebih dekat dan menyelami masalahnya dengan cepat dan tepat. Ini secara langsung dapat membimbing seseorang pelajar ke arah peningkatan sahsiah diri.


(c) Aspek Sukan dan Permainan

Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga (seperti berenang, permainan bola sepak, tenis, lumba lari, dan lain-lain) yang dilakukan sebagai acara hiburan (acara pertandingan, kegiatan untuk menyihatkan badan, dan lain-lain).³⁰⁸ Sukan merupakan salah satu daripada aktiviti yang dapat menyihatkan tubuh badan, menjana kecekapan dan kecerdasan minda pelajar. Selain itu, melalui aktiviti sukan juga perpaduan, hubungan ukhuwwah dan *silaturrahim* antara para atlet, pelajar, pelatih, guru, pegawai dan kakitangan dalam sesebuah komuniti dapat dibentuk. Beberapa elemen yang menyemarakkan syiar Islam boleh diterapkan dan dipupuk dalam kalangan mereka, seperti keseimbangan dari aspek intelektual, emosi dan pergaulan sosial; memberikan impak yang jitu dalam memupuk konsep *ta`āwun*, toleransi dan hubungan serta menjana semangat kekitaan; memberi peluang kepada pelajar untuk menguruskan organisasi menerusi perlawanan dalam sukan atau permainan; dan meningkatkan daya berfikir yang

³⁰⁸ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1535, entri “sukan”.

sihat, lebih berinovasi dan dapat membentuk keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Sukan adalah salah satu aktiviti yang diadakan di sekolah. Kegiatan sukan meliputi permainan seperti bola sepak, badminton, bola jaring, hoki, ragbi, bola keranjang, bola tampar, sepak takraw, ping pong, bola baling, olahraga, tenis, skuasy, seni pertahanan diri dan sebagainya. Kejohanan olahraga tahunan juga biasanya diadakan di sekolah. Majlis Sukan Sekolah-Sekolah di peringkat daerah, negeri ataupun kebangsaan sentiasa merancang, mengurus dan menganjurkan pertandingan atau kejohanan antara sekolah-sekolah. Ini kerana sukan merupakan satu medium yang berkesan untuk menanam semangat kesukanan, memupuk persefahaman serta perpaduan dalam kalangan pelajar di negara ini.³⁰⁹ Wasilah inilah yang boleh diketengahkan oleh para pendakwah, kaunselor, motivator atau pun jurulatih untuk membimbing dan memperbaiki tingkah laku pelajar ke arah yang lebih baik.



Rajah 2.11: Pelaksanaan Sukan Dalam Mata Pelajaran Sains Sukan di Sekolah³¹⁰

Rajah Venn 2.11 di atas mengilustrasikan mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang merangkumi pelbagai elemen permainan dan sukan. Kedua-dua elemen tersebut merupakan sebahagian daripada komponen kokurikulum. Kurikulum Pendidikan Jasmani disepadukan

³⁰⁹ Mok Soon Sang, *Pengurusan Kokurikulum & Pendidikan Sukan*, cet. ke-3 (Selangor: Penerbitan Muktimedia Sdn. Bhd, 2008), 39

³¹⁰ *Ibid.*, 103.

dengan kokurikulum sukan dan permainan.³¹¹ Begitu juga keadaannya dengan Islam yang amat menitikberatkan soal kesihatan. Ini sebagaimana dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam kisah Talut dan Jalut di dalam al-Quran:

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ طَالُوتَ مَلِكًا قَالُوا أَنَّى يَكُونُ لَهُ الْمَلَكُ عَلَيْنَا
وَخَنُّ أَحَقُّ بِالْمَلِكِ مِنْهُ وَلَمْ يُؤْتَ سَعَةً مِنَ الْمَالِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ
بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ وَاللَّهُ يُؤْتِي مَلَكَهُ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Al-Baqarah 2: 247

Terjemahan: Nabi mereka mengatakan kepada mereka: "*Sesungguhnya Allah Telah mengangkat Talut menjadi rajamu*". Mereka menjawab: "*Bagaimana Talut memerintah kami, padahal kami lebih berhak mengendalikan pemerintahan daripadanya, sedang dia pun tidak diberi kekayaan yang cukup banyak?*" Nabi (mereka) berkata lagi: "*Sesungguhnya Allah telah memilih rajamu dan menganugerahinya dengan ilmu yang luas dan tubuh yang perkasa*". Allah memberikan pemerintahan kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas Pemberian-Nya lagi Maha Mengetahui.

Islam menggalakkan seseorang individu muslim menjadi kuat dan mencari jalan untuk menjadi kuat. Rasulullah s.a.w menerusi hadisnya menasihati umat Islam dengan bersabda: "*Ajarlah anak-anak kamu berenang, memanah dan menunggang kuda*". Seruan yang jelas ini menunjukkan bahawa Islam tidak memandang remeh tentang kepentingan bersukan, bahkan menggalakkan umatnya agar melatih diri, anak-anak, keluarga dan masyarakat melalui aktiviti berenang, memanah dan menunggang kuda supaya badan menjadi sihat dan cergas. Maka tidak hairanlah jika pepatah Arab menyebut: "*Minda yang cerdas bermula dari badan yang sihat*." Demikianlah juga pesanan Rasulullah s.a.w agar sentiasa mengingatkan umatnya tentang kepentingan menjaga kesihatan, kuat serta terhindar daripada sebarang penyakit yang memudaratkan. Ini penting kerana kekuatan tenaga dan fizikal akan dapat melahirkan rasa gerun dalam kalangan musuh Islam yang

³¹¹ Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI), Bil. 1/2002: Pelaksanaan Mata Pelajaran Sains Sukan.

sentiasa mengambil kesempatan untuk melakukan ancaman serta provokasi terhadap umat Islam sebagaimana sabda Baginda s.a.w: *“Orang beriman yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah berbanding orang beriman yang lemah.* (Hadis riwayat Muslim)

Rasulullah s.a.w sendiri pernah berlumba lari dengan isterinya, Aisyah r.a. Aisyah r.a menyatakan: *"Rasulullah bertanding dengan saya dan saya menang. Kemudian saya berhenti, sehingga ketika badan saya menjadi gemuk, Rasulullah bertanding lagi dengan saya dan baginda pula menang"*. Kemudian Rasulullah s.a.w bersabda: *“Kemenangan ini untuk kemenangan itu (seri)”* (Riwayat Ahmad dan Abu Daud). Sesetengah riwayat pernah menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w pernah bergusti dengan ahli gusti kafir Quraisy yang bernama Rukanah bin Abu Yazid bin Hashim. Peristiwa itu berlaku apabila Rasulullah s.a.w diminta membuktikan mukjizat kerasulannya dengan syarat pertandingan ialah Rukanah akan memeluk Islam jika Rasulullah s.a.w menang. Ahli sukan berbangsa Quraisy itu akhirnya memeluk Islam setelah Rasulullah s.a.w berjaya mengalahkan Rukanah dan memenangi pertandingan gusti yang diadakan sebanyak tiga pusingan itu.

Walaupun Islam menggalakkan umatnya bersukan, namun beberapa aspek yang dilakukan perlulah mengikut panduan dan lunas-lunas Islam, seperti etika berpakaian, adab bersukan, masa bersukan, percampuran antara lelaki dan perempuan, dan tempat bersukan. Sukan merupakan medan yang luas untuk berdakwah. Timbalan Pengerusi Majlis Fatwa dan Penyelidikan Kesatuan Eropah, Sheikh Faysal Mawlawi menegaskan bahawa: "Perkara asas yang perlu dititikberatkan oleh seorang wanita Islam mengenai penyertaannya di dalam aktiviti sukan adalah menjaga auratnya. Aurat bagi seorang wanita Islam ialah keseluruhan anggota badan kecuali muka dan telapak tangan sahaja. Manakala aurat bagi seorang lelaki Islam pula ialah dari pusat hingga ke lutut. Justeru, selagi syarat dan peraturan penutupan aurat ini tidak dilanggar, maka, tidaklah menjadi suatu kesalahan atau

halangan bagi wanita mahupun lelaki melibatkan diri dalam aktiviti sukan".³¹² Dalam konteks pendidikan dan dakwah, pendekatan *dakwah bil hāl* sangat berkesan untuk mendidik sasaran ke arah pengislahan diri. Contohnya dengan menonjolkan contoh yang baik semasa bersukan, memanggil dengan menggunakan perkataan yang baik, menangguhkan sementara permainan bagi menghormati azan, berhenti bermain sebelum azan Maghrib, memakai pakaian yang menutup aurat, tidak memaki hamun semasa bersukan, tidak merokok dan meminum minuman keras, elakkan pergaduhan dan menunjukkan semangat kesukanan.

Islam memelihara maruah dan kehormatan wanita sebagai seorang muslimah. Oleh itu, penglibatan kaum wanita dalam sukan akan dibatasi dengan tata cara yang telah digarispuandukan oleh Islam agar maruah kaum wanita dan kedudukannya sebagai muslimah terpelihara. Seseorang atlet muslim yang mengekalkan ciri-ciri Islam seperti memelihara aurat boleh memenangi sesuatu pertandingan atau kejohanan, seperti atlet wanita Iran yang mewakili 25% dari jumlah 373 keseluruhan atlet Iran dalam Sukan Asia di Guangzhou, China pada tahun 2014 telah menyumbang sebanyak 25% pingat yang dikutip oleh Iran, iaitu sebanyak 59 pingat (20 emas, 14 perak dan 25 gangsa) dalam acara wushu, menembak, taekwondo, kabaddi, karate, dan mendayung.³¹³

Sementara pelari pecut wanita Bahrain, Ruqaya al-Ghasara pula meraih pingat emas dalam acara 200 meter dalam Sukan Asia Doha 2006 dengan catatan masa 23.19 saat, walaupun berpakaian menutup aurat dan bertudung. Sebelum itu, beliau turut memenangi

³¹² Faysal Mawlawi, "Wanita dan Sukan Menurut Perspektif Islam", laman sesawang *Wordpress.com*, dicapai 09 Februari 2018, <https://mutiaraislam.wordpress.com/halaman-utama/tazkirah-muslimah/wanita-dan-sukan-menurut-perspektif-islam/>.

³¹³ "Ahli Muslimah Yang Cemerlang di Sukan Asia", laman sesawang *Blogspot.com*, dicapai 16 Mei 2015, http://blog2-politik.blogspot.my/2010/11/milo-suam_30.html

pingat gangsa dalam acara 100m.³¹⁴ Demikian juga dengan penampilan bekas pemain hoki kebangsaan, Nor Saiful Zaini dan Nor Azlan Bakar yang boleh dijadikan contoh dalam menyampaikan mesej dakwah.³¹⁵ Walaupun mereka merupakan antara *flicker* dan pertahanan terbaik dalam arena hoki antarabangsa, namun tetap mengekalkan ciri-ciri seorang muslim dengan sentiasa menutup aurat dalam apa jua kejohanan yang disertai.

Mohd Hafez Sabri (2012) menjelaskan bahawa majoriti anak muda sekarang sangat meminati aktiviti sukan. Sesuai dengan keadaan ini, masyarakat boleh mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan aktiviti sukan yang melibatkan golongan muda, terutamanya pelajar. Permainan bola sepak, futsal, bola jaring, badminton, bola tampar, sepak takraw, ping pong, sukaneka, sukan rakyat dan lain-lain adalah antara sukan yang boleh membina tingkah laku seseorang menjadi lebih berdisiplin, menepati masa, mesra, sabar, tolong-menolong, hormat-menghormati, dan lain-lain lagi. Permainan akan meninggalkan kesan yang baik jika diserapkan elemen-elemen dakwah dan pendidikan. Sewaktu menjalankan aktiviti sukan tersebut, penganjur disarankan agar menyampaikan tazkirah ringkas mengikut kesesuaian masa dengan menekankan tajuk-tajuk seperti kepentingan beriadah, menjaga aurat, bekerjasama dalam satu pasukan dan peranan generasi muda dalam memakmurkan masjid.³¹⁶

Justeru itu, dalam melaksanakan modul SUMUR di SMKA, murabbi dan guru hendaklah mengambil kira keperluan pelbagai aspek permainan dan sukan agar riadah yang dijalankan akan meninggalkan kesan positif terhadap pembangunan diri pelajar. Sebagai

³¹⁴ Johari Yap, "Salahkah Pekerja Hotel Bertudung?", laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 21 November 2017, <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/johari-yap/salahkah-pekerja-hotel-bertudung-1.759989>.

³¹⁵ "Sukan dan Dakwah", laman sesawang *Blogspot.my*, dicapai 09 Februari 2014, <https://abdurrahman-al-azmi.blogspot.my/2008/03/sukan-dakwah.html>; "Owsem di Medan Sukan", laman sesawang *Blogspot.my*, dicapai 17 Ogos 2015, <http://senyumansyahid.blogspot.my/2013/04/owsem-di-medan-sukan.html>

³¹⁶ Mohd Hafez Sabri, "Pemuda Sukan X-Tream Bicara Tentang Strategi Dakwah Anak Muda" laman sesawang *Wordpress.com*, dicapai 19 Julai 2014, <https://mhafezsabri.wordpress.com/2012/07/19/pemuda-sukan-x-tream-bicara-tentang-strategi-dakwah-anak-muda/>.

satu aktiviti yang sangat digemari oleh kebanyakan golongan muda, belia, remaja dan pelajar, mereka hanya meletakkan sasaran untuk menang dan mencari kepuasan sendiri sahaja. Oleh itu, pihak sekolah perlu menyediakan satu garis panduan dan etika sukan yang bersesuaian menurut perspektif Islam supaya golongan muda menyedari kepentingan sukan kepada diri, keluarga, sekolah, bangsa, agama dan negara. Selain daripada aspek dakwah dan kaunseling, aspek sukan juga turut menyumbang kepada peningkatan sahsiah diri pelajar.

(d) Aspek Kelab dan Persatuan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kelab membawa maksud perkumpulan, persatuan. Ia juga diertikan sebagai bangunan tempat ahli-ahli persatuan berkumpul (bermesyuarat, bersenang-senang, dan lain-lain). Manakala persatuan yang berasal dari kata dasar “satu” pula membawa maksud gabungan, ikatan, kumpulan; perikatan, syarikat; perihal bersatu.³¹⁷ Kelab atau persatuan telah wujud sejak zaman Arab Jahiliyyah lagi, di mana masyarakat tersebut sentiasa mengadakan perjumpaan dan mesyuarat yang penting berkaitan kepimpinan, politik, pentadbiran, ketenteraan, ekonomi, sosial, sambutan perayaan (kebesaran) dan hal ehwal masyarakat di *Dār al-Nadwah* atau dikenali juga sebagai “majlis tertinggi” atau “parlimen” di Mekah.³¹⁸ Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا
وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Al-Baqarah 2: 30

³¹⁷ Kamus Dewan, ed. ke-4, 707, 1397, entri “kelab” dan “satu”.

³¹⁸ Abdul Ghafar Don dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit, “Quranic Survey on the Makkans Reponse to Dakwah (Kajian al-Quran Terhadap Orang Arab Mekah dalam Penerimaan Dakwah)”, *Jurnal Islamiyyat* 34 (2012), 99-105.

Terjemahan: Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi", lalu mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu, orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal Kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu tidak ketahui".

Firman Allah s.w.t lagi:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلٰى الْاَمْرِ مِنْكُمْ ۗ فَاِنْ تَنٰزَعْتُمْ فِيْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ۗ ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَاْوِيْلًا



Al-Nisa“ 4: 59

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan *ulil amri* dalam kalangan kamu. Maka sekiranya kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah urusan tersebut kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (al-Sunah), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

Kedua-dua perkataan di atas, iaitu khalifah dan ulil amri sebenarnya merujuk kepada pemimpin atau ketua. Wujudnya pemimpin apabila adanya orang yang dipimpin (ahli). Zaydan menyatakan bahawa al-Quran menggelarkan golongan ini sebagai *al-malā'* atau pembesar. *Al-malā'* menurut ahli Tafsir ialah golongan atasan dalam masyarakat yang terdiri daripada ketua, pemimpin dan pemuka masyarakat.³¹⁹ Dalam konteks pelajar di SMKA, mereka juga terdedah kepada aspek kepemimpinan dalam skop yang lebih kecil menerusi kelab dan persatuan yang bertujuan untuk melatih diri menjadi pemimpin pada masa hadapan. Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran:

³¹⁹ Abdul Karim Zaydan, *Usūl al-Da'wah: Islam dan Dakwah*, terj. Solehan Ayub (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2002), 426.

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ
 بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا
 كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣﴾

Ali Imran 3: 103

Terjemahan: Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu bermusuhan-musuhan (pada masa Jahiliyah). Maka Allah menyatukan hati kamu, lalu jadilah kamu dengan nikmat Allah itu akan orang-orang yang bersaudara, dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.

Firman Allah s.w.t lagi dalam al-Quran:

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَاۗئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
 عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَنُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٤٩﴾

Al-Hujurat 49: 13


Terjemahan: Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia dalam kalangan kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Kedua-dua ayat di atas menghuraikan tentang kepentingan bersatu padu dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Al-Quran melarang keras amalan berpecah belah, bercerai berai, bermusuhan-musuhan, bergaduh, tidak bertoleransi dan pentingkan diri sendiri dalam kehidupan bermasyarakat. Masyarakat yang baik akan saling bantu-membantu, tolong-menolong, hidup penuh kerukunan, harmoni, aman damai, bertolak ansur, penyayang dan saling memerlukan antara satu sama lain. Para pelajar juga dididik untuk hidup dengan harmoni dalam komuniti dan kehidupan bermasyarakat sejak di alam persekolahan lagi. Oleh itu, mereka dididik supaya menceburkan diri dalam aktiviti kelab

dan persatuan di sekolah. Sebagaimana aspek dakwah; kaunseling; sukan dan permainan, serta kelab dan persatuan juga dapat membimbing tingkah laku, akhlak dan sahsiah pelajar secara positif.

Mok Soon Sang menyatakan bahawa kelab dan persatuan terbahagi kepada dua kategori, iaitu kelab dan persatuan yang berasaskan sesuatu mata pelajaran dan bertujuan untuk menambahkan minat dan kemahiran pelajar dalam mata pelajaran tersebut, seperti Persatuan Bahasa Malaysia, Persatuan Sains, Persatuan Matematik, Persatuan Sejarah dan sebagainya. Manakala kelab dan persatuan yang berunsur hobi pula bertujuan untuk menarik minat dan memberi ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang atau hobi yang tertentu, seperti Persatuan Seni Foto, Persatuan Seni Mempertahankan Diri, Persatuan Drama dan Teater, Persatuan Nasyid dan sebagainya.

Berdasarkan Laporan Kabinet 1979, matlamat penubuhan sesebuah persatuan atau kelab di sekolah adalah untuk menggalakkan pelajar saling berkenal-kenalan, memberi khidmat masyarakat dan membolehkan pelajar mencapai kemahiran dalam sesuatu lapangan atau hobi.³²⁰



Rajah 2.12: Tatacara Merancang Persatuan dan Kelab³²¹

Kelab dan persatuan diletakkan di bawah pengurusan Unit Kokurikulum. Terdapat beberapa jawatankuasa yang menguruskan unit kokurikulum di sekolah, seperti

³²⁰ Mok Soon Sang, *Pengurusan Kokurikulum & Pendidikan Sukan*, 39.

³²¹ *Ibid.*, 50-51.

Jawatankuasa Induk Kokurikulum yang terdiri daripada pihak pentadbiran sekolah, guru-guru kanan, setiausaha kokurikulum, dan setiausaha atau penyelaras unit beruniform, kelab dan persatuan, permainan, olahraga, majalah sekolah, koperasi dan sukan sekolah; Jawatankuasa Pembangunan Sukan Sekolah (JPSS) yang terdiri daripada Jawatankuasa Kecil Pembangunan Fizikal Sukan Sekolah (JKPFSS), Jawatankuasa Kecil Penggalakan Sukan (JKPS), Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia (JKSM), Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian (JPP), Jawatankuasa Kecil Peningkatan Profesionalisme (JKPP) dan Jawatankuasa Kecil Kewangan dan Teknikal (JKKT); dan Jawatankuasa 1 Murid 1 Sukan (1M1S) pula dipecahkan kepada beberapa kelab atau permainan seperti olahraga, badminton, hoki, bola tampar, sepak takraw, ping pong, catur, tenis dan skuasy, bola sepak, bola baling, memanah, bola jaring dan boling.

Sementara Jawatankuasa Kelab dan Persatuan pula dipecahkan kepada Jawatankuasa Kecil Kelab; Jawatankuasa Kecil Persatuan dan Jawatankuasa Kecil Unit Beruniform, seperti Kelab seni Khat, Usahawan Muda, Komputer, Pencegahan Jenayah, Rukun Negara, Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Koperasi, Kesenian Islam, Kemahiran al-Quran, Seni Foto dan Redaksi, Kerjaya, Pengguna dan BADAR; Persatuan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Sains dan Matematik, Sejarah dan Geografi, dan Inovasi; dan Unit Beruniform seperti Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM), Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM), Kadet Remaja Sekolah (KRS), Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM), dan Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM). Manakala Jawatankuasa Rumah-Rumah Sukan terdiri kepada empat jenis rumah sukan sekolah; Jawatankuasa Koperasi; dan Jawatankuasa Majalah Sekolah.³²²


Sebagai rumusan, walaupun kelab dan persatuan diuruskan oleh Unit Kokurikulum, namun aspek ini memainkan peranan yang penting dalam menjayakan pelaksanaan modul

³²² Buku Pengurusan Sekolah dan Takwim SMKA Slim River, 2014: 33-40.

SUMUR di sekolah dalam membantu Unit HEM. Para guru terlibat secara langsung dalam membimbing sahsiah pelajar dengan menjadi penasihat kepada kelab atau persatuan.

2.9.3 Pelan tindakan Pelaksanaan Modul SUMUR

Pelaksanaan SUMUR dalam kalangan pelajar SMKA berkait rapat dengan pelan tindakan pelaksanaan modul SUMUR. Pelan tindakan ini penting bagi memastikan modul SUMUR dapat dilaksanakan dengan baik. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pelan tindakan bermaksud langkah-langkah tindakan yang diambil untuk mencapai sesuatu tujuan. Manakala langkah pula merupakan cara mengerjakan sesuatu atau sesuatu yang dikerjakan.³²³ Rajah 2.13 menunjukkan lima komponen yang saling memerlukan antara satu sama lain dalam Model Kurikulum.



Rajah 2.13: Model Kurikulum (Eraut, Goad dan Smith, 1975)³²⁴

³²³ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1163, 885, entri “pelan” dan “langkah”.

³²⁴ Buku Panduan Piawaian Kualiti, Pengurusan Akademik Sekolah (2002), 2.

Berdasarkan rajah di atas, terdapat 5 komponen utama yang penting dan saling berkaitan dalam membentuk model kurikulum. Komponen paling utama ialah matlamat, iaitu apa yang hendak dicapai. Manakala empat komponen lain berfungsi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Untuk mencapai sesuatu matlamat, setiap modul yang akan dijalankan hendaklah mempunyai pelan tindakan atau langkah yang telah ditentukan. Sehubungan itu dalam bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan pelan tindakan pelaksanaan modul SUMUR mulai bulan Januari hingga November.³²⁵ Keempat-empat program SUMUR utama dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan, iaitu selama dua bulan bagi setiap modul sebagaimana di bawah:

- i. Program *Mutadayyin* (Februari – Mac)
- ii. Program Berbudi Bahasa (April – Mei)
- iii. Program Jati Diri (Jun – Julai)
- iv. Program Penampilan Diri (Ogos – September)

Ringkasnya, pelaksanaan modul SUMUR sekolah bermula pada bulan Februari dan berakhir pada bulan Oktober setiap tahun. Sebelum dijalankan program *Mutadayyin*, penyelarasan dan rangkaian penggerak SUMUR akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa SUMUR dan BADAR sekolah, menyediakan perancangan takwim tahunan program SUMUR dan BADAR, dan seterusnya membuat perlantikan ahli jawatankuasa SUMUR dan BADAR. Selepas keempat-empat program utama tersebut dilaksanakan, penyelarasan bertanggungjawab menyerahkan dokumentasi pelaporan SUMUR sepanjang tahun kepada pihak SPI dan BPI.

³²⁵ Heder Hamzah (Penolong Pengarah Penyelarasan Bantuan Sekolah Agama, Sektor Pendidikan Islam JPN Perak), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2017.

2.9.4 Medium Pelaksanaan Modul SUMUR

Perkataan medium amat sinonim dengan istilah *manhaj*, metode, *wasilah*, saluran, media, cara, teknik, pendekatan dan sistem. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, medium merujuk kepada bahan atau sesuatu yang menjadi perantara bagi menghasilkan sesuatu kesan. Medium juga membawa maksud *manhaj* yang bererti kaedah atau cara³²⁶ sebagaimana telah dinyatakan pada rajah 4.7. Dalam bahasa Inggeris, medium dikenali sebagai *method* yang bererti sistem, aturan dan kaedah.³²⁷ *Oxford Advanced Learner's Dictionary* mendefinisikan *method* sebagai *a particular way of doing something*.³²⁸ Kamus Inggeris-Melayu Dewan pula menyatakan *method* sebagai *way or process of doing something*, kaedah, cara dan *correct planning*, (ber) peraturan, sistematik. Sementara *methodology* pula bererti perkaedahan, metodologi.³²⁹ Dari sudut penggunaan bahasa Melayu, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metode membawa maksud cara melakukan sesuatu atau sistem. Metodologi pula bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.³³⁰

Mohd Ismail Mustari (2006) menyatakan bahawa metode merupakan satu disiplin yang diciptakan untuk mencapai sasaran tertentu. Dalam pengertian yang lebih terperinci, metode merupakan satu pengaturan secara ilmiah dan menggunakan logika yang teratur. Selanjutnya ia merupakan teori untuk menyelesaikan sesuatu yang dirancang oleh manusia bertujuan untuk menghasilkan nilai yang tinggi, yang motivasinya diambil dari tingkah

³²⁶ *Ibid.*, 1011, 994, entri “medium” dan “*manhaj*”.

³²⁷ Ab Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 1.

³²⁸ A.S. Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, ed. Sally Wehmeier et al., (UK: Oxford University Press, 2005), 925.

³²⁹ Dzulkifli Salleh et al., *Kamus Inggeris-Melayu Dewan: An English-Malay Dictionary* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 957.

³³⁰ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1030, entri “metodologi” .

laku dan intelektual manusia sendiri.³³¹ Sementara Muhammad Hatta mengertikan metode sebagai skema atau rancangan bekerja, ukuran dalam meninjau dan menetapkan duduk masalah yang dihadapi, menyusunnya menjadi satu sistem pengetahuan.³³²

Menurut Wan Hussein @ Azmi (1984) pula, metode ialah satu disiplin ilmu yang mengandungi aturan dan kaedah yang tersusun dan sistematik, digunakan untuk menyelesaikan sesuatu tanggungjawab atau tugas yang mempunyai matlamat tertentu dengan pelaksanaannya berdasarkan keadaan sasaran atau matlamat tertentu itu. Pengertian yang demikian itu harus dihubungkan dengan pengertian dakwah yang mempunyai erti undangan atau ajakan.³³³ Pengertian lain berdasarkan *Dictionary of Contemporary English, methodology* ditakrifkan sebagai *a set of method used for study or action in a particular subject, such as in science or education.*³³⁴ Manakala menurut *Ensiklopedia Malaysiana*, metodologi bermaksud ilmu tentang metode atau disiplin yang digunakan semasa melakukan kajian tertentu untuk mencapai tujuan tertentu dan ia juga diertikan sebagai cabang yang merumuskan dan menganalisis prinsip-prinsip yang terangkum untuk mendapatkan kesimpulan.³³⁵

Berdasarkan huraian di atas maka dapatlah difahami bahawa perkataan metode, sistem, aturan, kaedah, *way*, *process*, cara, prinsip, disiplin, teori, skema, rancangan, ukuran dan ilmu tidak terkeluar daripada maksud utamanya iaitu medium. Seterusnya pengkaji akan menghuraikan medium pelaksanaan modul SUMUR yang dilaksanakan di SMKA, iaitu menerusi program usrah.

³³¹ Ismail Mustari et al., "Pemetaan Dakwah di Negeri Johor: Kajian Lokasi, Metodologi & Pengaplikasiannya di Skudai, Kulai, Pasir Gudang dan Johor Bahru" (Kertas Kajian, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia, 2006), 10-11.

³³² Muhammad Hatta, *Pengantar ke Jalan Ilmu dan Pengetahuan* (Jakarta: P.T. Pembangunan, 1984), 5-19.


³³³ Wan Hussein @ Azmi Wan Abd Kadir, *Ilmu Dakwah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 3.

³³⁴ Longman, *Dictionary of Contemporary English* (Britain: Longman Group Ltd., 1981), 681.

³³⁵ *Ensiklopedia Malaysiana*, (Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd., 1996), 4: 353.

(a) Usrah

Perkataan usrah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud keluarga. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan usrah sebagai perkumpulan yang melibatkan kegiatan agama seperti perbincangan tentang sesuatu tajuk agama dan sebagainya.³³⁶ Melalui program usrah, pelajar dididik supaya mendekati diri kepada Allah s.w.t, hubungan secara langsung dengan al-Quran dan al-Sunah, pembentukan peribadi pelajar mengikut ajaran Islam yang betul; menimbulkan perasaan bertanggungjawab terhadap ajaran Islam dan mewujudkan “*bi’ah Islāmiyah*” atau “*iqlīm dīnī*” dalam kalangan pelajar. Usrah juga dapat melahirkan modal insan yang terdidik dan berkeupayaan membimbing diri sendiri, rakan sebaya, keluarga dan masyarakat ke jalan yang diredhai oleh Allah s.w.t. Pelajar yang dididik menerusi program usrah akan memiliki akhlak, jati diri dan sahsiah yang terpuji, seterusnya dapat membendung seseorang individu itu daripada gejala sosial yang semakin menular pada zaman ini.



Rajah 2.14: Rukun Usrah³³⁷

³³⁶ Kamus Dewan, ed. ke-4, 1783, entri “usrah” .

³³⁷ Idris Ahmad (2005), 20. Hassan al-Banna (1993), 5.

Amalan sahsiah terpuji dan sikap positif seseorang pelajar dapat dibangunkan menerusi program usrah. Ini bertepatan dengan konsep usrah itu sendiri yang terdiri daripada tiga rukun utama, iaitu *al-ta'aruf*, *al-tafahum* dan *al-takaful* sebagaimana di Rajah 2.14 di atas.

- i. *Al-ta'aruf* (berkenalan), iaitu ahli usrah menganggap semua ahli kumpulan sebagai saudara kandung sendiri dan berusaha menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh membawa kepada hubungan yang keruh, seperti bertengkar, bergaduh, bermasam muka dan membenci. Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran:

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوِيكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

Al-Hujurat 49: 10

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara. Oleh itu, damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat.

- ii. *Al-tafahum* (bersefahaman), iaitu menuntut persefahaman dalam kalangan ahli usrah, menerima nasihat dengan hati terbuka tanpa sebarang prasangka, berlapang dada dengan perbezaan pendapat serta menerima kelebihan dan kelemahan seseorang. Inilah sebahagian daripada ciri persefahaman yang ada dalam diri setiap ahli usrah. Abu Ruqayyah Tamim bin Aus al-Dari meriwayatkan bahawasanya Rasulullah s.a.w telah bersabda dalam sebuah hadis, iaitu:

إِذَا دَخَلَ بَيْتَ رَجُلٍ مِنْكُمْ فَاصْبِرْ لَهُ عَيْبَهُ فَإِنَّ كَثِيرًا مِمَّا يَسْتَعِيبُونَ فِي الْبُيُوتِ مَا لَا يُغْنِي عَنْهُمْ شَيْئًا

Terjemahan: “Agama itu adalah nasihat”. Kami berkata: “Untuk siapa?” Baginda s.a.w bersabda: “Untuk Allah, untuk kitab-Nya, untuk Rasul-Nya, untuk para imam kaum muslimin dan juga untuk umat Islam seluruhnya” (Hadis riwayat al-Imam Muslim).

- iii. *Al-takāful* (bantu membantu), iaitu ahli usrah perlu mengamalkan sikap tolong-menolong dan bantu-membantu sesama ahli. Mereka tidak akan membiarkan ahli kumpulan menghadapi kesusahan seorang diri. Mereka perlu bersama-sama memikul beban yang ditanggung oleh ahli dalam kumpulan. Sikap ini adalah bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

العقابِ ﴿٥٠﴾

Al-Maidah 5: 2

Terjemahan: ... Dan bertolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu bertolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.

Berdasarkan rukun-rukun usrah di atas, maka jelaslah bahawa adab-adab yang terpuji yang dipupuk dalam program usrah akan dapat membentuk tingkah laku dan sahsiah seseorang pelajar. Muhammad Nordin et. al. menjelaskan bahawa terdapat beberapa adab yang perlu dipatuhi oleh ahli usrah bagi memelihara kelancaran dan mencapai maksud pelaksanaannya. Implikasi daripada pelaksanaan adab usrah akan melahirkan insan yang unggul. Antara adab-adab dalam program usrah ialah patuh kepada arahan naqib, hadir tepat pada waktunya, memaklumkan kepada naqib jika berlaku keuzuran, mengulangkaji bahan perbincangan setiap kali perjumpaan, membawa buku catatan dan bahan rujukan

berkaitan tajuk usrah, memberikan perhatian sepenuhnya kepada perbincangan usrah, dan aktif dalam mengemukakan pandangan dan idea.³³⁸

Ringkasnya, program usrah merupakan medium utama pelaksanaan modul SUMUR di sekolah. Melalui program usrah, aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR seperti aspek solat berkualiti, tadarus al-Quran, amalan zikir dan doa, laras bahasa, hormat-menghormati, tolong-menolong, mengenang budi dan lain-lain lagi dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

2.10 Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji membincangkan secara mendalam tentang definisi pembangunan sahsiah dan pembangunan sahsiah dari perspektif Islam yang terdiri daripada peribadi Rasulullah s.a.w, nasihat Luqman al-Hakim, wasiat Nabi Adam a.s dan teladan *khalifah al-rāsyidīn*. Pengkaji juga membincangkan tentang model pembangunan sahsiah menurut tokoh-tokoh Islam, seperti Ibn Miskawayh, al-Ghazali, Abdullah Nasih Ulwah dan Luqman al-Hakim; faktor-faktor yang mempengaruhi sahsiah; dan program-program pembangunan sahsiah. Bab ini memberikan kefahaman yang jelas bahawa pembangunan sahsiah dalam kalangan pelajar adalah satu proses yang begitu penting dalam kehidupan seseorang individu. Ini kerana proses pembangunan yang baik, khususnya dari aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek pasti akan memberikan impak yang besar ke arah pembentukan jati diri, identiti dan personaliti seseorang individu.

Pengkaji juga membincangkan secara mendalam tentang modul SUMUR di SMKA. Perbincangan dimulakan dengan sejarah penubuhan SMKA, dan diikuti dengan perbahasan tentang modul SUMUR dan pelaksanaannya secara terperinci. Bab ini memberikan

³³⁸ Muhammad Nordin, Jamil Ahmad & Ab Halim Tamuri, “Pelaksanaan Program Usrah Badar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Haji Mohd Said” dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV* (Bangi: Fakulti Pendidikan UKM), 516-517.

kefahaman yang jelas bahawa kandungan modul SUMUR dibina secara terancang dan melibatkan aspek-aspek seperti dakwah; kaunseling; sukan dan permainan; dan kelab dan persatuan. Aspek pelaksanaan yang menyeluruh dan komitmen tinggi daripada warga sekolah membolehkan modul ini dilaksanakan dengan jayanya di SMKA, seterusnya melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dan bersahsiah terpuji. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan melanjutkan fokus kajian tentang metodologi kajian dalam melaksanakan modul SUMUR di SMKA.

University of Malaya

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian adalah merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif dan berkesan bagi menjawab persoalan kajian. Metodologi bererti ilmu tentang cara mengadakan penelitian atau kajian.³³⁹ Metodologi berasal daripada dua perkataan di dalam bahasa Yunani, iaitu *metodos* yang bererti cara, dan *logos* yang bererti ilmu.³⁴⁰ Menurut Majid Konting (2005),³⁴¹ metodologi kajian adalah perancangan yang dibuat oleh pengkaji bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dan memberi jawapan kepada persoalan kajian.

Bagi melaksanakan kajian ini dengan efektif, metodologi yang dirangka oleh pengkaji adalah melibatkan reka bentuk kajian; lokasi kajian; metode pengumpulan data perpustakaan dan lapangan; populasi, penentuan sampel dan kaedah persampelan kajian; instrumen kajian (soal selidik dan temu bual); kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian; metode analisis data kuantitatif dan kualitatif; kerangka operasi; prosedur kajian dan diakhiri dengan kesimpulan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan *blue print* (rangka rujuk) kepada perkara-perkara seperti persampelan, pengukuran dan analisis data. Reka bentuk kajian juga merupakan seluruh usaha dari tahap mengenal pasti permasalahan hinggalah ke tahap pengutipan dan

³³⁹ Imam Bernadib, *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*, cet. pertama (Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP- IKIP, 1982), 51.

³⁴⁰ Koentjaraningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, cet. pertama (Jakarta: P.T. Gramidia, 1997), 16.

³⁴¹ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 9.

penganalisisan data. Menurut John E. Freund (1992),³⁴² terdapat dua tujuan asas penggunaan reka bentuk kajian, iaitu untuk mengawal perubahan dan membentuk jawapan kepada persoalan yang wujud dalam sesuatu kajian serta bagi membantu pengkaji menyelesaikan beberapa persoalan yang wujud dalam sesuatu kajian.

Penyelidikan ini adalah kajian deskriptif bersifat tinjauan yang menggabungkan dua bentuk kajian, iaitu kuantitatif dan disokong dengan kualitatif. Menurut Gay (2003), kajian deskriptif merupakan proses pengumpulan data untuk menguji hipotesis atau menjawab persoalan kajian dengan mempertimbangkan situasi semasa bagi suatu perkara yang dikaji.³⁴³ Kajian kuantitatif yang dijalankan oleh pengkaji membawa maksud penyelidikan yang bertujuan untuk menghurai, menghubungkan dan menjelaskan secara terperinci tentang sesuatu bidang ilmu dan hasil kajian daripada sampel tersebut.³⁴⁴ Manakala kajian kualitatif adalah satu kajian yang berkaitan dengan persoalan atau pernyataan. Kajian ini bukan berbentuk hipotesis dan biasanya menggunakan persoalan seperti bagaimana, apa dan mengapa.³⁴⁵ Data kuantitatif diperoleh melalui instrumen soal selidik (pelajar) dan data kualitatif pula diperoleh melalui instrumen temu bual (guru). Kemudian data ini akan digeneralisasikan kepada seluruh populasi di bawah kajian yang dijalankan.

Menurut Neuman (2003) dan Othman (2007) melalui kaedah gabungan ini, diharap kelemahan yang terdapat dalam kajian kuantitatif akan ditampung dengan kelebihan yang ada dalam kajian kualitatif dan begitu juga sebaliknya. Proses gabungan ini dikenali sebagai *triangulation of method* bagi tujuan meningkat dan mengukuhkan lagi kesahan data

³⁴² John E. Freund, *Statistik Permulaan Moden*, terj., Othman Ismail & Muhammed Hafiz (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 31.

³⁴³ Gay L.R., & Peter Airasian, *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications* (7th Edition) (Upper Saddle River, New Jersey: Merrill Prentice Hall, 2003).

³⁴⁴ Zahiah Haris @ Harith, *Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Zon Utara: Kajian Kaedah dan Keberkesanannya* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012).

³⁴⁵ Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 385.

kajian.³⁴⁶ Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa reka bentuk ini bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian penyelidikan.

3.3 Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan 5 buah sekolah daripada 57 buah SMKA di seluruh negara sebagai lokasi kajian. Pemilihan lokasi kajian dibuat mengikut metode persampelan berkelompok mengikut zon dan pemilihan dijalankan secara rawak mudah. Lima zon yang dikenal pasti ialah zon Utara, zon Selatan, zon Timur, zon Tengah dan zon Malaysia Timur. Zon Utara terdiri daripada tiga buah negeri, iaitu negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Zon Selatan pula terdiri daripada Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Sementara zon Timur terdiri daripada negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Manakala zon Tengah terdiri daripada negeri Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, dan seterusnya zon Malaysia Timur yang melibatkan negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Penetapan negeri mengikut kedudukan zon seumpama ini berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) KPM dan kaedah yang sama turut dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang melibatkan lokasi di Malaysia (Mohd Aderi Che Noh, 2008; Zawawi Ismail, 2008; Zakaria Abdullah, 2011; dan Paharudin Arbain, 2015).³⁴⁷ Lokasi kajian tersebut ialah:

³⁴⁶ Paharudin Arbain, “Eksplorasi Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran Program j-QAF dan Hubungannya Dengan Pencapaian Murid” (Tesis Kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015), 117-118.

³⁴⁷ *Ibid.*, 119; Mohd Aderi Che Noh, “Hubungan Antara Amalan Pengajaran Guru dan Pencapaian Tilawah al-Quran Pelajar Tingkatan Dua di Malaysia” (Tesis Kedoktoran, Universiti Putera Malaysia, 2008); Zawawi Ismail, “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)” (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008); Zakaria Abdullah, “Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia” (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).

- i. SMKA Al-Irshad, Pulau Pinang
- ii. SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Negeri Sembilan
- iii. SMKA Naim Lil Banat, Kelantan
- iv. SMKA Slim River, Perak
- v. SMKA Tun Ahmad Zaidi, Sarawak

3.4 Metode Pengumpulan Data

Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini, iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan bagi mengumpul data dan maklumat. Menurut Sidek Mohd Noah (2002),³⁴⁸ tujuan kajian lapangan dan kes dijalankan ialah untuk mengenalpasti dan mencari intensif tentang latar belakang status masa kini serta interaksi persekitaran suatu unit sosial sama ada melibatkan individu, kumpulan, institusi atau komuniti.

3.4.1 Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)

Penyelidikan perpustakaan bererti satu kajian mendapatkan bahan menerusi sumber-sumber tulisan, seperti buku, tesis, disertasi, majalah, mikro filem dan sebagainya. Menurut J. Supranto (1986),³⁴⁹ penyelidikan perpustakaan dijalankan dengan mengumpul data yang terdapat dari sumber-sumber perpustakaan, seperti buku-buku, majalah, jurnal, laporan-laporan, akhbar, laman-laman web, hasil pembentangan kertas kerja bagi melengkapkan dan menjelaskan hasil kajian. Tambah Mohd Jailani Mohd Noor (2004),³⁵⁰ kajian perpustakaan disebut juga sebagai kajian literatur. Ia merupakan teknik untuk pengkaji

³⁴⁸ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2002), 43.

³⁴⁹ J. Supranto, *Kaedah Penyelidikan Penggunaannya Dalam Pemasaran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 9.

³⁵⁰ Mohd Jailani Mohd Noor, *Kaedah Penyelidikan Kejuruteraan* (Singapura: Thomson Learning, 2004), 10.

mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Data yang didapati merupakan data yang telah disediakan oleh pengkaji atau agensi lain dan lazimnya telah diproses terlebih dahulu.³⁵¹

Menurut Mohd Nawi Ab Rahman (1988),³⁵² melalui kaedah ini penelitian karya dapat dilakukan bagi menceritakan sejauh mana pembaca sudah mengetahui dalam bidang yang sama dan berkaitan dengannya sehingga sampai kepada sempadan yang menampakkan kepada pembaca yang sudah selesai dan yang belum selesai, sama ada sudah nampak kepada pembaca yang terdahulu atau sebelumnya. Menurut beliau lagi, kaedah ini merupakan satu kaedah atau proses untuk mencapai hasrat tersebut. Stanley Richardson et al. (2005) pula menambah penyelidikan perpustakaan membolehkan pengkaji memperoleh data yang diterbitkan dan dikenali sebagai data sekunder, sama ada daripada sumber elektronik ataupun bercetak.³⁵³

Kelebihan data jenis sekunder ialah untuk membezakan dapatan daripada pelbagai kajian dari aspek sebab musabab terhadap sesuatu isu yang dibincangkan. Bagaimanapun, kekurangan setiap maklumat yang diperoleh dan dikumpulkan hanya tertumpu kepada tujuan yang tertentu sahaja. Maklumat mungkin tidak diperlukan dalam kajian yang hendak dilakukan. Oleh itu, data sekunder berguna bergantung kepada kebolehan pengkaji memahami dan menghurai maklumat yang didapati dalam kajian yang dijalankan.³⁵⁴

Metode perpustakaan ini sangat penting untuk melengkapi data-data pada Bab 2 dan 3. Metode ini digunakan untuk hampir keseluruhan bab dalam kajian ini untuk

³⁵¹ Mohd Syafie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987), 41.

³⁵² Mohd Nawi Ab Rahman, *Kaedah Statistik* (Serang: Penerbit Universiti Putera Malaysia, 1988), 35.

³⁵³ Stanley Richardson et al., *How to Research: A Guide for Undergraduate and Graduate Students* (Singapore: Thomson Learning, 2005), 20.

³⁵⁴ *Ibid.*

mendapatkan data kualitatif, seperti penghuraian definisi, konsep dan teori dengan merujuk kepada beberapa buah perpustakaan utama.

Sebagai tambahan kepada metode perpustakaan, pengkaji menggunakan sedikit metode dokumentasi. Kaedah dokumentasi ialah satu cara untuk mendapat dan mengumpulkan data-data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berhubungkait dengan permasalahan kajian. Dokumen ialah benda-benda bertulis yang dapat memberi keterangan tertentu terhadap sesuatu.³⁵⁵ Abdul Halim Mat Diah (1987) menyatakan dokumen sebagai satu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti.³⁵⁶ Menurut Idris Awang, dokumen ialah bahan yang tidak diterbitkan tetapi pihak yang menghasilkan dan tarikhnya diketahui dengan jelas atau boleh dikenal pasti melalui proses tertentu. Ia termasuklah hasil penyelidikan yang tidak diterbitkan, seperti tesis dan disertasi, minit mesyuarat, laporan tahunan, fail-fail rasmi, manuskrip yang tersimpan di arkib dan juga catatan peribadi.³⁵⁷ Termasuk dalam dokumen ialah bahan bertulis yang dapat memberi pelbagai keterangan. Antaranya ialah gambar-gambar, kumpulan undang-undang, peraturan dan buku cenderamata.³⁵⁸ Kaedah ini juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang bilangan sekolah dan jumlah pelajar di SMKA, khususnya daripada BPI.

3.4.2 Penyelidikan Lapangan (*Field Research*)

Sebahagian besar data dan maklumat dari kajian ini diperoleh dari kajian lapangan. Melalui kajian ini, pengkaji memperoleh data secara langsung dari responden menerusi soal selidik,

³⁵⁵ Imam Bernadib, *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*, 52.

³⁵⁶ Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, 1987), 117.

³⁵⁷ Lokman Abdul Rasol, *Pengurusan kualiti menurut perspektif Islam: Kajian di Majlis Perbandaran Subang Jaya* (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2013).

³⁵⁸ Noraini Zainuddin, "Analisis Sumbangan Dewan Muslimāt PAS Terhadap Pembangunan Sosial Masyarakat di Kawasan Bukit Gantang (1995-2000)" (Disertasi Sarjana Universiti Malaya, 2006), xxxii.

pemerhatian dan temu bual serta dokumentasi yang dibentuk khas untuk tujuan-tujuan tertentu.³⁵⁹ Kelebihan utama kajian lapangan ialah membolehkan pengkaji memperoleh data prima. Maklumat boleh disesuaikan dengan keperluan kajian dan ia adalah maklumat terkini dan lebih meluas.³⁶⁰ Melalui kajian lapangan juga membolehkan pengkaji memerhati dan mencatatkan tingkah laku individu atau kumpulan subjek kajian dalam keadaan semula jadi.³⁶¹

Dalam kajian lapangan, terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data, seperti temu bual, dokumentasi dan soal selidik. Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik yang merupakan kaedah utama kajian ini untuk mendapatkan data. Ia dibentangkan dalam bentuk jadual dan rajah mengikut subtopik dan dihuraikan mengikut peratusan dan nilai min yang diperolehi. Soal selidik adalah merujuk kepada sejumlah soalan yang dikemukakan secara berterusan dalam borang tertentu untuk dijawab oleh sebilangan orang dalam usaha mencari dan mengumpulkan maklumat tertentu.³⁶² Dalam konteks kajian ini, pengkaji menjalankan kajian di 5 buah SMKA yang dipilih secara rawak berkelompok dengan mengedarkan soal selidik kepada para pelajar yang berada di tingkatan empat. Penggunaan kaedah soal selidik sebagai alat pengukuran utama adalah lebih praktikal dan berkesan. Ini kerana kaedah persampelan digunakan dalam soal selidik untuk mengkaji populasi yang besar.³⁶³ Borang soal selidik yang digunakan adalah khusus untuk para pelajar sahaja bagi mengetahui pelaksanaan modul SUMUR dalam kalangan

³⁵⁹ J. Supranto, *Kaedah Penyelidikan Penggunaannya Dalam Pemasaran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 10.

³⁶⁰ Stanley Richardson et al., *How to Research: A Guide for Undergraduate and Graduate Students*, 21.

³⁶¹ Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan* (Malaysia: Mac Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006), 141.

³⁶² Kamus Dewan, ed. ke-4, 1511, entri "soal".

³⁶³ Suseela Malakolunthu, "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif : Satu Imbasan" dalam Marohaini (ed.) (2001), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universti Malaya, 2001), 126.

pelajar SMKA dan hubungannya dengan pembangunan pelajar. Soal selidik ini direka bentuk secara berstruktur dan tidak berstruktur. Bilangan pelajar yang terlibat dalam soal selidik ini adalah seramai 400 orang. Kaedah ini digunakan untuk mengutip data kuantitatif. Data yang diperolehi akan dihuraikan dalam bentuk peratusan dan juga nilai min di dalam Bab 5.

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap kumpulan pelajar. Seramai 60 orang pelajar telah terlibat di dalam kajian rintis ini. Kajian rintis bertujuan untuk memastikan kaedah yang akan dijalankan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta mampu mengumpul data sebagaimana yang diperlukan. Menurut Sidek Mohd Noah (2002),³⁶⁴ kebolehpercayaan ujian bermaksud ujian itu konsisten dan ia dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperolehi individu yang sama dengan menjawab ujian yang sama pada masa yang berbeza. Huraian lanjut mengenai kajian rintis ini dinyatakan dalam metodologi kajian pada Bab 3.

3.5 Populasi, Penentuan Sampel dan Kaedah Persampelan Kajian

Populasi dan sampel adalah dua perkara yang amat penting dalam menjalankan sesuatu kajian. Mohd Majid (2009) menyatakan bahawa daripada populasi yang dipilih akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji, sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat yang perlu didapati dan dianalisis.³⁶⁵ Oleh itu, pengkaji perlu menentukan populasi dan sampel kajian dengan baik sebelum sesuatu kajian dijalankan.

³⁶⁴ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2002), 62.

³⁶⁵ Hendri Sufriadi, "Pengaruh Keluarga Dalam Meningkatkan Kecerdasan Emosi dan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Madrasah di Aceh" (Disertasi Pendidikan (Psikologi Pendidikan), Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016), 51.

3.5.1 Populasi Kajian

Populasi merujuk kepada semua ahli dalam suatu kelompok kajian.³⁶⁶ Kelompok ini berperanan sebagai sasaran kajian untuk mendapatkan data atau maklum balas dalam suatu penyelidikan.³⁶⁷ Sidek Mohd Noah (2002) menyatakan populasi merupakan set lengkap yang merangkumi kelompok individu yang ingin dikaji. Kelompok ini perlu memenuhi beberapa spesifikasi lengkap yang diperlukan untuk kajian.³⁶⁸

Populasi bagi penyelidikan ini ialah pelajar-pelajar di SMKA yang berjumlah seramai 39,079 orang. Namun pengkaji memilih pelajar tingkatan empat kerana mereka sudah mempunyai pemahaman yang baik tentang modul SUMUR dan berpengalaman luas tentang pelaksanaan aspek-aspek dalam modul tersebut. Mereka terdiri daripada pelajar pelbagai aliran seperti Sains Tulen Agama, Sains Teknikal Agama, Sains Sosial Agama dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).

Manakala pelajar tingkatan lima pula tidak dipilih menjadi populasi kajian walaupun berpengalaman luas tentang modul SUMUR kerana untuk mengelakkan fokus mereka terhadap peperiksaan SPM terganggu, di samping mengambil kira syarat yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) KPM yang tidak memberi kebenaran untuk melakukan kajian terhadap pelajar kelas peperiksaan.

3.5.2 Penentuan Sampel Kajian

Setelah mendapat bilangan populasi, proses persampelan dilakukan untuk mendapatkan bilangan sampel. Bilangan sampel merupakan sebahagian individu yang diambil melalui

³⁶⁶ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Ppendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd., 2010).

³⁶⁷ Rohana Yusof, *Penyelidikan Sains Sosial* (Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2004).

³⁶⁸ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2002), 85.

persampelan bagi mewakili populasi yang dikaji.³⁶⁹ Persampelan bertujuan untuk mewakili populasi kajian. Ia memadai bagi memberikan gambaran fenomena terhadap sesuatu populasi. Ini kerana tidak semestinya menggunakan semua ahli dalam populasi sekiranya daripada sampel sudah dapat memberi gambaran untuk memahami sesuatu masalah dan fenomena yang berlaku dalam populasi terbabit.³⁷⁰ Menurut Mohd Majid (2005), persampelan bermaksud cara untuk mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan sesuatu masalah tanpa menggunakan seluruh ahli dalam suatu populasi.³⁷¹ Syarat utama kepada pemilihan sampel ialah ia dapat mewakili populasi bagi suatu kajian.³⁷²

Bagi menentukan saiz sampel pelajar untuk instrumen soal selidik, maka pengkaji turut bersandarkan kepada Krejcie dan Morgan (1970) yang menyediakan panduan dalam menentukan jumlah sampel minimum mengikut saiz populasi berdasarkan aras kesignifikanan. Berdasarkan jadual saiz sampel yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan Sekaran (1992), jumlah sampel bagi setiap populasi dalam penyelidikan yang dijalankan dengan aras keyakinan 95% ialah seperti ditunjukkan pada Jadual 3.1. di bawah.

³⁶⁹ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

³⁷⁰ J. P. Gall, D. D. Gall and W. R. Borg, *Applying Educational Research a Practical Guide* (Boston: Allyn and Bacon, 2005).

³⁷¹ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

³⁷² Rozmi Ismail, *Metodologi Penyelidikan, Teori dan Praktis* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013).

Jadual 3.1. Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	150	108	460	210	2200	327
15	14	160	113	480	214	2400	331
20	19	170	118	500	217	2600	335
25	24	180	123	550	226	2800	338
30	28	190	127	600	234	3000	341
35	32	200	132	650	242	3500	346
40	36	210	136	700	248	4000	351
45	40	220	140	750	254	4500	354
50	44	230	144	800	260	5000	357
55	48	240	148	850	265	6000	361
60	52	250	152	900	269	7000	364
65	56	260	155	950	274	8000	367
70	59	270	159	1000	278	9000	368
75	63	280	162	1100	285	10,000	370
80	66	290	165	1200	291	15,000	375
85	70	300	169	1300	297	20,000	377
90	73	320	175	1400	302	30,000	379
95	76	340	181	1500	306	40,000	380
100	80	360	186	1600	310	50,000	381
110	86	380	191	1700	313	75,000	382
120	92	400	196	1800	317	100,000	384
130	97	420	201	1900	320		
140	103	440	205	2000	322		


Sumber: Chua Yan Piaw (2006), Sekaran, U. (1992)³⁷³

Pemilihan sampel bagi data kuantitatif yang memenuhi tahap kepercayaan (*confidence level*) adalah penting. Dalam kajian ini, tahap kepercayaan yang digunakan ialah 95% (0.95), iaitu 5% (0.05) kemungkinan berlakunya kesilapan persampelan (*sampling error*). Krejcie dan Morgan telah menggariskan bilangan sampel yang perlu digunakan berdasarkan tahap kepercayaan 95%. Bagi populasi pelajar berjumlah seramai 39,078 orang,³⁷⁴ maka jumlah saiz sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan adalah seramai 380 orang. Namun, kajian ini mengambil sampel yang lebih daripada jumlah yang dicadangkan, iaitu seramai 400 orang supaya tahap kepercayaan adalah lebih

³⁷³ U. Sekaran, *Research Method for Business: A Skill-Building Approach*, 2nd Edition (New York: Wiley & Son, Inc., 1992).

³⁷⁴ Data SMKA Januari 2016, Unit HEM, Sektor Kemajuan Sekolah Agama (SKSA) BPI KPM.

tinggi. Teknik ini telah digunakan oleh ramai pengkaji, antaranya ialah Kamarul Shukri,³⁷⁵ Ghazali Yusri Abdul Rahman³⁷⁶ dan Rashidi Abbas.³⁷⁷ Pemilihan sampel yang memenuhi kriteria ini penting untuk tujuan generalisasi sampel kepada populasi sebenar yang lebih besar. Jumlah persampelan pelajar seperti dalam Rajah 3.1. di bawah.



Rajah 3.1. Jumlah Persampelan Pelajar³⁷⁸

Selain pengumpulan data melalui instrumen kuantitatif (soal selidik), pengkaji turut mengukuhkan data kajian melalui instrumen kualitatif (temu bual). Penentuan saiz sampel instrumen kualitatif dilakukan dengan melihat kepada keperluan data dan maklumat kajian. Bahkan Patton (1990) menyatakan tiada ketetapan bagi menentukan saiz sampel kerana ia mengambil kira maklumat yang hendak diperolehi, tujuan kajian dijalankan serta masa dan sumber yang ada.

Oleh itu, seramai 2 orang guru yang terdiri daripada penasihat BADAR dan penyelaras SUMUR telah dipilih untuk mendapatkan data kualitatif (temu bual) yang

³⁷⁵ Kamarul Shukri, "Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama" (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).

³⁷⁶ Ghazali Yusri Abdul Rahman, "Penilaian Kemahiran Lisan Dalam Kurikulum Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM)" (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).

³⁷⁷ Rashidi Abbas, "Pembangunan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah" (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2014).

³⁷⁸ Unit Pengurusan Sekolah, Sektor Kemajuan Sekolah Agama BPI KPM (2016).

berfungsi sebagai menyokong perolehan data kuantitatif. Penetapan saiz sampel kepada 10 orang guru juga dirancang bagi mewakili setiap sub strata unit zon (negeri), lokasi dan jantina dalam kajian ini melalui teknik pengiraan berikut: (5 buah negeri x 2 orang guru = 10 orang guru). Dengan ini data yang diperolehi diharapkan lebih seimbang dari pelbagai aspek.

Secara keseluruhannya, saiz sampel dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 3.2 di bawah, iaitu seramai 400 orang pelajar tingkatan empat yang dipilih sebagai responden untuk memberikan respon terhadap instrumen soal selidik. Manakala seramai 10 orang guru penasihat BADAR dan penyelaras SUMUR turut dinilai melalui sesi temu bual terhadap pelaksanaan modul SUMUR dan program SUMUR utama.

Jadual 3.2. Saiz Sampel Bagi Instrumen Soal Selidik Pelajar dan Data Kualitatif (Temu Bual)

	Instrumen Kajian	Saiz Sampel
1	Soal Selidik Pelajar	400
2	Temubual Guru	10

3.5.3 Kaedah Persampelan Kajian

Persampelan rawak berkelompok adalah proses mengambil atau menggunakan sampel bila mana unit persampelan bukan lagi unsur dari populasi tetapi unsur dari kelompok populasi.³⁷⁹ Persampelan berkelompok boleh ditentukan dengan bilangan kelompok seperti mengikut negeri, daerah atau mukim.³⁸⁰ Bagi data kuantitatif yang melibatkan soal selidik, kaedah yang dipilih adalah kaedah persampelan kelompok (*cluster sampling*). Dengan sumber tenaga dan kewangan yang terhad, pengkaji menggunakan persampelan kelompok untuk mengatasi masalah tersebut. Dalam persampelan kelompok, pengkaji telah

³⁷⁹ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 75.

³⁸⁰ *Ibid.*

membahagikan lokasi kajian mengikut zon. Pengkaji juga telah mengenal pasti sekolah-sekolah yang menjadi lokasi kajian bagi setiap zon.

Melalui kaedah ini, pelajar dibahagikan kepada lima zon, iaitu zon Utara, zon Selatan, zon Timur, zon Tengah dan zon Malaysia Timur yang melibatkan kawasan yang luas dan bilangan subjek yang banyak dalam populasi.³⁸¹ Oleh kerana senarai nama pelajar tidak diperoleh, maka pengkaji menggunakan prosedur persampelan kelompok yang saiz sampel bagi kajian ini adalah seramai 400 orang. Pengkaji membuat pemilihan secara rawak dengan menggunakan persampelan rawak mudah untuk memilih kategori sekolah, dan seterusnya memilih lima buah sekolah yang dikehendaki daripada setiap zon. Kemudian, pengkaji memilih secara rawak 400 orang pelajar bagi mewakili kelima-lima buah sekolah tersebut, di mana setiap 80 orang pelajar akan mewakili sebuah sekolah. Kaedah persampelan berkelompok mengikut zon adalah seperti di Jadual 3.3.

Jadual 3.3. Kaedah Persampelan Berkelompok Mengikut Zon

Zon Utara	Zon Selatan	Zon Timur	Zon Tengah	Zon M. Timur
Perlis	N. Sembilan	Kelantan	Perak	Sabah
Kedah	Melaka	Terengganu	Selangor	Sarawak
P. Pinang	Johor	Pahang	WP K. Lumpur & P. Jaya	WP Labuan

Jadual 3.4 di bawah menunjukkan pemilihan sampel sekolah bagi mewakili kelima-lima zon tersebut.

³⁸¹ Lay Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon, *Pengenalan Kepada Analisis Data Komputer Dengan SPSS 16.0 for Windows* (Selangor: Venton Publishing Sdn. Bhd., 2009), 202.

Jadual 3.4. Pemilihan Sampel Sekolah Untuk Lima Zon

Zon	Jum. Sekolah	Negeri yang Mewakili Zon	Sekolah Yang Dipilih	Jum. Responden
Utara	10	Pulau Pinang	SMKA Al-Irshad	80 (20.00 %)
Selatan	9	N. Sembilan	SMKA Sheikh Haji Mohd Said	80 (20.00 %)
Timur	14	Kelantan	SMKA Naim Lil Banat	80 (20.00 %)
Tengah	8	Perak	SMKA Slim River	80 (20.00 %)
M. Timur	16	Sarawak	SMKA Tun Ahmad Zaidi	80 (20.00 %)
JUM:	57	5 Negeri	5 Buah SMKA	400 (100 %)

Sumber: Unit Pengurusan Sekolah, Sektor Kemajuan Sekolah Agama BPI KPM (2016)

Manakala pemilihan sampel guru bagi instrumen pemerhatian dan temu bual berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu pemilihan berdasarkan persetujuan guru dan kebenaran daripada pihak pentadbir sekolah. Dengan perkataan lain, pemilihan sampel adalah berdasarkan keperluan dan mampu memberikan maklumat dalam kajian.³⁸² Walaupun begitu, pengkaji turut mengambil kira sub strata berdasarkan pembahagian zon (negeri), lokasi dan jantina di sekolah yang sama bagi mendapatkan sampel guru untuk instrumen soal selidik. Secara keseluruhannya, saiz sampel guru dan pelajar tingkatan empat berdasarkan lima unit zon (negeri) seperti yang dirancang ditunjukkan dalam Jadual 3.5 di bawah.

Jadual 3.5. Saiz Sampel Responden Berdasarkan Instrumen Kajian

Unit Zon (Negeri)	Soal Selidik (Pelajar)	Pemerhatian & Temu bual (Guru)
Zon Utara (Pulau Pinang)	80 (20.00 %)	2(20%)
Zon Tengah (Perak)	80 (20.00 %)	2(20%)
Zon Selatan (Negeri Sembilan)	80 (20.00 %)	2(20%)
Zon Timur (Kelantan)	80 (20.00 %)	2(20%)
Zon Malaysia Timur (Sarawak)	80 (20.00 %)	2(20%)
Jumlah Keseluruhan	400 (100%)	10 (100%)

³⁸² Mok Soon Sang, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., 2010); Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011); Rozmi Ismail, *Metodologi Penyelidikan, Teori dan Praktis* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013).

3.6 Instrumen Kajian

Data dalam kajian ini dikumpul dengan menggunakan metode pengumpulan data secara kuantitatif. Data-data tersebut dikumpul dengan menggunakan sebuah instrumen soal selidik untuk pelajar-pelajar tingkatan empat di SMKA. Menurut Mohd Najib, penggunaan soal selidik dalam mengumpulkan data adalah lebih mudah bagi responden yang ramai kerana kaedah ini mudah mendapat kerjasama daripada pihak responden.³⁸³

3.6.1 Soal Selidik

Soal selidik berguna untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan. Penggunaan soal selidik dalam kajian ini adalah untuk menganalisis data secara statistik deskriptif dan inferensi. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik jawapan terpilih kerana ia mengandungi soalan atau pernyataan rangsangan berserta cadangan jawapan dan gerak balas.³⁸⁴ Soal selidik jenis ini turut dikenali sebagai soal selidik berstruktur atau soal selidik tertutup.³⁸⁵

Menurut Mohd Majid, soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.³⁸⁶ Kajian ini menggunakan satu set soal selidik sebagai instrumen utama untuk memperoleh data-data daripada responden. Soal selidik adalah instrumen yang paling sesuai digunakan kerana ia lebih praktikal dan dan berkesan digunakan dalam populasi yang besar³⁸⁷ serta mempunyai

³⁸³ Mohd Najib Abd Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan* (Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1999).

³⁸⁴ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

³⁸⁵ Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik* (Selangor: UPM Press, 2013).

³⁸⁶ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 202.

³⁸⁷ *Ibid.*

kelebihan jika dibandingkan dengan cara lain dalam usaha untuk mendapatkan maklumat kuantitatif.³⁸⁸ Soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberi.

Antara kelebihan soal selidik jenis ini ialah mudah ditadbir kerana soalan-soalan yang dikemukakan dan cadangan-cadangan jawapan yang diberikan memudahkan subjek untuk menjawab dengan tepat. Mohd Majid menyatakan bahawa penganalisan dengan menggunakan soal selidik jawapan terpilih dapat dilakukan dengan cepat dan berkesan serta mudah ditafsirkan bersesuaian dengan objektif penyelidikan. Selain itu, kerjasama daripada subjek ketika menjawab soalan adalah tinggi kerana subjek mudah memahami kehendak soalan, kurang menggunakan ingatan, kurang berfikir dan boleh menjawab dengan tepat. Soal selidik jawapan terpilih ini juga dapat mengelakkan jawapan-jawapan subjek yang melindungi kepincangan subjek, memenuhi kepentingan peribadi dan menyetujui kehendak serta penerimaan sosial, selain memudahkan dalam penganalisan jawapan kerana data-data yang diperoleh melalui soal selidik ini lebih teratur dan jelas.³⁸⁹

Konsep skala pengukuran di dalam bidang pendidikan bergantung kepada pemberian nilai dalam bentuk nombor atau angka ke atas pembolehubah-pembolehubah atau gagasan yang diukur.³⁹⁰ Skala pengukuran merujuk kepada kombinasi yang lebih kompleks berbanding dengan indeks pengukuran kerana ia mempunyai corak atau susunan yang tertentu. Terdapat beberapa jenis skala pengukuran piawai yang diterima pakai dalam penyelidikan. Skala piawai yang sering digunakan dalam penyelidikan Sains Sosial dan

³⁸⁸ Sulaiman Ngah Ghazali, *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 33.

³⁸⁹ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

³⁹⁰ *Ibid.*, 196.

pendidikan ialah skala Likert, skala Thurstone, skala Guttman dan skala perbezaan semantik.³⁹¹

Dalam aspek pengumpulan data, pengkaji memilih untuk menggunakan metode pengumpulan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian. Menurut Cohen et. al, skala jenis ini amat sesuai digunakan untuk mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan persepsi dan sikap.³⁹²

Jadual 3.6. Min Skala Lima Likert Mengikut Lima Tahap

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Tschannen - Moran, M. & Gareis, C.R (2004)³⁹³

Jadual 3.6 di atas adalah min skala lima Likert mengikut lima tahap bagi mengukur tahap sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Melalui kajian ini, pengkaji menggunakan skala Likert berskala lima ukuran untuk mendapatkan maklum balas pelajar terhadap pelaksanaan modul SUMUR di SMKA. Julat skala Likert yang digunakan adalah luas untuk memberi peluang atau kebebasan kepada responden untuk memberikan markat terhadap persepsi mereka ke atas setiap pernyataan yang disenaraikan. Ini menghasilkan variasi terhadap jawapan responden, dan variasi ini amat penting dalam

³⁹¹ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Buku 1* (Kuala Lumpur: McGraw Hill, 2006), 232.

³⁹² L. Cohen, L. Manion and K. Marisson, *Research Methods in Education* (London: Routledge Falmer, 2000).

³⁹³ M. Tschannen-Moran and C. R. Gareis, "Principle's Sence of Efficacy: Assesing a Promising Construct", *Jurnal of Educational Administrating* 42, 5 (2004), 573-585.

kaedah statistik. Walaupun variasi antara responden dijangkakan, namun responden dibantu dengan penunjuk berserta dengan skala Likert yang digunakan.³⁹⁴ Subjek menunjukkan sama ada mereka sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju atau sangat setuju terhadap setiap kenyataan yang mengukur sikap mereka. Markat individu ditentukan dengan menjumlahkan nilai-nilai yang diperoleh oleh subjek daripada gerak balasnya terhadap setiap kenyataan yang dicadangkan oleh pengkaji.³⁹⁵ Kaedah Likert dibuat berasaskan kepada andaian bahawa keseluruhan market gerak balas terhadap butir-butir yang berasas mengenai sikap tersebut.

**Jadual 3.7. Aras Pelaksanaan Modul SUMUR di SMKA
(Bagi Item Soal Selidik Bahagian B)**

Pilihan	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Sumber: Soal Selidik Program SUMUR di SMKA (2015)

(a) Soal Selidik pelajar

Kandungan soal selidik pelajar ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian berpusatkan kepada demografi kajian (Bahagian A) dan satu bahagian lagi berfokuskan kepada pelaksanaan modul SUMUR di SMKA (Bahagian B). Soal selidik ini diadaptasi daripada soal selidik yang sedia ada dengan beberapa penambahbaikan. Perincian setiap bahagian adalah sebagaimana di bawah:

- i. Bahagian A : Demografi Kajian
- ii. Bahagian B : Pelaksanaan Modul SUMUR Dalam kalangan Pelajar SMKA

³⁹⁴ U. Sekaran, *Research Methods for Business 4th Edition* (New York: John Wiley and Sons, 2006).

³⁹⁵ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 198.

Jadual 3.8. Jumlah Item Bahagian A

Bahagian	Maklumat	No. Item	Jumlah Item
A	Demografi Kajian (7)		
	Jantina	A1	1
	Tempat Tinggal Pelajar	A2	1
	Tempat Tinggal Keluarga	A3	1
	Aliran Pendidikan Pelajar	A4	1
	Pendapatan Bulanan Keluarga	A5	1
	Tahap Pendidikan Keluarga	A6	1
	Jawatan Pelajar	A7	1
	Jumlah Keseluruhan Item	A1-A7	7

Jadual 3.9 di bawah pula menjelaskan jumlah item bahagian B.

Jadual 3.9. Jumlah Item Bahagian B

Bahagian	Maklumat	No. Item	Jumlah Item
B	B1 : Program <i>Mutadayyin</i> (18)		
	- Solat Berkualiti	B1-B6	6
	- Amalan Zikir dan Doa	B7-B12	6
	- Tadarus al-Quran	B13-B18	6
	B2 : Program Berbudi Bahasa (24)		
	- Laras Bahasa	B19-B24	6
	- Hormat-Menghormati	B25-B30	6
	- Tolong-Menolong	B31-B36	6
	- Mengenang dan Menghargai Budi	B37-B42	6
	B3 : Program Jati Diri (24)		
	- Berkeyakinan	B43-B48	6
	- Sabar dan Tabah	B49-B54	6
	- Tetap Pendirian	B55-B60	6
	- Semangat Juang	B61-B66	6
	B4 : Program Penampilan Diri (24)		
	- Pemakaian	B67-B72	6
- Adab Sopan	B73-B78	6	
- Kepemimpinan	B79-B84	6	
- Sikap Positif dan Proaktif	B85-B90	6	
	Jumlah Keseluruhan Item	B1-B90	90

Sumber: Soal Selidik Modul SUMUR di SMKA (2015)

3.6.2 Temu Bual

Melalui kajian ini, pengumpulan data berkaitan pelaksanaan modul SUMUR turut dilakukan melalui kaedah temu bual separa struktur bagi memahami lebih mendalam

mengenai sesuatu isu, permasalahan, bentuk dan masa sesuatu program SUMUR utama itu dijalankan. Melalui temu bual, beberapa data tambahan mampu diperoleh bagi menyokong dan memperincikan lagi data soal selidik dan pemerhatian. Ini kerana tanpa penggunaan temu bual, data yang diperoleh daripada pemerhatian tidak dapat memberikan gambaran yang lengkap tentang apa yang diperhatikan.³⁹⁶

Kaedah temu bual separa struktur ini membolehkan soalan digubal terlebih dahulu, namun cara dan bentuk soalan boleh berubah-ubah bergantung kepada reaksi dan tindak balas responden, iaitu guru penasihat BADAR dan penyelaras SUMUR. Malah kandungan soalan temu bual juga boleh digugurkan atau ditambah mengikut keperluan dan kesesuaian bagi mendapatkan maklumat lanjut secara lebih mendalam.³⁹⁷

Menurut Siti Uzairah Mohd Tobi (2017), pembangunan soalan temu bual adalah sama seperti menyediakan soalan soal selidik yang bertujuan untuk meneroka suatu idea bagi mendapatkan kefahaman mendalam tentang suatu isu daripada penerangan dan perbincangan yang dibuat oleh responden. Oleh itu, fokus soalan temu bual adalah untuk mendapatkan lebih banyak maklumat daripada responden.³⁹⁸

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Penggunaan instrumen kajian dalam suatu kajian perlu mendapat kesahan untuk mendapatkan dapatan kajian terbaik dan boleh dipercayai. Kesahan merujuk kepada keupayaan sesuatu ujian dapat mengukur sesuatu yang sepatutnya diukur.³⁹⁹ Dapatan kajian

³⁹⁶ Marohaini Mohd Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013).

³⁹⁷ C. Robson, *Real World Research: A Resource For Social and Practitioner Researchers* (Oxford: Blackwell, 2002); Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod*; Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*; Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*.

³⁹⁸ Siti Uzairah Mohd Tobi, *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual* (Kuala Lumpur: Aras Publisher, 2017), 67-68.

³⁹⁹ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd., 2010).

dengan menggunakan instrumen yang tidak mempunyai kesahan yang tinggi adalah tidak berguna,⁴⁰⁰ kerana hanya instrumen dengan kesahan yang tinggi sahaja yang mampu menunjukkan keadaan yang sebenar suatu fenomena perkara yang dikaji.⁴⁰¹

Kesahan didefinisikan sebagai ketepatan (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningful*), dan kebolegunaan (*usefulness*) instrumen yang membolehkan diinferenkan. Kesahan juga bermaksud persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur trait yang sama secara maksimum dengan cara yang berlainan. Umumnya, kesahan adalah sejauh mana instrumen tersebut mengukur apa yang hendak diukur oleh pengkaji.⁴⁰² Manakala kebolehpercayaan pula bermaksud kestabilan dan ketekalan soal selidik tersebut dalam mengukur sesuatu konsep.⁴⁰³

3.7.1 Kesahan Kandungan dan Muka

Terdapat beberapa jenis kesahan dalam penyelidikan yang melibatkan penggunaan instrumen atau soal selidik dalam memperoleh data ujian. Antaranya ialah kesahan kandungan yang dinilai oleh pakar dalam bidang yang dikaji. Soal selidik dalam kajian ini telah diadaptasi daripada soal selidik yang telah ditadbirkan sebelum ini oleh para pengkaji dalam bidang kajian. Antaranya ialah soal selidik indeks persepsi murid terhadap program SUMUR (2013) daripada BPI KPM dan soal selidik pembentukan jati diri muslim melalui pengamalan modul sahsiah unggul murid di Hulu Langat dan Sepang, Selangor oleh Wan Nor Adibah Wan Ahmad (2015).

⁴⁰⁰ D. Ary, L. C. Jacobs, and A. Razavieh, *Introduction to Research in Education* (Belmont USA: Wadsworth / Thompsom Learning, 2002).

⁴⁰¹ Abu Bakar Nordin, *Asas Penilaian Pendidikan* (Petaling Jaya: Heinemann, 1986).

⁴⁰² R. George R. Bieger dan Gail J. Gerlach, *Educational Research* (USA: Thomas Learning Academic Resource Center, 1996), 89

⁴⁰³ Hendri Sufriadi, "Pengaruh Keluarga Dalam Meningkatkan Kecerdasan Emosi dan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Madrasah di Aceh" (Disertasi Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016), 66.

Dalam konteks kajian ini, kesahan kandungan instrumen soal selidik ditentukan dengan menubuhkan panel rujukan pakar yang terdiri daripada enam orang individu yang mempunyai kepakaran dalam pendidikan Islam, mahir dalam bidang penyelidikan dan statistik, serta berpengalaman luas dalam bidang dakwah untuk memastikan kesahan kandungan dan kesahan muka. Mereka dipilih daripada kalangan pensyarah universiti, kolej dan IPGM. Dalam kajian ini, mereka terdiri daripada dua orang pensyarah dalam bidang Pendidikan Islam, dua orang pensyarah dalam bidang penyelidikan dan dua orang pensyarah dalam bidang dakwah. Senarai panel rujukan tersebut adalah sebagaimana Jadual 3.10 di bawah.

3.7.2 Pengesahan pakar

Panel rujukan pakar yang dilantik bertanggungjawab untuk menentukan perkaitan antara item-item instrumen dengan perkara yang hendak diukur. Segala komentar yang diutarakan oleh panel rujukan akan dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji dalam membuat pengubahsuaian dalam beberapa aspek seperti istilah dan struktur ayat dalam beberapa pernyataan dalam instrumen soal selidik selaras dengan komentar panel rujukan pakar.

Jadual 3.10. Senarai Panel Rujukan

Bil	Nama	Jawatan	Kepakaran	Institusi
1.	Prof. Madya Dr. Abdul Kadir bin Arifin	Pensyarah Kanan	Pendidikan dan Statistik	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI
2.	Prof. Madya Dr. Nek Kamal bin Yeop Yunus	Pensyarah Kanan	Pendidikan dan Statistik	Fakulti Sains dan Matematik, UPSI
3.	Dr. Paharudin bin Arbain	Pensyarah Kanan	Pendidikan Islam	Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, IPIS
4.	Dr. Muhammad Lukman bin Ibrahim	Pensyarah Kanan	Pendidikan Islam	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
5.	Prof. Dr. Abdul Aziz bin Mohd Zain	Ketua Eksekutif	Dakwah	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
6.	Dr. Abdul Munir bin Ismail	Pensyarah Kanan	Dakwah	Fakulti Sains Sosial, UPSI

Abu bakar menyatakan bahawa persetujuan panel rujukan pakar terhadap setiap item yang dibina akan menghasilkan sebuah instrumen yang mempunyai kesahan yang tinggi.⁴⁰⁴ Senarai pakar atau panel rujukan untuk mengesahkan instrumen kajian adalah seperti di Jadual 3.10 di atas.

Kesahan bagi setiap konstruk dalam kajian ini ditentukan dengan melaksanakan kaedah analisis faktor. Menurut Hair *et al.* (2006), setiap konstruk yang dianalisis dianggap mempunyai kesahan yang tinggi jika mempunyai *factor loading* pada aras 0.30 ke atas. Hasil analisis menunjukkan setiap konstruk dalam soal selidik yang dibina mempunyai *factor loading* melebihi aras 3.0. Ini menunjukkan bahawa setiap konstruk tersebut mempunyai kesahan yang tinggi. Perincian bagi setiap nilai *factor loading* bagi setiap konstruk boleh dilihat pada Jadual 3.11.

Jadual 3.11. Nilai *Factor Loading* Bagi Setiap Konstruk Modul SUMUR

Konstruk	Soal Selidik Pelajar
Program <i>Mutadayyin</i>	0.91
Program Berbudai Bahasa	0.93
Program Jati Diri	0.87
Program Penampilan Diri	0.56

3.7.3 Kajian Rintis

Beberapa penulis bidang penyelidikan seperti Mohd Majid Konting,⁴⁰⁵ Syed Arabi Idid,⁴⁰⁶ dan Uma Sekaran⁴⁰⁷ menyarankan agar kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik yang dibina hendaklah dikenal pasti sebelum kerja-kerja pengutipan data sebenar dijalankan. Ahmad Munawar pula menyatakan bahawa soal selidik yang digunakan dalam

⁴⁰⁴ Abu Bakar Nordin, *Asas Penilaian Pendidikan* (Petaling jaya: Heinemann, 1986).

⁴⁰⁵ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005), 57.

⁴⁰⁶ Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 69.

⁴⁰⁷ Uma Sekaran, *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*, 2nd Edition (Canada: John Wiley & Sons Inc, 1992).

kajian rintis merupakan soal selidik yang telah melalui proses kesahan daripada panel pakar rujukan sebelum diedarkan kepada responden yang mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan sampel kajian sebenar.⁴⁰⁸ Oleh itu, kajian rintis dijalankan untuk memastikan item-item yang dibina mempunyai potensi sebenar dari segi kesahan dan kebolehpercayaan untuk menerangkan dan mengukur fenomena sahsiah pelajar dengan pelaksanaan modul SUMUR dalam kalangan pelajar SMKA. Kajian rintis juga, bertujuan untuk mengenal pasti sebarang masalah berkaitan pentadbiran soal selidik, seperti dari segi masa dan kefahaman responden terhadap item soalan yang dibina. Sehubungan itu, sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis perlu dijalankan terhadap soal selidik yang telah disediakan.

Pelaksanaan kajian rintis ini adalah melibatkan pelajar-pelajar tingkatan empat di sebuah SMKA di negeri Perak. Seramai 60 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian rintis secara rawak mudah. Responden yang terlibat menyerupai ciri-ciri populasi dalam kajian sebenar, tetapi tidak terlibat dalam kajian sebenar. Semasa kajian rintis dijalankan, beberapa perkara telah diperhatikan dan dicatat seperti tempoh masa yang diperlukan untuk menjawab soalan, soalan-soalan yang menimbulkan keraguan dan bentuk susunan atau format instrumen yang digunakan. Segala bentuk permasalahan yang berlaku kemudiannya diperbaiki untuk mendapat item yang lebih tepat sebelum kajian sebenar dijalankan.

Proses pelaksanaan kajian rintis dalam konteks kajian ini dimulakan dengan mengemukakan surat kebenaran untuk menjalankan kajian rintis kepada pihak sekolah dengan melampirkan surat kebenaran menjalankan penyelidikan yang telah dikeluarkan oleh BPPDP KPM. Sejurus setelah mendapat kebenaran daripada pihak sekolah, maka soal selidik kemudiannya diedarkan kepada responden pelajar. Pelaksanaan kajian adalah mengikut kajian sebenar dengan kumpulan responden diberikan taklimat terlebih dahulu

⁴⁰⁸ Ahmad Munawar Ismail, "Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia" (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).

tentang tujuan kajian dan cara-cara menjawab soal selidik yang disediakan. Soal selidik rintis yang telah siap dijawab oleh pelajar dikutip dan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer, iaitu *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 20.0*.

3.7.4 Nilai Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Ronald H. Heck,⁴⁰⁹ tahap penerimaan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian menunjukkan responden telah menjawab soalan atau pernyataan dalam keadaan konsisten. Mohd Majid menjelaskan bahawa alat ukur dalam mengukur sesuatu gagasan atau pemboleh ubah dengan tekal dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Sebaliknya, alat ukur yang menghasilkan markat yang berubah-ubah bagi mengukur gagasan atau pemboleh ubah yang sama dikatakan tidak tekal dan seterusnya mempunyai kebolehpercayaan yang rendah.⁴¹⁰ Gall, Gall & Borg pula menyatakan bahawa kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada ketekalan dalaman item-item yang digunakan dalam instrumen.⁴¹¹

Dalam konteks kajian ini, nilai ketekalan dalaman bagi setiap item instrumen diperoleh dengan menggunakan nilai pekali *Alpha Koeffisien Cronbach*. Nilai pekali ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan keadaan soal selidik dalam kajian ini yang menggunakan skala Likert lima mata dengan data yang bersifat selang. Oleh itu, soal selidik jenis ini amat sesuai digandingkan dengan nilai pekali kebolehpercayaan daripada jenis *Alpha Cronbach*.⁴¹² Kenyataan ini disokong oleh Chua Yan Piaw yang menyatakan

⁴⁰⁹ Ronald H. Heck et al., *Multilevel and Longitudinal Modeling With IBM SPSS* (New York: Taylor & Francis Group, LLC, 2010), 45.

⁴¹⁰ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 165.

⁴¹¹ J. P. Gall, D. D. Gall and W. R. Borg, *Applying Educational Research a Practical Guide* (Boston: Allyn and Bacon, 2005).

⁴¹² Alias Baba, *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan dan Sains Sosial* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999).

cara terbaik untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen soal selidik ialah dengan menggunakan nilai pekali *Alpha Cronbach*.⁴¹³

Secara mudahnya, jika nilai pekali alpha semakin hampir kepada nilai 1, maka nilai kebolehpercayaan juga semakin tinggi. Kebanyakan daripada pengkaji mencadangkan bahawa nilai pekali alpha yang melebihi 0.80 menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu instrumen kajian.⁴¹⁴ Jadual 3.12 dan 3.13 di bawah menunjukkan klasifikasi indeks kebolehpercayaan pekali *Alpha Cronbach* menurut Brymen & Cramer (1999) dan Chua Yan Piaw (2006).

Jadual 3.12. Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan Pekali Saiz *Cronbach's Alpha* (4 Indikator)

Indikator	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Sangat Tinggi	0.90-1.00
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.00-0.29

Sumber: Brymen & Cramer (1999)

Menurut Chua Yan Piaw, dalam statistik kebolehpercayaan ini, instrumen kajian yang digunakan adalah menggunakan pekali *Alpha Cronbach's*, nilai alpha 0.65 hingga 0.95 dianggap memuaskan kerana nilai yang terlalu rendah menunjukkan keupayaan item-item instrumen kajian mengukur konsep dalam kajian adalah rendah dan manakala nilai alpha yang terlalu tinggi pula mungkin menunjukkan semua item adalah serupa atau bertindih antara satu sama lain dan menggunakan item-item yang bertindih antara satu sama lain adalah tidak diperlukan.⁴¹⁵

⁴¹³ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Buku 1* (Kuala Lumpur: McGraw Hill, 2006).

⁴¹⁴ A. Brymen and D. Cramer, *Quantitative Data Analysis With SPSS Release 8 for Windows: A Guide for Social Scientists* (London: Routledge, 1999); Zawawi Ismail, "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama" (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008).

⁴¹⁵ Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan 1* (Malaysia: McGraw Sdn. Bhd.l, 2006), 84.

**Jadual 3.13. Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan
Pekali Saiz *Cronbach's Alpha* (5 Indikator)**

<i>Alpha Coefficient Range</i>	Kekuatan Hubungan
< 0.6	Lemah
0.6 < 0.7	Sederhana
0.7 < 0.8	Baik
0.8 < 0.9	Sangat Baik
0.9	Terbaik

Sumber: Chua Yan Piaw (2006)

Jadual 3.14 di bawah menunjukkan hasil ujian *Alpha Cronbach* yang dijalankan ke atas responden.

Jadual 3.14. Nilai Pekali Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach*

Item	Bil. Item	Nilai Alpha
Program <i>Mutadayyin</i>	18	0.858
Program Berbudi Bahasa	24	0.899
Program Jati Diri	24	0.910
Program Penampilan Diri	24	0.907
Alpha Keseluruhan (Program- Program Dalam Modul SUMUR)	90	0.961
Aspek Solat Berkualiti	6	0.674
Aspek Amalan Zikir dan Doa	6	0.782
Aspek Tadarus al-Quran	6	0.711
Aspek Laras Bahasa	6	0.807
Aspek Hormat-Menghormati	6	0.690
Aspek Tolong-Menolong	6	0.817
Aspek Mengenang dan Menghargai Budi	6	0.703
Aspek Berkeyakinan	6	0.826
Aspek Sabar dan Tabah	6	0.796
Aspek Tetap Pendirian	6	0.713
Aspek Semangat Juang	6	0.792
Aspek Pemakaian	6	0.879
Aspek Adab Sopan	6	0.681
Aspek Kepemimpinan	6	0.760
Aspek Sikap Positif dan Proaktif	6	0.828
Alpha Keseluruhan (Aspek-Aspek Pelaksanaan Modul SUMUR)	90	0.961

Sumber: Soal Selidik Modul SUMUR (Kajian Rintis Okt 2015)

Hasil analisis menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang sangat tinggi bagi instrumen-instrumen yang terlibat dalam kajian ini. Kesemua instrumen didapati mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (>0.70), kecuali tiga aspek sahaja yang mempunyai kebolehpercayaan yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa instrumen di atas boleh digunakan dalam kajian sebenar. Walaupun instrumen telah mencapai nilai alpha yang tinggi, namun usaha-usaha penambahbaikan ke atas setiap item soal selidik terus dilakukan dengan mendapatkan saranan daripada panel pakar rujukan yang dilantik.

3.8 Metode Analisis Data

Data kuantitatif yang diperoleh daripada soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS *version* 20.0 dengan kod-kod tertentu bagi mendapatkan nilai-nilai statistik secara lebih tepat.

Jadual 3.15. Kaedah Analisis Data

Bil.	Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1.	Sejauh manakah modul SUMUR dapat dilaksanakan melalui program <i>Mutadayyin</i> , Berbudi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA?	Analisis Statistik Deskriptif (Kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi min) & Analisis Kualitatif
2.	Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan modul SUMUR yang dilaksanakan melalui program <i>Mutadayyin</i> , Berbudi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan jantina, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan pelajar, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga dan jawatan pelajar?	Analisis Statistik Inferensi (Ujian-T Sampel Bebas, Anova Sehalu)
3.	Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dalam membangunkan sahsiah pelajar di SMKA?	Analisis Statistik Inferensi (Korelasi Pearson)

Semasa menganalisis data, arahan statistik deskriptif dan inferensi digunakan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian. Statistik deskriptif digunakan untuk mengkategorikan dan menggambarkan sesuatu data, manakala statistik inferensi pula membolehkan pengkaji membuat kesimpulan terhadap sesuatu populasi berdasarkan sampel kajian. Jadual 3.15 di atas menunjukkan kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

3.8.1 Analisis Data Kuantitatif

Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS *version* 20.0 dengan kod-kod tertentu bagi mendapatkan nilai-nilai statistik secara lebih tepat.⁴¹⁶ Semasa menganalisis data, arahan statistik deskriptif dan inferensi digunakan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian. Statistik deskriptif digunakan untuk mengkategorikan dan menggambarkan sesuatu data, manakala statistik inferensi pula membolehkan pengkaji membuat kesimpulan terhadap sesuatu populasi berdasarkan sampel kajian.⁴¹⁷

(a) Analisis Deskriptif

Data-data kuantitatif dalam kajian ini dianalisis secara deskriptif melalui analisis berkomputer dengan menggunakan perisian komputer SPSS *version* 20.0. Analisis statistik deskriptif (kekerapan dan peratusan) digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh mengenai latar belakang responden kajian seperti jantina, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan pelajar, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga dan jawatan pelajar. Analisis statistik deskriptif (peratusan, min dan sisihan piawai) pula digunakan untuk menjawab persoalan kajian kedua, iaitu menilai pelaksanaan

⁴¹⁶ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*.

⁴¹⁷ B. B. Abbott and K. S. Bordens, *A Process Approach: Research Design and Methods* (Singapore: Mc Graw-Hill Sdn. Bhd., 2011).

modul SUMUR dalam kalangan pelajar SMKA yang dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudai Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri bagi menggambarkan secara deskriptif taburan skor bagi beberapa pemboleh ubah dalam kajian ini.⁴¹⁸ Melalui analisis ini, data dirumuskan dengan menggunakan ukuran kecenderungan memusat, iaitu min dan ukuran serakan, iaitu sisihan piawai. Min adalah skor purata bagi satu set data, manakala sisihan piawai pula adalah ukuran yang menunjukkan sebaran skor-skor dalam sesuatu ujian. Saiz sisihan piawai juga menandakan luas atau jarak daripada min dalam sesuatu taburan skor.⁴¹⁹ Umumnya, semakin besar nilai sisihan piawai, maka semakin besar jugalah selisih antara skor yang dicapai dalam ujian berkenaan.⁴²⁰

Bagi memudahkan penghuraian dalam penganalisis data kajian, pengkaji menggunakan interpretasi min tingkah laku afektif yang dirumuskan oleh Nunally (1978) dan Stufflebeam (1971) seperti dalam Jadual 3.16 di bawah. Jadual yang sama telah digunakan oleh pengkaji terdahulu, seperti Norasmah Othman (2001), Azhar Ahmad (2006); Zawawi Ismail (2008), Azmil Hashim (2010), Jahidih Saili (2015) dan Paharudin Arbain (2015) dalam kajian mereka. Interpretasi nilai min disusun secara menurun dari min yang paling tinggi sehingga min yang paling rendah.

Jadual 3.16. Interpretasi Min Dimensi Tingkah laku Afektif

Skor Min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi (T)
3.01-4.00	Sederhana Tinggi (ST)
2.01-3.00	Sederhana Rendah (SR)
1.01-2.00	Rendah (R)

Sumber : Nunnally (1978) dan Stufflebeam (1971)

⁴¹⁸ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*; Rozmi Ismail, *Metodologi Penyelidikan, Teori dan Praktis*.

⁴¹⁹ Mok Soon Sang, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*.

⁴²⁰ Mohamad Sahari Nordin, *Pengujian dan Penaksiran di Bilik Darjah* (Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2010).

(b) Analisis Inferensi

Analisis statistik inferensi digunakan untuk melihat perkaitan yang wujud antara dua pemboleh ubah (*bivariat*) atau lebih pemboleh ubah (*multivariate*) yang dikaji. Analisis statistik inferensi digunakan dalam kajian ini untuk menguji hipotesis sekali gus menjawab persoalan kajian ketiga dan keempat dalam Bab 4 kajian. Dalam konteks kajian ini, analisis statistik inferensi digunakan bagi mengenal pasti perbezaan skor min beberapa pemboleh ubah bersandar (aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR) berdasarkan beberapa faktor pemboleh ubah bebas (jantina, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan pelajar, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga dan jawatan pelajar) yang terlibat dalam kajian ini. Analisis statistik inferensi turut digunakan bagi melihat hubungan dan sumbangan antara pemboleh ubah bersandar (aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR) dengan pemboleh ubah bebas (pembangunan sahsiah pelajar) yang diuji dalam kajian ini.

Analisis statistik inferensi juga digunakan untuk membuat kesimpulan tentang ciri-ciri populasi berdasarkan ciri-ciri sampel yang dilaksanakan dalam kajian berasaskan ujian hipotesis.⁴²¹ Dalam erti kata lain, keputusan kajian turut mewakili kumpulan subjek dan populasi.⁴²² Analisis statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini adalah Ujian-T Sampel Bebas (*Independent-Samples T-Test*), Analisis Varian Sehalu (*One-Way Analysis of Variance*) atau Anova Sehalu dan Korelasi Pearson.

(b1) Analisis Perbezaan

Memandangkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini menggunakan skala pengukuran sela (*interval*), maka dua prosedur ujian aras keertian

⁴²¹ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd., 2010); Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*.

⁴²² Rozmi Ismail, *Metodologi Penyelidikan, Teori dan Praktis*.

perbandingan skor, iaitu prosedur Ujian-T Sampel Bebas dan Anova Sehala telah digunakan bergantung pada bilangan kumpulan pemboleh ubah bebas yang diuji.⁴²³ Ujian-T Sampel Bebas ini digunakan untuk melihat perbezaan di antara dua min bagi dua kumpulan. Pemilihan Ujian-T Sampel Bebas ini juga berdasarkan kepada dua kategori pemboleh ubah tidak bersandar (bebas) dari dua populasi yang berlainan.⁴²⁴ Melalui kajian ini, statistik Ujian-T Sampel Bebas digunakan untuk melihat perbezaan skor min pemboleh ubah bersandar (aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR) berdasarkan faktor-faktor pemboleh ubah bebas yang mempunyai dua kumpulan yang berlainan iaitu jantina (lelaki dan perempuan), tempat tinggal pelajar (asrama dan rumah), dan jawatan pelajar (berjawatan dan tidak berjawatan) pada aras signifikan 0.05.

Manakala statistik Anova Sehala pula digunakan untuk melihat perbezaan skor min pemboleh ubah bersandar (aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR) berdasarkan faktor-faktor pemboleh ubah bebas yang mempunyai lebih daripada dua kumpulan iaitu pemboleh ubah tempat tinggal keluarga (bandar, pekan/pinggir bandar atau desa/kampung), aliran pendidikan (agama, sains, sastera, teknik dan tahfiz), pendapatan bulanan keluarga (RM 1000-RM 1999, RM 2000-RM 2999, RM 3000-RM 3999, RM 4000-RM 4999, dan RM 5000 ke atas), dan tahap pendidikan keluarga (rendah, menengah, sijil/diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ph.d). Bagi mengenal pasti perbezaan skor min yang signifikan antara kumpulan-kumpulan tersebut, maka ujian *Post-Hoc LSD* digunakan untuk menentukan nilai antara kumpulan.

Sebelum analisis perbandingan dijalankan, pengkaji terlebih dahulu perlu memastikan prosedur statistik Ujian-T Sampel Bebas dan Anova Sehala dipatuhi iaitu

⁴²³ Mazhair Shahroz Muhasip, "Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum al-Quran di Kuala Lumpur dan Selangor" (Disertasi Pendidikan Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 163.

⁴²⁴ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005); Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*.

pemboleh ubah kajian menggunakan skala pengukuran sela (*interval*), pemilihan sampel kajian secara rawak dan data bertaburan secara normal⁴²⁵ sebagaimana yang telah dilakukan dalam kajian ini. Aras signifikan bagi analisis Ujian-T Sampel Bebas dan Anova Sehalu dalam kajian ini ditetapkan pada aras 0.05 ($p > 0.05$). Analisis perbezaan ini digunakan bagi menjawab persoalan kajian ketiga.

(b2) Analisis Hubungan

Berenson & Levin (1992) menyatakan bahawa analisis statistik hubungan atau korelasi merupakan satu teknik ujian yang digunakan bagi mengukur tahap korelasi yang wujud antara dua pemboleh ubah kuantitatif.⁴²⁶ Analisis statistik korelasi digunakan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan antara dua pemboleh ubah kuantitatif.⁴²⁷ Tahap kekuatan nilai pekali korelasi antara dua pemboleh ubah diukur melalui nilai *korelasi koefisien* (r) di antara 0.00 dan +1.0 atau -1.0. Semakin hampir nilai korelasi kepada +1 atau -1 menandakan nilai korelasi antara keduanya semakin kuat. Tanda positif (+) menunjukkan bahawa apabila nilai satu pemboleh ubah meningkat, maka nilai pemboleh ubah kedua juga meningkat. Manakala tanda negatif (-) menunjukkan apabila nilai satu pemboleh ubah meningkat, maka nilai pemboleh ubah yang satu lagi menurun.⁴²⁸ Tanda

⁴²⁵ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*; Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd., 2010).

⁴²⁶ Mazhair Shahroz Muhasip, “Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum al-Quran di Kuala Lumpur dan Selangor” (Disertasi Pendidikan Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 164.

⁴²⁷ D. Ary, L. C. Jacobs and A. Razavieh, *Introduction to Research in Education* (Belmont USA: Wadsworth / Thompsom Learning, 2002); Mok Soon Sang, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*.

⁴²⁸ *Ibid.*; Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd., 2010). Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*.

positif atau negatif menunjukkan sifat hubungan. Sebaliknya, jika nilai *korelasi koefisien* adalah 0, maka tidak wujud korelasi antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.⁴²⁹

Manakala kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah ditentukan dengan merujuk kepada nilai *korelasi koefisien* (r). Melalui kajian ini analisis korelasi digunakan bagi menjawab persoalan kajian keempat, iaitu untuk melihat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah (aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR) dengan pemboleh ubah (pembangunan sahsiah pelajar). Justeru, model Korelasi Pearson sesuai digunakan, memandangkan pemboleh ubah bersandar (pembangunan sahsiah pelajar) yang diuji dalam kajian ini menggunakan skala pengukuran sela (*interval*).⁴³⁰

Manakala nilai kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada tafsiran nilai pekali korelasi menurut pandangan Cohen (2000) dan Davies (1971). Menurut Cohen (2000), nilai $r = 0.10 - 0.29$ menunjukkan kekuatan hubungan kecil / rendah; nilai $r = 0.30 - 0.49$ menunjukkan kekuatan hubungan sederhana / kukuh dan nilai $r = 0.50 - 1.00$ menunjukkan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah adalah besar / kukuh. Nilai kekuatan hubungan yang sama telah digunakan oleh pengkaji terdahulu seperti Misnan (2008); Mohd Aderi (2008) dan Mohamad Khairi (2013) dalam analisis korelasi yang melibatkan pemboleh ubah faktor proses (pelaksanaan modul SUMUR) dengan faktor produk (pembangunan sahsiah pelajar). Secara lebih jelas nilai kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah seperti dalam Jadual 3.17 dan Jadual 3.18 di bawah.

⁴²⁹Mazhair Shahroz Muhasip, "Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum al-Quran di Kuala Lumpur dan Selangor" (Disertasi Pendidikan Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 164.

⁴³⁰Cates, W. M., *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*, terj Syaharom Abdullah (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).

Jadual 3.17 Nilai Pekali Korelasi Cohen

Nilai Pekali Korelasi (r)	Tafsiran Pekali
$r = 0.10 - 0.29$	Kecil / Rendah
$r = 0.30 - 0.49$	Sederhana / Kukuh
$r = 0.50 - 1.00$	Besar / Kukuh

Sumber : Wan Nor Adibah Wan Ahmad (2015)⁴³¹

Sementara tafsiran nilai pekali korelasi yang dirumuskan oleh Davies (1971) pula seperti dalam Jadual 3.18 di bawah.

Jadual 3.18 Nilai Pekali Korelasi Davies

Nilai Pekali Korelasi (r)	Tafsiran Pekali
1.00	Sempurna
0.70 - 0.99	Sangat Tinggi
0.50 - 0.69	Kukuh
0.30 - 0.49	Sederhana
0.10 - 0.29	Rendah
0.01 - 0.09	Boleh Diabaikan

Sumber : Mohd Rashidi (2015)⁴³²

(c) Ujian Normaliti Bagi Taburan Data

Salah satu keperluan bagi statistik inferensi (Ujian-T Sampel Bebas, Anova Sehala, Korelasi Pearson dan Regresi Berganda) ialah andaian data yang dikumpul daripada sampel yang bertaburan secara normal atau normaliti data.⁴³³ Terdapat beberapa cara untuk mengenal pasti data bertaburan secara normal atau tidak, sama ada secara statistik atau grafik. Melalui kajian ini, pengkaji telah menjalankan ujian normaliti ke atas pemboleh

⁴³¹ Wan Nor Adibah Wan Ahmad, "Pembentukan Jati Diri Muslim Melalui Pengamalan Modul Sahsiah Unggul Murid di Hulu Langat dan Sepang, Selangor" (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 131.

⁴³² Mohd Rashidi Bujai, "Penilaian Kursus Kefahaman Islam Bersepadu di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM" (Disertasi Pendidikan Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015), 111.

⁴³³ Paharudin Arbain, "Eksplorasi Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran Program j-QAF dan Hubungannya Dengan Pencapaian Murid" (Tesis Kedoktoran Pendidikan Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015), 166; Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2* (Kuala Lumpur: McGraw Hill Education, 2006), 68.

ubah bersandar, iaitu program-program SUMUR utama dan aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR. Normaliti data secara statistik dibuktikan dengan menggunakan ujian *Skewness* dan *Kurtosis*, manakala normaliti data secara grafik dibuktikan melalui *histogram* dan *normal probability plot* (Normal Q-Q Plot).

Dalam hal ini, melalui ujian statistik sekiranya nilai *skewness* dan *kurtosis* adalah antara 0 hingga 1, maka data kajian diandaikan bertaburan secara normal. Berdasarkan Jadual 3.19 di bawah menunjukkan nilai *Sewness* dan *Kurtosis* bagi pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini (program-program SUMUR utama dan aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR) berada di antara 0 hingga 1 dan membolehkan andaian data bertaburan secara normal kecuali hanya pada beberapa aspek sahaja.

Jadual 3.19. Ujian Normaliti Data Melalui Statistik *Skewness* dan *Kurtosis*

Program dan Aspek	<i>Skewness</i>	<i>Kurtosis</i>
Program <i>Mutadayyin</i>	-0.630	1.283
Program Berbudai Bahasa	-0.045	-0.318
Program Jati Diri	-0.187	-0.251
Program Penampilan Diri	0.058	-0.407
Nilai Normaliti Keseluruhan (Program-Program SUMUR Utama)	-0.100	-0.170
Aspek Solat Berkualiti	-0.392	-0.188
Aspek Amalan Zikir dan Doa	-0.759	2.375
Aspek Tadarus al-Quran	-0.716	1.497
Aspek Laras Bahasa	-0.263	0.002
Aspek Hormat-Menghormati	-0.023	-0.518
Aspek Tolong-Menolong	-0.199	-0.096
Aspek Mengenang dan Menghargai Budi	-0.274	-0.380
Aspek Berkeyakinan	-0.230	-0.297
Aspek Sabar dan Tabah	-0.249	0.196
Aspek Tetap Pendirian	-0.207	0.046
Aspek Semangat Juang	-0.155	-0.532
Aspek Pemakaian	-1.044	0.116
Aspek Adab Sopan	-0.554	0.387
Aspek Kepemimpinan	0.154	-0.300
Aspek Sikap Positif dan Proaktif	-0.074	-0.067
Nilai Normaliti Keseluruhan (Aspek-Aspek Pelaksanaan Modul SUMUR)	-0.100	-0.170

Manakala melalui ujian statistik *Kolmogorov-Smirnov*, jika nilai signifikan menunjukkan lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$), maka data dianggarkan bertaburan secara normal. Melalui kajian ini, pemboleh ubah pelaksanaan modul SUMUR (secara keseluruhan) melalui statistik *Kolmogorow-Smirnov* (sig. 0.079) menunjukkan nilai signifikan melebihi 0.05, menandakan data kajian bertaburan secara normal berdasarkan Jadual 3.20.

Jadual 3.20. Ujian Normaliti Data Melalui Statistik *Kolmogorov-Smirnov*

	Kolmogorov-Smirnov ^a			Shapiro-Wilk		
	Statistic	df	Sig.	Statistic	df	Sig.
1. Program <i>Mutadayyin</i>	.075	399	.000	.975	399	.000
2. Program Berbudi Bahasa	.058	399	.003	.993	399	.044
3. Program Jati Diri	.041	399	.105	.990	399	.007
4. Program Penampilan Diri	.061	399	.001	.988	399	.002
1. Solat Berkualiti	.090	399	.000	.972	399	.000
2. Amalan Zikir Dan Doa	.087	399	.000	.957	399	.000
3. Tadarus al-Quran	.090	399	.000	.959	399	.000
4. Laras Bahasa	.085	399	.000	.977	399	.000
5. Hormat Menghormati	.099	399	.000	.975	399	.000
6. Tolong Menolong	.090	399	.000	.979	399	.000
7. Mengenang dan Menghargai Budi	.079	399	.000	.974	399	.000
8. Berkeyakinan	.080	399	.000	.980	399	.000
9. Sabar Dan Tabah	.081	399	.000	.977	399	.000
10. Tetap Pendirian	.075	399	.000	.979	399	.000
11. Semangat Juang	.103	399	.000	.967	399	.000
12. Pemakaian	.206	399	.000	.819	399	.000
13. Adab Sopan	.093	399	.000	.960	399	.000
14. Kepemimpinan	.097	399	.000	.982	399	.000
15. Sikap Positif Dan Proaktif	.075	399	.000	.978	399	.000
Keseluruhan	.043	399	.079	.992	399	.042

Sumber Tests of Normality: SPSS

Bagaimanapun ujian normaliti (*Kolmogorov-Smirnov*) bagi lima belas aspek pelaksanaan modul SUMUR menunjukkan nilai signifikan kurang daripada 0.05. Namun statistik inferensi masih boleh dijalankan bagi pemboleh ubah seumpama ini

memandangkan kajian ini melibatkan saiz sampel yang ramai.⁴³⁴ Berdasarkan pandangan Tabachnick dan Fidell (2001) yang menyatakan bahawa bagi saiz sampel kajian yang besar, iaitu melebihi 200 sampel (pemboleh ubah aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR N= 400, maka *skeweness* tidak mendatangkan perbezaan pada analisis dan *kurtosis* tidak akan kurang menganggarkan (*underestimate*) varians.

Manakala pengujian normaliti berdasarkan kaedah grafik adalah melalui histogram (*Output* SPSS grafik histogram bagi aspek pelaksanaan modul SUMUR seperti dalam lampiran). Berdasarkan paparan grafik histogram menunjukkan lengkungan berbentuk seperti loceng (taburan yang tinggi di bahagian tengah dan rendah di kedua-dua belah kiri dan kanan), maka taburan data bagi pemboleh ubah bersandar (aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR) diandaikan berada dalam keadaan normal.⁴³⁵

3.8.2 Analisis Data Kualitatif

Data kualitatif yang diperoleh menerusi metode temu bual dianalisis dan ditranskrip bagi memudahkan pengkaji mendapatkan data yang diperlukan untuk menyokong dan menghuraikan data kuantitatif. Tema-tema yang dipilih juga berkaitan dengan keempat-empat program SUMUR utama seperti mana yang dianalisis terhadap data soal selidik.

Proses pengkodan data adalah berdasarkan tema-tema yang ditetapkan melalui senarai semak yang dilakukan secara teliti dan berulang kali (pengkaji turut berpandukan nota lapangan). Setelah semua data dinilai dan proses pengkodan berakhir, pengkaji mula menganalisis tahap kekerapan pelaksanaan program SUMUR utama dan aspek-aspeknya dalam data pemerhatian berdasarkan frekuensi dan peratusan sebagai laporan dapatan


⁴³⁴ B. G. Tabachnick and L. S. Fidell, *Using Multivariate Statistic*, ed. ke-4 (New York: Harper & Row Publishers, 2001); Julie Pallant, *SPSS Survival Manual: A Step By Step Guide to Data Analysis – Using SPSS For Windows* (Buckingham: Open Universiti Press, 2001).

⁴³⁵ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*; Ramlee Ismail et al., *Analisis Data dan Pentaksiran Dengan Menggunakan SPSS* (Kuala Lumpur: Titisan Ilham, 2011).

kajian. Bagi menjamin pengekodan data dilakukan dengan betul dan tepat berdasarkan tema-tema, pengkaji turut merujuk kepada khidmat dua orang pakar untuk mendapatkan persetujuan terhadap tema-tema yang ditetapkan.

3.9 Kerangka Operasi

Rajah 3.2 di bawah memaparkan kerangka operasi bermula dari peringkat mencari data sehinggalah kepada penulisan laporan akhir. Dalam menulis kertas cadangan kajian, pembentukan instrumen dan mendapatkan kesahan pakar juga perlu diberi perhatian. Ini kerana ia berperanan menentukan sama ada penyelidikan ini boleh diteruskan atau pun sebaliknya. Pembentukan kerangka ini sangat penting kerana ia memberi panduan berkaitan langkah-langkah yang perlu diikuti untuk sampai kepada peringkat yang terakhir sehinggalah penyelidikan ini dapat disempurnakan mengikut jadual yang disediakan.



Rajah 3.2. Kerangka Operasi Kajian

Pengkaji perlu mengemukakan surat kebenaran untuk menjalankan kajian rintis kepada pihak sekolah dengan melampirkan bersama segala dokumen yang berkaitan. Sejurus setelah mendapat kebenaran daripada pihak sekolah, maka soal selidik kemudian diedarkan kepada responden pelajar. Pelaksanaan kajian adalah mengikut kajian sebenar dengan kumpulan responden diberikan taklimat terlebih dahulu tentang tujuan kajian dan cara-cara menjawab soal selidik yang disediakan. Soal selidik rintis yang telah siap dijawab oleh pelajar dikutip dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS *version 20.0*.

3.10 Prosedur Kajian

Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji terlebih dahulu mengemukakan permohonan mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan di institusi-institusi di bawah KPM dengan BPPDP KPM. Seterusnya surat kebenaran menjalankan penyelidikan yang telah dikeluarkan oleh BPPDP KPM akan dikemukakan kepada Unit Perhubungan dan Pendaftaran, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Pulau Pinang, Kelantan, Perak, Negeri Sembilan dan Sarawak. Kedua-dua surat kebenaran daripada BPPDP KPM dan JPN akan dikemukakan pula kepada Unit Pengurusan Sekolah atau Unit Pembangunan Kemanusiaan, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Seberang Perai Utara, PPD Kota Bharu, PPD Batang Padang, PPD Seremban dan PPD Kuching.

Seterusnya, pengkaji akan mengemukakan surat kebenaran menjalankan penyelidikan daripada BPPDP KPM, JPN, PPD dan surat kebenaran menjalankan kajian daripada Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya (JDPI UM) berserta surat iringan kepada Pengetua sekolah-sekolah terbabit, iaitu SMKA Al-Irshad, SMKA Sheikh Haji Mohd Said, SMKA Naim Lil Banat, SMKA Slim River dan SMKA Tun Ahmad Zaidi.

Apabila Pengetua memberikan persetujuan yang membenarkan sesebuah kajian dapat dijalankan di sekolah, maka pengkaji akan membuat temu janji dengan pihak sekolah bagi mengedarkan soal selidik. Temu janji dilakukan sama ada melalui perjumpaan dengan Pengetua atau menghubungi melalui telefon bagi membincangkan tarikh dan masa yang sesuai untuk mengadakan kajian serta responden (pelajar) yang akan terlibat dalam kajian ini. Pengetua akan mengendoskan surat kebenaran tersebut kepada Guru Kanan (Pendidikan Islam), ketua bidang, ketua panitia, penyelaras SUMUR atau penasihat BADAR dengan kerjasama PK HEM untuk tindakan lanjut.

Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden pelajar mengikut persetujuan yang diputuskan bersama dengan pihak sekolah. Sebelum menjawab soalan soal selidik, pengkaji terlebih dahulu akan memberikan penerangan berkaitan objektif kajian dan tatacara menjawab borang soal selidik. Pengkaji memberikan tempoh masa yang sesuai, iaitu selama satu minggu kepada responden untuk melengkapkan borang soal selidik. Borang soal selidik yang telah dijawab akan dikumpul dan diserahkan semula kepada pengkaji untuk direkodkan dan diambil tindakan seterusnya. Dalam konteks kajian ini, proses pengumpulan data soal selidik pelajar ini dijalankan sepanjang bulan Januari hingga Mac 2016. Tempoh masa ini amat sesuai dijalankan kajian melalui soal selidik kerana pelajar baru sahaja memulakan persekolahan sesi baru dalam tahun semasa dan tidak mengganggu masa PdP atau PdPc di sekolah.

Manakala pengumpulan data kualitatif melalui kaedah temu bual pula dilakukan terhadap responden guru, iaitu Penasihat BADAR dan Penyelaras SUMUR yang dipilih, sebahagian besarnya diadakan pada bulan April hingga Jun 2016, iaitu selepas data soal selidik dikumpulkan. Tempoh masa ini juga dipilih kerana semua sekolah di bawah kendalian BPI telah menyediakan laporan pelaksanaan modul SUMUR semester pertama

dan kedua peringkat sekolah masing-masing bagi tahun 2015 menerusi keempat-keempat program SUMUR utama yang dijalankan secara sempurna.

Sesi temu bual diadakan bersama Penasihat BADAR dan Penyelaras SUMUR bagi mendapatkan maklumat tambahan yang sebenar secara lebih terperinci. Bagi melancarkan proses pengumpulan data temu bual, pengkaji turut membuat catatan nota lapangan dan menggunakan borang senarai semak sebagai asas pemerhatian. Pelaksanaan proses pengumpulan data kualitatif menerusi kaedah temu bual ditunjukkan dalam Jadual 3.21 di bawah.

Jadual 3.21. Pelaksanaan Proses Pengumpulan Data Kualitatif (Kaedah Temu bual)

Responden	Zon (Negeri)	Lokasi	Jantina	Tarikh / Hari
Guru 1 (PB1)	Pulau Pinang	Bandar	Lelaki	11 April 2016 (Isnin)
Guru 2 (PS1)	Pulau Pinang	L / Bandar	Perempuan	15 April 2016 (Jumaat)
Guru 3 (PB2)	Perak	Bandar	Lelaki	25 April 2016 (Isnin)
Guru 4 (PS2)	Perak	Bandar	Perempuan	03 Mei 2016 (Selasa)
Guru 5 (PB3)	Negeri Sembilan	L / Bandar	Lelaki	18 Mei 2016 (Rabu)
Guru 6 (PS3)	Negeri Sembilan	Bandar	Perempuan	26 Mei 2016 (Khamis)
Guru 7 (PB4)	Kelantan	L / Bandar	Lelaki	07 Jun 2016 (Selasa)
Guru 8 (PS4)	Kelantan	L / Bandar	Perempuan	14 Jun 2016 (Selasa)
Guru 9 (PB5)	Sarawak	Bandar	Lelaki	20 Jun 2016 (Isnin)
Guru 10 (PS5)	Sarawak	L / Bandar	Perempuan	27 Jun 2016 (Isnin)


*PB: Penasihat BADAR

**PS: Penyelaras SUMUR

3.11 Kesimpulan

Bab metodologi kajian dirangka secara teratur bagi melicinkan kajian berkaitan pelaksanaan modul SUMUR dalam kalangan pelajar SMKA. Bab ini merangkumi beberapa aspek seperti reka bentuk kajian; lokasi kajian; metode pengumpulan data; populasi, penentuan sampel dan kaedah persampelan kajian; instrumen kajian; kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian; metode analisis data kuantitatif dan kualitatif; kerangka operasi dan prosedur kajian. Terlebih dahulu pengkaji menjalankan kajian rintis bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Setelah kajian rintis

dilakukan, proses pengumpulan data untuk kajian sebenar dilakukan sebagaimana dipaparkan dalam Rajah 3.3 di bawah.



Rajah 3.3. Carta Hierarki Ringkasan Metode Kajian

Satu set soal selidik (responden pelajar) yang merupakan instrumen kajian digunakan dalam usaha mengumpulkan data daripada responden kajian. Data kuantitatif kemudiannya dianalisis menggunakan SPSS *version* 20.0. Data kuantitatif ini dianalisis dengan menggunakan dua jenis statistik, iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi (Ujian-T Sampel Bebas, Anova Sehalah dan Korelasi Pearson) bagi menjawab tiga daripada empat persoalan kajian yang dibina. Manakala bagi data kualitatif pula, pengkaji menggunakan kaedah temu bual sebagai sokongan kepada data kuantitatif, dan dianalisis serta ditranskrip berdasarkan tema-tema yang ditetapkan melalui senarai semak

berpandukan rakaman video dan nota lapangan. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan melanjutkan fokus kajian tentang dapatan kajian.

University of Malaya

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini melaporkan dapatan kajian berkaitan pelaksanaan modul SUMUR melalui program *Mutadayyin*, Berbudai Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA. Pembentangan dimulakan dengan mengemukakan profil responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat. Seterusnya dilaporkan dapatan kajian mengenai pelaksanaan modul yang dijalankan melalui instrumen kuantitatif (soal selidik pelajar) dan disokong oleh data temu bual guru. Analisis dilakukan menggunakan statistik deskriptif, iaitu frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai bagi menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian berkaitan pelaksanaan modul SUMUR di SMKA. Kajian juga melibatkan statistik inferensi, iaitu Ujian-T Sampel Bebas, Anova Sehala dan Korelasi Pearson bagi mengesahkan hipotesis kajian.

4.2 Profil Responden Kajian

Kajian berkaitan pelaksanaan modul SUMUR ini melibatkan dua kumpulan responden, iaitu responden pelajar (pelajar tingkatan empat), dan responden guru (Penasihat BADAR dan Penyelaras SUMUR). Profil responden kajian ini diperoleh melalui satu set instrumen soal selidik yang telah diedarkan kepada responden pelajar dan satu set temu bual terhadap guru di 5 buah sekolah terpilih mengikut zon (negeri) sebagai lokasi dalam kajian ini. Oleh itu, pelaporan profil responden kajian ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu profil responden pelajar dan profil responden guru.

4.2.1 Profil Responden Pelajar (Soal Selidik)

Kajian berkaitan pelaksanaan modul SUMUR ini hanya melibatkan satu kumpulan responden sahaja, iaitu pelajar tingkatan empat di SMKA di Malaysia. Profil responden kajian ini diperoleh melalui satu set instrumen soal selidik yang telah diedarkan kepada responden pelajar di lima buah sekolah terpilih mengikut zon (negeri). Profil responden pelajar ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti proses pelaksanaan modul SUMUR di SMKA. Dapatan ini turut melaporkan maklumat pelajar berdasarkan jantina, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga, dan jawatan di sekolah.

Berdasarkan paparan dalam Jadual 5.1 menunjukkan jumlah keseluruhan 400 orang (100%) pelajar yang dijadikan sampel dalam kajian ini, di mana seramai 80 orang (20.0%) adalah dari zon Utara (SMKA Al-Irsyad), 80 orang (20.0%) dari zon Timur (SMKA Naim Lil Banat), 80 orang (20.0%) dari zon Tengah (SMKA Slim River), 80 orang (20.0%) dari zon Selatan (SMKA Syeikh Haji Mohd Said) dan bakinya 80 orang (20.0%) lagi dari zon Malaysia Timur (SMKA Tun Ahmad Zaidi).

Dapatan kajian dari segi jantina menunjukkan seramai 132 orang (33.0%) adalah pelajar lelaki dan 268 orang (67.0%) adalah pelajar perempuan. Dapatan ini menunjukkan pelajar perempuan mendominasi jumlah keseluruhan pelajar yang menjadi responden dalam kajian SUMUR di SMKA. Manakala dari segi tempat tinggal pelajar pula menunjukkan seramai 245 orang (61.3%) adalah tinggal di asrama dan 155 orang (38.8%) adalah berulang alik dari rumah. Responden kajian juga mendapati seramai 165 orang (41.3%) datang dari kalangan keluarga yang tinggal di bandar, 124 orang (31.0%) dari kalangan keluarga yang tinggal di Pekan atau pinggir bandar, dan bakinya seramai 111 orang (27.8%) lagi keluarga yang tinggal di desa atau kampung.

Dari segi aliran pendidikan, kajian mendapati kebanyakan responden pelajar adalah dari aliran agama, iaitu seramai 230 orang (57.5%) pelajar berbanding aliran akademik (Sains), akademik (Sastera) dan Tahfiz (Ulul Albab) dengan masing-masing seramai 128 orang (32.0%), 41 orang (10.3%) dan 1 orang (0.3%). Dari segi pendapatan bulanan keluarga, seramai 193 orang (48.3%) pelajar datang dari keluarga berpendapatan RM 5000 ke atas. Manakala bakinya seramai 64 orang (16.0%) berpendapatan RM 1000 – RM 1999, 58 orang (14.5%) berpendapatan RM 4000 – RM 4999, 52 orang (13.0%) berpendapatan RM 3000 – RM 3999, dan seramai 33 orang (8.3%) berpendapatan RM 2000 – RM 2999.

Responden kajian juga mendapati seramai 125 orang (31.3%) pelajar adalah dari keluarga yang mempunyai kelayakan akademik yang baik dengan memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang. Seramai 100 orang (25.0%) lagi memiliki sekurang-kurangnya sijil atau diploma. Malah, seramai 87 orang (21.8%) sudah memiliki ijazah peringkat Sarjana, dan hanya 76 orang (19.0%) sahaja yang berpendidikan peringkat menengah. Manakala bakinya masing-masing seramai 6 orang (1.5%) mempunyai kelayakan akademik tertinggi peringkat Ph.D dan peringkat rendah.

Seterusnya dapatan kajian dalam Jadual 4.1 menunjukkan penglibatan pelajar sebagai ahli jawatankuasa SUMUR sekolah. Daripada jumlah keseluruhan pelajar, hanya 161 orang (40.3%) sahaja yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa tersebut. Perincian hasil kajian ini mendapati perjawatan pelajar di sekolah diisi secara hampir seimbang, iaitu seramai 54 orang (13.5%) pelajar dilantik sebagai naqib atau naqibat, seramai 47 orang (11.8%) dilantik memegang jawatan sebagai pengawas sekolah, dan 29 orang (7.3%) lagi sebagai ahli jawatankuasa BADAR. Manakala bakinya seramai 33 orang (8.3%) daripada jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat dalam pelaksanaan modul SUMUR di sekolah adalah menjawat pelbagai jawatan lain, seperti pengawas pusat sumber, ketua kelas, unit beruniform dan lain-lain.

Jadual 4.1: Profil Responden Pelajar (Data Soal Selidik)

Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Zon (Negeri)		
Utara (SMKA Al-Irsyad)	80	20.0%
Timur (SMKA Naim Lil Banat)	80	20.0%
Tengah (SMKA Slim River)	80	20.0%
Selatan (SMKA Syeikh Haji Mohd Said)	80	20.0%
Malaysia Timur (SMKA Tun Ahmad Zaidi)	80	20.0%
Jantina		
Lelaki	132	33.0%
Perempuan	268	67.0%
Tempat Tinggal		
Tinggal di Asrama	245	61.3%
Berulang dari Rumah	155	38.8%
Tempat Tinggal Keluarga		
Bandar	165	41.3%
Pekan / Pinggir Bandar	124	31.0%
Desa / Kampung	111	27.8%
Aliran Pendidikan		
Agama	230	57.5%
Akademik (Sains)	128	32.0%
Akademik (Sastera)	41	10.3%
Teknik dan Vokasional	0	00.0%
Tahfiz (Ulul Albab)	1	00.3%
Pendapatan Bulanan Keluarga		
RM 1000 – RM 1999	64	16.0%
RM 2000 – RM 2999	33	08.3%
RM 3000 – RM 3999	52	13.0%
RM 4000 – RM 4999	58	14.5%
RM 5000 ke atas	193	48.3%
Tahap Pendidikan Keluarga		
Rendah	6	01.5%
Menengah	76	19.0%
Sijil / Diploma	100	25.0%
Ijazah Sarjana Muda	125	31.3%
Ijazah sarjana	87	21.8%
Ph.D	6	01.5%
Ahli Jawatankuasa SUMUR Sekolah		
Ya	161	40.3%
Tidak	239	59.8%
Jumlah Keseluruhan	400	100%

n= 400

Secara keseluruhannya, dapatan kajian berkaitan profil responden pelajar menunjukkan majoriti pelajar adalah perempuan iaitu 67.0 % dan lebih daripada separuh responden pelajar, iaitu 61.3 % tinggal di asrama sekolah. Sebahagian besar daripada pelajar datang dari bandar, iaitu 41.3 %. Dari segi latar belakang keluarga, sebanyak 31.3 % ibu bapa adalah berkelulusan ijazah sarjana muda dan 48.5 % daripadanya adalah daripada keluarga berpendapatan melebihi RM 5000 ke atas. Seterusnya dari segi aliran pendidikan

mendapati 57.5 % responden pelajar belajar dalam aliran agama. Majoriti responden pelajar adalah tidak terlibat dalam jawatankuasa SUMUR sekolah. Hanya 40.3 % atau 161 orang sahaja daripada jumlah keseluruhan pelajar yang diamanahkan menjawat pelbagai jawatan berkaitan SUMUR di sekolah, iaitu naqib atau naqibat, pengawas sekolah, ahli jawatankuasa BADAR dan lain-lain

4.2.2 Profil Responden Guru (Temu Bual)

Berdasarkan Jadual 4.2 di bawah menunjukkan 10 orang responden guru Penasihat BADAR dan Penyelaras SUMUR terlibat dengan proses temu bual tentang pelaksanaan program SUMUR utama dan aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR di SMKA..

Jadual 4.2: Profil Responden Guru Bagi Data Temu Bual Berdasarkan Zon, Lokasi, Jantina dan Latar Belakang Universiti

Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Zon (Negeri)		
Utara (SMKA Al-Irsyad)	2	20.0%
Timur (SMKA Naim Lil Banat)	2	20.0%
Tengah (SMKA Slim River)	2	20.0%
Selatan (SMKA Syeikh Haji Mohd Said)	2	20.0%
Malaysia Timur (SMKA Tun Ahmad Zaidi)	2	20.0%
Lokasi		
Bandar	5	50.0%
Luar Bandar	5	50.0%
Jantina		
Lelaki	5	50.0%
Perempuan	5	50.0%
Latar Belakang Universiti		
Universiti Tempatan	5	50.0%
Universiti Luar Negara	5	50.0%
Jumlah Keseluruhan	10	100%

Hasil kajian mendapati setiap zon (negeri) telah diwakili oleh dua orang guru. Seramai lima orang (50%) adalah guru yang mengajar di sekolah lokasi bandar dan lima orang (50%) lagi mengajar di luar bandar. Menyentuh dari aspek jantina juga menunjukkan lima orang (50%) adalah guru lelaki dan lima orang (50%) adalah guru perempuan.

Seterusnya dari aspek latar belakang pendidikan universiti, seramai lima orang (50%) guru menerima pengajian peringkat ijazah di institusi pendidikan tinggi dalam negara dan bakinya lima orang (50%) dari institusi pendidikan tinggi luar negara.

Kesimpulannya berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bilangan responden guru yang terlibat dengan pengumpulan data secara kualitatif sengaja dirancang oleh pengkaji bagi melihat situasi sebenar tahap pelaksanaan pengajaran guru dalam tilawah al-Quran.

4.3 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif kajian ini dibuat bagi menjawab persoalan kajian kedua, iaitu sejauh manakah modul SUMUR dapat dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudhi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA. Bagi tujuan analisis deskriptif secara lebih terperinci, maka data dianalisis dengan menggunakan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai berdasarkan dapatan responden pelajar.

4.3.1 Pelaksanaan Modul SUMUR di SMKA Menurut Respon Pelajar

Pengkaji akan menghuraikan pelaksanaan modul SUMUR di SMKA menurut respon pelajar berdasarkan empat program SUMUR utama, iaitu program *Mutadayyin*, Berbudhi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri.

(a) Program *Mutadayyin*

Berikut adalah pelaksanaan modul SUMUR di SMKA mengikut program *Mutadayyin*.

a1. Aspek Solat Berkualiti

Di dalam aspek solat berkualiti, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur pelaksanaan ibadat solat dalam kalangan pelajar yang mengikuti program *Mutadayyin*.

Jadual 4.3: Taburan Peratusan dan Min bagi Pelaksanaan Aspek Solat Berkualiti

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B1	Saya menunaikan solat fardu pada awal waktu.		3.8	19.8	56.5	20.0	3.93	0.737	78.67
B2	Saya menunaikan solat fardu secara berjamaah.	0.5	5.0	19.0	44.8	30.8	4.00	0.863	80.08
B3	Saya menyempurnakan sunat-sunat solat.	0.3	8.0	33.5	44.8	13.5	3.63	0.824	72.67
B4	Saya memelihara tertib-tertib solat.			11.3	48.3	40.5	4.29	0.658	85.89
B5	Saya memakai pakaian yang bersih ketika menunaikan solat.			3.5	35.8	60.8	4.57	0.562	91.49
B6	Saya memakai pakaian yang sesuai ketika menunaikan solat.			4.0	29.8	66.3	4.62	0.562	92.49
Min Keseluruhan							4.17	0.701	83.55

n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju


Berdasarkan Jadual 4.3 di atas, di dapati bahawa memakai pakaian yang sesuai ketika menunaikan solat merupakan aspek solat berkualiti yang paling kerap dilaksanakan oleh pelajar-pelajar dengan nilai peratusan sebanyak 92.49 % bersamaan nilai min= 4.62. Selain itu, memakai pakaian yang bersih ketika menunaikan solat juga menjadi pilihan kedua paling kerap dilakukan oleh pelajar dengan nilai min= 4.57 dengan peratusan 91.49 %.

Memelihara tertib-tertib solat berada pada kedudukan ketiga paling banyak dilakukan oleh pelajar dengan nilai min= 4.29 bersamaan peratusan 85.89 %. Seterusnya, menunaikan solat fardu secara berjamaah dengan nilai peratusan 80.08 % bersamaan nilai min= 4.00.

Selain itu, menunaikan solat fardu pada awal waktu mempunyai nilai peratusan 78.67 % dengan nilai min= 3.93, dan diikuti dengan pelaksanaan solat berkualiti yang keenam, iaitu menyempurnakan sunat-sunat solat dengan hanya peratusan 72.67 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.63.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek solat berkualiti pelajar yang mengikuti program *Mutadayyin* dalam modul SUMUR adalah sebanyak 83.55 % bersamaan nilai min= 4.17, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam solat berkualiti.

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.1 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item memakai pakaian yang sesuai ketika menunaikan solat adalah 0.562 dengan nilai min 4.62, manakala bagi item memakai pakaian yang bersih ketika menunaikan solat pula adalah 0.562 dengan nilai min 4.57. Item memelihara tertib-tertib solat mempunyai nilai min 4.29 dengan nilai sisihan piawaian 0.658 yang lebih tinggi berbanding item menunaikan solat fardu secara berjamaah, iaitu 4.00 dengan nilai sisihan piawaian 0.863.



Rajah 4.1: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Solat Berkualiti

Selain itu, bagi item solat fardu pada awal waktu pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.737 dengan nilai min 3.93 manakala item menyempurnakan sunat-sunat solat mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.824 dengan nilai min 3.63.

Contoh Data Temu Bual (Guru 4 – PB2) Berkaitan Aspek Solat Berkualiti di SMKA

“Pelajar-pelajar di sini diwajibkan solat berjamaah lima kali sehari. Pelajar yang lambat atau solat bersendirian akan disenda oleh guru disiplin sekolah..... Pelajar juga mesti menunaikan solat Taubat dan Hajat setiap malam sebelum kuliah maghrib disampaikan oleh Tuan pengetua atau ustaz-ustaz”.⁴³⁶

a2: Aspek Amalan Zikir dan Doa

Di dalam aspek amalan zikir dan doa, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur pelaksanaan amalan zikir dan doa dalam program *Mutadayyin* dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan Jadual 4.4 di bawah, di dapati bahawa berdoa setiap kali selepas solat merupakan amalan zikir dan doa yang paling kerap dilaksanakan oleh pelajar-pelajar dengan nilai peratusan sebanyak 93.49 %. bersamaan nilai min= 4.67. Manakala mengamalkan adab-adab berdoa pula berada pada kedudukan kedua paling kerap yang dilakukan oleh pelajar dengan nilai min= 4.10 dengan peratusan 82.08 %

Sementara membiasakan diri membaca bacaan wirid selepas solat menjadi pilihan ketiga yang paling kerap dilaksanakan oleh pelajar dengan mempunyai nilai min= 3.98 bersamaan peratusan 79.68 %. Seterusnya diikuti dengan mengamalkan adab-adab berzikir yang berkedudukan keempat dengan nilai peratusan 79.48 % bersamaan nilai min= 3.97.

⁴³⁶ Guru 4 – PB2 (Penyelaras SUMUR, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 20 September 2016.

Jadual 4.4: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Amalan Zikir dan Doa


Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B7	Saya membiasakan diri membaca bacaan wirid selepas solat.	1.0	4.3	20.5	44.8	29.5	3.98	0.873	79.68
B8	Saya berdoa setiap kali selepas solat.	0.3	0.5	3.8	23.3	72.3	4.67	0.598	93.49
B9	Saya memahami kandungan doa yang dibaca	0.8	1.8	32.8	38.8	26.0	3.88	0.843	77.68
B10	Saya mengamalkan adab-adab berdoa.	0.3	0.3	17.3	53.8	28.5	4.10	0.694	82.08
B11	Saya mengamalkan adab-adab berzikir.	0.3	1.0	23.5	52.5	22.8	3.97	0.725	79.48
B12	Saya membaca doa dalam setiap amalan harian.	0.5	5.8	38.5	36.5	18.8	3.67	0.861	73.47
Min Keseluruhan							4.05	0.766	80.98

n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Selain itu, memahami kandungan doa yang dibaca mempunyai nilai peratusan 77.68 % dengan nilai min= 3.88, manakala pelaksanaan amalan zikir dan doa yang keenam adalah dengan membaca doa dalam setiap amalan harian dengan peratusan 73.47 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.67.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek amalan zikir dan doa dalam program *Mutadayyin* dalam modul SUMUR adalah sebanyak 80.98 % bersamaan nilai min= 4.05, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam amalan zikir dan doa.



Rajah 4.2: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Amalan Zikir dan Doa

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.2 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item berdoa setiap kali selepas solat adalah 0.598 dengan nilai min 4.67, manakala bagi item mengamalkan adab-adab berdoa pula adalah 0.694 dengan nilai min 4.10. Item membiasakan diri membaca bacaan wirid selepas solat mempunyai nilai min 3.98 dengan nilai sisihan piawaian 0.873 yang lebih tinggi berbanding item mengamalkan adab-adab berzikir, iaitu 3.97 dengan nilai sisihan piawaian 0.725.

Selain itu, bagi item memahami kandungan doa yang dibaca pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.843 dengan nilai min 3.88 manakala item membaca doa dalam setiap amalan harian mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.861 dengan nilai min 3.67.

Contoh Data Temu Bual (Guru 5 – PB3) Berkaitan Aspek Zikir dan Doa di SMKA

“Alunan zikir munajat dan zikir al-mathurat selalu berkumandang di surau sekolah, terutamanya pada waktu petang.... Semua aktiviti dijalankan oleh pelajar-pelajar sendiri..... Bagi menambahkan lagi kecintaan terhadap zikir dan doa, pelajar-pelajar akan mengolaknya dalam bentuk nasyid”⁴³⁷.

a3: Aspek Tadarus al-Quran

Di dalam aspek tadarus al-Quran, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur pelaksanaan tadarus al-Quran yang mengikuti modul SUMUR dalam kalangan pelajar.

Jadual 4.5: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Tadarus al-Quran

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B13	Saya membaca al-Quran setiap hari.		4.3	14.5	37.8	43.5	4.21	0.842	84.28
B14	Saya menghafaz ayat-ayat lazim.	0.3	1.3	10.5	52.8	35.3	4.22	0.696	84.48
B15	Saya membaca al-Quran dengan memelihara hukum tajwid.	0.8	1.0	12.3	44.8	41.3	4.25	0.763	85.09
B16	Saya bertadarus al-Qur'an secara halaqah atau berpasangan.	1.5	9.5	41.5	33.3	14.3	3.49	0.904	69.87
B17	Saya mentadabbur makna ayat yang dibaca.	1.8	3.3	42.8	41.8	10.5	3.56	0.792	71.27
B18	Saya meneliti tafsiran ayat yang dibaca.	1.8	2.8	30.8	43.8	21.0	3.80	0.863	76.08
Min Keseluruhan							3.92	0.810	78.51
n= 400									
Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju									

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, di dapati bahawa membaca al-Quran dengan memelihara hukum tajwid merupakan aspek tadarus al-Quran yang paling kerap dilaksanakan oleh pelajar-pelajar dengan nilai peratusan sebanyak 85.09 %. bersamaan nilai

⁴³⁷ Guru 5 – PB3 (Penasihat BADAR, SMKA Syekh Haji Mohd Said, Negeri sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mei 2016.


min= 4.25. Manakala menghafaz ayat-ayat lazim pula menjadi pilihan yang kedua paling kerap dilaksanakan oleh para pelajar yang mengikuti modul SUMUR dengan nilai min= 4.22 dengan peratusan 84.48 %.

Sementara membaca al-Quran setiap hari menjadi pilihan ketiga yang paling kerap dilaksanakan oleh pelajar dengan mempunyai nilai min= 4.21 bersamaan peratusan 84.28 %. Seterusnya diikuti dengan meneliti tafsiran ayat yang dibaca dengan nilai peratusan 76.08 % bersamaan nilai min= 3.80.

Selain itu, *mentadabbur* makna ayat yang dibaca mempunyai nilai peratusan 71.27 % dengan nilai min= 3.56, manakala pelaksanaan tadarus al-Quran yang terakhir adalah bertadarus al-Quran secara halaqah atau berpasangan dengan peratusan 69.87 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.49.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek tadarus al-Quran dalam program *Mutadayyin* dalam modul SUMUR adalah sebanyak 78.51 % bersamaan nilai min= 3.92, iaitu di tahap skor 4 setuju (S). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam tadarus al-Quran.

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.3 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item membaca al-Quran dengan membaca hukum tajwid adalah 0.763 dengan nilai min 4.25 manakala bagi item menghafaz ayat-ayat lazim pula adalah 0.696 dengan nilai min 4.22. Item membaca al-Quran setiap hari mempunyai nilai min 4.21 dengan nilai sisihan piawaian 0.842 yang lebih tinggi berbanding item meneliti tafsiran ayat yang dibaca, iaitu 3.80 dengan nilai sisihan piawaian 0.863.



Rajah 4.3: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Tadarus al-Quran

Selain itu, bagi item *mentadabbur* makna ayat yang dibaca pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.792 dengan nilai min 3.56 manakala bertadarus al-Quran secara halaqah atau berpasangan mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.904 dengan nilai min 3.49.

Contoh Data Temu Bual (Guru 3 – PB2) Berkaitan Program *Mutadayyin* di SMKA

“Ajk BADAR sangat dekat dengan pelajar...pelajar SMKA dididik, setiap hari solat berjamaah, malam-malam kuliah penuh, solat sunat menjadi kelaziman... ada kelas tahsin dan tajwid... usrah setiap dua minggu”.⁴³⁸

⁴³⁸ Guru 3 - PB2 (Penasihat BADAR, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 25 April 2016.

Contoh Data Temu Bual (Guru 1 - PBI) Berkaitan Program *Mutadayyin* di SMKA

“Pelajar-pelajar SMKA rajin-rajin...bukan setakat membaca, bahkan mereka juga turut menghafal al-Quran...boleh jadi imam solat berjamaah...boleh ganti guru baca khutbah Jumaat di masjid”.⁴³⁹

Contoh Data Temu Bual (Guru 5 – PB3) Berkaitan Program *Mutadayyin* di SMKA

“Solat Dhuha dilakukan secara individu...malam-malam ada zikir munajat sesama pelajar...tadarus al-Quran diteruskan walaupun bukan bulan Ramadhan...pelajar ditekan dengan adab dan berdoa menjadi suatu di sini”.⁴⁴⁰

(b) Program Berbudi Bahasa

Berikut adalah pelaksanaan modul SUMUR di SMKA mengikut program Berbudi Bahasa.

b1: Aspek Laras Bahasa

Di dalam aspek laras bahasa, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur tahap pelaksanaan aspek laras bahasa dalam program Berbudi Bahasa dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan Jadual 4.6 di bawah, di dapati bahawa menggunakan intonasi suara yang sesuai ketika bercakap merupakan laras bahasa yang paling banyak dilakukan oleh pelajar-pelajar dengan nilai peratusan sebanyak 83.28 %. bersamaan nilai min= 4.16. Manakala memanggil orang lain dengan panggilan yang mesra pula menjadi pilihan yang kedua di dalam menggunakan laras bahasa dengan nilai min= 4.15 dengan peratusan 83.08 %

⁴³⁹ Guru 1 – PB1 (Penasihat BADAR, SMKA Al-Irsyad, Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2016.

⁴⁴⁰ Guru 5 – PB3 (Penasihat BADAR, SMKA Syekh Haji Mohd Said, Negeri sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mei 2016.

Jadual 4.6: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Laras Bahasa

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B19	Saya menggunakan intonasi suara yang sesuai ketika bercakap.	0.8		18.5	44.0	36.8	4.16	0.772	83.28
B20	Saya menggunakan bahasa badan yang sesuai ketika berkomunikasi.	0.3	0.8	21.8	49.0	28.3	4.04	0.743	80.89
B21	Saya menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi.	0.5	1.8	14.3	52.5	31.0	4.12	0.745	82.48
B22	Saya bercakap perkara yang bermanfaat dalam topik yang berkaitan.		2.0	37.3	44.5	16.3	3.75	0.744	75.08
B23	Saya memanggil orang lain dengan panggilan yang mesra.		1.3	16.0	49.3	33.5	4.15	0.724	83.08
B24	Saya menggunakan kata penghormatan yang tetap ketika bercakap dengan orang lain.		2.8	28.3	46.8	22.3	3.89	0.777	77.88
Min Keseluruhan							4.02	0.751	80.45


n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Sementara menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi menjadi pilihan ketiga yang paling kerap dilakukan oleh pelajar dengan mempunyai nilai min= 4.12 bersamaan peratusan 82.48 %. Seterusnya diikuti dengan menggunakan bahasa badan yang sesuai ketika berkomunikasi yang keempat paling kerap dilakukan dengan nilai peratusan 80.89 % bersamaan nilai min= 4.04.

Penggunaan kata penghormatan yang tetap ketika bercakap dengan orang lain mempunyai nilai peratusan 77.88 % dengan nilai min= 3.89, manakala pelaksanaan laras bahasa yang terakhir adalah bercakap perkara yang bermanfaat dalam topik yang berkaitan dengan peratusan 75.08 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.75.

Rumusannya, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek laras bahasa dalam program Berbudhi Bahasa dalam modul SUMUR adalah sebanyak 80.45 % bersamaan nilai min= 4.02, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam laras bahasa.



**Rajah 4.4: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian
Aspek Laras Bahasa**

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.4 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item menggunakan intonasi suara yang sesuai ketika bercakap adalah 0.772 dengan nilai min 4.16 manakala bagi item memanggil orang lain dengan panggilan yang mesra pula adalah 0.724 dengan nilai min 4.15. Item menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi mempunyai nilai min 4.12 dengan nilai sisihan piawaian 0.745 yang lebih tinggi berbanding item menggunakan bahasa badan yang sesuai ketika berkomunikasi, iaitu 4.04 dengan nilai sisihan piawaian 0.743.

Selain itu, bagi item menggunakan kata penghormatan yang tetap ketika bercakap dengan orang lain pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.777 dengan nilai min 3.89 manakala item bercakap perkara yang bermanfaat dalam topik yang berkaitan mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.744 dengan nilai min 3.75.

b2: Aspek Hormat Menghormati

Di dalam aspek hormat menghormati, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur pelaksanaan sikap hormat menghormati dalam program Berbudhi Bahasa dalam kalangan pelajar.

Jadual 4.7: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Hormat Menghormati

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B25	Saya memberi salam ketika bertemu.		0.8	25.0	45.5	28.8	4.02	0.754	80.48
B26	Saya bersalam dan bertegur sapa ketika bertemu.		1.3	28.5	48.5	21.8	3.91	0.738	78.28
B27	Saya mengutamakan orang yang lebih dewasa dalam kebanyakan hal.		0.5	9.8	42.5	47.3	4.37	0.677	87.49
B28	Saya berdiri ketika menjawab soalan guru dalam kelas.		0.5	8.3	42.8	48.5	4.39	0.659	87.89
B29	Saya berlapang dada dengan perbezaan pendapat dengan orang lain (<i>al-tasāmuh</i>).		0.5	16.0	51.8	31.8	4.15	0.691	83.08
B30	Saya boleh menerima kritikan orang lain terhadap kelemahan diri		1.8	22.0	53.8	22.5	3.97	0.718	79.48
Min Keseluruhan							4.14	0.706	82.78

n= 400


Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 4.7 di atas, di dapati bahawa berdiri ketika menjawab soalan guru dalam kelas merupakan sikap hormat menghormati yang paling banyak dilakukan oleh pelajar-pelajar dengan nilai peratusan sebanyak 87.89 %. bersamaan nilai min= 4.39. Manakala mengutamakan orang yang lebih dewasa dalam kebanyakan hal pula berada pada kedudukan kedua paling kerap dilakukan dengan nilai min= 4.37 dengan peratusan 87.49 %

Sementara berlapang dada dengan perbezaan pendapat dengan orang lain (*al-tasāmuh*) berada di kedudukan ketiga paling kerap dilakukan oleh pelajar dengan mempunyai nilai min= 4.15 bersamaan peratusan 83.08 %. Seterusnya diikuti dengan memberi salam ketika bertemu yang keempat paling kerap dengan nilai peratusan 80.48 % bersamaan nilai min= 4.02.

Selain itu, boleh menerima kritikan orang lain terhadap kelemahan diri mempunyai nilai peratusan 79.48 % dengan nilai min= 3.97, manakala pelaksanaan sikap hormat menghormati yang terakhir adalah bersalam dan bertegur sapa ketika bertemu dengan peratusan 78.28 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.91.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek hormat menghormati dalam program Berbudai Bahasa dalam modul SUMUR adalah sebanyak 82.78 % bersamaan nilai min= 4.14, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam hormat menghormati.



Rajah 4.5: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Hormat Menghormati

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.5 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item berdiri ketika menjawab soalan guru dalam kelas adalah 0.659 dengan nilai min 4.39 manakala bagi item mengutamakan orang yang lebih dewasa dalam kebanyakan hal pula adalah 0.677 dengan nilai min 4.37. Item berlapang dada dengan perbezaan pendapat dengan orang lain (*al-tasāmuh*) mempunyai nilai min 4.15 dengan nilai sisihan piawaian 0.691 yang lebih tinggi berbanding item memberi salam ketika bertemu, iaitu 4.02 dengan nilai sisihan piawaian 0.754.

Selain itu, bagi item boleh menerima kritikan orang lain terhadap kelemahan diri pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.718 dengan nilai min 3.97 manakala bersalam dan bertegur sapa ketika bertemu mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.738 dengan nilai min 3.91.

b3: Aspek Tolong Menolong

Di dalam aspek tolong menolong, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur pelaksanaan sikap tolong menolong dalam program Berbudhi Bahasa dalam kalangan pelajar.

Jadual 4.8: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Tolong Menolong

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B31	Saya seorang yang bersikap proaktif.	0.3	4.3	29.5	48.5	17.5	3.79	0.787	75.88
B32	Saya memberikan pertolongan kepada orang lain tanpa diminta.		0.8	26.3	49.3	23.8	3.96	0.728	79.28
B33	Saya ikhlas dalam memberikan pertolongan kepada orang lain.		0.3	13.3	49.8	36.8	4.23	0.677	84.68
B34	Saya merasai penderitaan yang dihadapi oleh orang lain (<i>empathy</i>)?	0.3	1.3	24.5	49.3	24.8	3.97	0.752	79.48
B35	Saya mengambil berat tentang kesusahan yang dihadapi oleh orang lain.		0.8	15.3	57.8	26.3	4.10	0.661	82.08
B36	Saya bersungguh-sungguh semasa memberikan pertolongan kepada orang lain.		0.5	15.8	50.3	33.5	4.17	0.697	83.48
Min Keseluruhan							4.04	0.717	80.81

n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju


Berdasarkan Jadual 4.8 di atas, di dapati bahawa memberikan pertolongan dengan ikhlas kepada orang lain merupakan sikap tolong menolong yang paling banyak dilakukan oleh pelajar-pelajar dengan nilai peratusan sebanyak 84.68 %. bersamaan nilai min= 4.23. Manakala bersungguh-sungguh semasa memberikan pertolongan kepada orang lain pula berada pada kedudukan kedua paling kerap dilakukan dengan nilai min= 4.17 dengan peratusan 83.48 %

Sementara sikap mengambil berat tentang kesusahan yang dihadapi oleh orang lain berada di kedudukan ketiga paling kerap dilakukan oleh pelajar dengan mempunyai nilai min= 4.10 bersamaan peratusan 82.08 %. Seterusnya diikuti dengan merasai penderitaan

yang dihadapi oleh orang lain (*empathy*) yang keempat paling kerap dengan nilai peratusan 79.48 % bersamaan nilai min= 3.97.

Selain itu, memberikan pertolongan kepada orang lain tanpa diminta mempunyai nilai peratusan 79.28 % dengan nilai min= 3.96, manakala pelaksanaan sikap tolong menolong yang terakhir adalah bersikap proaktif dengan peratusan 75.88 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.97.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek tolong menolong dalam program Berbudu Bahasa dalam modul SUMUR adalah sebanyak 80.81 % bersamaan nilai min= 4.04, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam tolong menolong.



Rajah 4.6: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Tolong Menolong

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.6 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item ikhlas dalam memberikan pertolongan kepada orang lain adalah 0.677 dengan nilai min 4.23, manakala bagi item bersungguh-sungguh semasa memberikan pertolongan kepada orang lain pula adalah 0.697 dengan nilai min 4.17. Item mengambil berat tentang kesusahan yang dihadapi oleh orang lain mempunyai nilai min 4.10 dengan nilai sisihan piawaian 0.661 yang lebih tinggi berbanding item merasai penderitaan yang dihadapi oleh orang lain (*empathy*), iaitu 3.97 dengan nilai sisihan piawaian 0.752.

Selain itu, bagi item memberikan pertolongan kepada orang lain tanpa diminta pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.728 dengan nilai min 3.96 manakala item bersikap proaktif mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.787 dengan nilai min 3.79.

b4: Aspek Mengenang dan Menghargai Budi

Di dalam aspek mengenang dan menghargai budi, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur pelaksanaan sikap mengenang dan menghargai budi dalam program Berbudu Bahasa dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan Jadual 4.9 di bawah, di dapati bahawa mengucapkan terima kasih atas sesuatu pemberian merupakan sikap mengenang dan menghargai budi yang paling kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar dengan nilai peratusan sebanyak 92.99 %. bersamaan nilai min= 4.60. Manakala menzahirkan rasa hormat kepada orang lain pula berada pada kedudukan kedua paling kerap dilakukan dengan nilai min= 4.27 dengan peratusan 85.49 %

Sementara sikap mendengar nasihat yang diberikan dengan patuh berada di kedudukan ketiga paling kerap dilakukan oleh pelajar dengan mempunyai nilai min= 4.10 bersamaan peratusan 82.08 %. Seterusnya diikuti dengan mengamalkan budaya ziarah

menziarahi antara ahli keluarga dan rakan-rakan.yang keempat paling kerap dilakukan dengan nilai peratusan 81.28 % bersamaan nilai min= 4.06.

Jadual 4.9: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Mengenang dan Menghargai Budi


Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B37	Saya memberikan hadiah sebagai tanda ingatan kepada individu.	0.8	5.0	36.0	38.0	20.3	3.72	0.868	74.47
B38	Saya mengucapkan terima kasih atas sesuatu pemberian.			1.8	36.8	61.5	4.60	0.526	92.99
B39	Saya mendengar nasihat yang diberikan dengan patuh.		0.5	18.3	52.0	29.3	4.10	0.697	82.08
B40	Saya menzahirkan rasa hormat kepada orang lain.		0.5	8.8	23.8	37.0	4.27	0.636	85.49
B41	Saya mematuhi arahan guru dan pengawas sekolah.	1.0	2.5	21.5	45.3	29.8	4.00	0.839	80.08
B42	Saya mengamalkan budaya ziarah menziarahi ahli keluarga dan rakan-rakan.	0.3	2.0	21.8	43.8	32.3	4.06	0.800	81.28
Min Keseluruhan							4.13	0.728	82.73

n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Selain itu, mematuhi arahan guru dan pengawas sekolah mempunyai nilai peratusan 80.08 % dengan nilai min= 4.00, manakala pelaksanaan sikap mengenang dan menghargai budi yang terakhir adalah memberikan hadiah sebagai tanda ingatan kepada individu dengan peratusan 74.47 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.72.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek mengenang dan menghargai budi dalam program Berbudi Bahasa dalam modul SUMUR adalah sebanyak 82.73 % bersamaan nilai min= 4.13, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam mengenang dan menghargai budi.



**Rajah 4.7: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian
Aspek Mengenang dan Menghargai Budi**

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.7 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item mengucapkan terima kasih atas sesuatu pemberian adalah 0.526 dengan nilai min 4.60 manakala bagi item menzahirkan rasa hormat kepada orang lain pula adalah 0.636 dengan nilai min 4.27. Item mendengar nasihat yang diberikan dengan patuh mempunyai nilai min 4.10 dengan nilai sisihan piawaian 0.697 yang lebih tinggi berbanding item mengamalkan budaya ziarah menziarahi ahli keluarga dan rakan-rakan, iaitu 4.06 dengan nilai sisihan piawaian 0.800.

Selain itu, bagi item mematuhi arahan guru dan pengawas sekolah pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.839 dengan nilai min 4.00 manakala memberikan hadiah sebagai tanda ingatan kepada individu mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.868 dengan nilai min 3.72.

Contoh Data Temu Bual (Guru 2 – PS1) Berkaitan Program Berbudi Bahasa di SMKA

“Pelajar sekolah ini suka membantu guru...tapi ada juga sorang dua yang berat tulang, bahasa percakapan pun boleh tahan, tapi taklah ramai... budaya sekolah ini alert dengan kes-kes buli... so, pelajar-pelajar diajar menghormati orang lain”.⁴⁴¹

Contoh Data Temu Bual (Guru 9 – PB5) Berkaitan Program Berbudi Bahasa di SMKA

“Yang tua dihormati...yang muda disayangi...itulah slogan pelajar-pelajar sekolah ini...gaduh-gaduh tidak berlaku di sini... sebabnya budaya berbudi bahasa dengan orang lain diamalkan di sini”.⁴⁴²

Contoh Data Temu Bual (Guru 7 – PB4) Berkaitan Program Berbudi Bahasa di SMKA

“Kehidupan di asrama dah macam keluarga sendiri ...pelajar-pelajar akan cari warden bila ada *masyaqqah*...kesannya pelajar-pelajar sangat menghormati guru...tapi kalau sambutan hari guru contohnya, hadiah yang diterima guru taklah banyak... haha... sebabnya mereka tinggal di asrama, bukan boleh keluar bershopping pun”.⁴⁴³

⁴⁴¹ Guru 2 – PS1 (Penyelaras SUMUR, SMKA Al-Irsyad, Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 15 April 2016.

⁴⁴² Guru 9 – PB5 (Penasihat BADAR, SMKA Tun Ahmad Zaidi, Sarawak), dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2016.

⁴⁴³ Guru 7 - PB4 (Penasihat BADAR, SMKA Naim Lil Banat, Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 07 Jun 2016.

(c) Program Jati Diri

Berikut adalah pelaksanaan modul SUMUR di SMKA mengikut program Jati Diri.

c1: Aspek Berkeyakinan

Di dalam aspek berkeyakinan, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur sikap keyakinan diri dalam program Jati Diri dalam kalangan pelajar.

Jadual 4.10: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Berkeyakinan

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B43	Saya seorang pelajar yang berwawasan	0.3	2.3	25.0	45.8	26.8	3.97	0.794	79.48
B44	Saya seorang pelajar yang berpandangan jauh.		1.0	19.0	49.3	30.8	4.10	0.728	82.08
B45	Saya seorang pelajar yang mempunyai idea yang kritis.	0.3	5.8	30.3	46.0	17.8	3.75	0.820	75.08
B46	Saya seorang pelajar yang mempunyai kesungguhan yang tinggi.		1.3	18.0	46.8	34.0	4.14	0.744	82.88
B47	Saya sentiasa menunaikan kewajipan yang dipertanggungjawabkan.		1.5	14.5	50.0	34.0	4.17	0.720	83.48
B48	Saya tidak mudah terpengaruh dengan pengaruh rakan sebaya.	1.5	6.0	28.3	41.0	23.3	3.79	0.920	75.88
Min Keseluruhan							3.99	0.788	79.81

n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju


Berdasarkan Jadual 4.10 di atas, jati diri pelajar dapat dilihat menerusi sikap mereka yang sentiasa menunaikan kewajipan yang dipertanggungjawabkan. Inilah sikap keyakinan diri yang paling tinggi dengan nilai peratusan sebanyak 83.48 % bersamaan nilai min= 4.17. Manakala sikap mempunyai kesungguhan yang tinggi pula berada pada kedudukan kedua dengan nilai min= 4.14 dengan peratusan 82.88 %

Sementara sikap berpandangan jauh pula berada di kedudukan ketiga paling tinggi menjadi pilihan pelajar dengan mempunyai nilai min= 4.10 bersamaan peratusan 82.08 %.

Seterusnya diikuti dengan sikap berwawasan yang menjadi pilihan keempat paling tinggi dengan nilai peratusan 79.48 % bersamaan nilai min= 3.97.

Selain itu, tidak mudah terpengaruh dengan pengaruh rakan sebaya mempunyai nilai peratusan 75.88 % dengan nilai min= 3.79, manakala aspek keyakinan diri yang paling rendah adalah mempunyai idea yang kritis dengan peratusan 75.08 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.75.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek berkeyakinan dalam program Jati Diri dalam modul SUMUR adalah sebanyak 79.81 % bersamaan nilai min= 3.99, iaitu di tahap skor 4 setuju (S). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam berkeyakinan.



Rajah 4.8: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Berkeyakinan

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.8 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item sentiasa menunaikan kewajipan yang dipertanggungjawabkan adalah 0.720 dengan nilai min 4.17

manakala bagi item mempunyai kesungguhan yang tinggi pula adalah 0.744 dengan nilai min 4.14. Item seorang yang berpandangan jauh mempunyai nilai min 4.10 dengan nilai sisihan piawaian 0.728 yang lebih tinggi berbanding item seorang yang berwawasan, iaitu 3.97 dengan nilai sisihan piawaian 0.794.

Selain itu, bagi item tidak mudah terpengaruh dengan pengaruh rakan sebaya pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.920 dengan nilai min 3.79 manakala seorang yang mempunyai idea yang kritis mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.820 dengan nilai min 3.75.

c2: Aspek Sabar dan Tabah

Di dalam aspek sabar dan tabah, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur sikap sabar dan tabah dalam program Jati Diri dalam kalangan pelajar.

Jadual 4.11: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Sabar dan Tabah

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B49	Saya seorang pelajar yang tabah.		2.5	16.3	51.3	30.0	4.09	0.746	81.88
B50	Saya seorang pelajar yang tidak mudah berputus asa.		1.8	17.3	52.0	29.0	4.08	0.726	81.68
B51	Saya seorang pelajar yang mudah menerima nasihat orang lain.		1.0	17.5	52.0	29.5	4.10	0.708	82.08
B52	Saya seorang pelajar yang suka bertoleransi.		1.5	19.0	51.0	28.5	4.07	0.729	81.48
B53	Saya seorang pelajar yang aktif dalam aktiviti kerohanian.		3.8	30.0	46.3	20.0	3.83	0.788	76.68
B54	Saya memberikan respon dalam semua majlis.	0.3	7.8	44.5	34.5	13.0	3.52	0.825	70.47
Min Keseluruhan							3.95	0.754	79.05

n= 400


Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 4.11 di atas, jati diri pelajar dapat dilihat menerusi sikap mereka yang mudah menerima nasihat daripada orang lain. Inilah sikap sabar dan tabah yang paling

tinggi dengan nilai peratusan sebanyak 82.08 % bersamaan nilai min= 4.10. Seterusnya sikap tabah, tidak mudah berputus asa, dan bertoleransi pula masing masing pada kedudukan kedua, ketiga dan keempat dengan nilai min= 4.09 dengan peratusan 81.88 %, nilai min= 4.08 dengan peratusan 81.68 %, dan nilai min= 4.07 dengan peratusan 81.48 % yang seakan-akan seimbang antara satu sama lain.

Manakala sikap aktif dalam aktiviti kerohanian pula mempunyai nilai peratusan 76.68 % dengan nilai min= 3.83, dan seterusnya aspek sabar dan tabah yang paling rendah adalah memberikan respon dalam semua majlis yang hanya dengan peratusan sebanyak 70.47 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.52.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek sabar dan tabah dalam program Jati Diri dalam modul SUMUR adalah sebanyak 79.05 % bersamaan nilai min= 3.95, iaitu di tahap skor 4 setuju (S). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam sabar dan tabah.



Rajah 4.9: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Sabar dan Tabah

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.9 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item seorang yang mudah menerima nasihat orang lain adalah 0.708 dengan nilai min 4.10 manakala bagi item seorang yang tabah pula adalah 0.746 dengan nilai min 4.09. Item seorang yang tidak mudah berputus asa mempunyai nilai min 4.08 dengan nilai sisihan piawaian 0.726 yang lebih tinggi berbanding item seorang yang suka bertoleransi, iaitu 4.07 dengan nilai sisihan piawaian 0.729. Selain itu, bagi item seorang yang aktif dalam aktiviti kerohanian pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.788 dengan nilai min 3.83, manakala item memberikan respon dalam semua majlis mempunyai nilai sebanyak 0.825 dengan nilai min 3.52.

c3: Aspek Tetap Pendirian

Di dalam aspek tetap pendirian, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur sikap tetap pendirian dalam program Jati Diri dalam kalangan pelajar.

Jadual 4.12: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Tetap Pendirian

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B55	Saya seorang pelajar yang mempunyai jati diri.		1.0	19.3	50.5	29.3	4.08	0.721	81.68
B56	Saya bijak dalam membuat keputusan sendiri.	0.8	1.0	32.0	47.8	18.5	3.82	0.763	76.48
B57	Saya bertanggungjawab di atas keputusan yang telah dibuat.		0.5	14.0	49.0	36.5	4.22	0.693	84.48
B58	Saya seorang pelajar yang tegas dalam mempertahankan keputusan yang dibuat.		2.8	29.8	44.5	23.0	3.88	0.790	77.68
B59	Saya memberikan hujah dengan idea yang bernas.	0.5	3.3	33.5	47.5	15.3	3.74	0.771	74.87
B60	Saya sanggup berkorban demi mempertahankan agama dan negara.		1.3	11.3	43.8	43.8	4.30	0.715	86.09
Min Keseluruhan							4.01	0.742	80.21

n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 4.12 di atas, jati diri pelajar dapat dilihat menerusi sikap mereka yang sanggup berkorban demi mempertahankan agama dan negara. Inilah sikap tetap pendirian yang paling tinggi dengan nilai peratusan sebanyak 86.09 % bersamaan nilai min= 4.30. Manakala sikap bertanggungjawab di atas keputusan yang telah dibuat pula berada pada kedudukan kedua dengan nilai min= 4.22 dengan peratusan 84.48 %


Sementara sikap mempunyai jati diri pula berada di kedudukan ketiga paling tinggi menjadi pilihan pelajar dengan mempunyai nilai min= 4.08 bersamaan peratusan 81.68 %. Seterusnya diikuti dengan tegas dalam mempertahankan keputusan yang dibuat yang menjadi pilihan keempat paling tinggi dengan nilai peratusan 77.68 % bersamaan nilai min= 3.88.

Selain itu, bijak dalam membuat keputusan sendiri mempunyai nilai peratusan 76.48 % dengan nilai min= 3.82, manakala aspek tetap pendirian yang paling rendah adalah memberikan hujah dengan idea yang bernas dengan peratusan hanya 74.87 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.74.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek tetap pendirian dalam program Jati Diri dalam modul SUMUR adalah sebanyak 80.21 % bersamaan nilai min= 4.01, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam tetap pendirian

Berdasarkan Rajah 4.10 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item sanggup berkorban demi mempertahankan agama dan negara adalah 0.715 dengan nilai min 4.30 manakala bagi item bertanggungjawab di atas keputusan yang telah dibuat pula adalah 0.693 dengan nilai min 4.22. Item seorang yang mempunyai jati diri mempunyai nilai min 4.08 dengan nilai sisihan

piawaian 0.721 yang lebih tinggi berbanding item seorang yang tegas dalam mempertahankan keputusan yang dibuat, iaitu 3.88 dengan nilai sisihan piawaian 0.790.



Rajah 4.10: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Tetap Pendirian

Selain itu, bagi item bijak dalam membuat keputusan sendiri pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.763 dengan nilai min 3.82, manakala item memberikan hujah dengan idea yang bernas mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.771 dengan nilai min 3.74.

c4: Aspek Semangat Juang

Di dalam aspek semangat juang, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur sikap semangat juang dalam program Jati Diri dalam kalangan pelajar.

Jadual 4.13: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Semangat Juang

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B61	Saya seorang pelajar yang aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan.	0.3	4.3	30.8	42.5	22.3	3.82	0.832	76.48
B62	Saya tekun sewaktu melaksanakan tugas.		0.5	17.8	49.8	32.0	4.13	0.708	82.68
B63	Saya bersungguh-sungguh dalam melaksanakan setiap tugas.		0.8	14.3	50.8	34.3	4.19	0.694	83.88
B64	Saya mempunyai sikap saling bersaing untuk mencapai kecemerlangan.		1.0	13.8	42.8	42.5	4.27	0.730	85.49
B65	Saya seorang pelajar yang mempunyai sikap berani.	0.8	2.0	22.0	46.5	28.8	4.01	0.810	80.28
B66	Saya seorang pelajar yang mempunyai semangat juang.		0.8	18.0	47.3	34.0	4.15	0.728	83.08
Min Keseluruhan							4.10	0.750	81.98

n= 400


Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 4.13 di atas, jati diri pelajar dapat dilihat menerusi sikap mereka yang mempunyai sikap saling bersaing untuk mencapai kecemerlangan. Inilah sikap semangat juang yang paling tinggi dengan nilai peratusan sebanyak 85.49 % bersamaan nilai min= 4.27. Manakala sikap bersungguh-sungguh dalam melaksanakan setiap tugas dan sikap mempunyai semangat juang pula masing-masing berada pada kedudukan kedua dan ketiga dengan nilai min= 4.19 dengan peratusan 83.88 %, dan nilai min= 4.15 dengan peratusan 83.08 %.

Sementara sikap tekun sewaktu melaksanakan tugas pula berada di kedudukan keempat paling tinggi menjadi pilihan pelajar dengan mempunyai nilai min= 4.13 bersamaan peratusan 82.68 %. Seterusnya diikuti dengan sikap berani yang menjadi pilihan kelima paling tinggi dengan nilai peratusan 80.28 % bersamaan nilai min= 4.01.

Manakala aspek semangat juang yang paling rendah adalah aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan dengan peratusan hanya 76.48 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.82.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek semangat juang dalam program Jati Diri dalam modul SUMUR adalah sebanyak 81.98 % bersamaan nilai min= 4.10, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam semangat juang.



Rajah 4.11: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Semangat Juang

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.11 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item mempunyai sikap saling bersaing untuk mencapai kecemerlangan adalah 0.730 dengan nilai min 4.27 manakala bagi item bersungguh-sungguh dalam melaksanakan setiap tugas pula adalah 0.694 dengan nilai min 4.19. Item seorang yang mempunyai semangat juang mempunyai nilai min 4.15 dengan nilai sisihan piawaian 0.728 yang lebih tinggi berbanding item tekun sewaktu melaksanakan tugas, iaitu 4.13 dengan nilai sisihan piawaian 0.708.

Selain itu, bagi item seorang yang mempunyai sikap berani pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.810 dengan nilai min 4.01 manakala item seorang yang

aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.832 dengan nilai min 3.82.

Contoh Data Temu Bual (Guru 4 – PS2) Berkaitan Program Jati Diri di SMKA

“Jati diri pelajar boleh diukur dengan sifat *istiqāmah* dengan amalan-amalan sunat ... pertamanya, solat berjamaah... kedua sentiasa puasa sunat....”⁴⁴⁴

Contoh Data Temu Bual (Guru 8 – PB4) Berkaitan Program Jati Diri di SMKA

“Pelajar di sini gigih... tekun menyiapkan kerja sekolah... warden selalu *round* bagi peringatan kepada pelajar... sebab lambat tidur dan tidak tutup lampu pada waktu malam”⁴⁴⁵

Contoh Data Temu Bual (Guru 6 – PS3) Berkaitan Program Jati Diri di SMKA

“Mula-mula datang ke sini ada yang nak balik, *homesick*... tapi lepas tu oklah... tinggal di asrama kena sabar, tabah... yakin pada diri sendiri... mereka boleh”⁴⁴⁶

(d) Program Penampilan Diri

Berikut adalah pelaksanaan modul SUMUR di SMKA mengikut program Penampilan Diri.

d1: Aspek Pemakaian

Di dalam aspek pemakaian, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur penampilan diri pelajar menerusi etika berpakaian dalam kalangan pelajar.

⁴⁴⁴ Guru 4 - PS2 (Penyelaras SUMUR, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 03 Mei 2016.

⁴⁴⁵ Guru 8 – PS4 (Penyelaras SUMUR, SMKA Naim Lil Banat, Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 14 Jun 2016.

⁴⁴⁶ Guru 6 – PS3 (Penyelaras SUMUR, SMKA Syeikh Haji Mohd Said, Negeri Sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mei 2016.

Jadual 4.14: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Pemakaian

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B67	Saya memakai pakaian yang menutup aurat.		0.5	2.3	21.8	75.5	4.72	0.526	94.49
B68	Saya memakai pakaian yang tidak terlalu ketat.		0.5	2.8	32.0	64.8	4.61	0.569	92.29
B69	Saya memakai pakaian yang bersih.			1.3	24.3	74.5	4.73	0.471	94.69
B70	Saya memakai pakaian yang kemas.			1.8	30.8	67.5	4.66	0.511	93.29
B71	Saya memakai pakaian yang sesuai mengikut majlis.			6.0	29.8	64.0	4.58	0.604	91.69
B72	Saya memakai pakaian yang lengkap.			5.8	32.8	61.5	4.56	0.602	91.29
Min Keseluruhan							4.64	0.547	92.96

n= 400


Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Berdasarkan Jadual 4.14 di atas, penampilan diri pelajar dapat dilihat menerusi etika pemakaian mereka. Daripada item-item pemakaian yang disenaraikan didapati kesemuanya mempunyai peratusan dan min dengan nilai yang tinggi. Memakai pakaian yang bersih dan pakaian menutup aurat masing-masing berada pada kedudukan yang paling tinggi dengan nilai peratusan 94.69 % bersamaan nilai min= 4.73, dan peratusan 94.49 % bersamaan nilai min= 4.72. Manakala memakai pakaian yang kemas pula berada pada kedudukan ketiga tertinggi dengan nilai min= 4.66 dengan peratusan 93.29 %.

Sementara memakai pakaian yang tidak terlalu ketat pula berada di kedudukan keempat paling tinggi yang menjadi pilihan pelajar dengan nilai min= 4.61 bersamaan peratusan 92.29 %. Seterusnya diikuti dengan memakai pakaian yang sesuai mengikut majlis yang menjadi pilihan kelima paling tinggi dengan nilai peratusan 91.69 % bersamaan nilai min= 4.58.

Manakala aspek pemakaian yang terakhir adalah memakai pakaian yang lengkap dengan peratusan 91.29 % dan mempunyai nilai min sebanyak 4.56.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek pemakaian dalam program Penampilan Diri dalam modul SUMUR adalah sebanyak 92.96 % bersamaan nilai min= 4.64, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam pemakaian.



Rajah 4.12: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Pemakaian

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.12 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item memakai pakaian yang bersih adalah 0.471 dengan nilai min 4.73 manakala bagi item memakai pakaian yang menutup aurat pula adalah 0.526 dengan nilai min 4.72. Item memakai pakaian yang kemas mempunyai nilai min 4.66 dengan nilai sisihan piawaian 0.511 yang lebih tinggi berbanding item memakai pakaian yang tidak terlalu ketat, iaitu 4.61 dengan nilai sisihan piawaian 0.569.

Selain itu, bagi item memakai pakaian yang sesuai mengikut majlis pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.604 dengan nilai min 4.58 manakala item memakai pakaian yang lengkap mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.602 dengan nilai min 4.56.

d2: Aspek Adab Sopan

Di dalam aspek adab sopan, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur penampilan diri pelajar menerusi adab sopan dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan Jadual 4.15 di bawah, penampilan diri dapat dilihat menerusi adab sopan pelajar. Daripada item-item adab sopan tersebut didapati sikap mengutamakan orang yang lebih tua dan sikap tidak berdua-dua dengan pelajar berlawanan jantina walaupun atas alasan belajar masing-masing berkongsi kedudukan yang paling tinggi dengan nilai peratusan 89.29 % bersamaan nilai min= 4.46.

Sementara membataskan pergaulan dengan pelajar yang berbeza jantina pula berada pada kedudukan ketiga tertinggi dengan nilai min= 4.35 dengan peratusan 87.09 %. Manakala beradab dengan menumpukan perhatian terhadap ajaran guru berada di kedudukan keempat dengan nilai min= 4.12 bersamaan peratusan 82.48 %. Seterusnya diikuti dengan sikap menyayangi kanak-kanak yang berusia lebih muda dengan nilai peratusan 81.88 % bersamaan nilai min= 4.09. Manakala aspek adab sopan yang terakhir adalah bercakap dengan suara yang lembut dengan peratusan 78.48 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.92.

Jadual 4.15: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Adab Sopan


Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B73	Saya bercakap dengan suara yang lembut.	0.8	3.0	23.3	49.3	23.8	3.92	0.808	78.48
B74	Saya menumpukan perhatian terhadap ajaran guru.		1.0	15.3	55.0	28.8	4.12	0.684	82.48
B75	Saya mengutamakan orang yang lebih tua.		0.3	5.0	43.5	51.3	4.46	0.603	89.29
B76	Saya menyayangi kanak-kanak yang lebih muda daripada saya.	0.3	2.3	19.5	44.0	34.0	4.09	0.800	81.88
B77	Saya membataskan pergaulan dengan pelajar yang berbeza jantina.		1.5	13.0	13.0	50.5	4.35	0.760	87.09
B78	Saya tidak berdua-dua dengan pelajar berlawanan jantina walaupun atas alasan belajar.		2.0	11.8	24.8	61.5	4.46	0.778	89.29
Min Keseluruhan							4.23	0.739	84.75

n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek adab sopan dalam program Penampilan Diri dalam modul SUMUR adalah sebanyak 84.75 % bersamaan nilai min= 4.23, iaitu di tahap skor 5 sangat setuju (SS). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam adab sopan.

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.13 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item mengutamakan orang yang lebih tua adalah 0.603 dengan nilai min 4.46 manakala bagi item tidak berdua-dua dengan pelajar berlawanan jantina walaupun atas alasan belajar pula adalah 0.778 dengan nilai min 4.46. Item membataskan pergaulan dengan pelajar yang berbeza jantina mempunyai nilai min 4.35 dengan nilai sisihan piawaian 0.760 yang lebih tinggi berbanding item menumpukan perhatian terhadap ajaran guru, iaitu 4.12 dengan nilai sisihan piawaian 0.684.



Rajah 4.13: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Adab Sopan

Selain itu, bagi item menyayangi kanak-kanak yang lebih muda pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.800 dengan nilai min 4.09 manakala item bercakap dengan suara yang lembut mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.808 dengan nilai min 3.92.

d3: Aspek Kepemimpinan

Di dalam aspek kepemimpinan, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur penampilan diri pelajar menerusi kepemimpinan mereka dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan Jadual 4.16 di bawah, penampilan diri pelajar dapat dilihat menerusi kepemimpinan mereka. Aspek kepemimpinan yang paling tinggi adalah boleh berkomunikasi dengan baik dengan nilai peratusan sebanyak 81.28 % bersamaan nilai min= 4.06. Seterusnya diikuti dengan tegas dalam mempertahankan keputusan bersama dan sikap

berwibawa yang masing-masing berkongsi kedudukan kedua tertinggi dengan nilai min= 3.94 dengan peratusan 78.88 %.

Jadual 4.16: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Kepemimpinan


Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B79	Saya seorang pelajar yang berwibawa.		1.5	26.3	49.0	23.3	3.94	0.743	78.88
B80	Saya boleh berkomunikasi dengan baik.		0.8	20.3	51.3	27.8	4.06	0.713	81.28
B81	Saya boleh berpidato di khalayak ramai.	7.3	15.0	46.3	22.0	9.5	3.12	1.015	62.46
B82	Saya bijak dalam membuat sesuatu keputusan.	0.8	3.3	33.3	46.5	16.3	3.74	0.792	74.87
B83	Saya tegas dalam mempertahankan keputusan bersama.		0.8	26.3	51.0	22.0	3.94	0.714	78.88
B84	Saya seorang pelajar yang boleh dicontohi pelajar lain.	1.0	8.8	45.5	35.3	9.5	3.44	0.820	68.87
Min Keseluruhan							3.71	0.800	74.21

n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju

Sementara bijak dalam membuat sesuatu keputusan pula berada di kedudukan berikutnya dengan mempunyai nilai min= 3.74 bersamaan peratusan 74.87 %. Seterusnya aspek kepemimpinan yang paling rendah adalah sikap boleh dicontohi oleh pelajar lain dan kebolehan berpidato di khalayak ramai dengan peratusan masing-masing hanya 68.87 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.44, dan 62.46 % dan mempunyai nilai min sebanyak 3.12.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek kepemimpinan dalam program Penampilan Diri dalam modul SUMUR adalah sebanyak 74.21 % bersamaan nilai min= 3.71, iaitu di tahap skor 4 setuju (S). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam kepemimpinan.



Rajah 4.14: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Kepemimpinan

Manakala berdasarkan Rajah 4.14 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item boleh berkomunikasi dengan baik adalah 0.713 dengan nilai min 4.06 manakala bagi item tegas dalam mempertahankan keputusan bersama pula adalah 0.714 dengan nilai min 3.94. Item seorang yang berwibawa mempunyai nilai min 3.94 dengan nilai sisihan piawaian 0.743 yang lebih tinggi berbanding item bijak dalam membuat sesuatu keputusan, iaitu 3.74 dengan nilai sisihan piawaian 0.792.

Selain itu, bagi item seorang yang boleh dicontohi oleh pelajar lain pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.820 dengan nilai min 3.44 manakala item boleh berpidato di khalayak ramai mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 1.015 dengan nilai min 3.12.

d4: Aspek Sikap Positif dan Proaktif

Di dalam aspek sikap positif dan proaktif, terdapat 6 item yang diperuntukkan bagi mengukur penampilan diri pelajar menerusi sikap positif dan proaktif dalam kalangan pelajar.

Jadual 4.17: Taburan Peratusan dan Min Bagi Pelaksanaan Aspek Sikap Positif dan Proaktif

Item	Pernyataan	1 %	2 %	3 %	4 %	5 %	Min	S.P	%
B85	Saya seorang pelajar yang aktif di dalam kelas.		5.3	31.8	42.8	20.3	3.78	0.827	75.68
B86	Saya seorang pelajar yang aktif di luar kelas.	0.5	5.8	26.8	42.5	24.5	3.85	0.875	77.08
B87	Saya mampu menyelesaikan tugas yang diberikan dengan menepati masa yang ditentukan.	0.5	3.5	36.0	39.8	20.3	3.76	0.831	75.28
B88	Saya mampu menyumbangkan idea yang bernas.	0.5	3.8	31.0	47.5	17.3	3.77	0.792	75.48
B89	Saya mempunyai idea yang sentiasa terkehadapan.	0.8	3.5	40.0	38.0	17.8	3.69	0.829	73.87
B90	Saya suka membantu orang lain.		0.3	6.8	46.5	46.5	4.39	0.624	87.89
Min Keseluruhan							3.87	0.796	77.55

n= 400

Petunjuk - 1: Sangat Tidak Setuju 2: Tidak setuju 3: Tidak Pasti 4: Setuju 5: Sangat Setuju


Berdasarkan Jadual 4.17 di atas, di dapati bahawa sikap suka membantu orang lain merupakan ciri-ciri sikap positif dan proaktif dalam program Penampilan Diri yang paling kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar dengan nilai peratusan sebanyak 87.89 %. bersamaan nilai min=4.39. Sementara penglibatan pelajar secara aktif di luar kelas pula menjadi pilihan yang kedua paling tinggi dilaksanakan oleh para pelajar dalam melaksanakan program penampilan diri dengan nilai min= 3.85 dengan peratusan 77.08 %.

Manakala penglibatan pelajar secara aktif di dalam kelas, berkemampuan menyumbangkan idea yang bernas, dan berkebolehan menyelesaikan tugas yang diberikan dengan menepati masa yang ditentukan pula masing-masing dengan mempunyai nilai min= 3.78 bersamaan peratusan 75.68 %, nilai min= 3.77 bersamaan peratusan 75.48 %, dan nilai

min= 3.76 bersamaan peratusan 75.28 %. Seterusnya pelaksanaan aspek sikap positif dan proaktif yang paling rendah ialah kebolehan mengemukakan idea yang sentiasa terkehadapan dengan nilai peratusan 73.87 % bersamaan nilai min= 3.69.

Sebagai rumusan, taburan peratusan dan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan aspek sikap positif dan proaktif dalam program Penampilan Diri dalam modul SUMUR adalah sebanyak 77.55 % bersamaan nilai min= 3.87, iaitu di tahap skor 4 setuju (S). Berikut merupakan rajah yang menunjukkan nilai-nilai min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam sikap positif dan proaktif.

Selain itu, berdasarkan Rajah 4.15 yang ditunjukkan terdapat perbezaan yang ketara di antara nilai min dan sisihan piawaian. Bagi nilai sisihan piawaian item suka membantu orang lain adalah 0.624 dengan nilai min 4.39 manakala bagi item seorang yang aktif di luar kelas pula adalah 0.875 dengan nilai min 3.85. Item seorang yang aktif di dalam kelas mempunyai nilai min 3.78 dengan nilai sisihan piawaian 0.827 yang lebih tinggi berbanding item mampu menyumbangkan idea yang bernas, iaitu 3.77 dengan nilai sisihan piawaian 0.792.



Rajah 4.15: Perbandingan Min dan Sisihan Piawaian Aspek Sikap Positif dan Proaktif

Selain itu, bagi item mampu menyelesaikan tugas yang diberikan dengan menepati masa yang ditentukan pula, nilai sisihan piawaian yang diperolehi bernilai 0.831 dengan nilai min 3.76 manakala item mempunyai idea yang sentiasa terkehadapan mempunyai nilai sisihan piawaian sebanyak 0.829 dengan nilai min 3.69.

Contoh Data Temu Bual (Guru 10 – PS5) Berkaitan Program Penampilan Diri di SMKA

“Penampilan pelajar sangat terpuji... pakaian mereka A... kepimpinan pun OK, boleh memimpin pelajar dan menguruskan program sekolah... dengan orang tua beradab... tapi suka tidur dalam kelas dan sedikit pasif”.⁴⁴⁷

Contoh Data Temu Bual (Guru 3 – PB2) Berkaitan Program Penampilan Diri di SMKA

“Pemakaian pelajar kemas... mengikut aktiviti dan hari... baju kemeja, batik, baju melayu, jubah dan t-shirt... Cuma kadang ustaz-ustaz perlu tegur selalu tentang kupiah (surau) dan songkok (waktu persekolahan)... pelajar kurang gemar memakai... termasuklah badan pengawas sekolah”.⁴⁴⁸

⁴⁴⁷ Guru 10 – PS5 (Penyelaras SUMUR, SMKA Tun Ahmad Zaidi, Sarawak), dalam temu bual dengan penulis, 27 Jun 2016.

⁴⁴⁸ Guru 3 - PB2 (Penasihat BADAR, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 25 April 2016. Guru 3 - PB2 (Penasihat BADAR, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 25 April 2016.

Contoh Data Temu Bual (Guru 8 – PS4) Berkaitan Program Penampilan Diri di SMKA

“Baguh-baguh budak sini... skolah agama ke... baju masuk dale sokmo, berjubah, pioh... dengan orghe tua bradab... Cuma satu jah... kade-kade kena suruh dulu baru buat”.⁴⁴⁹

4.4 Analisis Perbezaan

Pada bahagian ini, perbincangan mengenai dapatan kajian adalah bersandarkan persoalan kajian ketiga yang ingin di kaji, iaitu adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan modul SUMUR yang dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan jantina, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga dan jawatan pelajar. Namun dapatan kajian di bawah dijawab mengikut pecahan soalan kecil yang dikemukakan.

4.4.1 Perbezaan Skor Min Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Jantina

Soalan Kajian: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan modul SUMUR yang dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan jantina?

H₀₃- Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek amalan zikir dan doa mengikut jantina.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek amalan zikir dan doa berdasarkan jantina dipaparkan dalam Jadual 4.18 di bawah.

⁴⁴⁹ Guru 8 – PS4 (Penyelaras SUMUR, SMKA Naim Lil Banat, Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 14 Jun 2016.

Jadual 4.18: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Amalan Zikir dan Doa Berdasarkan Jantina

Pembolehubah	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Lelaki	132	23.53	3.548	-3.339	0.001	Signifikan
Perempuan	268	24.61	2.768			

$p < 0.05$

Jadual 4.18 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek amalan zikir dan doa dalam modul SUMUR antara pelajar lelaki dan perempuan. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan kualiti amalan zikir dan doa yang dilakukan oleh pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = -3.339$, $p = 0.001$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kualiti zikir dan doa antara pelajar lelaki (min = 23.53, sisihan piawai = 3.548) dan pelajar perempuan (min = 24.61, sisihan piawai = 2.768). Oleh itu, hipotesis (H_{03}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan aspek amalan zikir dan doa dalam kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

H_{04} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek laras bahasa mengikut jantina.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek laras bahasa berdasarkan jantina dipaparkan dalam Jadual 4.19 di bawah.

Jadual 4.19: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Laras Bahasa Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Lelaki	132	23.41	3.217	-2.966	0.003	Signifikan
Perempuan	268	24.45	3.330			

$p < 0.05$

Jadual 4.19 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek laras bahasa dalam modul SUMUR antara pelajar lelaki dan perempuan. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan laras bahasa dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = -2.966$, $p = 0.003$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek laras bahasa antara pelajar lelaki (min = 23.41, sisihan piawai = 3.217) dan pelajar perempuan (min = 24.45, sisihan piawai = 3.330). Oleh itu, hipotesis (H_{04}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan aspek laras bahasa dalam kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

H₀₇- Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek mengenang dan menghargai budi mengikut jantina.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek mengenang dan menghargai budi berdasarkan jantina dipaparkan dalam Jadual 4.20 di bawah.

Jadual 4.20: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Mengenang dan Menghargai Budi Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Lelaki	132	24.04	3.015	-3.313	0.001	Signifikan
Perempuan	268	25.09	2.923			

p < 0.05

Jadual 4.20 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek mengenang dan menghargai budi dalam modul SUMUR antara pelajar lelaki dan perempuan. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan aspek mengenang dan menghargai budi dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = -3.313$, $p = 0.001$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap mengenang dan menghargai budi antara pelajar lelaki (min = 24.04, sisihan piawai = 3.015) dan pelajar perempuan (min = 25.09, sisihan piawai = 2.923). Oleh itu, hipotesis (H_{07}) ditolak. Hasil

analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan aspek mengenang dan menghargai budi dalam kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Ho₁₂- Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek pemakaian mengikut jantina.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek pemakaian berdasarkan jantina dipaparkan dalam Jadual 4.21 di bawah.

Jadual 4.21: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Pemakaian Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Lelaki	132	27.47	2.385	-2.194	0.029	Signifikan
Perempuan	267	28.05	2.525			

p < 0.05

Jadual 4.21 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek pemakaian dalam modul SUMUR antara pelajar lelaki dan perempuan. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan etika pemakaian dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = -2.194$, $p = 0.029$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari sudut pemakaian antara pelajar lelaki (min = 27.47, sisihan piawai = 2.385) dan pelajar perempuan (min = 28.05, sisihan piawai = 2.525). Oleh itu, hipotesis (H_{012}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan aspek pemakaian dalam kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Ho₁₃- Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek adab sopan mengikut jantina.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek adab sopan berdasarkan jantina dipaparkan dalam Jadual 4.22 di bawah.

Jadual 4.22: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Adab Sopan Pelajar Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Lelaki	132	24.92	3.058	-2.174	0.030	Signifikan
Perempuan	268	25.62	2.983			

$p < 0.05$

Jadual 4.22 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek adab sopan dalam modul SUMUR antara pelajar lelaki dan perempuan. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan kualiti adab sopan dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = -2.174$, $p = 0.030$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek adab sopan antara pelajar lelaki (min = 24.92, sisihan piawai = 3.058) dan pelajar perempuan (min = 25.62, sisihan piawai = 2.983). Oleh itu, hipotesis (H_{013}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan aspek adab sopan dalam kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

H_{017} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan program Berbudu Bahasa secara keseluruhannya mengikut jantina.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min program berbudi bahasa secara keseluruhannya berdasarkan jantina dipaparkan dalam Jadual 4.23 di bawah.

Jadual 4.23: Ujian-t Perbezaan Min Program Berbudu Bahasa Secara Keseluruhannya Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Lelaki	132	96.08	9.555	-2.524	0.012	Signifikan
Perempuan	268	98.75	10.177			

$p < 0.05$

Jadual 4.23 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min program berbudi bahasa secara keseluruhannya dalam modul SUMUR antara pelajar lelaki dan perempuan. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan keseluruhan kualiti program Berbudu Bahasa dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = -2.524$, $p = 0.012$, di mana $p < 0.05$.

Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi program Berbudu Bahasa antara pelajar lelaki (min = 96.08, sisihan piawai = 9.555) dan pelajar perempuan (min = 98.75, sisihan piawai = 10.177). Oleh itu, hipotesis (H_{017}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan program Berbudu Bahasa dalam kalangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

4.4.2 Perbezaan Skor Min Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Jawatan

Pelajar

Soalan Kajian: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan modul SUMUR yang dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudu Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan jawatan pelajar?

H_{021} - *Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek tadarus al-Quran mengikut jawatan pelajar.*

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek tadarus al-Quran berdasarkan jawatan pelajar dipaparkan dalam Jadual 4.24 di bawah.

Jadual 4.24: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Tadarus al-Quran Berdasarkan Jawatan

Jawatan	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Ajk SUMUR	161	23.99	2.918	2.307	0.022	Signifikan
Bukan Ajk	239	23.20	3.632			

$p < 0.05$

Jadual 4.24 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek tadarus al-Quran dalam modul SUMUR antara pelajar yang memegang jawatan dan pelajar yang tidak berjawatan. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan kualiti tadarus al-Quran pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = 2.307$, $p = 0.022$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat

perbezaan yang signifikan bagi aspek tadarus al-Quran antara pelajar yang memegang jawatan sebagai Ajk SUMUR (min = 23.99, sisihan piawai = 2.918) dan pelajar yang tidak memegang sebarang jawatan (min = 23.20, sisihan piawai = 3.632). Oleh itu, hipotesis (H_{021}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan aspek tadarus al-Quran dalam kalangan pelajar yang berjawatan adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak memegang sebarang jawatan.

H₀₂₅- Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek tolong menolong mengikut jawatan pelajar.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek tolong menolong berdasarkan jawatan pelajar dipaparkan dalam Jadual 4.25 di bawah.

Jadual 4.25: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Tolong Menolong Berdasarkan Jawatan

Jawatan	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Ajk SUMUR	161	24.58	3.047	2.002	0.046	Signifikan
Bukan Ajk	239	23.96	3.079			

$p < 0.05$

Jadual 4.25 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek tolong menolong dalam modul SUMUR antara pelajar yang memegang jawatan dan pelajar tidak berjawatan. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan kualiti tolong menolong dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = 2.002$, $p = 0.046$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek tolong menolong antara pelajar yang memegang jawatan sebagai Ajk SUMUR (min = 24.58, sisihan piawai = 3.047) dan pelajar yang tidak memegang sebarang jawatan (min = 23.96, sisihan piawai = 3.079). Oleh itu, hipotesis (H_{025}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap

pelaksanaan aspek tolong menolong dalam kalangan pelajar yang berjawatan adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak memegang sebarang jawatan.

H_{034} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek sikap positif dan proaktif mengikut jawatan pelajar.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek sikap positif dan proaktif berdasarkan jawatan pelajar dipaparkan dalam Jadual 4.26 di bawah.

Jadual 4.26: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Sikap Positif dan Proaktif Berdasarkan Jawatan

Jawatan	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Ajk SUMUR	161	23.67	3.344	2.017	0.044	Signifikan
Bukan Ajk	239	22.94	3.675			

$p < 0.05$

Jadual 4.26 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek sikap positif dan proaktif dalam modul SUMUR antara pelajar yang memegang jawatan dan pelajar tidak berjawatan yang mengikuti program. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan kualiti sikap positif dan proaktif dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = 2.017$, $p = 0.044$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap positif dan proaktif antara pelajar yang memegang jawatan sebagai Ajk SUMUR (min = 23.67, sisihan piawai = 3.344) dan pelajar yang tidak memegang sebarang jawatan (min = 22.94, sisihan piawai = 3.675). Oleh itu, hipotesis (H_{034}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan aspek sikap positif dan proaktif dalam kalangan pelajar yang berjawatan adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak memegang sebarang jawatan.

H_{035} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan program *Mutadayyin* secara keseluruhannya mengikut jawatan pelajar.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min program *Mutadayyin* secara keseluruhannya berdasarkan jawatan pelajar dipaparkan dalam Jadual 4.27 di bawah.

Jadual 4.27. Ujian-t Perbezaan Min Program *Mutadayyin* Secara Keseluruhannya Berdasarkan Jawatan

Jawatan	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Ajk SUMUR	161	73.79	6.754	1.971	0.049	Signifikan
Bukan Ajk	239	72.17	8.840			

$p < 0.05$

Jadual 4.27 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min program *Mutadayyin* secara keseluruhannya dalam modul SUMUR antara pelajar yang memegang jawatan dan pelajar tidak berjawatan yang mengikuti program. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan kualiti program *Mutadayyin*. Dapatan menunjukkan nilai $t = 1.971$, $p = 0.049$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi keseluruhan program *Mutadayyin* antara pelajar yang memegang jawatan sebagai Ajk SUMUR (min = 73.79, sisihan piawai = 6.754) dan pelajar yang tidak memegang sebarang jawatan (min = 72.17, sisihan piawai = 8.840). Oleh itu, hipotesis (H_{035}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan program *Mutadayyin* dalam kalangan pelajar yang berjawatan adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak memegang sebarang jawatan.

4.4.3 Perbezaan Skor Min Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar

Soalan Kajian: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan modul SUMUR yang dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudai Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan tempat tinggal pelajar?

H_{039} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek solat berkualiti mengikut tempat tinggal pelajar.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek solat berkualiti berdasarkan tempat tinggal pelajar dipaparkan dalam Jadual 4.28 di bawah.

Jadual 4.28: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Solat Berkualiti Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar

Tempat Tinggal	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Asrama	245	25.49	2.562	4.000	0.000	Signifikan
Rumah	155	24.35	3.118			

$p < 0.05$

Jadual 4.28 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek solat berkualiti antara pelajar yang tinggal di asrama dan pelajar yang berulang dari rumah. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan kualiti solat pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = 4.000$, $p = 0.000$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek solat berkualiti antara pelajar yang tinggal di asrama (min = 25.49, sisihan piawai = 2.562) dan pelajar yang berulang dari rumah (min = 24.35, sisihan piawai = 3.118). Oleh itu, hipotesis (H_{039}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan solat berkualiti dalam kalangan pelajar yang tinggal di asrama adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang berulang dari rumah.

H_{040} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek amalan zikir dan doa mengikut tempat tinggal pelajar.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek amalan zikir dan doa berdasarkan tempat tinggal pelajar dipaparkan dalam Jadual 4.29 di bawah.

Jadual 4.29: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Amalan Zikir dan Doa Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar

Tempat Tinggal	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Asrama	245	24.51	2.681	2.089	0.037	Signifikan
Rumah	155	23.85	3.607			

$p < 0.05$

Jadual 4.29 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek amalan zikir dan doa dalam modul SUMUR antara pelajar yang tinggal di asrama dan pelajar yang berulang dari rumah. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan aspek amalan zikir dan doa. Dapatan menunjukkan nilai $t = 2.089$, $p = 0.037$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi amalan zikir dan doa antara pelajar yang tinggal di asrama (min = 24.51, sisihan piawai = 2.681) dan pelajar yang berulang dari rumah (min = 23.85, sisihan piawai = 3.607). Oleh itu, hipotesis (H_{040}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan amalan zikir dan doa dalam kalangan pelajar yang tinggal di asrama adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang berulang dari rumah.

H_{041} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek tadarus al-Quran mengikut tempat tinggal pelajar.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min aspek tadarus al-Quran berdasarkan tempat tinggal pelajar dipaparkan dalam Jadual 4.30 di bawah.

Jadual 4.30: Ujian-t Perbezaan Min Aspek Tadarus al-Quran Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar

Tempat Tinggal	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Asrama	245	23.91	2.955	2.999	0.003	Signifikan
Rumah	155	22.88	3.890			

$p < 0.05$

Jadual 4.30 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min aspek tadarus al-Quran dalam modul SUMUR antara pelajar yang tinggal di asrama dan pelajar yang berulang dari rumah. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan tadarus al-Quran dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = 2.999$, $p = 0.003$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tadarus al-Quran antara pelajar yang tinggal di asrama (min = 23.91, sisihan piawai = 2.955) dan pelajar yang berulang dari rumah (min = 22.88, sisihan piawai = 3.890). Oleh itu, hipotesis (H_{041}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan aspek tadarus al-Quran dalam kalangan pelajar yang tinggal di asrama adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang berulang dari rumah.

H_{054} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan program *Mutadayyin* secara keseluruhannya mengikut tempat tinggal pelajar.

Hasil Ujian-t bagi menguji perbezaan skor min program *Mutadayyin* secara keseluruhannya berdasarkan tempat tinggal pelajar dipaparkan dalam Jadual 4.31 di bawah.

Jadual 4.31: Ujian-t Perbezaan Min Program *Mutadayyin* Secara keseluruhannya Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar

Tempat Tinggal	N	Min	SD	t	p	Keputusan
Asrama	245	73.92	6.853	3.458	0.001	Signifikan
Rumah	155	71.08	9.511			

$p < 0.05$

Jadual 4.31 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan min program *Mutadayyin* secara keseluruhannya dalam modul SUMUR antara pelajar yang tinggal di asrama dan pelajar yang berulang dari rumah. Analisis ujian-t digunakan bagi membandingkan tahap keseluruhan program *Mutadayyin* dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $t = 3.458$, $p = 0.001$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi keseluruhan program *Mutadayyin* antara pelajar yang tinggal di asrama (min = 73.92, sisihan piawai = 6.853) dan pelajar yang berulang dari rumah (min = 71.08, sisihan piawai = 9.511). Oleh itu, hipotesis (H_{054}) ditolak. Hasil analisis perbezaan ini menjelaskan tahap pelaksanaan keseluruhan program *Mutadayyin* dalam kalangan pelajar yang tinggal di asrama adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang berulang dari rumah.

4.4.4 Perbezaan Skor Min Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Soalan Kajian: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan modul SUMUR yang dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudhi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan tempat tinggal keluarga?

H_{065} - *Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek berkeyakinan mengikut tempat tinggal keluarga.*

Hasil ujian Analisis Varian Sehalu (ANOVA) bagi menguji perbezaan skor min aspek keyakinan pelajar berdasarkan tempat tinggal keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.32 di bawah.

Jadual 4.32: Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek Berkeyakinan Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	122.824	2	61.412	5.904	0.003
Dalam Kumpulan	4129.176	397	10.401		
Jumlah	4252.000	399			

$p < 0.05$

Jadual 4.32 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min aspek berkeyakinan dalam modul SUMUR berasaskan tempat tinggal keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan sifat keyakinan diri pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 5.904$, $p = 0.003$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi sifat keyakinan diri pelajar berasaskan tempat tinggal keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{065}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tempat tinggal keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.33 di bawah.

Jadual 4.33: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Aspek Berkeyakinan Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Tempat Tinggal Keluarga	N	Min	Bandar	Pekan/P.Bandar	Desa/Kampung
Bandar	165	23.909		0.069	0.059
Pekan/P.Bandar	124	23.210	0.069		0.001*
Desa/Kampung	111	24.658	0.059	0.001*	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.33 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.001$, $p < 0.05$) tahap pelaksanaan aspek keyakinan diri pelajar dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 23.210, $sp=2.715$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 24.658, $sp=3.209$).

Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.059$, $p<0.05$) antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar dengan kumpulan responden yang tinggal di desa / kampung, dan juga tiada perbezaan yang signifikan ($p=0.069$, $p<0.05$) antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar dengan kumpulan yang tinggal di pekan / pinggir bandar.

H_{067} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek tetap pendirian mengikut tempat tinggal keluarga.

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min aspek tetap pendirian pelajar berdasarkan tempat tinggal keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.34 di bawah.

Jadual 4.34: Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek Tetap Pendirian Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	108.616	2	54.308	5.872	0.003
Dalam Kumpulan	3671.961	397	9.249		
Jumlah	3780.577	399			

$p<0.05$

Jadual 4.34 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min aspek tetap pendirian dalam modul SUMUR berasaskan tempat tinggal keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan sifat tetap pendirian pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 5.872$, $p = 0.003$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi sifat tetap pendirian pelajar berasaskan tempat tinggal keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{067}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tempat tinggal keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.35 di bawah.

Jadual 4.35: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Aspek Tetap Pendirian Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Tempat Tinggal Keluarga	N	Min	Bandar	Pekan/P.Bandar	Desa/Kampung
Bandar	165	23.952		0.167	0.023*
Pekan/P.Bandar	124	23.452	0.167		0.001*
Desa/Kampung	111	24.802	0.023*	0.001*	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.35 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.001$, $p=0.023$, $p < 0.05$) tahap pelaksanaan aspek tetap pendirian dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 23.452, $sp=2.763$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 24.802, $sp=2.885$), dan kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar (min 23.952, $sp=2.715$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 24.802, $sp=3.209$). Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.167$, $p < 0.05$) antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar dengan kumpulan responden yang tinggal di pekan / pinggir bandar.

H_{069} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek pemakaian mengikut tempat tinggal keluarga.

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min aspek pemakaian pelajar berdasarkan tempat tinggal keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.36 di bawah.

Jadual 4.36: Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek Pemakaian Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	69.667	2	34.834	5.745	0.003
Dalam Kumpulan	2401.190	396	6.064		
Jumlah	2470.857	398			

$p < 0.05$

Jadual 4.36 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min aspek pemakaian dalam modul SUMUR berasaskan tempat tinggal keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan pemakaian pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 5.745$, $p = 0.003$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemakaian pelajar berasaskan tempat tinggal keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{069}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tempat tinggal keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.37 di bawah.

Jadual 4.37: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Aspek Pemakaian Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Tempat Tinggal Keluarga	N	Min	Bandar	Pekan/P.Bandar	Desa/Kampung
Bandar	164	27.927		0.033*	0.137
Pekan/P.Bandar	124	27.298	0.033*		0.001*
Desa/Kampung	111	28.378	0.137	0.001*	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.37 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.001$, $p=0.033$, $p < 0.05$) tahap pelaksanaan aspek pemakaian dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 27.298, $sp=2.566$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 28.378, $sp=2.166$), dan kumpulan responden pelajar yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 27.298, $sp=2.566$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar (min 27.927, $sp=2.568$). Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.137$, $p < 0.05$) antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar dengan kumpulan responden yang tinggal di desa / kampung.

H_{070} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek adab sopan mengikut tempat tinggal keluarga.

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min aspek adab sopan pelajar berdasarkan tempat tinggal keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.38 di bawah.

Jadual 4.38: Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek Adab Sopan Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	69.185	2	34.592	3.843	0.022
Dalam Kumpulan	3573.975	397	9.002		
Jumlah	3643.160	399			

$p < 0.05$

Jadual 4.38 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min aspek adab sopan dalam modul SUMUR berasaskan tempat tinggal keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan adab sopan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 3.843$, $p = 0.022$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi adab sopan pelajar berasaskan tempat tinggal keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{070}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tempat tinggal keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.39 di bawah.

Jadual 4.39: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Aspek Adab Sopan Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Tempat Tinggal Keluarga	N	Min	Bandar	Pekan/P.Bandar	Desa/Kampung
Bandar	165	25.479		0.066	0.263
Pekan/P.Bandar	124	24.823	0.066		0.007*
Desa/Kampung	111	25.892	0.263	0.007*	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.39 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p = 0.007$, $p < 0.05$) tahap pelaksanaan aspek adab sopan dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar

yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 24.823, sp=2.563) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 25.892, sp=3.323). Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.066$, 0.263 , $p<0.05$) antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar dengan kumpulan responden yang tinggal di pekan / pinggir bandar, dan kumpulan responden yang tinggal di bandar dengan kumpulan yang tinggal di desa / kampung.

H_{071} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek kepemimpinan mengikut tempat tinggal keluarga.

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min aspek kepemimpinan pelajar berdasarkan tempat tinggal keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.40 di bawah.

Jadual 4.40: Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek Kepemimpinan Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	83.389	2	41.694	3.354	0.036
Dalam Kumpulan	4934.521	397	12.430		
Jumlah	5017.910	399			

$p<0.05$

Jadual 4.40 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min aspek kepemimpinan dalam modul SUMUR berasaskan tempat tinggal keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan kepemimpinan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 3.354$, $p = 0.036$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kepemimpinan pelajar berasaskan tempat tinggal keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{071}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tempat tinggal keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.41 di bawah.

Jadual 4.41: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Aspek Kepemimpinan Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Tempat Tinggal Keluarga	N	Min	Bandar	Pekan/P.Bandar	Desa/Kampung
Bandar	165	22.146		0.336	0.075
Pekan/P.Bandar	124	21.742	0.336		0.011*
Desa/Kampung	111	22.919	0.075	0.011*	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.41 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.011$, $p < 0.05$) tahap pelaksanaan aspek kepemimpinan dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 21.742, $sp=3.195$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 22.919, $sp=3.396$). Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.075$, 0.336 , $p < 0.05$) antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar dengan kumpulan responden yang tinggal di desa / kampung, dan kumpulan responden yang tinggal di bandar dengan kumpulan yang tinggal di pekan / pinggir bandar.

H_{072} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek sikap positif dan proaktif mengikut tempat tinggal keluarga.

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min aspek sikap positif dan proaktif pelajar berdasarkan tempat tinggal keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.42 di bawah.

Jadual 4.42: Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek Sikap Positif dan Proaktif Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	159.362	2	79.681	6.460	0.002
Dalam Kumpulan	4896.548	397	12.334		
Jumlah	5055.910	399			

$p < 0.05$

Jadual 4.42 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min aspek sikap positif dan proaktif dalam modul SUMUR berdasarkan tempat tinggal keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan sikap positif dan proaktif pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 6.460$, $p = 0.002$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap positif dan proaktif pelajar berdasarkan tempat tinggal keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{072}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tempat tinggal keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.43 di bawah.

Jadual 4.43: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Aspek Sikap Positif dan Proaktif Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Tempat Tinggal Keluarga	N	Min	Bandar	Pekan/P.Bandar	Desa/Kampung
Bandar	165	23.303		0.033*	0.082
Pekan/P.Bandar	124	22.411	0.033*		0.000*
Desa/Kampung	111	24.054	0.082	0.000*	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.43 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.033$, $p=0.000$, $p < 0.05$) tahap pelaksanaan aspek sikap positif dan proaktif dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar (min 23.303, $sp=3.658$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 22.411, $sp=3.448$), dan kumpulan responden pelajar yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 27.298, $sp=2.566$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 27.927, $sp=2.568$). Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.082$, $p < 0.05$) antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar dengan kumpulan responden yang tinggal di desa / kampung.

H_{075} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan program Jati Diri secara keseluruhannya mengikut tempat tinggal keluarga.

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min program jati diri secara keseluruhannya berdasarkan tempat tinggal keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.44 di bawah.

Jadual 4.44: Ujian ANOVA Perbezaan Min Program Jati Diri Secara Keseluruhannya Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	1329.926	2	664.963	5.019	0.007
Dalam Kumpulan	52597.172	397	132.487		
Jumlah	53927.097	399			

$p < 0.05$

Jadual 4.44 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min program Jati Diri secara keseluruhannya dalam modul SUMUR berasaskan tempat tinggal keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan program Jati Diri pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 5.019$, $p = 0.007$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi keseluruhan program Jati Diri pelajar berasaskan tempat tinggal keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{075}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tempat tinggal keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.45 di bawah.

Jadual 4.45: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Program Jati Diri Secara Keseluruhannya Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Tempat Tinggal Keluarga	N	Min	Bandar	Pekan/P.Bandar	Desa/Kampung
Bandar	165	96.321		0.069	0.111
Pekan/P.Bandar	124	93.823	0.069		0.002*
Desa/Kampung	111	98.577	0.111	0.002*	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.45 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.002$, $p<0.05$) tahap pelaksanaan program Jati Diri secara keseluruhannya dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 93.823, $sp=10.177$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 98.577, $sp=10.852$). Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.069$, $p=0.111$, $p<0.05$) antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar dengan kumpulan responden yang tinggal di pekan / pinggir bandar, dan antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung.

H₀₇₆- Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan program Penampilan Diri secara keseluruhannya mengikut tempat tinggal keluarga.

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min program Penampilan Diri secara keseluruhannya berdasarkan tempat tinggal keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.46 di bawah.

Jadual 4.46: Ujian ANOVA Perbezaan Min Program Penampilan Diri Secara Keseluruhannya Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	1449.440	2	724.720	7.336	0.001
Dalam Kumpulan	39122.866	396	98.795		
Jumlah	40572.306	398			

$p<0.05$

Jadual 4.46 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min program Penampilan Diri secara keseluruhannya dalam modul SUMUR berasaskan tempat tinggal keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan program Penampilan Diri pelajar.

Dapatan menunjukkan nilai $F = 7.336$, $p = 0.001$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi keseluruhan program Penampilan Diri pelajar berasaskan tempat tinggal keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{076}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tempat tinggal keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.47 di bawah.

Jadual 4.47: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Program Penampilan Diri Secara Keseluruhannya Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Tempat Tinggal Keluarga	N	Min	Bandar	Pekan/P.Bandar	Desa/Kampung
Bandar	164	98.805		0.033*	0.047*
Pekan/P.Bandar	124	96.274	0.033*		0.000*
Desa/Kampung	111	101.243	0.047*	0.000*	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.47 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.000$; $p=0.033$; $p=0.047$; $p < 0.05$) tahap pelaksanaan program Penampilan Diri secara keseluruhannya dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 96.274, $sp=9.129$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 101.243, $sp=9.658$), antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar (min 98.805, $sp=10.686$) dengan kumpulan yang tinggal di pekan / pinggir bandar (min 96.274, $sp=9.129$), dan antara kumpulan responden pelajar yang tinggal di bandar (min 98.805, $sp=10.686$) dengan kumpulan responden pelajar yang tinggal di desa / kampung (min 101.243, $sp=9.658$).

4.4.5 Perbezaan Skor Min Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Pendapatan Bulanan Keluarga

Soalan Kajian: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan modul SUMUR yang dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudai Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan pendapatan bulanan keluarga?

H_{0105} - *Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek tetap pendirian mengikut pendapatan bulanan keluarga.*

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min aspek tetap pendirian pelajar berdasarkan pendapatan bulanan keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.48 di bawah.

Jadual 4.48: Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek Tetap Pendirian Berdasarkan Pendapatan Bulanan Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	112.879	4	28.220	3.039	0.017
Dalam Kumpulan	3667.699	395	9.285		
Jumlah	3780.578	399			

$p < 0.05$

Jadual 4.48 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min aspek tetap pendirian dalam modul SUMUR berasaskan pendapatan bulanan keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan sikap tetap pendirian pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 3.039$, $p = 0.017$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap tetap pendirian pelajar berasaskan pendapatan bulanan keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{0105}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan pendapatan bulanan keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.49 di bawah.

Jadual 4.49: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Aspek Tetap Pendirian Berdasarkan Pendapatan Bulanan Keluarga

Pendapatan Bulanan Keluarga (RM)	N	Min	1000 - 1999	2000 - 2999	3000 - 3999	4000 - 4999	5000 Ke Atas
1000 - 1999	64	24.516		0.195	0.348	0.620	0.037*
2000 - 2999	33	25.364	0.195		0.042*	0.092	0.002*
3000 - 3999	52	23.981	0.348	0.042*		0.655	0.419
4000 - 4999	58	24.241	0.620	0.092	0.655		0.158
5000 Ke Atas	193	23.596	0.037*	0.002*	0.419	0.158	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.49 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.002$, $p=0.037$, $p=0.042$, $p < 0.05$) tahap pelaksanaan aspek tetap pendirian dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendapatan RM 2000-2999 (min 25.364, $sp=2.804$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendapatan RM 5000 ke atas (min 23.596, $sp=3.158$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendapatan RM 1000-1999 (min 24.516, $sp=2.377$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendapatan RM 5000 ke atas (min 23.596, $sp=3.158$); dan antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendapatan RM 2000-2999 (min 25.364, $sp=2.804$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendapatan RM 3000-3999 (min 23.981, $sp=3.427$);

Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.195$, $p=0.348$, $p=0.620$, $p=0.092$, $p=0.655$, $p=0.419$, $p=0.158$, $p < 0.05$) bagi lain-lain kumpulan.

4.4.6 Perbezaan Skor Min Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Tahap Pendidikan Keluarga

Soalan Kajian: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan modul SUMUR yang dilaksanakan melalui program *Mutadayyin*, Berbudhi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA berdasarkan tahap pendidikan keluarga?

H_{0120} - *Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek tolong menolong mengikut tahap pendidikan keluarga.*

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min aspek tolong menolong pelajar berdasarkan tahap pendidikan keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.50 di bawah.

Jadual 4.50: Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek Tolong Menolong Berdasarkan Tahap Pendidikan Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	122.004	5	24.401	2.629	0.024
Dalam Kumpulan	3656.356	394	9.280		
Jumlah	3778.360	399			

$p < 0.05$

Jadual 4.50 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min aspek tolong menolong dalam modul SUMUR berasaskan tahap pendidikan keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan sikap tolong menolong pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 2.629$, $p = 0.024$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi sikap tolong menolong pelajar berasaskan tahap pendidikan keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{0120}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tahap pendidikan keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.51 di bawah.

Jadual 4.51: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Aspek Tolong Menolong Berdasarkan Tahap Pendidikan Keluarga

Tahap Pen. Keluarga	N	Min	Ren.	Men.	Sijil / Dip.	BA	MA	Ph.D
Ren.	6	21.167		0.015*	0.006*	0.045*	0.011*	0.185
Men.	76	24.316	0.015*		0.361	0.185	0.764	0.528
Sijil / Dip.	100	24.740	0.006*	0.361		0.014*	0.531	0.333
BA	125	23.728	0.045*	0.185	0.014*		0.086	0.858
MA	87	24.460	0.011*	0.764	0.531	0.086		0.456
Ph.D	6	23.500	0.185	0.528	0.333	0.858	0.456	

p<0.05

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.51 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.015$, $p=0.006$, $p=0.045$, $p=0.011$, $p=0.014$, $p<0.05$) tahap pelaksanaan aspek tolong menolong dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 21.167, $sp=10.177$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan menengah (min 24.316, $sp=10.852$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 21.167, $sp=10.177$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan sijil / diploma (min 24.740, $sp=10.852$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 21.167, $sp=10.177$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan BA (min 23.728, $sp=10.852$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 21.167, $sp=10.177$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan MA (min 24.460, $sp=10.852$); dan antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan sijil / diploma (min 24.740, $sp=10.177$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan BA (min 23.728, $sp=10.852$).

Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.185$, $p=0.361$, $p=0.185$, $p=0.764$, $p=0.528$, $p=0.531$, $p=0.333$, $p=0.086$, $p=0.858$, $p=0.456$, $p<0.05$) bagi lain-lain kumpulan.

H_{0122} - Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan aspek berkeyakinan mengikut tahap pendidikan keluarga.

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min aspek berkeyakinan pelajar berdasarkan tahap pendidikan keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.52 di bawah.

Jadual 4.52: Ujian ANOVA Perbezaan Min Aspek Berkeyakinan Berdasarkan Tahap Pendidikan Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	123.760	5	24.752	2.362	0.039
Dalam Kumpulan	4128.240	394	10.478		
Jumlah	4252.000	399			

$p<0.05$

Jadual 4.52 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min aspek berkeyakinan dalam modul SUMUR berasaskan tahap pendidikan keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan sikap keyakinan diri pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 2.362$, $p = 0.039$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi keyakinan diri pelajar berasaskan tahap pendidikan keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{0122}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tahap pendidikan keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.53 di bawah.

Jadual 4.53: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Aspek Berkeyakinan Berdasarkan Tahap Pendidikan Keluarga

Tahap Pen. Keluarga	N	Min	Ren.	Men.	Sijil / Dip.	BA	MA	Ph.D
Ren.	6	20.167		0.003*	0.006*	0.013*	0.002*	0.050*
Men.	76	24.250	0.003*		0.490	0.144	0.870	0.762
Sijil / Dip.	100	23.910	0.006*	0.490		0.421	0.373	0.955
BA	125	23.560	0.013*	0.144	0.421		0.088	0.840
MA	87	24.330	0.002*	0.870	0.373	0.088		0.715
Ph.D	6	23.833	0.050*	0.762	0.955	0.840	0.715	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.53 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.003$, $p=0.006$, $p=0.013$, $p=0.002$, $p=0.050$, $p < 0.05$) tahap pelaksanaan aspek berkeyakinan dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 20.167, $sp=2.483$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan menengah (min 24.250, $sp=3.142$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 20.167, $sp=2.483$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan sijil / diploma (min 23.910, $sp=2.882$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 20.167, $sp=2.483$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan BA (min 23.560, $sp=3.796$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 20.167, $sp=2.483$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan MA (min 24.330, $sp=2.892$); dan antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 20.167, $sp=2.483$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan Ph.d (min 23.833, $sp=2.401$).

Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.490$, $p=0.144$, $p=0.870$, $p=0.762$, $p=0.421$, $p=0.373$, $p=0.955$, $p=0.088$, $p=0.840$, $p=0.715$, $p<0.05$) bagi lain-lain kumpulan.

H_{0131} - *Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan program Berbudi Bahasa secara keseluruhannya mengikut tahap pendidikan keluarga.*

Hasil ujian ANOVA bagi menguji perbezaan skor min program Berbudi Bahasa secara keseluruhannya berdasarkan tahap pendidikan keluarga dipaparkan dalam Jadual 4.54 di bawah.

Jadual 4.54: Ujian ANOVA Perbezaan Min Program Berbudi Bahasa Secara Keseluruhannya Berdasarkan Tahap Pendidikan Keluarga

	SS	dF	MS	F	Sig.P
Antara Kumpulan	1161.195	5	232.239	2.341	0.041
Dalam Kumpulan	39086.045	394	99.203		
Jumlah	40247.240	399			

$p<0.05$

Jadual 4.54 menunjukkan hasil ujian ANOVA perbezaan min program Berbudi Bahasa secara keseluruhannya dalam modul SUMUR berasaskan tahap pendidikan keluarga. Analisis ANOVA digunakan bagi membandingkan keseluruhan program Berbudi Bahasa dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan nilai $F = 2.341$, $p = 0.041$, di mana $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi keseluruhan program Berbudi Bahasa berasaskan tahap pendidikan keluarga. Oleh itu, hipotesis (H_{0131}) ditolak. Seterusnya bagi mengenal pasti perbezaan skor min antara kumpulan responden yang berbeza berdasarkan tahap pendidikan keluarga, maka satu ujian post-hoc LSD dijalankan seperti dalam Jadual 4.55 di bawah.

Jadual 4.55: Ujian Post-Hoc LSD Perbezaan Min Program Berbudi Bahasa Secara Keseluruhannya Berdasarkan Tahap Pendidikan Keluarga

Tahap Pen. Keluarga	N	Min	Ren.	Men.	Sijil / Dip.	BA	MA	Ph.D
Ren.	6	87.833		0.023*	0.008*	0.034*	0.006*	0.165
Men.	76	97.474	0.023*		0.318	0.588	0.205	0.698
Sijil / Dip.	100	98.990	0.008*	0.318		0.086	0.748	0.451
BA	125	96.688	0.034*	0.588	0.086		0.047*	0.837
MA	87	99.460	0.006*	0.205	0.748	0.047*		0.839
Ph.D	6	95.833	0.165	0.698	0.451	0.837	0.839	

$p < 0.05$

Berdasarkan analisis ujian post-hoc LSD seperti dalam Jadual 4.55 di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.006$, $p=0.008$, $p=0.023$, $p=0.034$, $p=0.047$, $p < 0.05$) tahap pelaksanaan program Berbudi Bahasa secara keseluruhannya dalam modul SUMUR antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 87.833, $sp=4.622$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan MA (min 99.460, $sp=8.319$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan sijil / diploma (min 98.990, $sp=9.518$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 87.833, $sp=4.622$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan menengah (min 97.474, $sp=11.483$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 87.833, $sp=4.622$); antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan rendah (min 87.833, $sp=4.622$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan BA (min 96.688, $sp=10.621$); dan antara kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan BA (min 96.688, $sp=10.621$) dengan kumpulan responden pelajar daripada keluarga yang berpendidikan MA (min 99.460, $sp=8.319$).

Namun, tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($p=0.165$, $p=0.318$, $p=0.588$, $p=0.205$, $p=0.698$, $p=0.086$, $p=0.748$, $p=0.451$, $p=0.837$, $p=0.839$, $p<0.05$) bagi lain-lain kumpulan.

4.5 Analisis Hubungan

Pada bahagian ini, perbincangan mengenai dapatan kajian adalah bersandarkan persoalan kajian keempat yang dikaji, iaitu adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dalam membangunkan sahsiah pelajar di SMKA. Sehubungan itu, analisis statistik korelasi dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dengan pembangunan sahsiah pelajar. Analisis korelasi ini dilakukan bagi menjawab persoalan kajian keempat dan menguji hipotesis.

Soalan Kajian Keempat: Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dalam membangunkan sahsiah pelajar di SMKA?

H₀₁₃₄- Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara aspek-aspek pelaksanaan Modul SUMUR, iaitu solat berkualiti, amalan zikir dan doa, tadarus al-Quran, laras bahasa, hormat-menghormati, tolong-menolong, mengenang dan menghargai budi, berkeyakinan, sabar dan tabah, tetap pendirian, semangat juang, pemakaian, adab sopan, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif dengan pembangunan sahsiah pelajar di SMKA.

Sebelum hipotesis (H_{0134}) diuji bagi menjawab persoalan kajian berkaitan hubungan yang signifikan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dalam membangunkan sahsiah pelajar, maka adalah wajar dilihat terlebih dahulu hubungan linear antara keseluruhan aspek pelaksanaan modul tersebut yang dijadikan sebagai pemboleh ubah dalam kajian ini. Secara terperinci analisis korelasi antara kelima belas aspek pelaksanaan modul SUMUR dalam kalangan pelajar adalah seperti Jadual 4.56 di bawah.

Jadual 4.56: Analisis Hubungan Antara Aspek-Aspek Pelaksanaan Modul SUMUR Dalam Membangunkan Sahsia Pelajar di SMKA Secara Keseluruhan

Solat	1															
	400															
Zikir	.602**	1														
	.000															
Quran	.613**	.680**	1													
	.000	.000														
Bahasa	.476**	.552**	.512**	1												
	.000	.000	.000													
Hormat	.419**	.477**	.443**	.547**	1											
	.000	.000	.000	.000												
Tolong	.409**	.451**	.491**	.508**	.555**	1										
	.000	.000	.000	.000	.000											
Budi	.498**	.537**	.579**	.641**	.591**	.573**	1									
	.000	.000	.000	.000	.000	.000										
Yakin	.510**	.497**	.544**	.545**	.488**	.621**	.605**	1								
	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000									
Sabar	.524**	.549**	.561**	.587**	.556**	.623**	.622**	.735**	1							
	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000								
Tetap	.490**	.472**	.549**	.525**	.512**	.636**	.551**	.766**	.747**	1						
	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000							
Juang	.501**	.440**	.516**	.484**	.450**	.640**	.571**	.752**	.695**	.740**	1					
	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000						
Pakai	.422**	.340**	.340**	.393**	.398**	.307**	.446**	.344**	.391**	.378**	.303**	1				
	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000					
Adab	.520**	.533**	.509**	.666**	.555**	.512**	.696**	.565**	.630**	.539**	.521**	.538**	1			
	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000				
Pimpin	.362**	.389**	.412**	.483**	.423**	.536**	.504**	.680**	.661**	.753**	.646**	.300**	.509**	1		
	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000			
Positif	.440**	.429**	.456**	.500**	.449**	.614**	.535**	.717**	.686**	.761**	.770**	.327**	.538**	.779**	1	
	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000		
	400	400	400	400	400	400	400	400	400	400	400	400	399	400	400	400
	Solat	Zikir	Quran	Bahasa	Hormat	Tolong	Budi	Yakin	Sabar	Tetap	Juang	Pakai	Adab	Pimpin	Positif	

*Correlation is significant at the 0.05 level (1-tailed) (n=400)

**Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed) (n=400)

Berdasarkan hasil analisis korelasi antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR adalah seperti dalam Jadual 4.56 di atas yang menunjukkan bahawa wujud hubungan linear yang positif antara pemboleh ubah yang dikaji dengan kekuatan hubungan antara keduanya berada pada tahap kuat iaitu nilai (r) antara 0.717 hingga 0.779 (*output* SPSS analisis korelasi seperti di lampiran). Seterusnya bagi menjawab hipotesis nol (H_{0134}), iaitu

hubungan lima belas aspek pelaksanaan modul SUMUR dengan pembangunan sahsiah pelajar di SMKA, maka satu ujian Korelasi Pearson digunakan dan keputusannya adalah seperti dalam Jadual 4.57 di bawah yang disusun mengikut urutan tertinggi.

Jadual 4.57: Analisis Korelasi Antara Aspek-Aspek Pelaksanaan Modul SUMUR Dengan Pembangunan Sahsiah Pelajar

Pelaksanaan Aspek-Aspek Pelaksanaan Modul SUMUR	Pembangunan Sahsiah pelajar (n= 400)		
	r	Sig. P	Int.
Kepemimpinan - Tetap Pendirian	0.779**	0.000	Kuat
Semangat Juang - Tetap Pendirian	0.770**	0.000	Kuat
Tetap Pendirian - Berkeyakinan	0.766**	0.000	Kuat
Sikap Positif dan Proaktif - Tetap Pendirian	0.761**	0.000	Kuat
Kepemimpinan - Tetap Pendirian	0.753**	0.000	Kuat
Semangat Juang - Berkeyakinan	0.752**	0.000	Kuat
Sabar dan Tabah - Tetap Pendirian	0.747**	0.000	Kuat
Semangat Juang - Tetap Pendirian	0.740**	0.000	Kuat
Sabar dan Tabah - Berkeyakinan	0.735**	0.000	Kuat
Sikap Positif dan Proaktif - Berkeyakinan	0.717**	0.000	Kuat

*Signifikan pada aras $p < 0.01$ (2-hujung) ** Signifikan pada aras $p < 0.05$ (2 hujung)

Jadual 4.58 di bawah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara aspek sabar dan tabah dengan aspek keyakinan diri ialah $r = 0.735$ dan takat signifikan $p = 0.000$. Aspek tetap pendirian dengan aspek keyakinan diri pula ialah $r = 0.766$ dan takat signifikan $p = 0.000$. Sementara aspek semangat juang dengan aspek keyakinan diri ialah $r = 0.752$ dan takat signifikan $p = 0.000$. Manakala aspek sikap positif dan proaktif dengan aspek keyakinan diri ialah $r = 0.717$ dan takat signifikan $p = 0.000$. Oleh itu, terdapat korelasi yang signifikan antara aspek sabar dan tabah, tetap pendirian, semangat juang, dan sikap positif dan proaktif dengan aspek keyakinan diri pada takat sangat baik, iaitu indeks dan tafsiran korelasi dengan melebihi skor : 0.71. Huraian mengenai analisis hubungan antara aspek sabar dan tabah, tetap pendirian, semangat juang, dan sikap positif dan proaktif dengan keyakinan diri dengan secara keseluruhan adalah seperti jadual di bawah ini.

Jadual 4.58: Hubungan Korelasi Antara Aspek Sabar dan Tabah, Tetap Pendirian, Semangat Juang, dan Sikap Positif dan Proaktif Dengan Aspek Keyakinan Diri

Pemboleh ubah	Berkeyakinan <i>r</i>	p	Keputusan
Sabar dan Tabah	0.735**	0.000	Signifikan
Tetap Pendirian	0.766**	0.000	Signifikan
Semangat Juang	0.752**	0.000	Signifikan
Sikap Positif dan Proaktif	0.717**	0.000	Signifikan

$P < 0.01$ **

$P < 0.05$ *

Jadual 4.59 di bawah pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara aspek semangat juang dengan aspek tetap pendirian ialah $r = 0.740$ dan takat signifikan $p = 0.000$. Aspek kepemimpinan dengan aspek tetap pendirian pula ialah $r = 0.753$ dan takat signifikan $p = 0.000$. Manakala aspek sikap positif dan proaktif dengan aspek tetap pendirian ialah $r = 0.761$ dan takat signifikan $p = 0.000$. Oleh itu, terdapat korelasi yang signifikan antara aspek semangat juang, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif dengan aspek tetap pendirian pada takat sangat baik, iaitu indeks dan tafsiran korelasi dengan melebihi skor : 0.74. Huraian mengenai analisis hubungan antara aspek semangat juang, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif dengan aspek tetap pendirian secara keseluruhan adalah seperti jadual di bawah ini.

Jadual 4.59: Hubungan Korelasi Antara Aspek Semangat Juang, Kepemimpinan, dan Sikap Positif dan Proaktif Dengan Aspek Tetap Pendirian

Pemboleh ubah	Tetap Pendirian <i>r</i>	p	Keputusan
Semangat Juang	0.740**	0.000	Signifikan
Kepemimpinan	0.753**	0.000	Signifikan
Sikap Positif dan Proaktif	0.761**	0.000	Signifikan

$P < 0.01$ **

$P < 0.05$ *

Manakala Jadual 4.60 di bawah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara aspek semangat juang dengan aspek sikap positif dan proaktif ialah $r = 0.770$ dan

takat signifikan $p = 0.000$. Sementara aspek kepemimpinan dengan aspek sikap positif dan proaktif pula ialah $r = 0.779$ dan takat signifikan $p = 0.000$. Oleh itu, terdapat korelasi yang signifikan antara aspek semangat juang dan kepemimpinan dengan aspek sikap positif dan proaktif pada takat sangat baik, iaitu indeks dan tafsiran korelasi dengan melebihi skor : 0.77. Huraian mengenai analisis hubungan antara aspek semangat juang dan kepemimpinan dengan aspek sikap positif dan proaktif secara keseluruhan adalah seperti jadual di bawah ini.

Jadual 4.60: Hubungan Korelasi Antara Aspek Semangat Juang dan Kepemimpinan Dengan Aspek Sikap Positif dan Proaktif

Pemboleh ubah	Sikap Positif dan Proaktif r	p	Keputusan
Semangat Juang	0.770**	0.000	Signifikan
Kepemimpinan	0.779**	0.000	Signifikan

$P < 0.01$ **

$P < 0.05$ *

Jadual 4.61 di bawah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara aspek sabar dan tabah dengan aspek tetap pendirian ialah $r = 0.747$ dan takat signifikan $p = 0.000$. Ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara aspek sabar dan tabah dengan aspek tetap pendirian pada takat sangat baik, iaitu indeks dan tafsiran korelasi dengan melebihi skor : 0.74. Huraian mengenai analisis hubungan antara aspek sabar dan tabah dengan aspek tetap pendirian secara keseluruhan adalah seperti jadual di bawah ini.

Jadual 4.61: Hubungan Korelasi Antara Aspek Sabar dan Tabah Dengan Aspek Tetap Pendirian

Pemboleh ubah	Tetap Pendirian r	p	Keputusan
Sabar dan Tabah	0.747**	0.000	Signifikan

$P < 0.01$ **

$P < 0.05$ *

4.6 Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji melaporkan dapatan kajian secara mendalam berkaitan pelaksanaan modul SUMUR melalui program *Mutadayyin*, Berbudai Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri di SMKA. Pengkaji telah mengemukakan profil responden yang terdiri daripada pelajar dan guru. Seterusnya dilaporkan dapatan kajian mengenai pelaksanaan modul yang dijalankan melalui instrumen kuantitatif (soal selidik pelajar) dan disokong oleh kualitatif (temu bual guru). Analisis dilakukan menggunakan statistik deskriptif, iaitu frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai bagi menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian berkaitan pelaksanaan modul SUMUR. Pengkaji telah menggunakan statistik inferensi, iaitu Ujian-T Sampel Bebas, Anova Sehala dan Korelasi Pearson bagi mengesahkan hipotesis kajian.

BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini akan membincangkan dan merumuskan data yang telah diperoleh melalui analisis deskriptif dan analisis inferensi serta dapatan berkaitan yang diperoleh melalui kajian-kajian lepas. Setelah data dianalisis, maka perbincangan berdasarkan persoalan dan hipotesis kajian yang dibentuk akan dibuat, diikuti dengan rumusan daripada perbincangan tersebut. Pada akhir rumusan, beberapa cadangan dikemukakan dan diketengahkan untuk kajian akan datang, di mana kajian ini mempunyai ruang untuk diketengahkan lagi oleh penyelidik lain. Tumpuan perbincangan adalah merujuk kepada persoalan kajian kedua, ketiga dan keempat yang telah diuji dalam Bab 4.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian deskriptif ini dijalankan bagi meninjau tahap pelaksanaan modul SUMUR yang dilaksanakan di SMKA seluruh Malaysia. Oleh itu, objektif utama kajian ini untuk menilai pelaksanaan program *Mutadayyin*, Berbudu Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri. Pelaksanaan program *Mutadayyin* ditinjau dari aspek solat berkualiti, amalan zikir dan doa, dan tadarus al-Quran. Manakala program Berbudu Bahasa dinilai dari aspek laras bahasa, hormat-menghormati, tolong-menolong, dan mengenang dan menghargai budi. Sementara program Jati Diri dilihat dari aspek berkeyakinan, sabar dan tabah, tetap pendirian dan semangat juang. Seterusnya program Penampilan Diri dari aspek pemakaian, adab sopan, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif.

Kajian ini menggunakan satu set instrumen soal selidik sebagai data kuantitatif. Saiz sampel instrumen soal selidik adalah seramai 400 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat yang mengikuti modul SUMUR sepenuhnya di SMKA.

Kajian ini melibatkan 5 daripada 57 buah SMKA terpilih di seluruh negara yang dibahagikan kepada lima zon utama. Pemilihan lokasi kajian dibuat mengikut metode persampelan berkelompok mengikut zon, iaitu zon Utara (SMKA Al-Irshad), zon Selatan (SMKA Sheikh Haji Mohd Said), zon Timur (SMKA Naim Lil Banat), zon Tengah (SMKA Slim River) dan zon Malaysia Timur (SMKA Tun Ahmad Zaidi) dan pemilihan dijalankan secara rawak mudah.

Data kuantitatif (soal selidik) dianalisis menggunakan SPSS *version* 20.0 untuk memperoleh statistik deskriptif (kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai) terutamanya terhadap empat program SUMUR utama dan lima belas aspek yang terkandung dalam modul tersebut. Seterusnya analisis statistik inferensi pula digunakan bagi mengenal pasti perbezaan skor min pemboleh ubah bersandar (aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR) berdasarkan beberapa faktor pemboleh ubah bebas (jantina pelajar, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan pelajar, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga dan jawatan pelajar); hubungan yang signifikan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR; dan sumbangan aspek-aspek pelaksanaan modul tersebut terhadap pembangunan sahsiah pelajar.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian di bawah akan dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu:

5.3.1 Perbincangan Demografi Pelajar

Perbincangan berkaitan demografi responden pelajar bagi instrumen soal selidik terdiri daripada 400 orang pelajar tingkatan empat yang mengikut modul SUMUR di SMKA. Seramai 132 orang (33.0%) daripada responden adalah pelajar lelaki dan 268 orang (67.0%) adalah pelajar perempuan. Berdasarkan dapatan ini jelas menunjukkan bahawa

pelajar perempuan lebih ramai dan mendominasi jumlah pelajar lelaki di kebanyakan sekolah berasrama penuh, khususnya di SMKA. Dapatan yang sama turut dibuktikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang menunjukkan peratusan yang tinggi dalam kalangan responden perempuan. Umpamanya kajian yang dijalankan oleh Mohd Aderi (2008) memperoleh 76.3% adalah responden perempuan, Amal Hayati (2012) memperoleh 82.5% adalah perempuan, Misnan (2008) menunjukkan 69.9% juga adalah perempuan dan Paharudin Arbain (2015) memperoleh 71.1% adalah perempuan. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor antaranya peratusan pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR daripada kalangan lelaki agak berkurangan dan sebahagiannya pula bertukar kepada bukan aliran agama selepas PT3.

Perbincangan dari segi tempat tinggal pelajar menunjukkan hampir dua pertiga daripada responden pelajar, iaitu 245 orang (61.3%) adalah tinggal di asrama berbanding hanya 155 orang (38.8%) sahaja yang berulang alik dari rumah. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan SMKA tidak menyediakan kemudahan asrama untuk semua pelajar. Daripada data yang diperolehi, hanya beberapa buah SMKA sahaja yang menyediakan kemudahan asrama untuk semua pelajar seperti SMKA Slim River, SMKA Sultan Azlan Shah dan SMKA Kerian di Perak.⁴⁵⁰

Dari aspek kategori sekolah pula didapati seramai 320 orang (80.0%) pelajar belajar di sekolah bercampur jantina berbanding hanya 80 orang (20.0%) sahaja yang belajar di sekolah kategori perempuan sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pembelajaran di Malaysia adalah bersifat umum dan bercampur antara pelajar lelaki dan perempuan. Tidak banyak sekolah yang mengamalkan sekolah satu jantina.

⁴⁵⁰ Guru 3 - PB2 (Penasihat BADAR, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 25 April 2016.

Sementara itu dapatan kajian menunjukkan responden pelajar yang datang dari kalangan keluarga yang tinggal di bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang datang dari pekan atau pinggir bandar atau desa, iaitu 165 orang (41.3%). 124 orang (31.0%) dari kalangan keluarga yang tinggal di Pekan atau pinggir bandar, dan bakinya seramai 111 orang (27.8%) lagi keluarga yang tinggal di desa atau kampung. Keadaan ini disebabkan oleh kemudahan belajar yang dinikmati oleh pelajar di bandar adalah mengatasi kemudahan pelajar dari pekan atau pinggir bandar dan desa atau kampung dan banyak membantu kecemerlangan seseorang pelajar dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah, serta melayakkan mereka untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh.⁴⁵¹

Perbincangan dari segi aliran pendidikan, responden kajian didapati lebih separuh pelajar adalah dari aliran agama, iaitu seramai 230 orang (57.5%) pelajar berbanding aliran akademik (Sains), akademik (Sastera) dan Tahfiz (Ulul Albab) dengan masing-masing seramai 128 orang (32.0%), 41 orang (10.3%) dan 1 orang (0.3%). Ini kerana memasukkan pelajar-pelajar ke SMKA sejak awal lagi disebabkan kecenderungan ibubapa dan pelajar dalam bidang tersebut.

Manakala perbincangan dari segi pendapatan bulanan keluarga menunjukkan hampir separuh daripada responden pelajar, iaitu 193 orang (48.3%) berpendapatan RM 5000 ke atas dan baki seramai 207 orang (51.7%) lagi berpendapatan bawah RM 5000. Manakala bakinya seramai 64 orang (16.0%) berpendapatan RM 1000 – RM 1999, 58 orang (14.5%) berpendapatan RM 4000 – RM 4999, 52 orang (13.0%) berpendapatan RM 3000 – RM 3999, dan seramai 33 orang (8.3%) berpendapatan RM 2000 – RM 2999. Ini menunjukkan bahawa faktor kewangan bukanlah penghalang bagi ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke SMKA, tetapi pencapaian dalam bidang akademik, kokurikulum mahupun sahsiah yang terpuji.

⁴⁵¹ Guru 6 – PS3 (Penyelaras SUMUR, SMKA Syeikh Haji Mohd Said, Negeri Sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mei 2016.

Perbincangan dari segi tahap pendidikan keluarga menunjukkan bahawa kebanyakan responden kajian adalah dari keluarga yang mempunyai kelayakan akademik yang baik dengan memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang, iaitu dengan 125 orang (31.3%) pelajar dan 100 orang (25.0%) lagi memiliki sekurang-kurangnya sijil atau diploma. Malah, seramai 87 orang (21.8%) sudah memiliki ijazah peringkat Sarjana, dan hanya 76 orang (19.0%) sahaja yang berpendidikan peringkat menengah. Manakala bakinya masing-masing seramai 6 orang (1.5%) mempunyai kelayakan akademik tertinggi peringkat Ph.D dan peringkat rendah. Ibubapa yang memiliki pencapaian akademik yang baik menyumbang kepada kemenjadian pelajar kerana galakan dan dorongan yang kuat daripada keluarga sendiri.⁴⁵²

Seterusnya dapatan kajian dalam Jadual 5.1 menunjukkan penglibatan pelajar sebagai ahli jawatankuasa SUMUR sekolah. Daripada jumlah keseluruhan pelajar, hanya 161 orang (40.3%) sahaja yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa tersebut. Perincian dapatan kajian ini mendapati perjawatan pelajar di sekolah diisi secara hampir seimbang, iaitu seramai 54 orang (13.5%) pelajar dilantik sebagai naqib dan naqibat, seramai 47 orang (11.8%) dilantik memegang jawatan sebagai pengawas sekolah, dan 29 orang (7.3%) lagi sebagai ahli jawatankuasa BADAR. Manakala bakinya seramai 33 orang (8.3%) daripada jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat dalam pelaksanaan modul SUMUR di sekolah menjawat pelbagai jawatan yang lain, seperti pengawas pusat sumber sekolah, ketua tingkatan, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), unit beruniform dan lain-lain. Faktor kepemimpinan pelajar di sekolah menjadi penentu kejayaan program-program SUMUR utama di sekolah.⁴⁵³

⁴⁵² Guru 1 – PB1 (Penasihat BADAR, SMKA Al-Irsyad, Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2016.

⁴⁵³ Guru 8 – PS4 (Penyelaras SUMUR, SMKA Naim Lil Banat, Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 14 Jun 2016.

5.3.2 Perbincangan Pelaksanaan Modul SUMUR di SMKA

Perbincangan dapatan kajian tentang pelaksanaan modul SUMUR adalah berdasarkan kepada empat program SUMUR utama, iaitu program *Mutadayyin*, Berbudu Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri, serta lima belas pemboleh ubah yang dipilih seperti mana berikut:

(a) Pelaksanaan Aspek Solat Berkualiti

Dapatan kajian tentang aspek solat berkualiti secara keseluruhannya menurut responden pelajar adalah berada pada tahap yang tinggi (min 4.17, peratusan 83.55 %).

Perbincangan berikutnya ialah item yang mendapat skor tertinggi ialah pemakaian pakaian yang sesuai dan bersih ketika menunaikan solat dengan (nilai min 4.62, peratusan 92.49 %) dan (nilai min 4.57, peratusan 91.49 %). Manakala dua item yang mendapat skor sederhana ialah menyempurnakan sunat-sunat solat (min 3.63, peratusan 72.67 %) dan item menunaikan solat fardu pada awal waktu (min 3.93, peratusan 78.67 %).

Kemuncak kepada pelaksanaan solat berkualiti ialah kekhusyukan dalam solat. Menyentuh dapatan kajian tentang solat berkualiti ini menyokong kajian yang dijalankan oleh M. Siddiq Mustika (2007) yang menyatakan bahawa solat yang khusyuk adalah cara paling efektif untuk memohon pertolongan daripada Allah s.w.t.⁴⁵⁴ Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t melalui firman-Nya:

⁴⁵⁴ Muhammad Siddiq Mustika, *Solat Khusyuk Solat SMART* (Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd, 2007).

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾

Al-Baqarah 2: 45

Terjemahan: Dan mintalah pertolongan (kepada Allah Taala) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk.

Firman Allah s.w.t lagi dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٥﴾



Al-Baqarah 2: 45

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi kesusahan dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan (mengerjakan) solat. Kerana sesungguhnya Allah Taala menyertai (menolong) orang-orang yang sabar.

Kepentingan amalan kerohanian dalam kalangan pelajar dapat dikaitkan dengan prestasi pencapaian akademik pelajar. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan pengakuan pelajar SPM Terbaik Malaysia 2008, iaitu Nik Nur Madihah Nik Mohd Kamal yang mendapat 20A.⁴⁵⁵ Salasiah Hanin Hamjah et al. (2012) berkata, salah satu punca kejayaan beliau dalam pelajaran ialah dengan melakukan amalan-amalan kerohanian, seperti solat fardu di awal waktu, membersihkan hati daripada sifat-sifat *mazmūmah*, mengerjakan *qiāmullail* (solat tahajjud, hajat, taubat dan istikharah), berpuasa sunat hari Isnin dan

⁴⁵⁵ Nik Nur Madihah Nik Mohd Kamal dan Ummu Hani Abu Hassan, *Catatan Hati Nik Nur Madihah, Kesusahan Bukan Penghalang Kejayaan* (Petaling Jaya : Hijjaz Records Publishing, 2009), 101. Guru 7 - PB4 (Penasihat BADAR, SMKA Naim Lil Banat, Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 07 Jun 2016.

Khamis, mengerjakan solat dhuha setiap pagi, berselawat ke atas Rasulullah s.a.w sebanyak 1,000 kali setiap hari dan makan makanan halal yang jauh daripada syubhah.⁴⁵⁶

(b) Pelaksanaan Aspek Amalan Zikir dan Doa

Perbincangan kajian tentang aspek amalan zikir dan doa secara keseluruhannya menurut responden pelajar adalah pada tahap tinggi (min 4.05, $sp= 0.766$, peratusan 80.98 %).

Antara item yang mendapat skor tertinggi menurut responden ialah berdoa setiap kali selepas solat (min 4.67, peratusan 93.49 %) dan diikuti dengan item pengamalan adab-adab berdoa (min 4.10, peratusan 82.08 %). Dapatan ini juga selari dengan kajian Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan dan Ab. Halim Tamuri (2006) yang menyatakan bahawa amalan ibadat harian menyumbang kepada kecerdasan emosi (kesedaran sendiri, regulasi sendiri dan motivasi sendiri) seseorang. Amalan zikir doa dan membaca al-Quran didapati menyumbang kepada peningkatan kesedaran sendiri dalam kalangan pelajar. Ibadat-ibadat zikir doa, membaca al-Quran dan solat pula menyumbang kepada peningkatan regulasi sendiri. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa mendapati konstruk-konstruk amalan ibadat harian menyumbang kepada peningkatan motivasi sendiri. Kajian ini memberi penunjuk kepada pendekatan pendidikan yang boleh diamalkan di sekolah dalam membentuk keperibadian pelajar.⁴⁵⁷ Manakala item yang paling rendah berada pada skor sederhana ialah membaca doa dalam setiap amalan harian (min 3.67, peratusan 73.47 %).

⁴⁵⁶ Salasiah Hanin Hamjah et al., "Perkaitan Amalan Spiritual Dengan pencapaian Akademik Pelajar", *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 4, no. 2 (Julai 2012), 58.

⁴⁵⁷ Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan dan Ab. Halim Tamuri, "Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya Kepada Kecerdasan Emosi Remaja", *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 1, no. 1 (2006), 29-40.

(c) Pelaksanaan Aspek Tadarus al-Quran

Perbincangan tentang pelaksanaan aspek tadarus al-Quran secara keseluruhannya menunjukkan skor min sederhana tinggi berdasarkan responden pelajar (min 3.92, $sp=0.810$, peratusan 78.51 %). Dapatan kajian ini menyokong dan selari dengan tulisan Ahmad Syarifuddin (2004) yang menyatakan bahawa Ibn Sina, Ibn Khaldun dan al-Ghazali yang menekankan pentingnya anak-anak dididik berdasarkan kitab suci al-Quran.⁴⁵⁸ Pendidikan berteraskan al-Quran merupakan bentuk pemenuhan hak *wiqāyah* terhadap anak,⁴⁵⁹ iaitu hak memelihara anak agar terhindar daripada api neraka sebagaimana firman-Nya dalam al-Quran:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Al-Baqarah 66: 6

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarannya terdiri daripada manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras lagi kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah Taala dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

Menyentuh tentang item membaca al-Quran dengan memelihara hukum tajwid oleh responden dengan skor min berada pada tahap tertinggi (nilai min 4.25, peratusan 85.09 %), seterusnya diikuti oleh item menghafaz ayat-ayat lazim pula dengan (min 4.22, peratusan 84.48 %) dan item membaca al-Quran setiap hari (min 4.21, peratusan 84.28 %). Dapatan kajian ini menyokong pernyataan al-Qabisi (1955) yang menekankan pembacaan al-Quran

⁴⁵⁸ Ahmad Syarifuddin, *Mendidik Anak Membaca, Menulis dan Mencintai al-Quran* (Jakarta: Penerbit Gema Insani, 2004).

⁴⁵⁹ Guru 4 - PS2 (Penyelaras SUMUR, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 03 Mei 2016.

secara tartil melalui bacaan terang mengikut kaedah tajwid.⁴⁶⁰ Malah, melalui kaedah Iqra" juga amat menekankan kepada kemahiran membaca al-Quran dengan baik, iaitu mempraktikkan secara terus kaedah tajwid dalam bacaan sebenar.⁴⁶¹ Manakala item meneliti tafsiran ayat yang dibaca dan mentadabbur ayat yang dibaca berada pada skor sederhana (min 3.80, peratusan 76.08 %) dan (min 3.56, peratusan 71.27 %). Sementara item yang berada pada skor rendah ialah bertadurus al-Quran secara halaqah atau berpasangan (min 3.49, peratusan 69.87 %).

Bagaimanapun hasil temu bual yang dijalankan mendapati sebahagian daripada guru kurang melakukan aktiviti tadarus bersama pelajar, sama ada pada waktu persekolahan atau pada waktu lapang. Keadaan ini adalah disebabkan oleh bebanan kerja guru yang sentiasa bertambah dan faktor tempat tinggal yang berjauhan daripada sekolah.⁴⁶²

(d) Pelaksanaan Aspek Laras Bahasa

Perbincangan seterusnya tentang pelaksanaan aspek laras bahasa secara keseluruhannya menurut responden berada pada tahap tinggi (min 4.02, $sp= 0.751$, peratusan 80.45 %).

Antara item aspek laras bahasa yang mendapat skor tertinggi dan sering diberikan perhatian oleh pelajar berdasarkan responden pelajar ialah menggunakan intonasi suara yang sesuai ketika bercakap (nilai min 4.16, peratusan 83.28 %) dan memanggil orang lain dengan panggilan yang mesra (nilai min 4.15, peratusan 83.08 %). Manakala item menggunakan kata penghormatan yang tetap ketika bercakap dengan orang lain dan item

⁴⁶⁰ Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf al-Qabisi, *Al-Risālah al-Mufaṣṣalah Lil Ahwāl al-Muta'allimīn wa ahkām al-Mu'allimīn wa Muta'allimīn* (Kaherah: Dar Ihya" al-Kutub al-Arabiyyah, 1955).

⁴⁶¹ Mohd Alwi Yusoff, Adel M. Abdulaziz dan Ahmad Kamel Mohamed, "Keberkesanan Iqra" Sebagai Kaedah Pembelajaran al-Quran di Semenanjung Malaysia" (Laporan Akhir Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2003).

⁴⁶² Guru 10 – PS5 (Penyelaras SUMUR, SMKA Tun Ahmad Zaidi, Sarawak), dalam temu bual dengan penulis, 27 Jun 2016.

bercakap perkara yang bermanfaat dalam topik yang berkaitan berada pada skor sederhana (min 3.89, peratusan 77.88 %) dan (min 3.75, peratusan 75.08 %).

Menyentuh tentang aspek laras bahasa, Rasulullah s.a.w adalah orang yang paling baik akhlaknya dalam berkomunikasi. Baginda sentiasa merendahkan suara semasa bercakap dengan para sahabat r.a sebagaimana telah dinukilkan dalam al-Quran:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَرْفَعُوْا اَصْوٰتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوْا لَهُۥ
بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ اَنْ تَحْبَطَ اَعْمَالُكُمْ وَاَنْتُمْ لَا تَشْعُرُوْنَ

Al-Baqarah 49: 2

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana sesetengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan sesetengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) adalah supaya segala amalan kamu tidak terhapus pahalanya, sedangkan kamu tidak menyedarinya.

Pendekatan terpuji nabi Muhammad s.a.w diteruskan oleh para *du'at* dalam meneruskan kelangsungan dakwah Islam. Syed Muhammad Dawilah al-Idrus dan Mohd Lutfi Solehan (2009) menyatakan bahawa pendekatan dalam menyampaikan dakwah adalah dengan cara hikmah kebijaksanaan, memberikan nasihat yang baik dan berbahas dengan cara yang lebih baik.⁴⁶³ Pendekatan berhemah ini menjadi asbab kepada golongan sasaran untuk menerima nasihat yang diberikan dan seterusnya mengubah sikap mereka ke arah yang lebih cemerlang. Bambang Saiful Ma'arif menjelaskan bahawa KH. Abdullah Gymnastiar dan KH. Jalaluddin Rakhmat adalah antara tokoh pendakwah kontemporari Indonesia yang dikagumi oleh masyarakat. Selain daripada karekter yang baik, akhlak yang

⁴⁶³ Syed Muhammad Dawilah al-Idrus dan Mohd Lutfi Solehan, "Peranan ICT Dalam Penyebaran Dakwah Dalam Era Globalisasi" (Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah di IPT dan Komuniti, Dewan Tunku Ibrahim Ismail UTHM. 2-3 Dis 2009), 8.

terpuji, penggunaan medium dakwah yang pelbagai dan dakwah yang menyentuh hati golongan sasaran, gaya komunikasi dakwah mereka juga sangat *friendly, open, dramatic* dan *contentious*.⁴⁶⁴

(e) Pelaksanaan Aspek Hormat Menghormati

Dapatan kajian tentang pelaksanaan aspek hormat-menghormati secara keseluruhannya menurut responden berada pada tahap tinggi (min 4.14, sp= 0.706, peratusan 82.78 %).

Item yang mendapat skor tertinggi dan sering diberikan perhatian oleh pelajar berdasarkan responden pelajar ialah berdiri ketika menjawab soalan guru (nilai min 4.16, peratusan 83.28 %) dan mengutamakan orang yang lebih dewasa dalam kebanyakan hal (nilai min 4.15, peratusan 83.08 %). Manakala boleh menerima kritikan orang lain terhadap kelemahan diri, dan bersalam dan bertegur sapa ketika bertemu berada pada skor sederhana (min 3.97, peratusan 79.48 %) dan (min 3.91, peratusan 78.28 %).

Dapatan kajian menurut responden guru menunjukkan bahawa sikap hormat menghormati berlaku dalam kalangan pelajar.⁴⁶⁵ Anton Suwito (2012) menyatakan bahawa terdapat beberapa nilai yang dikembangkan dalam pendidikan karakter. Antaranya ialah nilai ketaqwaan, nilai keimanan, nilai kejujuran, nilai kepedulian dan nilai etika atau sopan santun.⁴⁶⁶ Pelajar disarankan agar menghormati guru dan ibubapa.⁴⁶⁷ Rasulullah s.a.w bersabda:

⁴⁶⁴ Bambang Saiful Ma'arif, "Pola Komunikasi Dakwah KH. Abdullah Gymnastiar dan KH. Jalaluddin Rakhmat", *Jurnal MIMBAR XXV*, no. 2 (2009).

⁴⁶⁵ Guru 2 – PS1 (Penyelaras SUMUR, SMKA Al-Irsyad, Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 15 April 2016.

⁴⁶⁶ Anton Suwito, "Integrasi Nilai Pendidikan Karektor ke Dalam Mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan di Sekolah Melalui RPP", *Jurnal Ilmiah CIVIS 11*, no. 2, 1 (2012).

⁴⁶⁷ *Ibid.*, 8.

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يُجِلِّ كَبِيرَنَا، وَيَرْحَمِ صَغِيرَنَا، وَيَعْرِفَ لِعَالِمِنَا

Terjemahan: Tidak termasuk dalam golongan Kami orang yang tidak memuliakan yang lebih tua dan menyayangi yang lebih muda serta yang tidak mengerti (hak) orang yang berilmu (agar diutamakan pandangnya)

Para Sahabat Rasulullah s.a.w tidak pernah beradab buruk terhadap nabi Muhammad s.a.w. Mereka tidak pernah memotong ucapan baginda atau meninggikan suara di hadapan Nabi. Bahkan Umar bin al-Khattab r.a yang terkenal dengan keras wataknya pun tidak pernah meninggikan suaranya di depan Rasulullah s.a.w. Ini berdasarkan sebuah hadis yang dikeluarkan daripada Abi Saïd al-Khudri r.a yang menjelaskan:

كُنَّا جُلُوسًا فِي الْمَسْجِدِ فَخَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَجَلَسَ إِلَيْنَا وَلَكَأَنَّ عَلَي رُءُوسِنَا الطَّيْرَ، لَا يَتَكَلَّمُ أَحَدٌ مِنَّا

Terjemahan: Ketika kami sedang duduk-duduk di masjid, maka keluarlah Rasulullah dan kemudiannya duduk di hadapan kami. Maka seolah-olah di atas kepala kami terdapat burung. Tidak ada satu pun daripada kami yang berbicara.⁴⁶⁸

Hadis di atas menghuraikan tentang sikap hormat menghormati dalam kalangan para sahabat r.a. Walaupun mereka sangat ingin mengetahui dan teruja untuk mengetahui akan hakikat sesuatu perkara, namun mereka tetap bersabar dan menghormati baginda s.a.w. Bahkan para ulama telah menjelaskan tentang adab-adab bertanya dalam Islam. Mereka mengajarkan bahawa pertanyaan harus disampaikan dengan tenang, penuh kelembutan, jelas, singkat dan padat, juga tidak menanyakan pertanyaan yang sudah diketahui jawabannya.⁴⁶⁹

⁴⁶⁹ Ensiklopedia Dakwah Lujnah Penyelidikan Dewan Ulamak PAS Selangor, “Kewajipan Menghormati dan Menghargai Guru”, laman sesawang *Blogspot.my*, dicapai 19 Januari 2018, <http://ensiklopedia.dakwah.blogspot.my/2015/10/9-adab-murid-kepada-guru.html>.

(f) Pelaksanaan Aspek Tolong Menolong

Perbincangan seterusnya berkaitan pelaksanaan aspek tolong-menolong dalam modul SUMUR. Dapatan kajian menurut responden pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi (min 4.04, $sp= 0.717$, peratusan 80.81 %).

Antara item yang mendapat skor tertinggi menurut responden pelajar adalah ikhlas dalam memberikan pertolongan kepada orang lain (min 4.23, peratusan 84.68 %), bersungguh-sungguh semasa memberikan pertolongan kepada orang lain (min 4.17, peratusan 83.48 %) dan mengambil berat tentang kesusahan yang dihadapi oleh orang lain (min 4.10, peratusan 82.08 %). Manakala item seorang yang bersikap proaktif (min 3.79, peratusan 75.88 %), memberikan pertolongan kepada orang lain tanpa diminta (min 3.96, peratusan 79.28 %) dan merasai penderitaan yang dihadapi oleh orang lain (*empathy*) (min 3.97, peratusan 79.48 %) berada pada tahap sederhana dengan nilai min antara 3.79 hingga 3.97. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan yang menyatakan bahawa antara proses untuk membentuk perhubungan baik antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru ialah dengan melakukan *al-ta'āwun* (saling tolong menolong).⁴⁷⁰

Apabila proses *al-ta'āwun* (saling mengenal) dan *al-tafāhum* (saling memahami) sudah dilakukan, maka lahirlah rasa *al-ta'āwun*, di mana sikap positif ini dapat dilakukan dengan hati (saling mendoakan), pemikiran (berbincang dan saling menasihati) dan bantu membantu. Sikap saling membantu dalam perkara kebaikan adalah kebahagiaan yang tersendiri. Ini kerana manusia adalah makhluk sosial yang perlu berinteraksi dan memerlukan bantuan orang lain. Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

⁴⁷⁰ Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan, "Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes", *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 1, no. 2 (2009), 4-5.

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ

إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Al-Ma'edah 5: 2

Terjemahan: ... Hendaklah kamu saling tolong menolong dalam perkara kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu saling bertolong tolongan pada melakukan perkara dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah Taala, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).

(g) Pelaksanaan Aspek Mengenang dan Menghargai Budi

Perbincangan tentang pelaksanaan aspek mengenang dan menghargai budi dalam modul SUMUR. Dapatan kajian menurut responden pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi (min 4.13, sp= 0.728, peratusan 82.73 %).

Kebanyakan item mendapat skor tinggi dengan nilai min antara 4.00 hingga 4.60. Item yang mendapat skor paling tinggi menurut responden adalah mengucapkan terima kasih atas sesuatu pemberian (min 4.60, peratusan 92.99 %) dan diikuti dengan item menzahirkan rasa hormat kepada orang lain (min 4.27, peratusan 85.49 %) Manakala satu item lagi berada pada tahap sederhana, iaitu memberikan hadiah sebagai tanda ingatan kepada individu (min 3.72, peratusan 74.47 %). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Rachmawati, Fadillah dan Halida (2008) yang menyatakan bahawa setelah metode bercerita dilakukan dalam kelas, pelajar dapat mengucapkan salam kepada guru dan orang lain, dapat meminta keizinan daripada guru dan orang lain apabila ingin melalui dihadapan mereka, dapat mengucapkan kata “tolong” semasa memerlukan bantuan guru dan orang lain, dapat mengucapkan terima kasih setelah bantuan atau pujian diberikan daripada guru

dan orang lain, serta dapat meminta maaf apabila melakukan kesalahan terhadap guru dan orang lain.⁴⁷¹ Allah s.w.t menukilkan dalam al-Quran:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي

لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Al-Ma'īdah 14: 7

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambahkan nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur (ingkar) sesungguhnya azab-Ku amatlah keras".

(h) Pelaksanaan Aspek Berkeyakinan

Perbincangan berkaitan pelaksanaan aspek berkeyakinan dalam modul SUMUR. Dapatan kajian menurut responden berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.99, sp= 0.788, peratusan 79.81 %).

Item yang mendapat skor tertinggi menurut responden pelajar adalah sentiasa menunaikan kewajipan yang dipertanggungjawabkan (min 4.17, peratusan 83.48 %), seorang pelajar yang mempunyai kesungguhan yang tinggi (min 4.14, peratusan 82.88 %) dan seorang pelajar yang berpandangan jauh (min 4.10, peratusan 82.08 %). Manakala tiga item lagi berada pada tahap sederhana dengan nilai min antara 3.75 hingga 3.97. Item yang mendapat skor paling rendah ialah seorang pelajar yang mempunyai idea yang kritis (min 3.75, peratusan 75.08 %). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012) yang membincangkan faktor-faktor persekitaran sosial yang boleh mempengaruhi pembentukan jati diri setiap individu. Faktor persekitaran sosial boleh memberi kesan secara hubungan timbal balas terhadap proses

⁴⁷¹ Rachmawati, Fadillah dan Halida, "Pengembangan Perilaku Moral Melalui Metode Bercerita Usia 4 – 5 Tahun di TK Cita Sahabat Setia", *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran* 3, no. 9 (2014), 6. Guru 5 – PB3 (Penasihat BADAR, SMKA Syeikh Haji Mohd Said, Negeri sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mei 2016.

pembentukan tingkah laku dan jati diri seseorang.⁴⁷² Demikian juga kajian Norhani Bakri et al. (2005) yang merumuskan punca prestasi pembelajaran yang lemah di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah berpunca daripada faktor keyakinan diri pelajar.⁴⁷³

Bandura (1986) menyatakan bahawa keyakinan diri merupakan salah satu kemampuan pengaturan diri individu. Konsep keyakinan diri pertama kali dikemukakan oleh Bandura. Keyakinan diri mengacu pada persepsi tentang kemampuan individu untuk mengorganisasi dan mengimplementasi tindakan untuk menampilkan kecakapan tertentu.⁴⁷⁴ Pervin memberikan pandangan yang memperkuat pernyataan Bandura di atas. Pervin menyatakan bahwa keyakinan diri adalah kemampuan yang dirasakan untuk membentuk perilaku yang relevan pada tugas atau situasi yang khusus.⁴⁷⁵

Al-Quran berinteraksi kepada akal dan perasaaan manusia; mengajar mereka tentang aqidah tauhid; membersihkan jiwa mereka menerusi amalan ibadah; memberikan petunjuk untuk kebaikan dan kepentingan manusia sama ada dalam kehidupan individu atau masyarakat; menunjukkan kepada mereka jalan terbaik, mengembangkan keperibadian dan meningkatkan diri mereka ke arah kesempurnaan insani sehingga mampu mewujudkan kebahagiaan kepada dirinya, di dunia dan di akhirat. Sifat keyakinan diri ini ditegaskan oleh Allah s.w.t dalam beberapa surah dalam al-Quran:

⁴⁷² Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf, "Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri", *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 155.

⁴⁷³ Norhani Bakri et al., "Punca Prestasi Pembelajaran yang Lemah di Kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor", *Jurnal Teknologi* 43(E) (Dis 2005), 39.

⁴⁷⁴ A. Bandura, *Social Foundation of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*, Englewood Cliffs (New York : Prentice Hall, 1986), 391

⁴⁷⁵ B. Smet, *Psikologi Kesehatan* (Jakarta : PT Grasindo, 1994), 189-190.

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

Ali Imran 3: 139

Terjemahan: Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu daripada kalangan orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman.

Firman Allah s.w.t lagi dalam al-Quran:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا

وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

Fussilat 41: 30

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah Taala", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, maka akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.

Kedua-dua ayat di atas dikategorikan sebagai ayat yang berbicara tentang persoalan keyakinan diri karena berkaitan dengan sifat dan sikap seorang mukmin yang memiliki nilai positif terhadap dirinya dan memiliki keyakinan yang kuat.

(i) Pelaksanaan Aspek Sabar dan Tabah

Perbincangan tentang pelaksanaan aspek sabar dan tabah dalam modul SUMUR. Dapatan kajian menurut responden pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.95, sp= 0.754, peratusan 79.05 %).

Kebanyakan item mendapat skor yang hampir sama nilai, iaitu antara 4.07 hingga 4.10. Item yang mendapat skor tertinggi menurut responden adalah mudah menerima

nasihat orang lain (min 4.10, peratusan 82.08 %). Manakala baki dua item lagi berada pada tahap sederhana, iaitu item memberikan respon dalam semua majlis (min 3.52, peratusan 70.47 %) dan seorang pelajar yang aktif dalam aktiviti kerohanian (min 3.83, peratusan 76.68 %). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Ahmad Esa (2005) yang menyatakan bahawa penglibatan pelajar dalam kegiatan kelab dan persatuan merupakan alternatif untuk pelajar membangunkan kemahiran generik. Bahkan persatuan dan kelab dianggap sebagai pelengkap kepada kurikulum dan berpotensi mengembangkan potensi individu berdasarkan Walker (2003), Keystone Central School District (2002), Switzer (2002), National Academy Foundation (2001), Matthews (2000), Potrafka et al. (1997), California State University (1994), Adnan Kamis (1993), Yusoff Ismail (1993), Vasudevan T. Arosoo (1988), Michigan State University (1988) dan Teng Boon Tong (1984) adalah relevan dengan misi Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional, Jabatan Pendidikan Teknik KPM, iaitu membina kurikulum teknikal dan vokasional untuk membentuk insan yang seimbang yang progresif, kreatif, inovatif, berfikiran kritis dan beretika luhur ke arah pembangunan teknologi dan ekonomi negara.⁴⁷⁶

Demikian juga dapatan didapati selari dengan Norhani Bakri et al. yang merumuskan punca-punca prestasi pembelajaran pelajar yang lemah di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia (UTM), seperti faktor teknik belajar; sikap pelajar; pergaulan minat dan motivasi; kerohanian; dan keyakinan diri pelajar.⁴⁷⁷ Menurut responden guru, kunci utama kecemerlangan mereka dalam bidang

⁴⁷⁶ Ahmad Esa, "Membangun Kemahiran Generik Menerusi Persatuan dan Kelab di Politeknik Malaysia", *Jurnal Porsonia Pelajar* (2005), 5.

⁴⁷⁷ Norhani Bakri et al., "Punca Prestasi Pembelajaran yang Lemah di Kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor", 36-40.

tersebut sebahagian besarnya adalah berpunca daripada faktor dalaman seperti sifat sabar dan tabah.⁴⁷⁸

Sabar merupakan salah satu daripada akhlak al-Quran yang paling utama dan ditekankan oleh Allah s.w.t, sama ada dalam surah-surah Makkiyah mahupun Madaniyyah, serta merupakan akhlak yang paling banyak disebut dalam al-Quran, iaitu lebih kurang 90 kali. Antaranya ialah:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾ الَّذِينَ
يُظُنُّونَ أَنَّهُمْ مُلْقُوا رَبَّهُمْ وَإِنَّهُمْ إِلَيْهِ رَاغِبُونَ ﴿٤٦﴾

Al-Baqarah 2: 45-46

Terjemahan: Dan mintalah pertolongan (kepada Allah Taala) dengan jalan sabar dan menunaikan solat; dan sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk; (iaitu) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka, dan bahawa mereka akan kembali kepada-Nya.

(j) Pelaksanaan Aspek Tetap Pendirian

Perbincangan seterusnya berkaitan pelaksanaan aspek tetap pendirian dalam program SUMUR. Dapatan kajian secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi (min 4.01, sp= 0.742, peratusan 80.21 %).

Antara item yang mendapat skor tertinggi menurut responden pelajar adalah sanggup berkorban demi mempertahankan agama dan negara (min 4.30, peratusan 86.09 %), bertanggungjawab di atas keputusan yang telah dibuat (min 4.22, peratusan 84.48 %) dan seorang pelajar yang mempunyai jati diri (min 4.08, peratusan 81.68 %). Manakala lain-lain item berada pada tahap sederhana dengan nilai min antara 3.74 hingga 3.88. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Badlihisam Mohd. Nasir (2000) yang

⁴⁷⁸ Guru 9 – PB5 (Penasihat BADAR, SMKA Tun Ahmad Zaidi, Sarawak), dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2016.

menyatakan bahawa di antara sifat pendakwah yang digariskan sebagai ciri-ciri asas ialah mempunyai keilmuan Islam yang mendalam, niat yang ikhlas, baik tingkah laku, bersemangat juang dan sedia berkorban.⁴⁷⁹ Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: *“Barangsiapa yang menunjukkan jalan kebaikan, maka baginya pahala (sebesar) pahala orang yang melakukannya.”*⁴⁸⁰

Bagaimanapun Abd Sukor Yusof (2003) pula dalam satu kajian kes tentang semangat patriotism mendedahkan tentang kefahaman guru terhadap pemupukan semangat tersebut dalam bilik darjah. Guru-guru dilihat kurang berjaya dalam menghubungkaitkan antara kehendak kurikulum untuk memupuk semangat patriotisme semasa proses PdPc disebabkan kekurangan bahan dan ketidakupayaan untuk membentuk kaedah pembelajaran yang sesuai.⁴⁸¹ Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

(k) Pelaksanaan Aspek Semangat Juang

Perbincangan berkaitan pelaksanaan aspek semangat juang dalam modul SUMUR. Dapatan kajian menurut responden pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi (min 4.10, sp= 0.750, peratusan 81.98 %).

Antara item yang mendapat skor tertinggi menurut responden adalah mempunyai sikap saling bersaing untuk mencapai kecemerlangan (min 4.27, peratusan 85.49 %), bersungguh-sungguh dalam melaksanakan setiap tugas (min 4.19, peratusan 83.88 %) dan item seorang yang mempunyai semangat juang (min 4.15, peratusan 83.08 %).

⁴⁷⁹ Shahrul Faizaz Abdullah et al., “Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah dan Metodologi Dakwah Islamiah di Kalangan Pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH)”, *Jurnal UUM* (2006), 8.

⁴⁸⁰ Hadis Riwayat Muslim dan Abu Daud.

⁴⁸¹ Abd Sukor Yusof, “Pemupukan Semangat Patriotisme di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Menerusi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah: Satu Kajian Kes Tingkatan Dua” (Tesis Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003), 5.

Manakala satu-satunya item yang berada pada skor sederhana ialah seorang pelajar yang aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan (min 3.82, peratusan 76.48 %). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Ali Amran (2012) yang menyatakan bahawa seseorang muslim yang taat kepada perintah Allah s.w.t akan melaksanakan ajaran Islam dan sentiasa termotivasi untuk melakukan perbuatan-perbuatan kebaikan yang disukai oleh Allah s.w.t dan disukai oleh masyarakat. Amalan kebaikan ini akan menghindarkan diri daripada segala perbuatan yang tidak bermoral yang dibenci oleh Allah s.w.t dan juga masyarakat.⁴⁸² Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۗ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Al-Baqarah 2: 148

Terjemahan: Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya. Oleh itu, berlumba-lumlah kamu dalam mengerjakan kebaikan kerana di mana sahaja kamu berada, maka Allah Taala tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari Kiamat untuk menerima balasan). Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(I) Pelaksanaan Aspek Pemakaian

Perbincangan adalah berkaitan pelaksanaan aspek pemakaian dalam modul SUMUR. Dapatan kajian secara keseluruhannya berada pada tahap paling tinggi (min 4.64, sp= 0.547, peratusan 92.96 %) berbanding dengan lain-lain aspek dalam modul SUMUR. Ini secara tidak langsung menunjukkan pematuhan pelajar-pelajar SMKA terhadap etika pemakaian yang ditetapkan oleh BPI KPM dan tuntutan syariat Islamiah.⁴⁸³

⁴⁸² Ali Amran, "Dakwah dan Perubahan Sosial", *Jurnal Hikmah* VI, no. 01 (Januari 2012), 68-86.

⁴⁸³ Guru 6 – PS3 (Penyelaras SUMUR, SMKA Syeikh Haji Mohd Said, Negeri Sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mei 2016.

Kesemua item mendapat skor sangat tinggi berdasarkan responden pelajar, iaitu antara 4.56 hingga 4.73. Tiga daripada item-item tersebut ialah memakai pakaian yang bersih (min 4.73, peratusan 94.69 %), memakai pakain yang menutup aurat (min 4.72, peratusan 94.49 %), memakai pakaian yang kemas (min 4.66, peratusan 93.29 %). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Atik Catur Budiati (2011) yang menghuraikan kewajiban muslimah memakai jilbab telah disebut dalam surah al-Nur:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَحَفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ خُمْرَهُنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۗ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا تُخْفِينَ مِنَ زِينَتِهِنَّ ۗ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Al-Nur 24: 31

Terjemahan: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah Taala, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

Demikian juga perintah Allah dalam surat al-Ahzab:⁴⁸⁴

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِّأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ
جَلْبِيبِهِنَّ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Al-Ahzab 33: 59

Terjemahan: Wahai Nabi! Perintahkanlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian itu lebih sesuai untuk mereka dikenali (sebagai perempuan yang baik-baik). Maka dengan itu, mereka tidak akan diganggu. Dan (ingatlah) Allah Taala adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(m) Pelaksanaan Aspek Adab Sopan

Perbincangan berkaitan pelaksanaan aspek adab sopan dalam modul SUMUR. Dapatan kajian menurut responden pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi (min 4.23, sp= 0.739, peratusan 84.75 %).

Terdapat dua item yang berkongsi skor tertinggi, iaitu item mengutamakan orang yang lebih tua dan membataskan pergaulan dengan pelajar yang berbeza jantina (min 4.46, peratusan 89.29 %). Manakala lain-lain item juga mendapat skor tinggi. Selain itu, satu item yang mendapat skor sederhana ialah item bercakap dengan suara yang lembut (min 3.92, peratusan 78.48 %). Menurut Muhammad Abul Qasem, al-Ghazali amat menekankan faktor pembelajaran sosial, iaitu pergaulan dengan orang-orang yang soleh sebagai salah satu daripada tiga kaedah membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang.⁴⁸⁵ Demikian juga Ibn Khaldun (2002) yang turut bersetuju dengan persekitaran yang baik amat diperlukan bagi menghasilkan akhlak yang baik, dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari

⁴⁸⁴ Atik Catur Budiati, "Jilbab: Gaya Hidup Baru kaum Hawa", *Jurnal Sosiologi Islam* 1, no.1, (April 2011), 60.

⁴⁸⁵ Muhammad Abul Qasem, *The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethic in Islam* (USA: The University of California, 1975).

diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia.⁴⁸⁶

(n) Pelaksanaan Aspek Kepemimpinan

Perbincangan berkaitan pelaksanaan aspek kepemimpinan dalam modul SUMUR. Dapatan kajian secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana (min 3.71, $sp= 0.800$, peratusan 74.21 %).

Item yang mendapat skor paling tinggi menurut responden pelajar adalah kebolehan berkomunikasi dengan baik (min 4.06, peratusan 81.28 %), Manakala lain-lain item berada pada skor sederhana, iaitu nilai min antara 3.74 hingga 3.94. Sementara dua item lagi iaitu kebolehan berpidato di khalayak ramai (min 3.12, peratusan 62.46 %) dan seorang pelajar yang boleh dicontohi pelajar lain (min 3.44, peratusan 68.87 %). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Johari Hassan dan Sutinah A. Safar (2010) yang menyatakan bahawa pemimpin adalah individu yang berwibawa, berketerampilan, berdaya tahan dan berkarisma. Proses membentuk dan melahirkan pemimpin yang terbaik memerlukan masa yang panjang. Pemimpin yang hebat tidak dilahirkan sebagai pemimpin secara semula jadi, sebaliknya dibentuk melalui proses pembentukan daya kepemimpinan yang berterusan sejak zaman persekolahan.⁴⁸⁷

Oleh itu, setiap pemimpin perlu memiliki kebolehan berkomunikasi, berwibawa, bijak dalam membuat keputusan dan boleh menjadi contoh kepada orang lain. Ivy Deirdre Mangkau (2012) menyatakan bahawa menurut Gardner (1983) terdapat empat jenis aspek bagi interpersonal, iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran berhubung, kemahiran

⁴⁸⁶ Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf, "Faktor Persekitaran Sosial dan hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri", *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 155-172

⁴⁸⁷ Johari Hassan dan Sutinah A. Safar, *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai* (Skudai: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 2010), 2.

komputer dan kemahiran berbudaya. Kemahiran komunikasi pula terbahagi kepada tiga elemen, iaitu kemahiran komunikasi interpersonal, kemahiran komunikasi intrapersonal dan kemahiran komunikasi bukan lisan.⁴⁸⁸

Allah s.w.t menggunakan kata kunci (*keyconcept*) *al-qaul* yang khusus dalam membicarakan prinsip-prinsip komunikasi dalam al-Quran, iaitu prinsip *qaulān sadīdan* (surah al-Aḥzāb: 70, al-Nisā': 9), *qaulān balīghan* (surah al-Nisā': 63), *qaulān ma'rūfān* (surah al-Nisā': 5, al-Nisā': 8, al-Baqarah: 235, al-Baqarah: 263, dan al-Aḥzāb: 32), *qaulān karīman* (al-Isrā': 23), *qaulān layyinan* (surah Ṭāha: 44), dan *qaulān maisūran* (al-Isrā': 28).⁴⁸⁹ Manakala al-Syaukani dalam *Tafsīr Fatḥ al-Qadīr* pula mengertikan *al-bayān* dalam surah al-Rahmān, ayat 1-4 sebagai kemampuan berkomunikasi.⁴⁹⁰

Johari Hassan dan Sutinah A. Safar (2010) dalam kajiannya menyatakan bahawa secara keseluruhannya purata peratusan bagi setiap item (item 1 hingga item 18) bagi mengkaji perkaitan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum terhadap aspek pembinaan sahsiah diri pemimpin pelajar adalah 89.2% merupakan skor tertinggi yang menggabungkan responden yang setuju dan sangat setuju, 9.58% responden yang neutral dan 1.2% bagi responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju. Skor min keseluruhan bagi aspek pembinaan sahsiah diri adalah tinggi iaitu 4.32. Daripada hasil analisis data

⁴⁸⁸ Ivy Deirdre Mangkau, "Penguasaan Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)" (Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah Dalam PTV Kali Ke-2, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2012), 40-41.

⁴⁸⁹ "Prinsip-Prinsip Komunikasi Menurut al-Quran", laman sesawang *Wordpress.com*, dicapai 21 Januari 2018, <https://journalistiani.wordpress.com/2010/05/04/bab-4-prinsip-prinsip-komunikasi-menurut-al-quran/>.

⁴⁹⁰ Muh Syawir Dahlan, "Etika Komunikasi Dalam al-Quran dan Hadis", *Jurnal Dakwah Tabligh* 15, no. 1 (Julai 2014), 17.

menunjukkan responden positif menyatakan aspek pembinaan sahsiah diri mampu diterapkan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam sebarang aktiviti kokurikulum.⁴⁹¹

(o) Pelaksanaan Aspek Sikap Positif dan Proaktif

Perbincangan seterusnya berkaitan pelaksanaan aspek sikap positif dan proaktif dalam program SUMUR. Dapatan kajian menurut responden pelajar secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.87, $sp= 0.796$, peratusan 77.55 %).

Antara item yang mendapat skor tertinggi menurut responden adalah sikap suka membantu orang lain (min 4.39, peratusan 87.89 %), Manakala lain-lain item mendapat skor sederhana dengan nilai min antara 3.69 hingga 3.85. Item yang mendapat skor min paling rendah ialah mempunyai idea yang sentiasa terkehadapan (min 3.69, peratusan 73.87 %). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Daviq Chairilisyah (2013) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi perkembangan dan pembentukan keperibadian seorang manusia. Keperibadian bukanlah sesuatu yang mutlak, bahkan ia boleh dibentuk dan dilatih sesuai dengan bentuk sahsiah yang normal. Antara metode pembentukan peribadi sahsiah yang berkesan ialah mendidik anak secara praktikal, sentiasa memberikan nasihat yang positif, mengajar anak menguruskan emosi, mengawasi pergaulan anak, menjadikan diri sendiri sebagai model terhadap anak-anak dan lain-lain.⁴⁹²

Amalan suka membantu orang lain yang diamalkan di kebanyakan SMKA adalah satu amalan yang mulia. Hal ini ditegaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran:

⁴⁹¹ Johari Hassan dan Sutinah A. Safar, *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia*, Skudai, 6.

⁴⁹² Daviq Chairilisyah, "Pembentukan Keperibadian Positif Anak Sejak Usia Dini", *Jurnal Educhild: Pendidikan dan Sosial* 01, no. 1, 2013), 5-6.

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ ﴿١﴾ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ ﴿٢﴾ وَلَا
 يَحْضُ عَلَىٰ طَعَامِ الْمَسْكِينِ ﴿٣﴾ فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ
 صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ﴿٦﴾ وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ ﴿٧﴾

Al-Mā'ūn 107: 1-7

Terjemahan: Tahukah kamu akan orang yang mendustakan agama? Orang itu ialah orang yang menindas dan melakukan kezaliman terhadap anak yatim; dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin; (kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan ugama), maka kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang solat; (iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya; (juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya); dan orang-orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya).

Demikian juga wasiat nabi Muhammad s.a.w kepada umatnya agar sentiasa prihatin terhadap keperluan golongan *fuqarā'*, *masākīn*, *mustad'afīn*, *ghārimīn* dan lain-lain lagi sebagaimana ditegaskan oleh baginda s.a.w:

Terjemahan: Dari Abu Hurairah r.a, Nabi s.a.w bersabda: “Barangsiapa yang melapangkan satu kesusahan dunia dari seorang Mukmin, maka Allah Taala akan melapangkan darinya satu kesusahan di hari Kiamat. Barangsiapa memudahkan (urusan) orang yang berada dalam kesulitan (dalam masalah hutang), maka Allah Taala akan memudahkan baginya (dari kesulitan) di dunia dan di akhirat. Barangsiapa menutupi (aib) seorang muslim yang lain, maka Allah Taala akan menutup (aib)nya di dunia dan di akhirat. Allah Taala senantiasa menolong seseorang hamba selama mana hamba tersebut menolong saudaranya. Barangsiapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah Taala akan mudahkan baginya jalan menuju ke syurga. Tidaklah suatu kaum berkumpul di salah sebuah rumah Allah Taala (masjid) untuk membaca Kitabullah dan mempelajarinya dalam kalangan mereka, melainkan ketenteraman akan turun ke atas mereka, rahmat akan meliputi mereka, Malaikat akan mengelilingi mereka, dan Allah Taala akan menyanjungi mereka di tengah-tengah para Malaikat yang berada di sisi-Nya.

5.3.3 Perbincangan Perbezaan Tahap Pelaksanaan Modul SUMUR di SMKA

Perbincangan seterusnya berkaitan analisis inferensi perbezaan yang melibatkan pemboleh ubah bebas (berkaitan demografi responden) dari soal selidik pelajar, iaitu berdasarkan

jantina, tempat tinggal pelajar, tempat tinggal keluarga, aliran pendidikan pelajar, pendapatan bulanan keluarga, tahap pendidikan keluarga dan jawatan pelajar.

(a) Perbezaan Tahap Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Jantina

Perbincangan tentang perbezaan berdasarkan jantina menunjukkan terdapat beberapa dapatan kajian yang bertentangan. Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi sebahagian besar aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR, iaitu 9 daripada 14 aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Mastura Mahfar et al. (2007)⁴⁹³ dan Norzila Abdul Razak (2007).⁴⁹⁴

Manakala terdapat lima pemboleh ubah bersandar yang menunjukkan perbezaan skor min yang signifikan, iaitu solat berkualiti, laras bahasa, mengenang dan menghargai budi, pemakaian dan adab sopan dengan $p = 0.001$, $p = 0.003$, $p = 0.001$, $p = 0.029$, $p = 0.030$, di mana $p < 0.05$. Dapatan ini selari dengan kajian Azlan Salleh et al. (2013)⁴⁹⁵ yang menyatakan berdasarkan kajian Ramlee et al. (2011) didapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dengan tahap KE (kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pengurusan Maklumat, Kemahiran Pemikiran Kritikal dan Penyelesaian Masalah, Kemahiran Menggunakan Teknologi). Daripada empat program SUMUR utama pula, hanya program Berbudi Bahasa sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan $p = 0.012$, di mana $p < 0.05$ berbanding tiga program SUMUR utama yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

⁴⁹³ Mastura Mahfar, "Analisis Faktor Penyebab Stress di Kalangan Pelajar", *Jurnal Kemusiaan* 5, no. 1, 2007).

⁴⁹⁴ Norzila Abdul Razak et al., "Perceived and Preferred Teaching Styles (Methods) of English for Specific Purposes (ESP) Students", *Jurnal e-Bangi* 2, no. 2, 2007).

⁴⁹⁵ Azlan Salleh et al., "Kemahiran Employability Pelajar Kejuruteraan Dari Perspektif Pensyarah", (Kolokium PUO, Unit Penyelidikan dan Inovasi Politeknik Ungku Omar, 2013), 9.

Berdasarkan kajian, bagi pemboleh ubah bersandar yang menunjukkan perbezaan skor min yang signifikan didapati responden perempuan memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding responden lelaki dalam melaksanakan aspek-aspek dalam modul SUMUR. Perbezaan ini adalah selari dengan kajian Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Nordin Abd Razak (2010)⁴⁹⁶ yang mendapati pelajar perempuan menunjukkan komitmen belajar yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki dan juga kajian Salasiah Hanin Hamjah et al. (2012)⁴⁹⁷ yang menunjukkan terdapat perbezaan dari segi jantina antara amalan kerohanian dengan pencapaian akademik pelajar.

Kajian Zalizan Mohd Jelani et al. (2005) juga mendapati keputusan peperiksaan awam (UPSR, PMR dan SPM) pada tahun 1996-2000 menunjukkan pelajar perempuan memperoleh prestasi yang lebih baik berbanding dengan pelajar lelaki dalam hampir kesemua mata pelajaran. Perbezaan pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan diteliti dari segi faktor-faktor yang dijangkakan mempengaruhi perbezaan tersebut. Dapatan kajian mendapati pelajar perempuan adalah lebih baik dalam tugas yang memerlukan penghafalan fakta dan peraturan yang jelas, manakala pelajar lelaki pula lebih cenderung kepada tugas berbentuk terbuka yang berkaitan dengan situasi yang realistik dan praktikal. Pelajar perempuan juga didapati mempunyai ciri-ciri positif yang menyumbang kepada pencapaian prestasi akademik yang lebih baik berbanding pelajar lelaki.⁴⁹⁸

Kajian berdasarkan perbezaan jantina ini memperlihatkan dapatan yang bertentangan. Namun begitu ia tidak boleh dipertikaikan kerana mungkin disebabkan latar

⁴⁹⁶ Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Nordin Abd Razak (2010), "Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?", *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35, no. 2, (2010), 61-69.

⁴⁹⁷ Salasiah Hanin Hamjah et al., "Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar", *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 4, no. 2 (Julai 2012).

⁴⁹⁸ Zalizan Mohd Jelani et al., "Prestasi Akademik Mengikut Gender", *Jurnal Pendidikan* 30 (2005), 93.

belakang responden yang berbeza dan lokasi kajian yang lebih luas melibatkan Malaysia, maka sudah tentu tidak akan menghasilkan dapatan yang sama.

(b) Perbezaan Tahap Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Jawatan Pelajar

Perbincangan tentang perbezaan berdasarkan jawatan pelajar menunjukkan dapatan kajian yang bertentangan. Terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi tiga pemboleh ubah bersandar (tadarus al-Quran, tolong-menolong, dan sikap positif dan proaktif) dengan $p = 0.022$, $p = 0.046$, $p = 0.044$, di mana $p < 0.05$ berbanding sebelas lagi pemboleh ubah. Daripada empat program SUMUR utama pula, hanya program mutadayyin sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan $p = 0.049$, di mana $p < 0.05$. Manakala tiga lagi program SUMUR utama tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Justeru, berdasarkan dapatan kajian yang signifikan dan temu bual dengan responden guru telah menjelaskan responden yang berjawatan memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding responden yang tidak memegang jawatan di sekolah.⁴⁹⁹ Dapatan ini selari dengan kajian Johari Hassan & Sutinah A. Safar (2010)⁵⁰⁰ yang melihat hubungan di antara aspek kecemerlangan diri bagi pembinaan sahsiah diri dengan kepimpinan dan kepimpinan dengan aktiviti akademik. Dapatan ujian hipotesis Azman Ismail et al. (2006)⁵⁰¹ pula menerangkan bahawa pemindahan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan telah bertindak sebagai moderator di antara amalan komunikasi antara mentor dan mente dengan kepimpinan diri. Dalam ertikata yang lain, kemasukan pemindahan pengetahuan,

⁴⁹⁹ Guru 7 - PB4 (Penasihat BADAR, SMKA Naim Lil Banat, Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 07 Jun 2016.

⁵⁰⁰ Johari Hassan dan Sutinah A. Safar, *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia*, Skudai, 2.

⁵⁰¹ Azman Ismail et al., "Pemindahan Pengetahuan, Kemahiran Dan Kebolehan Mempengaruhi Kesan Amalan Komunikasi Antara Mentor Dan Mente: Satu Kajian Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia Timur", *Jurnal Kemanusiaan* 4, no. 1, (2006), 15.

kemahiran dan kebolehan dalam analisis telah meningkatkan kesan amalan komunikasi antara mentor dan mente ke atas sahsiah kepimpinan pelajar.

(c) Perbezaan Tahap Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Tempat Tinggal Pelajar

Perbincangan berkaitan faktor tempat tinggal pelajar menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi tiga aspek dalam modul SUMUR (solat berkualiti, amalan zikir dan doa, dan tadarus al-Quran) dengan $p = 0.000$, $p = 0.037$, $p = 0.003$, di mana $p < 0.05$ dan satu program SUMUR utama (program *Mutadayyin*) dengan $p = 0.001$, di mana $p < 0.05$. Dapatan kajian menunjukkan responden pelajar yang tinggal di asrama memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding responden pelajar yang berulang alik dari rumah. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa faktor tempat tinggal juga tidak kurang penting dalam mempengaruhi tahap pelaksanaan modul SUMUR.⁵⁰²

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Sarimah Mokhtar et al. (2011) yang menunjukkan bahawa pelajar SMKA dan SMA Bukan Kerajaan (SMABK) berada pada skor tertinggi dalam penghayatan akhlak berbanding dengan pelajar sekolah SMK dan SMT/V.⁵⁰³ Kajian Fauziah Ibrahim et al. (2012) juga mendapati bahawa semakin tinggi pengetahuan agama maka semakin rendah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara.⁵⁰⁴ Pendidikan agama dan pengetahuan agama merupakan medium dalam membentuk spiritual dan jati diri

⁵⁰² Guru 5 – PB3 (Penasihat BADAR, SMKA Syeikh Haji Mohd Said, Negeri sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mei 2016.

⁵⁰³ Sarimah Mokhtar et al., “Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor”, *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)* 1, no. 1 (2011), 71-77.

⁵⁰⁴ Fauziah Ibrahim et al., “Memperkasa Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera”, *Journal of Social Sciences and Humanities* 7, no. 1 (2012), 84-94.

seseorang remaja.⁵⁰⁵ Ini menunjukkan bahawa kehidupan pelajar di asrama yang terdidik dengan pelbagai program *Mutadayyin* boleh menjana sahsiah pelajar yang cemerlang dan unggul.

Aerisuli Awang⁵⁰⁶ menerusi kajiannya mendapati bahawa tahap pengetahuan dan penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar adalah memuaskan dan berjaya memberi kesan positif dalam hubungan sosial pelajar. Sekolah merupakan tempat pelajar mendapatkan pencapaian akademik dan sahsiah diri yang cemerlang. Kehidupan pelajar kemudiannya diteruskan di asrama. Di asrama, penekanan terhadap penghayatan ibadah dan penerapan kesannya terhadap hubungan sosial dalam kalangan pelajar. Menurut beliau lagi, perbandingan antara pelajar yang tinggal di asrama dan luar asrama menunjukkan bahawa pelajar yang tinggal di asrama adalah lebih cemerlang dalam semua bidang akademik dan sahsiah diri yang positif.

Manakala dapatan kajian yang lain tidak menunjukkan perbezaan skor min yang signifikan bagi aspek-aspek dalam modul SUMUR. Ini kerana kemenjadian sahsiah pelajar yang unggul bukan hanya terletak di bahu pihak pentadbiran sekolah, guru-guru, para warden dan BADAR sahaja, sebaliknya perlu dilibatkan dan digembleng oleh semua pihak seperti PIBG, ibu bapa, media dan komuniti.⁵⁰⁷ Guru, ibu bapa, JPN, PDRM, Jabatan Agama Islam, media massa, para ilmuwan dan seluruh anggota masyarakat harus

⁵⁰⁵ Nik Salida Suhaila Nik Saleh, "Kekeluargaan Renggang Punca Masalah Sosial", Utusan Malaysia, (25 Mac 2010), Retrieved 19 Jun 2006, from <http://ddms.usim.edu.my>.

⁵⁰⁶ Aerisuli Awang, Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011).

⁵⁰⁷ Abdullah Sani Yahaya, *Mengurus Disiplin Pelajar* (Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2006), 5, 9, 13, 31.

melaksanakan *amar ma'nif* dan *nahi mungkar* bagi mengekang gejala ini.⁵⁰⁸ Pengaruh rakan sebaya, peranan masjid dan NGO juga perlu memainkan tanggungjawab bersama ke arah melahirkan individu yang berakhlak mulia.⁵⁰⁹

(d) Perbezaan Tahap Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Tempat Tinggal Keluarga

Perbincangan berkaitan faktor tempat tinggal keluarga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi enam aspek dalam modul SUMUR (berkeyakinan, tetap pendirian, pemakaian, adab sopan, kepemimpinan, sikap positif dan proaktif) dengan $p = 0.003$, $p = 0.003$, $p = 0.003$, $p = 0.022$, $p = 0.036$, $p = 0.002$, di mana $p < 0.05$ dan dua program SUMUR utama (program Jati Diri dan Penampilan Diri) dengan $p = 0.007$, $p = 0.001$, di mana $p < 0.05$.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor tempat tinggal keluarga sama ada di bandar, pekan / luar bandar atau desa / kampung adalah seimbang dan masing-masing sangat penting dan memberikan impak yang besar terhadap kejayaan pelaksanaan modul SUMUR. Dapatan ini menunjukkan bahawa persekitaran kehidupan keluarga boleh membentuk sifat keyakinan diri, tetap pendirian, pemakaian, adab sopan, kepemimpinan, sikap positif dan proaktif dalam kalangan pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian Buerah Tunggak et al. (2015) yang berpendapat bahawa masalah peningkatan kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin membimbangkan pada hari ini berpunca daripada banyak faktor yang sifatnya saling berkaitan antara satu sama lain. Ini mungkin berpunca daripada diri remaja itu sendiri, keluarga, teman sebaya, institusi, media massa dan persekitaran yang

⁵⁰⁸ Buerah Tunggak, Shanah Ngadi dan Hamimah Abu Naim, "Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja / Pelajar Muslim Bersepadu", *Jurnal Hadhari* 7, no. 2 (2015), 13.

⁵⁰⁹ Guru 3 - PB2 (Penasihat BADAR, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 25 April 2016.

lebih meluas. Remaja yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku *devian* dan golongan remaja yang masih bersekolah atau remaja bawah umur pula dikenali sebagai *delinquent*.⁵¹⁰

Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011) yang menjelaskan bahawa latar belakang keluarga bukanlah faktor utama yang menjadi penyebab pelajar terlibat dalam masalah sosial.⁵¹¹ Demikian juga kajian Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) yang menyatakan terdapat banyak faktor yang menyebabkan pelajar melakukan perbuatan-perbuatan tersebut dan faktor-faktor ini lazimnya dikelompokkan kepada faktor sekolah dan faktor luar sekolah, seperti persekitaran, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan pelbagai lagi.⁵¹² Azizi Yahaya et al. (2004) pula menyatakan bahawa pelajar bandar dan luar bandar mempunyai pengaruh sejarah silam yang sama dalam perkembangan personaliti masing-masing.⁵¹³

Menurut Buerah, Shanah dan Hamimah (2015) lagi, berdasarkan kajian Badruzaman (2006) yang mendapati punca utama keruntuhan sesebuah institusi keluarga adalah disebabkan oleh peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja di peringkat umur persekolahan rendah dan menengah. Ibu bapa merupakan individu yang bertanggungjawab untuk mencorakkan masa hadapan kehidupan anak-anak mereka. Mereka tidak boleh menyerahkan proses pendidikan anak-anak kepada pihak sekolah dan

⁵¹⁰ Buerah Tunggak, Shanah Ngadi dan Hamimah Abu Naim, "Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja / Pelajar Muslim Bersepadu", 13-14.

⁵¹¹ Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka", *Journal of Education Psychology & Counseling* 1 (Mac 2011), 132.

⁵¹² Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan, "Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes", *Journal of Islamic and Arabic Education* 1, no. 2 (2009), 2.

⁵¹³ Azizi Yahaya et al., Hubungan Antara Sejarah Silam Dengan Perkembangan Personaliti di Kalangan Pelajar Bandar dan Luar Bandar" (Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi, 4-6 September 2004), 6.

guru sepenuhnya kerana seorang guru hanya dapat meluangkan masa antara lima hingga tujuh jam seminggu bersama-sama pelajar. Bahkan di sesetengah sekolah, guru juga terpaksa mengawasi sesebuah bilik darjah yang bilangan pelajarinya menjangkau 40 hingga 50 orang. Hal ini menyebabkan guru menghadapi kesukaran dalam melakukan perhubungan interpersonal dengan setiap pelajar di dalam kelas yang diajar.⁵¹⁴

(e) Perbezaan Tahap Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Pendapatan Bulanan Keluarga

Perbincangan tentang perbezaan berdasarkan pendapatan bulanan keluarga menunjukkan dapatan kajian yang berbeza. Terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi aspek (tetap pendirian) dengan $p = 0.017$, di mana $p < 0.05$. Berdasarkan dapatan ini menjelaskan responden yang terdiri daripada keluarga berpendapatan RM 1000 – 1999 memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding responden dari keluarga berpendapatan RM 5000 ke atas dengan nilai min 0.037. Manakala keluarga berpendapatan RM 2000 – 2999 pula memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding responden dari keluarga berpendapatan RM 3000 – 3999 dengan nilai min 0.042, dan keluarga berpendapatan RM 2000 – 2999 memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding responden dari keluarga berpendapatan RM 5000 ke atas dengan nilai min 0.002.

Berdasarkan dapatan kajian, perbezaan skor min yang signifikan hanya berlaku bagi aspek (tetap pendirian) sahaja pada responden daripada keluarga berpendapatan rendah, iaitu RM 1000 – 1999 yang memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding responden dari keluarga yang berpendapatan lain. Manakala aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ketidakterbezaan ini adalah selari dengan kajian Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011) yang mendapati

⁵¹⁴ Buerah, Shanah dan Hamimah, “Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja / Pelajar Muslim Bersepadu”, 13.

latar belakang keluarga termasuklah pendapatan keluarga bukan faktor penting yang mendorong responden terlibat dalam masalah sosial.⁵¹⁵

Demikian juga kajian Azizi Yahaya dan Faizah Idris yang merumuskan analisa dapatan hipotesis yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor suasana sekolah, latar belakang keluarga, sikap pelajar, psikologi dan rakan sebaya dengan jantina⁵¹⁶ dan kajian Giam Lee Hui (2015) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan min konsep sendiri membaca yang signifikan dalam kalangan pelajar yang mengikuti program NILAM berdasarkan pendapatan bulanan keluarga.⁵¹⁷ Rohana Tan (2016) dalam kajiannya menyatakan bahawa Hasil ujian ANOVA Sehalu menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penghayatan akhlak dan faktor pendapatan keluarga.⁵¹⁸ Hasil dapatan kajian ini juga adalah selari dengan dapatan kajian oleh A.M. Zamzuri (2003) bahawa faktor pendapatan keluarga tidak mempengaruhi tingkah-laku belia yang berada di peringkat universiti.⁵¹⁹

(f) Perbezaan Tahap Pelaksanaan Modul SUMUR Berdasarkan Tahap Pendidikan Keluarga

Perbincangan tentang perbezaan berdasarkan tahap pendidikan keluarga menunjukkan dapatan kajian yang berbeza. Terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi aspek

⁵¹⁵ Zainudin dan Norazmah, "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka", 115.

⁵¹⁶ Azizi Yahaya dan Faizah Idris, *Persepsi Pelajar Terhadap Pelakuan Agresif yang berlaku di Lima Buah Sekolah di Kawasan Bandar Johor Bahru* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, t.t), 1.

⁵¹⁷ Giam Lee Hui, "Tahap Konsep Kendiri Membaca Pelajar Tingkatan Empat Yang Mengikuti Program NILAM" (Disertasi Sarjana pendidikan, Universiti pendidikan Sultan Idris, 2015), iv.

⁵¹⁸ Rohana Tan, "Faktor yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia", *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia* 1, no. 1 (February 2016), 61.

⁵¹⁹ Zamzuri Abdul Majid, "Tingkah-Laku Delinkuen di Kalangan Mahasiswa Universiti" (Disertasi Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia, 2003).

(tolong-menolong dan berkeyakinan) dengan $p = 0.024$, 0.039 , di mana $p < 0.05$. Daripada empat program SUMUR utama, hanya program Berbudi Bahasa yang menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan $p = 0.041$, di mana $p < 0.05$. Daripada ujian post-hoc LSD, didapati responden yang terdiri daripada keluarga berpendidikan rendah memperoleh skor min yang lebih rendah berbanding dengan responden dari keluarga berpendidikan sijil/diploma, MA, menengah dan BA dengan $p = 0.006$, $p = 0.001$, $p = 0.015$, $p = 0.045$ dalam mempengaruhi sikap tolong-menolong dalam kalangan pelajar di SMKA. Manakala responden yang terdiri daripada keluarga berpendidikan sijil/diploma memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding dengan responden dari keluarga berpendidikan BA dengan $p = 0.014$.

Berdasarkan dapatan kajian di atas, perbezaan skor min yang signifikan hanya berlaku bagi aspek (tolong menolong, berkeyakinan dan program Berbudi Bahasa) sahaja pada responden yang terdiri daripada keluarga berpendidikan rendah yang memperoleh skor min yang lebih rendah berbanding dengan responden dari keluarga yang lain. Manakala aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ketidakperbezaan ini adalah selari dengan pandangan daripada M. Mohd Ismail (2005). Hasil ujian ANOVA Sehalu mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghayatan akhlak berdasarkan faktor pendidikan ibu bapa. Ini bermakna bahawa tahap pendidikan ibu bapa tidak memberi kesan kepada penghayatan akhlak Islam belia.⁵²⁰ Bahkan terdapat ibu bapa yang tidak mendapat pendidikan yang baik tetapi mempunyai anak-anak yang bersahsiah terpuji dan unggul.⁵²¹

⁵²⁰ Rohana Tan, "Faktor yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia", 61.

⁵²¹ Guru 4 - PS2 (Penyelaras SUMUR, SMKA Slim River, Perak), dalam temu bual dengan penulis, 03 Mei 2016.

Zakiah Jamaluddin dan Ismail Kiprawi (2004) mendedahkan kajian yang dilakukan oleh Yayasan Strategik Sosial ke atas 75 juvana India berumur di antara 15-19 tahun mendapati bahawa faktor yang menjerumuskan seseorang kepada pelbagai masalah juvana ialah keluarga yang berpecah belah, konflik kekeluargaan, kawalan keluarga yang lemah, penderaan dan pengabaian, tekanan kumpulan sebaya dan pengaruh media massa.⁵²² Kebanyakan mereka juga (40%) berasal dari kawasan perumahan kos rendah dan ibu bapa mereka mempunyai latar belakang akademik yang rendah (62.7%).⁵²³

5.3.4 Perbincangan Hubungan Aspek-Aspek Pelaksanaan Modul SUMUR di SMKA Dengan Pembangunan Sahsiah pelajar

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif enam daripada lima belas aspek-aspek dalam modul SUMUR (berkeyakinan, sabar dan tabah, tetap pendirian, semangat juang, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif) dengan pembangunan sahsiah pelajar. Perkara ini membawa maksud semakin tinggi tahap pelaksanaan aspek-aspek modul SUMUR, maka semakin tinggi jugalah tahap pembangunan sahsiah seseorang pelajar di SMKA.

Secara terperinci dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang kuat bagi aspek berkeyakinan dengan aspek tetap pendirian, semangat juang, sabar dan tabah, dan sikap positif dan proaktif melebihi skor : 0.71 dengan pembangunan sahsiah pelajar. Begitu juga dengan aspek tetap pendirian yang mempamerkan hubungan yang kuat dengan aspek sikap positif dan proaktif, kepemimpinan dan semangat juang dengan melebihi skor : 0.74. Sementara hubungan yang kuat juga dapat dilihat bagi aspek sikap positif dan proaktif

⁵²² Zakiah Jamaluddin dan Ismail Kiprawi, *Ikatan dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens* (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2004), 2.

⁵²³ Victor Joseph Nathan, "Kajian Juvana India" (Kertas kerja Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak 2004, The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang, 21-22 Julai 2004).

dengan aspek kepemimpinan dan semangat juang dengan melebihi skor : 0.77, dan hubungan antara aspek tetap pendirian dengan aspek sabar dan tabah dengan melebihi skor : 0.74.

Dapatan tentang analisis hubungan antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dengan pembangunan sahsiah pelajar ini menyokong dan selari dengan kajian Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi (2012) yang menunjukkan wujud hubungan yang signifikan dan positif antara sikap pelajar-pelajar dalam kalangan remaja Melayu terhadap agama Islam dengan pembangunan sahsiah pelajar.⁵²⁴ Dapatan yang sama turut dibuktikan melalui kajian Salasiah et al. (2012) yang menyatakan dapatan kajian yang dilakukan melalui ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan kerohanian dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan di antara amalan kerohanian dengan pencapaian akademik pelajar meskipun perkaitan tersebut adalah lemah. Kekuatan perkaitan korelasi di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah ini merujuk kepada skala kekuatan yang dicadangkan oleh Chua (2009). Dapatan ini menunjukkan bukan faktor amalan kerohanian sahaja yang menyumbang ke arah pencapaian akademik seseorang tetapi ada juga faktor lain yang boleh menyumbang ke arah itu.⁵²⁵ Dapatan temu bual dengan responden guru turut menyokong perkaitan di atas.⁵²⁶

Hasil kajian ini yang menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara amalan kerohanian dengan pencapaian akademik turut dibuktikan dalam kajian lain yang dilakukan oleh Steward Robbie dan Hanik Jo (1998) yang mendapati bahawa remaja yang mempunyai kerohanian keagamaan yang tinggi lebih mudah mengekalkan kesejahteraan

⁵²⁴ Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi, "Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam", *Global Journal Al-Thaqafah* 2, no. 2 (Disember 2012), 56.

⁵²⁵ Salasiah Hanin Hamjah et al., "Perkaitan Amalan Spiritual Dengan pencapaian Akademik Pelajar", 57.

⁵²⁶ Guru 1 – PBI (Penasihat BADAR, SMKA Al-Irsyad, Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2016.

psikologi serta mencapai kejayaan tertinggi dalam akademik.⁵²⁷ Manakala kajian Hodge dan Cuddeback (2010) yang dijalankan secara *quasi-experiment* membuktikan bahawa pelajar yang mengikuti program *release time* (kelas aktiviti agama dan moral) tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan skor akademik yang rendah. Ini bermakna penglibatan pelajar dengan program agama dan moral tidak mempengaruhi tahap pencapaian akademik mereka.⁵²⁸ Selain itu, kajian oleh Endang Pertiwi et al. (2009) mendapati bahawa kebijaksanaan kerohanian (*spiritual intelligent*) mempunyai hubungan yang rapat dengan pencapaian pelajar. Dengan kekuatan kerohanian dapat menghalang perbuatan yang negatif serta membantu pelajar mengawal sikap malas serta gangguan emosi yang lain yang akan mengganggu pencapaian mereka dalam bidang akademik.⁵²⁹

Dari segi aspek kepemimpinan, dapatan tentang ujian korelasi menyokong dan selari dengan kajian Johari Hassan dan Sutinah A. Safar (2010) yang menunjukkan nilai signifikan $p = 0.000 < \alpha = 0.05$ bagi hubungan tersebut. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pembinaan sahsiah diri dengan kepimpinan dalam kalangan pimpinan pelajar. Dapatan analisis bagi nilai pekali korelasi, r bagi hubungan pembinaan sahsiah diri dengan kepimpinan responden adalah 0.800. Berdasarkan garis panduan Gliford dalam Azizi Yahya (2006) yang menunjukkan hubungan bagi kedua-dua aspek kecemerlangan diri, iaitu pembinaan sahsiah diri dan pembinaan kepimpinan adalah tinggi dan kuat. Pengkaji juga merumuskan bahawa bagi melahirkan graduan yang berkualiti

⁵²⁷ J. Steward Robbie and Hanik Jo, "Does Spirituality Influence Academic Achievement and Psychological Adjustment of African American Urban Adolescents?", laman sesawang *Website Universiti Kebangsaan Malaysia*, dicapai 10 June 2012, <http://web.ebscohost.com. www.ezplib. ukm.my/ehost/>.

⁵²⁸ David R. Hodge and Gary S. Cuddeback, "Release Time and Academic Outcomes: Do Releasing Students for Religious or Moral Education Negatively Affect Test Scores?", *Journal of The Society For Social Work and Research* 1, no.1 (2010), 56-65.

⁵²⁹ Endang Pertiwi et al., "Influence of Emotional and Spiritual Intelligence From The National Education Philosophy Towards Language Skills Among Secondary School Student", *European Journal of Social Sciences* 9 (2009), 61-71.

sepertimana hasrat universiti memerlukan kepada pembinaan kecemerlangan diri yang menyeluruh. Ini kerana, sahsiah dan jati diri yang teguh mampu membawa kepada kecemerlangan dalam akademik dan seterusnya akan terserlah ciri-ciri kepimpinan pada diri pelajar. IPTA yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya.⁵³⁰

Dari segi aspek berkeyakinan pula, analisis dukungan sosial keluarga dengan *self regulated learning* dalam kajian Nobelina dan Alfi (2012) menunjukkan bahawa koefisien korelasi antara *self regulated learning* dengan dukungan sosial keluarga adalah $r = 0.418$ dengan taraf signifikansi $p = 0.002$ ($p < 0.01$) yang bererti semakin tinggi dukungan sosial keluarga maka *self regulated learning* semakin tinggi, dan semakin rendah dukungan sosial keluarga maka *self regulated learning* semakin rendah. Pelajar yang memiliki efikasi diri (*self-efficacy*) yang tinggi akan memiliki keyakinan diri apabila melaksanakan tugas, termasuklah tugas yang sukar dan merasa mampu untuk melaksanakan pelbagai tugas sehingga lebih mampu merencana, mengorganisasi atau mengatur, menginstruksi diri, memonitor serta melakukan evaluasi dalam aktiviti pembelajaran.⁵³¹ Efikasi diri adalah merujuk kepada keyakinan individu mengenai kemampuan dirinya dalam melakukan tugas atau tindakan yang diperlukan untuk mencapai hasil tertentu.⁵³² Bandura dan Woods menjelaskan bahawa efikasi diri bertindak sebagai pemacu kepada keyakinan akan

⁵³⁰ Johari dan Sutinah, *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia*, Skudai, 8.

⁵³¹ Nobelina Adicondro dan Alfi Purnamasari, "Efikasi Diri, Dukungan Sosial Keluarga dan *Self Regulated Learning* Pada Siswa Kelas VIII", *Indonesian Psychological Journal, Humanitas* VIII, no.1 (Januari 2011), 24.

⁵³² J. Feist dan G. J Feist, "*Theories of Personality*", Fourth Edition, (Boston:Mcgraw-Hill Companies Inc., 1998)

kemampuan individu untuk menggerakkan motivasi, kemampuan kognitif dan tindakan yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan situasi.⁵³³

Schunk (1990) menyatakan rasa efikasi untuk mencapai kejayaan di sekolah boleh membantu pelajar untuk berusaha dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam proses pembelajaran. Perasaan mereka tentang efikasi ialah ke arah meneguhkan atau memperkuat motivasi. Rasa efikasi menunjukkan kesan ke atas motivasi melalui penetapan matlamat, dan mempengaruhi matlamat yang akan diteruskan. Sekiranya mempunyai rasa efikasi dalam bidang yang berkaitan, seseorang individu akan menentukan matlamat yang tinggi dan akan tetap meneruskannya walaupun terpaksa menghadapi kesukaran. Sebaliknya jika efikasi seseorang individu itu rendah, maka ia akan mengelak daripada melakukan tugas atau mengambil mudah apabila timbul sesuatu masalah.⁵³⁴

Menurut Hilmi Ismail (2010) berdasarkan kajian beliau menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara sikap positif dan proaktif dengan pembangunan sahsiah pelajar. Sikap-sikap yang positif seperti sikap mengambil berat yang dipupuk ini akan dapat mewujudkan masyarakat yang penuh kasih sayang dan harmoni. Sikap positif ini hanya dapat dilahirkan melalui pelaksanaan ibadat solat secara berjemaah. Justeru itu, Islam telah menjadikan solat sebagai rukun utama di dalam memupuk hubungan sesama manusia.⁵³⁵ Ayat al-Quran sendiri membicarakan tentang sikap tetap pendirian, antaranya sebagaimana berikut:

⁵³³ N. W Wulandari, Hubungan Antara Efikasi Diri dan Dukungan Sosial dengan Kepuasan Kerja, *Skripsi* (Jogjakarta: Fakultas Psikologi UGM, 2000).

⁵³⁴ Hashim Fauzy Yaacob dan Ishak Md Shah, *Efikasi Diri dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar IPTA* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2009).

⁵³⁵ Hilmi Ismail, "Pengamalan Solat Fardu di Kalangan Mahasiswa di TATi University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu" (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010), 48-49.

فَأَسْتَقِمَّ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Al-Zumar 11: 112

Terjemahan: Oleh itu, hendaklah Engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadaMu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutimu berbuat demikian; dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah Taala; Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan.

Demikian juga aspek tetap pendirian atau konsisten (*istiqāmah*) yang didapati boleh dibentuk melalui pengamalan disiplin dalam solat, seperti menunaikan solat di awal waktu; solat secara berjamaah; menjaga rukun, tertib dan sunat solat; solat dengan khusyuk; dan lain-lain lagi.⁵³⁶ Sifat-sifat negatif seperti kurang pengetahuan agama, kurang kesedaran diri, tiada keazaman untuk berubah, sikap malas, sikap suka melengah-lengahkan waktu solat, sibuk dengan tugas atau rutin harian, tiada perasaan menyesal setelah meninggalkan solat, tiada kemanisan dalam beribadat, tiada usaha untuk mempertingkatkan kualiti solat dan lemahnya keimanan dalam diri akan dapat diatasi. Tetap pendirian dengan pelaksanaan ibadat ini secara langsung akan membentuk sahsiah diri pelajar yang cemerlang. Ini selari dengan matlamat Pendidikan Islam yang bertujuan untuk melahirkan hamba Allah s.w.t yang mempunyai perkembangan diri yang seimbang dalam kehidupan mereka yang merangkumi aspek jasmani, emosi, intelek dan rohani. Dengan itu, mereka akan dapat berfungsi sebagai *khalīfah al-Arḍh* untuk memakmurkan bumi dan penghuninya. Pembangunan manusia menurut perspektif Islam perlu diseimbangkan dan berasaskan kepada aspek kerohanian agar manusia yang terdidik itu berakhlak mulia,

⁵³⁶ Guru 8 – PS4 (Penyelaras SUMUR, SMKA Naim Lil Banat, Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 14 Jun 2016. Guru 1 – PB1 (Penasihat BADAR, SMKA Al-Irsyad, Pulau Pinang), dalam temu bual dengan penulis, 11 April 2016.

bersahsiah, bertakwa, patuh dan taat kepada hukum-hakam yang telah disyariatkan oleh Allah s.w.t.⁵³⁷

Hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan sikap semangat juang dengan pencapaian sahsiah pelajar yang turut dibuktikan dalam kajian lain yang dilakukan oleh Fithria Khusno Amalia, Muhtar Solihin dan Badruzzaman M. Yunus (2017) yang mendapati bahawa pada diri para rasul r.a yang digelar sebagai *Ulū al-ʿAzmi* yang merupakan nabi-nabi yang sangat sabar terhadap ujian Allah s.w.t berbanding dengan nabi-nabi yang lain, al-Quran turut membicarakan tentang nilai-nilai *Ulū al-ʿAzmi* yang meliputi sifat *zī al-ḥijr* (memiliki semangat juang), syukur, terbuka, rendah hati, pembelajar, gigih, semangat, pantang menyerah, tawakal, *Ilāhiyyah* (berhubungan dengan Allah), pemenang, pengendalian diri, patuh, tunduk, khususy, keyakinan, lembut hati, sopan, keteguhan, istiqamah, teladan, tidak pengecut dan tangguh.

⁵³⁸ Aspek semangat juang ini telah dinukilkan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran:

فَأَصْبِرْ كَمَا صَبَرْنَا وَأُولُوا الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِلْ لَهُمْ كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ لَمْ يَلْبَثُوا إِلَّا سَاعَةً مِّنْ نَّهَارٍ بَلَّغٌ فَمَهْلُ يُهْلِكُ إِلَّا الْقَوْمَ
الْفَاسِقُونَ

Al-Ahqāf 46: 35

Terjemahan: (Jika demikian akibat orang-orang kafir yang menentangmu wahai Muhammad), maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya rasul-rasul “*Ulī al-ʿAzmi*” (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu); dan janganlah engkau meminta disegerakan azab untuk mereka (yang menentangmu itu). Sesungguhnya keadaan mereka semasa melihat azab yang dijanjikan kepada

⁵³⁷ Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail, “Nilai Akhlak dan Pengaruh Media Massa di Kalangan Remaja Islam Luar Bandar”, *Jurnal Islamiyyat* 27, no. 2 (2005), 62.

⁵³⁸ Fithria Khusno Amalia, Muhtar Solihin dan Badruzzaman M. Yunus, “Nilai-Nilai *Ulu al-Azmi* Dalam Tafsir Ibn Kathir”, *al-Bayan: Jurnal Studi al-Quran dan Tafsir* 2, no. 1 (2017).

mereka, merasai seolah-olah mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sekadar satu saat sahaja dari siang hari. (Penerangan yang demikian) cukuplah menjadi pelajaran (bagi orang-orang yang mahukan keinsafan). Maka (ingatlah) tidak dibinasakan melainkan kaum yang fasik (derhaka).

Menurut Isnaya Arina Hidayati (2016), segala permasalahan berat yang dihadapi oleh seseorang itu akan boleh dihadapi dengan baik sekiranya pelajar tersebut memiliki ketahanan dan daya juang untuk terus berusaha dengan lebih gigih. Kemampuan berjuang atau semangat juang merupakan kemampuan mempertahankan atau mencapai sesuatu yang dilakukan dengan gigih. Daya juang adalah kemampuan dalam menghadapi kesulitan atau ketahanan terhadap situasi yang menekan.⁵³⁹

Sementara itu kajian tentang analisis hubungan sikap sabar dan tabah dengan pembangunan sahsiah pelajar ini juga bertepatan dengan pandangan al-Ghazali yang menyatakan bahawa sabar merupakan suatu konsep utama yang harus dilalui oleh orang-orang yang beriman kerana sabar adalah sebahagian daripada cabang keimanan. Selain itu, sabar juga berkaitan dengan pengetahuan seseorang individu. Kesabaran dan ketabahan akan menentukan cepat atau lambatnya seseorang dalam menghadapi persoalan dan rintangan sebuah kehidupan. Berhubung dengan kecerdasan emosi, sabar dan tabah sama-sama memiliki sifat mampu mengawal diri daripada keinginan hawa nafsu. Pelajar yang dapat menerapkan sikap tabah dan sabar untuk menahan hawa nafsu ketika proses pembelajaran akan berjaya dalam kehidupan dan berakhlak dengan sahsiah yang *maḥmudah*.⁵⁴⁰ Pelajar yang sabar adalah mereka yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi. Ini kerana sabar mempunyai relevansi (hubungan) dengan kecerdasan spiritual, iaitu sama-sama mempunyai sifat yang tidak mudah menyerah kalah atau tidak mudah berputus

⁵³⁹ Isnaya Arina Hidayati, "Daya Juang pelajar Berprestasi Dengan Keterbatasan Kondisi" (Tesis Sarjana Sains, Universitas Muhammadiyah, 2016), 7.

⁵⁴⁰ Guru 5 – PB3 (Penasihat BADAR, SMKA Syekh Haji Mohd Said, Negeri sembilan), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mei 2016.

asa, sebaliknya sentiasa berusaha mencari solusi terbaik dan seterusnya menyerahkan urusannya kepada Allah (tawakal).⁵⁴¹ Firman Allah s.w.t dalam al-Quran:

قُلْ يٰعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ

الذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Al-Zumar 39: 53

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah Taala, kerana sesungguhnya Allah Taala mengampunkan segala dosa. Sesungguhnya Dialah jua yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap pelaksanaan modul SUMUR yang dijalankan menerusi empat program SUMUR utama dan lima belas aspek pelaksanaannya program *Mutadayyin* (solat berkualiti, amalan zikir dan doa, dan tadarus al-Quran), program Berbudhi Bahasa (laras bahasa, hormat-menghormati, tolong-menolong, dan mengenang dan menghargai budi), program Jati Diri (berkeyakinan, sabar dan tabah, tetap pendirian dan semangat juang) dan program Penampilan Diri (pemakaian, adab sopan, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif) menurut responden pelajar dan guru. Selain daripada penghuraian secara deskriptif, kajian turut melihat perbezaan aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR berdasarkan tujuh faktor demografi pelajar (jantina, jawatan pelajar, tempat tinggal pelajar, aliran pendidikan pelajar, tempat tinggal keluarga, pendapatan bulanan keluarga dan tahap pendidikan keluarga). Seterusnya kajian turut melihat hubungan antara aspek-aspek pelaksanaan modul tersebut dengan pembangunan sahsiah pelajar.

⁵⁴¹ Dewi Lis Afriyani, "Hubungan Sabar Menurut Imam al-Ghazali Dengan Kecerdasan Emosional dan Kecerdasan Spiritual Peserta Didik" (Tesis Sarjana Pendidikan Islam, Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah, 2017), xiii.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati tahap pelaksanaan modul SUMUR berada pada tahap tinggi menurut responden pelajar dan guru. Dapatan secara terperinci menunjukkan terdapat 5 aspek pelaksanaan modul SUMUR dari perspektif pelajar yang mendapat min tertinggi, iaitu aspek pemakaian (min 4.64), adab sopan (min 4.23), solat berkualiti (min 4.17), hormat menghormati (min 4.14), dan mengenang dan menghargai budi (min 4.13). Manakala 5 aspek yang mendapat skor terendah ialah aspek kepemimpinan (min 3.71), sikap positif dan proaktif (min 3.87), tadarus al-Quran (min 3.92), sabar dan tabah (3.95), dan berkeyakinan (min 3.99).

Demikian juga peningkatan tahap pelaksanaan modul SUMUR di SMKA berdasarkan hasil temu bual yang telah dijalankan terhadap responden guru yang terdiri daripada Penasihat BADAR dan Penyelaras SUMUR.

Seterusnya hasil kajian inferensi perbezaan pula mendapati 27 hipotesis nol diterima dan baki 107 hipotesis nol lagi berjaya ditolak. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap pelaksanaan pengajaran guru berdasarkan faktor aliran pendidikan. Bagaimanapun faktor tempat tinggal keluarga, jantina pelajar, jawatan pelajar dan tempat tinggal pelajar turut memainkan peranan penting terhadap pelaksanaan modul SUMUR di SMKA.

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR dengan pembangunan sahsiah pelajar. Malah tiga aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR, iaitu aspek tetap pendirian, berkeyakinan dan semangat juang membuktikan hubungan pada tahap kuat dengan pembangunan sahsiah pelajar. Hasil keputusan ini menunjukkan semakin tinggi aspek tetap pendirian, berkeyakinan dan semangat juang dalam kalangan pelajar, maka makin tinggi jugalah sahsiah dalam kalangan pelajar.

5.5 Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan gambaran yang jelas dan menyeluruh tentang pelaksanaan modul SUMUR di SMKA. Dapatan kajian juga turut memberikan gambaran terperinci lima belas aspek-aspek yang terdapat dalam modul SUMUR dan hubungannya dengan pembangunan sahsiah pelajar. Berdasarkan dapatan ini beberapa implikasi terhadap pelaksanaan modul SUMUR dirumuskan.

5.5.1 Implikasi Kajian Kepada Modul Program

Secara umumnya, kajian ini menggambarkan tahap pelaksanaan modul SUMUR di SMKA. Secara terperinci pula, kajian ini memperlihatkan pelaksanaan modul SUMUR yang merangkumi lima belas aspek di bawah empat program SUMUR utama (solat berkualiti, amalan zikir dan doa, tadarus al-Quran, laras bahasa, hormat-menghormati, tolong-menolong, mengenang dan menghargai budi, berkeyakinan, sabar dan tabah, tetap pendirian, semangat juang, pemakaian, adab sopan, kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif) dan hubungannya dengan pembangunan sahsiah pelajar. Hal ini kerana modul ini menjelaskan bahawa setiap aspek-aspek yang disenaraikan boleh mempengaruhi sahsiah pelajar.

Sehubungan itu, kajian ini telah mengukuhkan lagi teori dan model pembangunan sahsiah sedia ada yang dikemukakan oleh al-Ghazali menerangkan bahawa terdapat tiga penggerak kebaikan duniawi, iaitu *al-targhīb* dan *al-tarhīb* (dorongan dan pencegahan), *rajā' al-mahmūdah* (harapan pujian yang baik) dan *ṭalab al-fadhīlah wa kamāl al-nafs* (keinginan mencapai keutamaan dan kesempurnaan jiwa).⁵⁴²

Demikian juga Ibn Miskawayh yang telah mengemukakan satu etika tentang contoh hidup yang baik dan murni sebagai hamba Allah s.w.t. Etika hidup tersebut ialah pegangan

⁵⁴² Al-Ghazali, *Mīzān al-ʿAmal*, 272.

agama yang mantap, usaha dari individu, mengetahui hakikat jiwa manusia, menjalani hidup bermasyarakat, bersahabat dengan orang yang baik dan mengambil berat terhadap rawatan rohani.

Kajian ini bertepatan dengan pandangan Abdullah Nasih Ulwan (2002) yang menyatakan pembangunan akhlak dalam kalangan kanak-kanak dapat dibuat melalui pendidikan yang dimainkan oleh ibu bapa dan guru-guru. Pendidikan yang diterapkan menurut pandangan ini dapat meningkatkan tahap penghayatan anak-anak terhadap agama Islam itu sendiri. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan terdapat tujuh perkara yang menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak

5.5.2 Implikasi Kajian Kepada Bidang Pendidikan

Soal selidik adalah instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini. Pembinaan soal selidik ini dilakukan melalui pengubahsuaian pelbagai konsep tentang sahsiah pelajar. Pengembangan item-item yang dibina juga berasaskan modul program yang terdapat dalam pelbagai sumber. Manakala konstruk dan pemboleh ubah yang digunakan pula mempunyai hubung kait dengan dasar dan amalan pendidikan arus perdana masa kini. Oleh itu, dapatan kajian ini membuktikan kepentingan item, konstruk dan pemboleh ubah yang digunakan bagi menggambarkan suatu proses pelaksanaan program, khususnya dalam bidang pendidikan berkaitan disiplin, tingkah laku, adab, moral, sikap dan akhlak, dan secara umumnya dalam bidang pendidikan Islam.

Berdasarkan kajian ini jelas menunjukkan pemboleh ubah aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan sahsiah pelajar dan sekali gus menjadi faktor penyumbang kepada perubahan sikap dan tingkah laku pelajar. Sehubungan itu, pihak sekolah yang mengharapkan perubahan dan peningkatan akhlak, sahsiah dan sikap pelajar, maka tahap pelaksanaan aspek-aspek modul

SUMUR juga perlu ditingkatkan dari masa ke semasa terutamanya aspek-aspek di bawah program Penampilan Diri, iaitu kepimpinan, dan sikap positif dan proaktif. Justeru, menjadi perkara penting bagi ahli jawatankuasa modul SUMUR sekolah bahawa kefahaman yang baik tentang sesuatu program boleh memberikan kesan yang besar terhadap pencapaian matlamat dan objektif sesuatu program.

5.5.3 Implikasi Kajian Kepada Dasar dan Polisi Modul

Dalam konteks menilai matlamat dan objektif modul SUMUR, iaitu bagi membolehkan sahsiah pelajar ditingkatkan dari masa ke semasa menerusi program *Mutadayyin* (keagamaan), Berbudai Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri. Berdasarkan dapatan kajian yang membuktikan tahap pencapaian pelajar berkaitan etika pemakaian telah berlaku peningkatan, iaitu berada pada tahap cemerlang dengan skor min 4.64 (92.96 %). Adab sopan dan ibadat solat pelajar pula menunjukkan berada pada tahap yang sangat baik dengan skor min 4.23 (84.75 %) dan 4.17 (83.55 %). Hasil kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan modul SUMUR telah berjaya meningkatkan tahap penguasaan pelajar dalam sahsiah diri. Justeru, implikasi kajian juga memberikan gambaran positif bahawa modul SUMUR perlu diteruskan dengan memantapkan modul sedia ada di samping memperkasakan lagi dari segi inovasi dan kreativiti.

Modul SUMUR merupakan antara penyumbang utama terhadap pembangunan sahsiah pelajar di SMKA menerusi program-program yang telah dilaksanakan. Program-program tersebut sudah tentu memberikan impak yang positif terhadap akhlak dan sahsiah pelajar. Penekanan terhadap ibadat solat, membaca al-Quran, amalan berzikir dan berdoa, sikap positif dan proaktif, pemakaian, dan lain-lain lagi akan meningkatkan personaliti dalam kalangan pelajar SMKA.

5.6 Cadangan

Kajian ini telah memberikan gambaran jelas tentang tahap pelaksanaan aspek-aspek program SUMUR dan perkaitan hubungan antara keduanya dalam peningkatan sahsiah pelajar. Rumusan dan implikasi kajian turut dibincangkan yang mengandungi beberapa kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan modul SUMUR ini. Oleh itu, beberapa cadangan dan saranan diketengahkan agar matlamat dan objektif pelaksanaan program SUMUR lebih relevan dan berjaya seiring dengan arus perdana pendidikan negara.

5.6.1 Cadangan Kepada KPM dan BPI

Dapatan kajian menunjukkan terdapat penguasaan pelajar dalam aspek-aspek penampilan diri, kerohanian dan budi pekerti yang luhur seperti berkaitan etika pemakaian, ibadat solat, adab sopan, sifat hormat-menghormati dan beberapa aspek lagi. Namun begitu kajian mendapati masih wujud kelemahan dalam beberapa aspek yang tertentu berkaitan jati diri dan motivasi dalaman pelajar, terutama dari aspek kemampuan kepemimpinan, sikap positif dan proaktif, tadarus al-Quran, keyakinan diri, dan sabar dan tabah.

Untuk itu satu tindakan bersepadu perlu dilakukan dalam usaha meningkatkan lagi aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR. Antaranya pihak KPM perlu mengadakan program latihan secara berterusan seperti bengkel, seminar, persidangan dan perbincangan yang melibatkan Penasihat BADAR dan Penyelaras SUMUR sekolah secara langsung. Kursus dan latihan ini bertujuan membina dan memberikan pengetahuan baru agar rangkaian penggerak SUMUR sekolah sentiasa ke hadapan dan cekap melaksanakan tugas yang semakin mencabar.

Menyedari hakikat pentingnya menguasai kaedah dan teknik pelaksanaan modul SUMUR secara betul, maka kursus-kursus berbentuk keagamaan, budi bahasa, jati diri dan penampilan diri secara teori dan praktikal perlu dilaksanakan. Kesedaran tentang

pembangunan akhlak, sahsiah dan kemenjadian pelajar bukan sahaja terhad kepada Penyelaras SUMUR, Penasihat BADAR, kaunselor dan GPI sahaja, malah juga melibatkan semua guru agar terbentuk *bīah sāleḥah* dan *iklīm dīnī* di sekolah. Pada masa yang sama guru juga perlu didedahkan dengan teknik menganjurkan program-program berbentuk dakwah, motivasi, kaunseling, kepimpinan pelajar, pengurusan sukan, pengendalian kelab dan permainan.

Seterusnya dalam usaha menjadikan modul SUMUR menjadi keutamaan di sekolah, maka KPM wajar mengadakan pemantauan terhadap pelaksanaan program dan aktiviti secara berkala, di samping melakukan pemeriksaan atau penilaian terhadap pelaporan berkualiti.

5.6.2 Cadangan Kepada Pihak Sekolah

Institusi sekolah mempunyai impak yang besar terhadap kesediaan rangkaian penggerak modul SUMUR sekolah dalam melaksanakan modul SUMUR. Justeru, pihak pengurusan sekolah memerlukan anjakan paradigma dengan memberikan sokongan kepada perkembangan staf terutama terhadap GPI yang masih baru dalam bidang perguruan.

Pentadbir sekolah juga dicadangkan agar sentiasa memantau perjalanan pelaksanaan modul SUMUR dari semasa ke semasa. Penyediaan prasarana yang mencukupi serta suasana yang kondusif perlu disediakan bagi memastikan proses pelaksanaan tersebut dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.

Proses pelaksanaan modul SUMUR hendaklah berdasarkan kepada pelan tindakan yang telah disediakan bermula dengan perancangan, mesyuarat jawatankuasa, perlantikan ahli jawatankuasa, pelancaran dan pelaksanaan modul, penilaian dan pelaporan. Pengendaliannya hendaklah secara telus dan seimbang antara keempat-empat program SUMUR utama.

5.6.3 Cadangan Kepada Penyelaras SUMUR, Penasihat BADAR dan GPI

Guru penyelaras SUMUR, penasihat BADAR dan GPI disarankan agar sentiasa mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran bersesuaian dengan transformasi pendidikan hari ini. Melalui latihan dan kursus secara berterusan menjadikan penggerak SUMUR sekolah lebih komited dan sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan sekali gus dapat memajukan pendidikan negara. Ini kerana guru yang berpengetahuan akan lebih berketerampilan, berdaya maju, berdedikasi dan serba boleh dari segi pengajaran dan profesional.

Di samping mengajar sebagai tugas utama, guru juga disarankan berperanan sebagai *murabbī, mudarris, mu'allim, mu'addib, mursyid, musyrif, muzakkī* dan *bāhis*. Guru wajar mengkaji dan menyelidik tentang kekuatan dan kelemahan program yang dijalankan. Banyak faktor yang mendorong dan menarik minat pelajar untuk turut serta dalam program yang dianjurkan. Hasilnya guru menyedari kekuatan dan kelemahan pada program sedia ada, seterusnya berusaha memperbaiki dan melakukan penambahbaikan pada aspek yang diperlukan. Melalui pengkajian ini juga guru mampu meningkatkan semangat dan jati diri selaku pelaksana program yang ditawarkan oleh kementerian.

5.6.4 Cadangan Kepada Masyarakat

Ibu bapa dan masyarakat dicadangkan memberikan komitmen dalam memotivasikan anak-anak tentang kepentingan mengamalkan sahsiah dan akhlak yang mulia pada peringkat awal pendidikan dengan memastikan kehadiran anak-anak dalam aktiviti yang dirancang.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan penguasaan sahsiah dan kemenjadian pelajar terus meningkat dari masa ke semasa, maka kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa adalah perlu agar pelajar lebih berminat dan terdorong untuk mengamalkan budi perti

yang mulia ini secara berterusan. Ini kerana proses pendidikan tidak hanya terhad kepada pengajaran guru di sekolah sahaja, malah faktor pelajar dan keluarga juga turut menyumbang kepada pembangunan sahsiah pelajar.

5.7 Cadangan Kajian Lanjutan

Secara umumnya kajian ini berjaya memberikan gambaran awal tentang pelaksanaan aspek-aspek berkaitan modul SUMUR dan perkaitannya dengan pembangunan sahsiah pelajar. Namun secara khususnya beberapa bentuk kajian lanjutan seperti berikut dicadangkan:

- i. Kajian ini merupakan kajian bersandarkan kaedah kuantitatif dan disokong dengan sedikit data kualitatif. Untuk itu, dicadangkan satu kajian lanjutan dijalankan dalam bentuk gabungan kajian kuantitatif dan kualitatif, atau kajian kualitatif sepenuhnya melalui metode temu bual mendalam dan pemerhatian penuh tentang pelaksanaan modul SUMUR di sekolah yang diselidiki secara lebih mendalam.
- ii. Kajian ini juga meninjau pelaksanaan aspek-aspek pelaksanaan modul SUMUR secara umum di SMKA, di mana responden kajian dilakukan terhadap pelajar-pelajar tingkatan empat yang berada di peringkat menengah atas bagi mewakili keseluruhan pelajar yang mengikuti modul SUMUR di SMKA. Dengan ini dicadangkan kajian lanjutan dijalankan kepada pelajar-pelajar yang berada di lain-lain tingkatan di menengah bawah yang masih baru mengikuti modul SUMUR. Kajian yang lebih khusus juga boleh dilakukan terhadap murid-murid yang berulang alik dari rumah. Keadaan ini kerana faktor tempat tinggal keluarga, tahap pendidikan keluarga, pendapatan bulanan keluarga, media baru dan juga persekitaran banyak mempengaruhi sahsiah pelajar.

- iii. Hasil kajian ini hanya melibatkan tahap pelaksanaan, perbezaan dan hubungan antara aspek-aspek dalam modul SUMUR. Cadangan kajian seterusnya agar membuat kajian perbandingan tentang pelaksanaan, perbezaan dan hubungan antara aspek-aspek tersebut antara SMKA dengan SABK dan sekolah-sekolah harian.
- iv. Kajian ini membuat tinjauan melalui soal selidik melibatkan responden dalam kalangan pelajar di lima buah SMKA terpilih di Malaysia. Cadangan kajian akan datang agar penyelidik menggunakan metode soal selidik gabungan responden yang terdiri daripada guru dan pelajar dengan memfokuskan kepada zon, negeri atau daerah secara lebih mendalam.
- v. Modul SUMUR terdiri daripada program *Mutadayyin*, Berbudi Bahasa, Jati Diri dan Penampilan Diri yang dilaksanakan di SMKA. Sehubungan dengan itu adalah dicadangkan kepada kajian seterusnya memfokuskan kepada program-program SUMUR utama, terutamanya program Jati Diri yang dilihat agak sukar untuk dibangunkan berbanding dengan program-program SUMUR utama yang lain, atau pun kajian memfokuskan kepada aspek-aspek dalam modul SUMUR yang berada pada tahap yang rendah berkaitan kepemimpinan, sikap proaktif, keyakinan diri, sabar dan tabah, dan semangat juang.
- vi. Kajian yang dijalankan merupakan kajian tinjauan berkaitan pelaksanaan modul SUMUR di SMKA. Untuk itu, dicadangkan satu kajian lanjutan berbentuk eksperimen dilakukan bagi melihat keberkesanan modul SUMUR terhadap pembangunan sahsiah pelajar di sekolah, khususnya terhadap ilmu pengetahuan, amalan harian, dan sikap serta tingkah laku pelajar.

- vii. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan aspek kepemimpinan, dan sikap positif dan proaktif berada pada tahap paling rendah berbanding dengan aspek-aspek lain dalam modul SUMUR dengan skor sederhana (min 3.71, peratusan 74.21 %) dan (min 3.87, peratusan 77.55 %. Maka dicadangkan agar satu kajian lanjutan dilakukan untuk mengenal pasti tahap sebenar sumbangan modul SUMUR terhadap daya kepemimpinan pelajar. Penambahbaikan terhadap modul dapat dilakukan dengan mengetahui kekuatan dan kelemahan modul sedia ada. Contohnya item kebolehan berpidato di khalayak ramai (min 3.12, peratusan 62.46 %) agak kurang memberangsangkan dengan skor sederhana, maka program atau aktiviti berbentuk penampilan diri seperti pidato, pengucapan awam, pengacara majlis, ceramah, kuliah, debat dan sebagainya perlulah dipertingkatkan.

5.8 Kesimpulan

Kajian ini telah mengemukakan jawapan kepada persoalan kajian berkaitan pelaksanaan modul SUMUR di SMKA. Dapatan kajian juga telah dipastikan agar mencapai objektif kajian seperti mana yang ditetapkan. Perbincangan dapatan kajian turut dinyatakan dengan jelas dan mampu memberikan gambaran menyeluruh tentang kekuatan dan kelemahan pelaksanaan setiap aspek dalam modul SUMUR. Seterusnya kajian turut mengemukakan beberapa implikasi dan cadangan yang boleh diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak-pihak yang terlibat.

Secara keseluruhannya modul SUMUR telah memberikan banyak manfaat kepada pelajar-pelajar di SMKA. Program ini turut menjadi tunjang dalam memperkasakan Pendidikan Islam untuk membina modal insan cemerlang dan seimbang bagi merealisasikan hasrat Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam, PIPP 2006-2010 dan PPPM 2013-2025. Kejayaan program ini terletak

kepada kesediaan rangkaian pelaksana program, terutamanya di peringkat sekolah yang melibatkan para pentadbir, PK HEM, GKMP Pendidikan Islam, GPI, guru-guru, Penyelaras SUMUR, Penasihat BADAR dan pelajar-pelajar itu sendiri.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

BAHASA MELAYU

- A. Hasjmy. *Dustūr Dakwah Menurut al-Quran*. Jakarta: Bulan Bintang, 1974.
- Ab Aziz Mohd Zin et al. *Dakwah Islam di Malaysia*, cet. pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Ab Aziz Mohd Zin. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Ab Aziz Mohd Zin. *Pengantar Dakwah Islamiah*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1999.
- Abdul Halim Mat Diah. *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, 1987.
- Abdul Karim Zaydan. *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1977.
- Abdul Karim Zaydan. *Usūl al-Da‘wah: Islam dan Dakwah*, terj. Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2002.
- Abdul Munir Ismail. *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014.
- Abdullah Ishak. “Pengajian Pondok dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam di Malaysia” dalam *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Bangi, Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1994.
- Abdullah Nasih Ulwan. *Pembentukan Peribadi Mukmin*. Kuala Lumpur: Syekh Publisher, 1990.
- Abdullah Nasih Ulwan. *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, terj. Syed Ahmad Semait. Singapore: Pustaka Nasional, 1994.
- Abdullah Sani Yahaya. *Mengurus Disiplin Pelajar*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, 2006.
- Abu „Urwah. *Konsep-Konsep Umum Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1999.
- Abu Bakar Nordin. *Asas Penilaian Pendidikan*. Petaling Jaya: Heinemann, 1986.
- Ahmad Mahmud Abu Zaid. *Pendakwah Masa Kini: Sikap dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: YADIM, 1996.
- Ahmad Mohd Salleh. *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam dan j-QAF (Siri Pendidikan Guru)*, ed. ke-2. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2011.

- Ahmad Shalaby. *Sejarah Pendidikan Islam (History of Muslim Education)*, terj. H. Muchtar Jahju dan M. Sanusi Latif. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahmad Shukri Mohd Nain. *Tingkah Laku Organisasi, Pengenalan Tingkah Laku Individu*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002.
- Ahmad Sunawari Long. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbitan UKM, 2014.
- Ahmad Syarifuddin. *Mendidik Anak Membaca, Menulis dan Mencintai al-Quran*. Jakarta: Penerbit Gema Insani, 2004.
- Ainol Jamal. *Melayu Berpecah Dalam UMNO Kerana Pemimpin Tamak*. Kuala Lumpur: Percetakan Berpadu Sdn. Bhd, 1988.
- Al-Ghazali. *Bimbingan Mu'min Pada Mencari Redha Rabbil „Ālamīn*, terj. Syed Ahmad Semait, cet. ke-11. Singapura: Pustaka Nasional Pld. Ltd., 1999.
- Alias Baba. *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.
- Awang Had Salleh. *Institusi Pondok Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1977.
- Azizi Yahaya dan Faizah Idris. *Persepsi Pelajar Terhadap Pelakuan Agresif yang berlaku di Lima Buah Sekolah di Kawasan Bandar Johor Bahru*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, t.t.
- Azizi Yahaya dan Rohaya Ahmad. *Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin di Sekolah*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, t.t.
- B. Smet. *Psikologi Kesehatan*. Jakarta : PT Grasindo, 1994.
- Buyong Adil. *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.
- Chua Yan Piaw. *Asas Statistik Penyelidikan 1*. Malaysia: McGraw Sdn. Bhd.I, 2006.
- Chua Yan Piaw. *Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education, 2006.
- Chua Yan Piaw. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Malaysia: Mac Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006.
- Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill, 2006.
- Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.

- Dewan Ulama PAS Pusat. *25 Tahun Kepimpinan Ulama*, cet. pertama. Kuala Lumpur: Nufair Streat Sdn. Bhd, 2009.
- Fatimah Ibrahim, Wan Abu Bakar Wan Abas dan Ng Siew Cheok. *Solat: Kebaikan Dari Perspektif Sains*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: Fakulti Kejuruteraan, Penerbit Universiti Malaya, 2009.
- Fazlina Fadzil dan Nurulazidah Jaafar. *Kajian Pengamalan dan Kesedaran Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan*. Negeri Sembilan: Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson, t.t.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016.
- Ghazali Darusalam. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1996.
- Haron Din dan Sobri Salomon. *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, 1988.
- Hashim Fauzy Yaacob dan Ishak Md Shah. *Efikasi Diri dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar IPTA*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2009.
- Haslinda Abdullah et al. *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Serdang, Universiti Putra Malaysia, 2009.
- Hasnan Kasan. “Pembentukan Personaliti Menurut Islam” dalam Khairul Anwar Mastor, *Personaliti dan Pembangunan Insan*. Bangi: Pusat Pengajian Umum UKM, 2009.
- Hj. Abdul Malik Karim Amrullah. *Tafsir al-Azhar*. Surabaya: Yayasan Latimojong, 1984.
- Hushim Hj. Salleh dan Melati Sumari. “Pendekatan Kaunseling Dalam Dakwah” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, ed. ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Husin Junoh. *Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.
- Ibn Kathir. *Tafsir Ibn Kathir*, terj. Abdul Ghoffar dan Abu Ihsan, jil. 4, 9. Jakarta: Pustaka Imam Syafie, 2009.
- Ideris Endot dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit. “Aspek Agama Sebagai Medium Dakwah Kepada Golongan Remaja” dalam *Pembangunan Dakwah Semasa*, cet. pertama. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- Idris Ahmad. *Panduan Usrah*. Kuala Lumpur: Sarjana Media, 2005.
- Idris Ahmad. *Teks Usrah Peringkat Pengenalan*, cet. ke-3. Kuala Lumpur: Percetakan Saufi, 2005.

- Imam Bernadib. *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*, cet. Pertama. Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, 1982.
- Ismail Awang. *Zulkifli Muhammad: Sejarah dan Karyanya*. Kelantan: Mahlidhi Press, 1982.
- J. Supranto. *Kaedah Penyelidikan Penggunaannya Dalam Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Jaafar Muhamad. *Kelakuan Organisasi*, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Leeds Publications, 2000.
- Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. *Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2013.
- Jalal Muhammad al-Syafie. *Kuasa di Sebalik Solat (The Power of Solat)*, terj. Norhasannuddin, cet. ke-2. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, 2008.
- Johari Hassan dan Sutinah A. Safar. *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Skudai: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- John E. Freund. *Statistik Permulaan Moden*, terj., Othman Ismail & Muhammed Hafiz. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Kamarol Baharen Mohd Rom dan Johan @ Eddy Luaran. *Perkembangan, Cabaran dan Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Sejarah*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2011.
- Kamaruddin Kachar. *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Teks Publishing, 1989.
- Kamarulzaman Kamaruddin. *Psikologi Perkembangan: Panduan Untuk Guru*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.
- Koentjaraningrat. *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, cet. Pertam. Jakarta: P.T. Gramidia, 1997.
- Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Negeri Perak. *Manual Tarbiah Ahli-Ahli PAS Perak (MATAR)*. Ipoh: Badan Perhubungan PAS Negeri Perak, 2008.
- Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat. *Manhaj Usrah PAS Peringkat Ta'rif 1*, cet. pertama. Kuala Lumpur: Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat, 2006.
- Lay Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon. *Pengenalan Kepada Analisis Data Komputer Dengan SPSS 16.0 for Windows*. Selangor: Venton Publishing Sdn. Bhd., 2009.
- Marohaini Mohd Yusoff. *Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.

- Maryani Mohd Nor dan Hamidah Sulaiman. Seks Bebas: Mengenalpasti Punca Kelakuan, dalam *Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa*, ed. Roziah Omar dan Sivamurugan Pandian. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan Institut Sosial Malaysia, 2005.
- Mohamad Sahari Nordin. *Pengujian dan Penaksiran di Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2010.
- Mohamed Suffian Hashim. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, terj. Abdul Majid Abdul latif dan Ridzuan Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Mohammed Ghazali Hamzah. “Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah: Realiti dan Harapan” dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, ed ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
